

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMEN PROGRAM PENGAJIAN:

PERMOHONAN
Program/Kursus Baharu

SEMAKAN
Program/Kursus

Versi 4 (Pindaan 2020)

Edisi Ke-4 2020

Hak cipta Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum dan Pusat Kualiti-UKM terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

PUSAT KUALITI-UKM

43600 UKM Bangi, Selangor D.E Malaysia

<http://www.aktivukm.my>

<http://www.ukm.my/ukmq>

e-mel: pghpntp@ukm.edu.my, pghpjk@ukm.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM Bangi, Selangor D.E Malaysia

Universiti Kebangsaan Malaysia: Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian:
Permohonan Program/Kursus Baharu dan Semakan Program/Kursus.

Versi 4 (Pindaan 2020)

ISBN 978-967-5878-67-1

KANDUNGAN

BAB 1	PENGENALAN.....	1
1.1	LATAR BELAKANG DAN SKOP	1
1.2	PERUNTUKAN SWAAKREDITASI.....	1
1.3	TAHAP KELAYAKAN MENGIKUT KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MQF)	2
1.4	PANDUAN PENAMAAN PROGRAM PENGAJIAN	5
1.5	KOD PENDIDIKAN NASIONAL (<i>NATIONAL EDUCATION CODE, NEC</i>)	12
1.6	KERANGKA PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL	12
1.7	KERANGKA PENDIDIKAN 4.0 UKM.....	13
1.8	KERANGKA PENAWARAN PROGRAM HIBRID	17
1.9	MATLAMAT PENDIDIKAN	19
1.10	TUJUAN PROGRAM.....	21
1.11	HASIL PEMBELAJARAN.....	22
1.12	KREDIT DAN JAM PEMBELAJARAN PELAJAR.....	31
1.13	PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA.....	33
1.14	PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN	34
1.15	PENKATALOGAN KOD KURSUS.....	36
BAB 2	PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BERBENTUK KERJASAMA	38
	Bahagian I : Maklumat UA	44
	Bahagian II : Maklumat IPTS	44
BAB 3	PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN	50
3.1	PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN MELALUI MESYUARAT SARINGAN AWAL (MSA)	50
3.1.1	PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN KELULUSAN MSA UNTUK PROGRAM PENGAJIAN BAHARU	53
3.2	PROSES DAN PROSEDUR UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU	Error!
	Bookmark not defined.	
3.2.1	PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU: KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN.....	64
Lampiran 10.1	Penerapan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs)	86
Lampiran 10.2	Borang Analisis Program Berdasarkan Indikator Kriteria Pendidikan 4.0 UKM dan Contoh Jawapan	87
Lampiran 13.1:	Contoh Pemetaan antara Objektif Pendidikan Program dengan Matlamat Pendidikan.....	89
Lampiran 13.2:	Contoh Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program dengan Objektif Pendidikan Program.....	89
Lampiran 13.3	Contoh pemetaan Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan lima (5) Kelompok Hasil Pembelajaran MQF.....	90
Lampiran 13.4	Matriks Kursus dan Hasil Pembelajaran Program (HPP)	92

Lampiran 13.5	Matriks Tahap Taksonomi Kursus	93
Lampiran 13.6	Taburan Jumlah Kursus Baharu yang Ditawarkan Mengikut Aras Taksonomi	94
Lampiran 14.1	Contoh Format Laporan Kajian Pasaran Mengenai Program Yang Akan Ditawarkan	95
Lampiran 14.2	Contoh Soalan Kajian Pasaran Mengenai Program Yang Akan Ditawarkan	96
Lampiran 15.1	Contoh Peratusan Komposisi Kurikulum Program Pengajian	103
Lampiran 15.2	Struktur Kurikulum	104
Lampiran 15.3	Contoh Matriks Kurikulum	106
Lampiran 15.4	Proforma Kursus.....	107
Lampiran 20.1	Staf Akademik dan Staf Sokongan.....	110
Lampiran 20.2	Senarai Kemudahan Fizikal.....	112
3.2.2	PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU: MOD PENYELIDIKAN (PASCASISWAZAH)	113
A.	Ringkasan Eksekutif	113
B.	Kertas Cadangan Program Baharu.....	115
C.	Kriteria Tambahan untuk Akreditasi Sementara	121
Lampiran 13.1	Contoh Pemetaan antara Objektif Pendidikan Program dengan Matlamat Pendidikan	126
Lampiran 13.2	Contoh Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program dengan Objektif Pendidikan Program	126
Lampiran 13.3	Contoh Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program (Aras 7) dan kelompok Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) ...	127
Lampiran 13.4	Matriks Kursus dan Hasil Pembelajaran Program (HPP)	129
Lampiran 15.1	Proforma Kursus	130
Lampiran 15.2	Struktur Kurikulum	133
Lampiran 19.2	Senarai Kemudahan Fizikal.....	136
BAB 4	PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN PROGRAM	137
4.1	PROSES DAN PROSEDUR UNTUK SEMAKAN PROGRAM/KURIKULUM PENGAJIAN	142
4.2	PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN PROGRAM/KURIKULUM PENGAJIAN: MOD KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN	145
A.	Ringkasan Eksekutif	145
B.	Kertas Cadangan Semakan Program/Kurikulum	152
Lampiran 3.1	Borang Analisis Program Berdasarkan Indikator Kriteria Pendidikan 4.0 UKM dan Contoh Jawapan	162
Lampiran 11.1	Contoh Pemetaan antara Objektif Pendidikan Program dengan Matlamat Pendidikan	165

Lampiran 11.2	Contoh Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program dengan Objektif Pendidikan Program	165
Lampiran 11.3	Pemetaan Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan merujuk kepada lima kelompok Hasil Pembelajaran MQF	166
Lampiran 11.4	Matriks Kursus dan Hasil Pembelajaran Program (HPP)	167
Lampiran 11.5	Matriks Tahap Taksonomi Kursus	168
Lampiran 11.6	Taburan Jumlah Kursus Baharu yang Ditawarkan Mengikut Aras Taksonomi	169
Lampiran 12.1	Struktur Kurikulum	170
Lampiran 12.2	Struktur Kurikulum – Perbandingan Kursus Sedia Ada dengan Kursus Baharu	172
Lampiran 12.4	Proforma Kursus	174
4.3	PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN PROGRAM PENGAJIAN: MOD PENYELIDIKAN	177
A.	Ringkasan Eksekutif	177
B.	Kertas Cadangan Semakan Program	184
Lampiran 11.1	Pemetaan antara Objektif Pendidikan Program dengan Matlamat Pendidikan	192
Lampiran 11.2	Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program dengan Objektif Program	192
Lampiran 11.3	Pemetaan Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan merujuk kepada lima kelompok Hasil Pembelajaran MQF	193
Lampiran 11.4	Matriks hubungan Hasil Pembelajaran Kelayakan Pascasiswazah dan Hasil Pembelajaran Program (HPP)	195
BAB 5	PENYEDIAAN DOKUMEN KURSUS BAHARU DAN SEMAKAN KURSUS	196
5.1	PROSES DAN PROSEDUR PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK CADANGAN KURSUS BAHARU (KURSUS TERAS)	197
5.2	PROSES DAN PROSEDUR PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK CADANGAN KURSUS BAHARU (KURSUS ELEKTIF)	200
5.3	PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN KURSUS	207
5.4	PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS (KURSUS WAJIB)	207
5.5	PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS (KURSUS ELEKTIF)	210
5.6	PENYEDIAAN DOKUMEN PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS	212
Lampiran A	Proforma Kursus	214
BAB 6	PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN KURSUS ELEKTIF BEBAS	217
6.1	KERTAS CADANGAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF BEBAS	217
6.2	KERTAS CADANGAN TUGASAN/PROJEK KURSUS ELEKTIF BEBAS	221
BAB 7	PENJUMUDAN, PEMBEKUAN DAN PELUPUSAN PROGRAM PENGAJIAN	228
7.1	ISTILAH “JUMUD”, “BEKU” DAN “LUPUS”	228

7.2	CADANGAN PENJUMUDAN PROGRAM PENGAJIAN.....	232
7.3	PROSES DAN PROSEDUR PENJUMUDAN, PEMBEKUAN DAN PELUPUSAN PROGRAM PENGAJIAN	233
	SENARAI RUJUKAN	236
	SENARAI PINDAAN TERHADAP GARIS PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMEN PROGRAM PENGAJIAN [VERSI 3 (PINDAAN 2019): VERSI 4 (PINDAAN 2020)]	237
	LAMPIRAN GARIS PANDUAN YANG BERKAITAN	251
A.	GARIS PANDUAN PENERAPAN AMALAN PENDIDIKAN BERIMPAK TINGGI (HIEPs).....	251
B.	GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN KURIKULUM PENGAJIAN SARJANA MUDA BERASASKAN MODUL 3-LALUAN, MODEL 3U1i DAN 2U2i.....	256
C.	GARIS PANDUAN PROGRAM SIJIL PROFESIONAL.....	263

GLOSARI

Akreditasi Sementara

Satu proses penilaian untuk menentukan sama ada sesuatu program itu telah menepati keperluan kualiti minimum sebelum program pengajian ditawarkan.

Akreditasi Penuh

Satu proses penilaian untuk memastikan bahawa kegiatan pengajaran, pembelajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan sesuatu program yang ditawarkan oleh sesebuah Institusi Pengajian Tinggi telah menepati standard kualiti dan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) atau keperluan standard badan profesional.

Bidang Tujahan

Bidang subjek pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan aktiviti lanjutan yang diberi penekanan di sesebuah Institusi Pengajian Tinggi.

Diploma Eksekutif

Satu laluan pendidikan alternatif yang formal untuk pekerja industri yang tidak mempunyai peluang mengikuti program laluan akademik semasa awal kehidupan mereka bagi membangun dan mengemas kini kemahiran dan pengetahuan untuk diaplikasikan di alam pekerjaan.

Dual Ijazah

Kelayakan yang melibatkan dua program daripada dua bidang yang sama atau hampir sama daripada dua institusi pengajian tinggi yang berbeza sama ada di dalam atau luar negara. Peratus kursus yang diambil oleh pelajar di institusi yang bekerjasama perlu mematuhi dasar pemindahan kredit sedia ada.

Dwiijazah

Kelayakan yang menggabungkan dua program daripada dua bidang yang berbeza. Beban akademik atau jam kredit bagi kedua-dua bidang adalah hampir sama (50% – 50%) dan setiap bidang utama perlulah memenuhi keperluan minimum bidang tersebut. Peratus kursus yang diambil oleh pelajar di institusi yang bekerjasama perlu mematuhi dasar pemindahan kredit sedia ada.

Dwimajor

Kelayakan yang menggabungkan dua bidang utama pengajian daripada dua disiplin yang berbeza. Beban akademik atau jam kredit bagi kedua-dua bidang adalah hampir sama, iaitu 50%-50%, dan setiap bidang utama perlulah memenuhi keperluan minimum bidang masing-masing.

Entiti Akademik

Fakulti/institut/pusat akademik yang diluluskan oleh Senat dan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi untuk menjalankan aktiviti pengajaran.

Elektif

Kursus bersifat pilihan yang diberikan jumlah kredit tertentu dan perlu dilengkapkan oleh seseorang pelajar bagi mencukupkan jam pembelajaran untuk syarat pengijazahan.

Elektif Bebas

Kursus berbentuk projek, penyelesaian masalah atau tugas yang boleh menggantikan ruang kursus elektif dan diperuntukkan nilai kredit tertentu.

Hasil Pembelajaran

Pernyataan tentang apa yang pelajar perlu tahu, faham dan boleh lakukan serta boleh ditunjuk pada akhir suatu tempoh pengajian.

Hasil Pembelajaran Domain (HPD)

Hasil pembelajaran yang mewakili senarai atribut mengikut domain hasil pembelajaran MQF yang perlu dicapai oleh pelajar pada akhir tempoh kursus yang ditetapkan di dalam domain tersebut. Pengukuran pencapaian dilakukan menerusi kursus yang telah dipetakan.

Hasil Pembelajaran Program (HPP)

Hasil pembelajaran yang mewakili senarai atribut yang perlu dicapai oleh pelajar pada akhir tempoh program pengajiannya.

Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)

Hasil pembelajaran yang mewakili senarai atribut yang perlu dicapai oleh pelajar pada akhir tempoh suatu kursus.

Ijazah Bersama

Kelayakan yang melibatkan pemilikan dan pembangunan kurikulum di antara institusi pengajian tinggi yang bekerjasama dan setaraf.

Jawatankuasa Penasihat Program

Jawatankuasa pengajian yang dibentuk oleh entiti akademik yang keahliannya terdiri daripada pihak berkepentingan luaran, termasuk ahli akademik daripada Institusi Pengajian Tinggi lain, wakil industri, pakar rujuk dalam dan luar negara. Entiti akademik akan bertindak sebagai sekretariat sahaja dalam urusan jawatankuasa ini.

Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT)

Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang mempertimbangkan kelulusan, memantau dan mengawal selia program-program pengajian di universiti awam, sama ada program baharu, semakan program atau pelupusan program. Jawatankuasa ini juga menyediakan peruntukan dan proses kelulusan khas mengikut status autonomi universiti tersebut termasuk status institusi swaakreditasi yang dianugerahkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Kaedah penyampaian

Cara elemen kandungan kursus disampaikan kepada pelajar seperti melalui kaedah konvensional, jarak jauh dan sebagainya.

Kelestarian program

Keadaan program yang kekal terpelihara selepas ditawarkan bagi tempoh yang lama (mungkin melebihi 10 tahun) setelah mengambil kira keperluan negara dan permintaan pasaran kerja dan guna tenaga pada masa hadapan.

Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*)

Huraian atau deskripsi sistem pendidikan kebangsaan, yang difahami di peringkat antarabangsa, yang menjelaskan semua kelayakan dan pencapaian akademik dalam pendidikan tinggi atau pascasekolah dan menghubungkan kelayakan-kelayakan ini secara bermakna. Ia merupakan satu instrumen yang mengklasifikasi kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan menjadi penanda aras terhadap amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

Kredit

Ukuran kuantitatif yang melambangkan volume pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu. Satu kredit bersamaan dengan 40 jam pembelajaran. Istilah jam pembelajaran juga dikenali sebagai jam nosional.

Major

Kelayakan yang menggunakan nama satu bidang utama pengajian selepas perkataan Sarjana Muda. Pengetahuan dalam bidang utama ini merangkumi 75% daripada keseluruhan program.

Major dengan pengkhususan

Kelayakan di dalam suatu bidang utama pengajian yang mempunyai 25% – 30% daripada keseluruhan program terdiri daripada pengkhususan tertentu yang terkandung dalam bidang atau disiplin yang sama.

Major-minor

Kelayakan yang menggabungkan satu bidang utama pengajian dengan satu minor daripada bidang yang lain. Beban akademik atau jam kredit bidang minor adalah 25% - 30% daripada keseluruhan program.

Minor

Komponen di dalam kelayakan yang mewakili disiplin dan bidang kedua di dalam pengajian dan meliputi 25% - 30% daripada keseluruhan program.

Objektif Pendidikan Program (OPP)

Pernyataan tentang apa yang harus dipelajari oleh seseorang pelajar untuk mencapai matlamat program.

Penasihat Luar

Individu luar universiti yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik. Penasihat luar boleh mempunyai ikatan secara tidak langsung dengan universiti dan menjalankan peranan untuk menilai keseluruhan kurikulum dan penyampaian program untuk tujuan penambahbaikan berterusan program pengajian. Ia juga dikenali sebagai pemeriksa luar program di dalam beberapa standard badan profesional.

Pembelajaran formal

Pembelajaran yang disengajakan/program pengajian yang disampaikan dalam satu konteks yang terancang dan berstruktur (pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej teknikal dan universiti) yang boleh membawa kepada penganugerahan formal atau kelayakan yang diiktiraf.

Pembelajaran tidak formal

Pembelajaran secara berterusan sepanjang hidup serta pengalaman kerja. Ia juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman dan biasanya diperolehi secara tidak tersusun dan tidak dirancang.

Pembelajaran bukan formal

Pembelajaran yang selari dengan sistem pendidikan dan latihan arus perdana. Ianya boleh dinilai tetapi lazimnya tidak akan membawa kepada pengiktirafan dan persijilan yang formal.

Penilaian

Penentuan nilai atau keberkesanan sesuatu perkara – biasanya sesuatu program.

Penjajaran konstruktif

Prinsip yang digunakan untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta tugas pentaksiran yang menumpukan secara langsung kepada hasil pembelajaran yang diinginkan yang tidak hanya dicapai melalui syarahan, kelas tutoran dan peperiksaan.

Pentaksiran

Koleksi, analisis dan interpretasi maklumat bagi sesuatu isu atau hasil.

Pentaksiran formatif

Satu proses penilaian rasmi dan tidak rasmi yang digunakan oleh pengajar semasa proses pembelajaran bagi menyesuaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Ia dilakukan untuk penambahbaikan berterusan ke atas kaedah pengajaran semasa minggu pengkuliahan, tanpa pemberat markah dan tidak memberi implikasi kepada gred kursus atau gred HPK pelajar.

Pentaksiran sumatif

Proses penilaian yang dijalankan secara menyeluruh pada akhir satu peringkat pembelajaran untuk menentukan tahap pembelajaran dalam kalangan pelajar. Ia mengukur pencapaian hasil pembelajaran berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan boleh menggunakan pemberat markah yang besar atau signifikan untuk penentuan gred kursus dan gred HPK pelajar.

Pentaksiran berterusan

Pentaksiran ke atas sesuatu pengajaran dan pembelajaran bermula semasa dan pada akhir sesi pengajaran. Pentaksiran berterusan dilakukan mengikut perubahan yang berlaku daripada semasa ke semasa iaitu secara berterusan dan perlu disokong oleh hasil pembelajaran yang mengukur pencapaian pelajar secara progresif. Ia juga boleh dirujuk sebagai pentaksiran sumatif multi-tahap dan boleh dikira untuk penentuan gred pelajar.

Perubahan major

Perubahan besar dan/atau melebihi 30% daripada kandungan kurikulum asal yang dilakukan ke atas kurikulum semasa proses semakan program pengajian. Perubahan major ini memerlukan penilaian terhadap keperluan jaminan kualiti dan kelulusan Senat serta diperakui oleh JKPT sebelum kurikulum tersebut dilaksanakan.

Perubahan minor

Perubahan kecil dan/atau kurang 30% daripada kandungan kurikulum asal yang dilakukan ke atas kurikulum semasa proses semakan program pengajian. Perubahan minor boleh diluluskan di Fakulti/Institut/Pusat Akademik dan dimaklumkan kepada Senat untuk perakuan. Sekiranya diperlukan, kelulusan Senat ini juga dimaklumkan kepada JKPT.

BAB 1 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG DAN SKOP

Skop garis panduan ini meliputi penyediaan dokumen:

- i. Permohonan Program Akademik Baharu;
- ii. Penyemakan Kurikulum/Program;
- iii. Permohonan Kursus Baharu (Kursus Wajib dan Kursus Elektif);
- iv. Permohonan Kursus Elektif Bebas;
- v. Penyemakan Kursus;
- vi. Penjumudan, Pembekuan dan Pelupusan Program Pengajian.

Garis panduan ini dibangunkan untuk menyelaraskan keperluan dokumentasi di UKM supaya dapat membantu Fakulti/Institut/Pusat Akademik menyediakan dokumen pembangunan atau semakan program pengajian untuk semakan kecukupan oleh PENGAJARAN-UKM, perakuan Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA), kelulusan Senat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) (jika berkaitan) serta perakuan JKPT.

Garis panduan ini dibangunkan dengan mengambil kira dasar dan garis panduan sedia ada, iaitu:

- Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UKM (Pindaan 2017);
- Koleksi Dasar Penjaminan Kualiti MQA-KPT
- Garis Panduan Pembangunan Program Akademik, KPT (2018),
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia;
- Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF); Edisi Ke-2
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (2015), KPM;
- Kod Amalan Akreditasi Program, Edisi Ke-2 (2017) yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA); dan
- Jaminan Kualiti Proses Pendidikan: Perspektif UKM Sebagai Institusi Swaakreditasi dan Universiti Penyelidikan (2011).

1.2 PERUNTUKAN SWAAKREDITASI

Peruntukan swaakreditasi melayakkan sesebuah IPT untuk mengakredit program pengajiannya sendiri kecuali program profesional yang memerlukan akreditasi badan profesional yang berkenaan seperti yang termaktub di dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 (Akta 679) dan akta-akta badan profesional yang berkaitan. Peruntukan undang-undang bagi melaksanakan perkara yang berkaitan dengan swaakreditasi ialah seperti yang terkandung dalam Akta MQA 2007 (Akta 679). Bagi tujuan penganugerahan

status swaakreditasi, antara kriteria penting yang diberi penekanan khusus ialah sesebuah IPT perlu mempunyai sistem jaminan kualiti dalaman yang mantap dan menyeluruh. IPT berstatus bukan swaakreditasi perlu mendapatkan perakuan akreditasi sementara MQA bagi penawaran program akademik baharu.

Sebagai sebuah institusi yang telah dianugerahkan status Institusi Swaakreditasi pada 29 April 2010, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) boleh mengakredit program-program pengajian sedia ada dan baharu secara dalaman bagi pihak MQA.

Secara amnya, UKM menjalankan tiga jenis akreditasi bagi memastikan standard kualiti sesuatu program dapat dipantau secara berterusan iaitu Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Audit Pemantauan. Untuk tujuan Akreditasi Sementara, satu panel penilai akan dilantik untuk menilai kandungan dokumen permohonan program pengajian baharu sebelum program tersebut dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) sebelum diluluskan oleh Senat. Pada masa yang sama, setiap pusat pembelajaran di luar kampus-kampus rasmi UKM yang dikenal pasti dan dipilih di dalam dan luar negara perlu melepasi Audit Premis/Lokasi sebelum aktiviti pembelajaran dijalankan.

Apabila satu program pengajian baharu akan mengeluarkan graduan pertamanya, program tersebut perlu melalui proses Akreditasi Penuh berdasarkan kod-kod amalan jaminan kualiti dan standard program. Program yang melepasi Akreditasi Penuh akan diluluskan tempoh akreditasinya oleh Senat selama 3-5 tahun berdasarkan syor panel penilai dan kelulusan ini diperlukan untuk program tersebut didaftarkan dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR). Apabila kitaran akreditasi program hampir luput, program perlu menjalankan Audit Pemantauan bagi menyambung kelulusan tempoh akreditasinya.

Bagi memastikan ia terkini dan relevan dengan keadaan semasa, setiap program pengajian adalah tertakluk kepada keperluan semakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun. Semakan program boleh dikategorikan sebagai minor atau major berdasarkan perubahan komponen yang mengubah identiti dan penjenamaannya atau peratus perubahan kandungan yang kurang atau lebih 30%. Bagi mengesahkan suatu perubahan major, penilaian juga perlu dilakukan untuk kertas cadangan semakan program yang melibatkan kurikulumnya, contohnya perubahan nama dan bilangan tahun pengajian, atau perubahan kumulatif kredit kursus dan hasil pembelajaran kursus yang melebihi 30%. Program yang tidak disemak selama lebih lima tahun secara automatik dikira semakan major dan memerlukan penilaian yang sewajarnya.

1.3 TAHAP KELAYAKAN MENGIKUT KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MQF)

Terdapat lapan (8) tahap kelayakan yang disenaraikan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) seperti yang ditunjukkan di dalam **Jadual 1.1**. Antaranya yang ditawarkan di UKM ialah program Sarjana Muda (Tahap 6), program Sijil Pascasiswazah (Tahap 7), program

Diploma Pascasiswazah (Tahap 7), program Sarjana (Tahap 7) dan program Kedoktoran (Tahap 8).

UKM mempunyai reka bentuk program mengikut mod untuk tahap pengajian seperti berikut (Rujuk **Jadual 1.1**: Kelayakan, Tahap dan Kredit Minimum di bawah MQF):

1. Sarjana Muda — dilaksanakan secara kerja kursus dengan jumlah kredit tertentu termasuk komponen penyelidikan;
2. Sarjana¹—dilaksanakan secara penyelidikan (disertasi sepenuhnya) tanpa jumlah kredit tertentu serta secara kerja kursus dan secara campuran (gabungan kerja kursus dan penyelidikan) dengan jumlah kredit tertentu termasuk untuk kredit berbentuk komponen penyelidikan berbentuk projek/disertasi. Bagi program mod campuran ini, nisbah kerja kursus kepada penyelidikan ialah antara 50:50 atau 40:60 atau 30:70. Manakala, bagi mod kerja kursus, ia adalah gabungan antara kerja kursus dan kertas projek;
3. Diploma Pascasiswazah — dilaksanakan secara kerja kursus dengan jumlah kredit tertentu. Komponen penyelidikan dikecualikan untuk Diploma Pascasiswazah;
4. Sijil Pascasiswazah — dilaksanakan secara penyelidikan (tesis sepenuhnya) tanpa jumlah kredit tertentu, dan secara kerja kursus atau mod campuran dengan jumlah kredit tertentu;
5. Kedoktoran¹ — dilaksanakan secara penyelidikan (tesis sepenuhnya) dalam bentuk program Doktor Falsafah tanpa jumlah kredit tertentu, dan secara kerja kursus atau mod campuran dengan jumlah kredit tertentu.

Jadual 1.1 Kelayakan, Tahap dan Kredit Minimum di bawah MQF

Tahap MQF MQF Levels	Kredit Minimum Minimum Credits	Tempoh Minimum		Sektor Sectors			Pembelajaran Sepanjang Hayat/Kriteria APEL untuk APEL (A) Lifelong Learning/APEL's criteria for APEL (A)****
		Sepenuh Masa	Separuh Masa	Kemahiran Skills	Vokasional dan Teknikal Vocational and Technical	Pengajian Tinggi Higher Education	
8	Tiada kredit <i>No credit given</i>	3 tahun pengajian	4 Tahun Pengajian			Ijazah Kedoktoran (penyelidikan) <i>Doctoral Degree (research)</i>	Kriteria Kemasukan: <ul style="list-style-type: none"> • Berumur 35 tahun. • Mempunyai Sarjana Muda dalam bidang berkaitan atau setara dengannya. • Mempunyai lima (5) tahun pengalaman bekerja. • Lulus penilaian APEL (tertakluk kepada ketetapan MQA).
	80	6 Semester (tidak termasuk semester intersesi)	8 Semester (tidak termasuk semester intersesi)			Ijazah Kedoktoran (mod kerja kursus/campuran)* <i>Doctoral Degree (Coursework/mixed mode)*</i>	

¹ Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (MQA, 2015)

7	Tiada kredit <i>No credit given</i>	2 Tahun Pengajian	3 Tahun Pengajian			Ijazah Sarjana (penyelidikan) <i>Masters Degree (research)</i>	Kriteria Kemasukan: <ul style="list-style-type: none"> • Berumur 30 tahun. • Mempunyai STPM/ Diploma/setara dengannya. • Mempunyai pengalaman bekerja yang relevan. • Lulus penilaian APEL.
	40	2 Semester & 1 Semester intersesi	2 Tahun Pengajian			Ijazah Sarjana (mod kerja kursus/ campuran) <i>Masters Degree (Coursework/mixed mode)</i>	
	30	2 Semester	3 Semester			Diploma Pascasiswazah <i>Postgraduate Diploma</i>	
	20	1 Semester & 1 Semester Intersesi	1 Tahun Pengajian			Sijil Pascasiswazah <i>Postgraduate Certificate</i>	
6	120	3 Tahun	6 Tahun			Ijazah Sarjana Muda <i>Bachelors Degree</i>	Kriteria Kemasukan: <ul style="list-style-type: none"> • Berumur 21 tahun. • Mempunyai pengalaman bekerja yang relevan. • Lulus penilaian APEL.
	60	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan			Diploma Siswazah*** <i>Graduate Diploma</i>	
	30	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan			Sijil Siswazah*** <i>Graduate Certificate</i>	
5	40	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Diploma Lanjutan <i>Advanced Diploma</i>	Diploma Lanjutan <i>Advanced Diploma</i>	Diploma Lanjutan*** <i>Advanced Diploma</i>	
4	90	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Diploma <i>Diploma</i>	Diploma <i>Diploma</i>	Diploma*** <i>Diploma</i>	Kriteria Kemasukan: <ul style="list-style-type: none"> • Berumur 20 tahun. • Mempunyai pengalaman bekerja yang relevan. • Lulus penilaian APEL. Diploma Eksekutif
3	60	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Sijil Kemahiran 3 <i>Skilled Certificate 3</i>	Sijil Vokasional dan Teknikal <i>Vocational & Technical Certificate</i>	Sijil*** <i>Certificate</i>	Kriteria Kemasukan: <ul style="list-style-type: none"> • Berumur 19 tahun. • Mempunyai pengalaman bekerja yang relevan. • Lulus penilaian APEL.
2	Mengikut kemahiran dan tahap <i>According to skills and levels</i>	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Sijil Kemahiran 2 <i>Skilled Certificate 2</i>			
1		Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Sijil Kemahiran 1			

				Skilled Certificate 1			
--	--	--	--	-----------------------	--	--	--

*Berdasarkan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (MQA, 2015), kredit minimum bagi kelayakan Kedoktoran mod campuran dan Kedoktoran mod kerja kursus ialah 80.

**Berdasarkan Standard: Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah (MQA, 2013b). Kerangka Kelayakan Malaysia juga perlu dirujuk bersama maklumat terkini yang dikeluarkan oleh MQA.

*** Ijazah berikut tidak ditawarkan di UKM

**** Sijil APEL (A) dikeluarkan oleh pihak MQA. Pelajar perlu memohon sijil APEL (A) daripada pihak MQA terlebih dahulu sebelum membuat permohonan melanjutkan pengajian di UKM.

Nota:

- i. 1 semester panjang = 17 minggu (14 minggu pembelajaran + 1 minggu persediaan + 2 minggu peperiksaan)
- ii. 1 semester pendek = 9 minggu (7 minggu pembelajaran + 1 minggu persediaan + 1 minggu peperiksaan)
- iii. Kursus Asas (*Foundation*) tidak termasuk di dalam MQF tetapi ia boleh menjadi kelayakan masuk ke pengajian sarjana muda di universiti sama seperti Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Di UKM, Program Asasi Pintar merupakan program Kursus Asas (*Foundation*) dengan jumlah kredit minimumnya ialah 50 kredit, iaitu bersamaan dengan 2000 jam pembelajaran pelajar dan meliputi tempoh sekurang-kurangnya setahun pengajian.

1.4 PANDUAN PENAMAAN PROGRAM PENGAJIAN

1.4.1 Penamaan program pengajian penting untuk memberikan gambaran menyeluruh berkenaan tahap kelayakan dan bidang pengajian sesuatu program.

1.4.2 Garis panduan yang boleh dirujuk untuk penamaan program pengajian adalah Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia ini bertujuan yang menjelaskan prinsip asas penamaan sesuatu program pengajian kepada PPT dalam menamakan program pengajian yang ditawarkan di institusi masing-masing.

1.4.3 Dalam pada itu, penamaan program wajib menepati ketetapan Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*) seperti berikut, selain ringkas, bermakna dan mencerminkan bidang pengajian:

1.4.3.1 Penamaan program tahap sijil dan diploma menjurus terus kepada bidang pengajian (hanya mengandungi satu bidang pengajian).

1.4.3.2 Program sijil dan diploma tidak boleh mempunyai struktur dengan major-pengkhususan, major-minor atau dwimajor.

1.4.3.3 Peraturan penggunaan tanda kurungan bagi komponen pengkhususan, perkataan 'dengan' untuk komponen minor Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia Disember 2019 Agensi Kelayakan Malaysia 2 serta perkataan 'dan' untuk program dwimajor.

1.4.3.4 Peratusan komponen pengkhususan, minor atau dwimajor dalam sesuatu program.

- 1.5 Garis panduan ini perlu dibaca bersama dengan Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum (terbitan Agensi Kelayakan Malaysia, MQA) dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua (terbitan Jabatan Pendidikan Tinggi, JPT).

A. PRINSIP UMUM PENAMAAN PROGRAM PENGAJIAN

- 1.0 Penamaan program pengajian seharusnya mencerminkan kelayakan dengan tepat. Ia harus memberikan gambaran sebenar kurikulum yang akan diikuti pelajar. Penamaan program juga penting kerana ia memberi implikasi kepada pemahaman bakal majikan tentang pengetahuan dan kemahiran seorang graduan. Contohnya program yang dinamakan Sarjana Muda Sains Aktuari perlu mengandungi kurikulum bidang aktuari berserta kursus-kursus berkaitan bidang sains aktuari.
- 2.0 Sehubungan itu, penamaan program hendaklah bertunjangkan prinsip berikut:
- 2.1 mematuhi ketetapan yang dinyatakan dalam MQF, standard program, ketetapan oleh Kementerian Pengajian Tinggi serta badan profesional (mana yang berkenaan);
 - 2.2 melambangkan tahap kelayakan yang diperolehi dan berdasarkan tahap yang dinyatakan dalam MQF;
 - 2.3 ringkas dan bermakna; dan
 - 2.4 mencerminkan bidang pengajian.

B. KOMPONEN PENAMAAN PROGRAM/KELAYAKAN

Penamaan sesuatu kelayakan program seharusnya dibina daripada tiga (3) komponen berikut:

- i. Tahap Kelayakan (*Qualification Level*): Tahap kelayakan merujuk kepada tahap program pengajian bagi sesuatu kelayakan akademik seperti yang dipetakan dalam MQF. Ciri-ciri tahap kelayakan ini adalah berdasarkan kepada penetapan dalam MQF seperti hasil pembelajaran, kredit bergraduasi, beban pembelajaran dan komposisi kemahiran. Contohnya adalah tahap Diploma, Sarjana Muda dan ijazah Kedoktoran.
- ii. Penunjuk Disiplin Umum (*Broad Discipline Area*) : Program pengajian perlu menyatakan bidang umum sesuatu program akademik. Nama bidang yang digunakan mestilah:
 - tidak menjurus kepada sebarang pengkhususan tetapi menyatakan di mana pengkhususan bidang tersebut boleh dikelompokkan (contohnya, pendidikan dan sastera); dan
 - bidang yang lazim digunakan secara meluas sama ada di peringkat tempatan, antarabangsa mahupun profesional. Contohnya Sastera, Sains, Kejuruteraan, Pendidikan, Perniagaan, Undang-undang dan lain-lain. Bagi penentuan penunjuk disiplin umum Sastera atau Sains perlu berdasarkan:
 - kandungan utama kurikulum program pengajian:

- Bagi disiplin umum Sastera, kandungan utama kurikulum haruslah terdiri daripada kursus sains sosial dan kemanusiaan. Contohnya bahasa, sastera, seni, muzik, sejarah, geografi, sosiologi, antropologi dan lain-lain.
 - Bagi disiplin umum Sains, kandungan utama kurikulum haruslah terdiri daripada kursus sains, matematik/statistik dan teknikal. Contohnya, sains komputer, sains aktuari, kejururawatan, fizik, kimia, matematik, botani, zoologi dan lain-lain.
 - o struktur program pengajian: Program pengajian tahap Sarjana secara mod campuran dan penyelidikan sahaja boleh menggunakan penunjuk disiplin umum Sains bagi bidang pengajian selain bidang Sains.
- iii. Penunjuk Bidang (*Qualifier*) : Pernyataan tentang bidang utama program yang melambangkan 50% hingga 65% pengetahuan dalam bidang tersebut, contohnya: Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian, Sarjana Muda Kejururawatan dengan Kepujian dan Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian.

C. KAEDAH PENAMAAN PROGRAM/KELAYAKAN

Kaedah susunan komponen penamaan program/kelayakan bagi setiap tahap lazimnya adalah seperti turutan berikut:

- i. tahap kelayakan;
- ii. kata depan (*preposition*) of;
- iii. penunjuk disiplin umum (*broad discipline area*);
- iv. kata depan (*preposition*) in (dalam) – Bagi penamaan program dalam Bahasa Melayu penggunaan kata depan ‘dalam’ boleh digugurkan (contohnya Sarjana Muda Pertanian berbanding Sarjana Muda dalam Pertanian); dan
- v. penunjuk bidang (*qualifier*)

Jadual di bawah menunjukkan susunan komponen penamaan mengikut tahap program berserta contohnya.

SUSUNAN KOMPONEN PENAMAAN MENGIKUT TAHAP PROGRAM

Program	Tahap Kelayakan	Kata Depan ‘of’	Penunjuk Disiplin Umum	Kata Depan ‘in’	Penunjuk Disiplin Bidang	Contoh Penamaan
---------	-----------------	-----------------	------------------------	-----------------	--------------------------	-----------------

Sarjana Muda (Pilihan 1)	√	√	√	√	√	Sarjana Muda Sastera dalam Sejarah dengan Kepujian
Sarjana Muda (Pilihan 2)	√	-	-	√	√	Sarjana Muda Sains Aktuari dengan Kepujian
Sarjana dan Kedoktoran secara mod Kerja Kursus dan Campuran (Pilihan 1)	√	√	√	√	√	Sarjana Sains dalam Pengurusan Penjagaan Kesihatan Doktor Pentadbiran Perniagaan Pemasaran
Sarjana dan Kedoktoran secara mod Kerja Kursus dan Campuran (Pilihan 2)	√	-	-	√	√	Sarjana Dakwah Doktor Kejuruteraan
Sarjana dan Kedoktoran secara Penyelidikan (Pilihan 1)	√	√	√	√	√	Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Perisian
Sarjana dan Kedoktoran secara Penyelidikan (Pilihan 2)	√	√	√	-	-	Doktor Falsafah

Jadual berikut pula menunjukkan kaedah penamaan bagi setiap tahap kelayakan

KAEDAH PENAMAAN BAGI SETIAP TAHAP KELAYAKAN

Kelayakan	Ketetapan Penamaan	Contoh
Sarjana Muda	PPT perlu menyatakan tahap kelayakan program.	

	<p>Bagi penunjuk disiplin umum dan bidang, PPT boleh membuat pilihan sama ada menggunakan:</p> <p>a. kedua-dua penunjuk disiplin dan penunjuk bidang; atau</p> <p>b. penunjuk bidang sahaja.</p> <p>Penamaan bidang hendaklah mengikut kesesuaian disiplin pengajian.</p>	<p>a. i. Sarjana Muda Sastera dalam Perakaunan dengan Kepujian. ii. Sarjana Muda Kejuruteraan dalam Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian.</p> <p>b. i. Sarjana Muda Muzik dengan Kepujian. ii. Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian.</p>
<p>Sarjana dan Kedoktoran Secara Mod Kerja Kursus dan Campuran</p>	<p>PPT perlu menyatakan tahap kelayakan program.</p> <p>Bagi penunjuk disiplin umum dan bidang, PPT boleh membuat pilihan sama ada menggunakan :</p> <p>a. kedua-dua penunjuk disiplin dan penunjuk bidang; atau</p> <p>b. penunjuk bidang sahaja.</p>	<p>a. i. Sarjana Sains dalam Bioteknologi Alam Sekitar. ii. Doktor Seni Muzik dalam Pendidikan Muzik.</p> <p>b. i. Sarjana Pendidikan Awal Kanak-kanak ii. Doktor Kejuruteraan Awam</p>
<p>Sarjana dan Kedoktoran Secara Mod Penyelidikan</p>	<p>Program perlu menyatakan tahap kelayakan program.</p> <p>Bagi penunjuk disiplin umum dan bidang, program boleh membuat pilihan sama ada menggunakan :</p> <p>a. kedua-dua penunjuk disiplin dan penunjuk bidang; atau</p> <p>b. penunjuk bidang sahaja.</p> <p>*Nota : Penunjuk bidang / bidang penyelidikan mesti dinyatakan dalam transkrip akademik.</p>	<p>a. i. Sarjana Sains Kimia ii. Doktor Falsafah dalam Komunikasi Massa</p> <p>b. i. Sarjana Sains Sosial ii. Doktor Kejuruteraan</p>
<p>Sarjana secara Mod Campuran dan Penyelidikan</p>	<p>Bagi kelayakan Sarjana tersebut, penggunaan disiplin umum Sains dibolehkan bagi bidang selain Sains kerana ianya menggambarkan komponen penyelidikan.</p>	<p>Sarjana Sains Pengurusan Hotel</p>
<p>Sarjana dan Kedoktoran</p>	<p>Bagi kelayakan Kedoktoran tersebut, penamaan yang tidak mempunyai penunjuk</p>	<p>Doktor Falsafah Sarjana Falsafah</p>

secara Penyelidikan	disiplin umum dan bidang tetapi lazim diguna pakai adalah diterima.	
----------------------------	---	--

KAEDAH PENAMAAN PROGRAM BERDASARKAN STRUKTUR PROGRAM

Struktur Program	Huraian
Major	<p>Kelayakan ini menggunakan nama satu bidang utama pengajian selepas perkataan Sarjana Muda. Pengetahuan dalam bidang utama ini merangkumi 70% daripada keseluruhan kredit program termasuk kursus-kursus umum. Contoh : Sarjana Muda Ekonomi dengan Kepujian; Sarjana Muda Kejururawatan dengan Kepujian; Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian; Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian.</p>
Major dengan Pengkhususan (Major with Specialisation)	<p>Program yang mempunyai bidang pengkhususan tertentu yang meliputi 25-30%* pengetahuan dalam sesuatu bidang utama** program. Bidang pengkhususan ini dinyatakan dalam kurungan³.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Sains Komputer (Pengaturcaraan) dengan Kepujian /<i>Bachelor in Computer Science (Programming) with Honours</i>.</p> <p>Bagi program tahap Sijil dan Diploma, struktur program dengan pengkhususan tidak dibenarkan, maka penamaan sedemikian tidak boleh diterima pakai⁴.</p>
Major – Minor	<p>Program yang mempunyai bidang pengajian minor yang merangkumi 25-30%* pengetahuan dalam bidang pengajian lain daripada bidang utama**.</p> <p>Penamaan program jenis ini menggunakan kata hubung ‘dengan’ (with)⁵ antara bidang utama dan bidang pengajian lain.</p> <p>Contoh: Sarjana Muda Ekonomi dengan Matematik dengan Kepujian/<i>Bachelor in Economics with Mathematics with Honours</i>.</p> <p>Bagi program tahap Sijil dan Diploma, struktur program dengan minor tidak dibenarkan, maka penamaan sedemikian tidak boleh diterima pakai⁶.</p>
Dwimajor (Double Major)	<p>Program yang mempunyai disiplin umum yang sama dalam dua bidang berbeza dengan peratus pengetahuan setiap bidang sebanyak 50%* daripada kandungan teras program.</p> <p>Penamaan program menggunakan kata hubung ‘dan’ (and) antara bidang⁷. Contoh: Sarjana Muda Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan dengan Kepujian /<i>Bachelor in Human Resource Management and Finance with Honours</i>.</p> <p>Program dwimajor dibenarkan pada tahap Sarjana Muda.</p> <p>Bagi program tahap Sijil dan Diploma, struktur program dwimajor tidak dibenarkan, maka penamaan sedemikian tidak boleh diterima pakai. Walau bagaimanapun, penamaan program yang bidangnya berkait rapat seperti Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik/<i>Diploma in Electrical and Electronics Engineering</i> serta Diploma Perbankan dan Kewangan/<i>Diploma in Banking and Finance</i> adalah dibenarkan⁸.</p>
Dwiijazah (Double Degree)	<p>Kelayakan ini menggabungkan dua program daripada dua bidang yang berbeza. Beban akademik atau jam kredit bagi kedua-dua bidang adalah</p>

	<p>hampir sama (50% – 50%) dan setiap bidang utama perlulah memenuhi keperluan minimum bidang tersebut. Tempoh masa pengajian biasanya adalah lebih panjang daripada pengajian satu program sahaja dan tempoh pengajian sebenar adalah bergantung kepada tahap pengetahuan program, keupayaan pelajar serta keperluan badan profesional dan standard bidang yang berkaitan. Program ini boleh ditawarkan di peringkat dalaman oleh satu institusi pendidikan tinggi, atau di antara dua institusi pendidikan tinggi yang bekerjasama dan setanding (<i>equal standing</i>). Apabila tamat pengajian, pelajar akan dianugerahkan dua ijazah dengan dua skrol yang berasingan. Contoh: Sarjana Muda Undang-Undang (Syari’ah) dengan Kepujian dan Sarjana Muda Pengurusan dengan Kepujian.</p>
<p>Dual Ijazah (<i>Dual Degree</i>)</p>	<p>Kelayakan ini melibatkan dua program daripada dua bidang yang sama atau hampir sama daripada dua institusi pendidikan tinggi yang bekerjasama dan setanding sama ada di dalam atau luar negara. Peratus kursus yang diambil oleh pelajar di institusi yang bekerjasama perlu mematuhi dasar pemindahan kredit sedia ada. Apabila tamat pengajian, pelajar akan menerima dua ijazah dan skrol yang berasingan daripada institusi pendidikan tinggi yang bekerjasama. Contoh: Sarjana Muda Matematik Industri dengan Kepujian yang ditawarkan oleh UKM dengan Sarjana Muda Statistik Industri dengan Kepujian yang ditawarkan oleh sebuah institusi pendidikan tinggi di luar negara yang mempunyai memorandum persefahaman dengan UKM.</p>
<p>Ijazah Bersama (<i>Joint Degree</i>)</p>	<p>Kelayakan ini melibatkan pemilikan dan pembangunan kurikulum di antara dua atau lebih institusi pendidikan tinggi yang bekerjasama dan setanding. Sebagai tanda pemilikan kelayakan dan tanggungjawab bersama dalam hal jaminan kualiti, hanya satu skrol penganugerahan bersama dikeluarkan dan ditandatangani oleh kedua-dua institusi pendidikan tinggi. Penawaran penganugerahan bersama hanya dibenarkan untuk program peringkat ijazah sarjana muda dan peringkat yang lebih tinggi.</p>
<p>* Pengiraan peratusan major, pengkhususan dan minor adalah berdasarkan jam kredit. ** Bidang utama merujuk kepada bidang teras program.</p>	
<p>Nota:</p> <p>i. Sekiranya peratusan suatu bidang pengetahuan tidak mencapai 25% daripada bidang utama program, bidang ini tidak dinyatakan sebagai pengkhususan pada penamaan program sebaliknya hanya dinyatakan dalam transkrip.</p> <p>ii. Bagi program yang berbeza daripada struktur biasa seperti dinyatakan, penamaan program tersebut hanya boleh ditentukan selepas penelitian terhadap struktur program dilakukan oleh pihak MQA.</p>	

Bagi memastikan nama program pengajian sejajar dengan tahap kelayakan, nama dan penganugerahan program bagi semua permohonan program akademik baharu perlu memenuhi perkara berikut:

- i. Nama program tanpa perkataan “ijazah”. Contohnya, Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian dan bukan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian; dan
- ii. Nama penganugerahan perlu sama dengan nama program; dan

- iii. Istilah “dengan Kepujian” diletakkan di hujung nama program. Contohnya, Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian;
- iv. Nama program yang didaftarkan di dalam MQR perlu sama dengan yang diluluskan oleh Senat.

Dokumen rujukan yang boleh dibaca bersama ialah Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia (2019) dan standard program yang dikeluarkan oleh MQA serta Garis Panduan Pembangunan Akademik yang dikeluarkan oleh KPT.

1.5 KOD PENDIDIKAN NASIONAL (*NATIONAL EDUCATION CODE, NEC*)

National Education Code (NEC) diwujudkan bagi memastikan kod bidang pengajian yang seragam serta data dan maklumat yang berkualiti, tepat dan sah dapat dihasilkan. NEC terdiri daripada tiga (3) digit berdasarkan kepada hierarki klasifikasi bidang pendidikan dan latihan seperti berikut:

Digit	Bidang (<i>Field</i>)	Rujukan
1-Digit	Utama (<i>Broad</i>)	Bidang pendidikan dan latihan yang umum
2-Digit	Spesifik (<i>Narrow</i>)	<i>International Standard Classification of Education 97 (ISCED97)</i>
3-Digit	Terperinci (<i>Detailed</i>)	<i>EUROSTAT (Statistical Office of the European Communities)</i> dan telah disesuaikan mengikut keperluan Bidang Pengajian Negara

Bagi program antara disiplin (*interdisciplinary*), pelbagai bidang (*multidisciplinary*), dan merentas disiplin (*transdisciplinary*), klasifikasi bidang terperinci ditentukan berdasarkan kandungan program yang dominan. Kriteria untuk menentukan dominasi adalah berdasarkan masa pembelajaran pelajar yang diperuntukkan bagi sesuatu bidang atau konsep majoriti adalah terpakai. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh merujuk *Manual National Education Code* (NEC), MQA untuk mengklasifikasikan bidang pendidikan di Malaysia.

1.6 KERANGKA PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL

UKM mengguna pakai pendekatan Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) dalam pelaksanaan program pengajiannya. Dengan berpandukan kepada hierarki pernyataan seperti di dalam Rajah 1.1, setiap program pengajian yang ditawarkan di UKM mempunyai pemetaan antara:

- i. Objektif Pendidikan Program (OPP) dengan Matlamat Pendidikan UKM;
- ii. Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan Objektif Pendidikan Program (OPP);

- iii. Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan kelompok Hasil Pembelajaran MQF;
- iv. Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan huraian kelayakan atau hasil pembelajaran yang ditetapkan oleh MQF atau standard kelayakan/program MQA/badan profesional;
- v. Kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) dengan Hasil Pembelajaran Program (HPP)²;
- vi. Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) dengan jenis dan tahap taksonomi pembelajaran.



Rajah 1.1: Perkaitan di antara Misi, Wawasan dan Matlamat Pendidikan dengan Objektif Pendidikan Program dan Hasil Pembelajaran Program

1.7 KERANGKA PENDIDIKAN 4.0 UKM

Pada tahun 2017, UKM telah membangunkan kriteria dan indikator Pendidikan 4.0 bagi memastikan program pengajian di UKM sentiasa memenuhi kurikulum tersedia masa hadapan. Kerangka Pendidikan 4.0 UKM merangkumi sembilan (9) kriteria berdasarkan tema seperti berikut:

Bil.	Tema	Kriteria
1.	Tujuan dan Objektif Pendidikan Program	Tujuan dan Objektif Pendidikan Program (OPP) dibangunkan menyokong keperluan Revolusi Perindustrian Ke-4
2.	Kemahiran Graduan Masa Hadapan	Hasil Pembelajaran Program (HPP) yang menerapkan “kemahiran abad ke-21” (<i>21st century skills</i>) yang ketara dalam kebanyakan kursusnya, melibatkan pemikiran kritikal, penyelesaian masalah, komunikasi, kecelikan teknologi, kolaborasi dan

² atau Hasil Pembelajaran Domain (HPD) untuk kursus-kursus Citra

Bil.	Tema	Kriteria
		kreativiti, atau “kemahiran masa depan 2020” (<i>Future Work Skills 2020</i>);
3.	Pengiktirafan kepada Pembelajaran Sepanjang Hayat	<p>Program yang memberi pengiktirafan kepada agenda pembelajaran sepanjang hayat yang berkaitan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) atau Recognition of Prior Learning (RPL) contohnya penerimaan kemasukan pelajar pemegang sijil APEL (A) MQA ke dalam program dan pelaksanaan APEL (C) terhadap beberapa kursus dalam program; ● Pewujudan program pendidikan bukan formal seperti program Sijil Profesional yang dibentuk hasil daripada gabungan kursus-kursus dalam program yang sama.
4.	Kurikulum Luwes	<p>Program bercirikan keluwesan melalui pendekatan modular dan mempunyai bilangan kredit yang boleh diskalakan (<i>scalable</i>) dari masa ke semasa, seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Bersifat antara-bidang (<i>interdisciplinary</i>); ● Menyediakan pelbagai laluan dengan jumlah kredit yang besar; ● Bersifat antara-universiti atau pelbagai-IPT (<i>inter-university</i>); ● Bersifat tempatan dan berciri antarabangsa (<i>localised yet globalised</i>); ● Menyediakan peluang untuk mobiliti pelajar dan pengajar; ● Memberi pengiktirafan bersama untuk kursus di IPT lain dengan peruntukan pemindahan kredit yang sewajarnya; ● Membenarkan pelaksanaan tahun jeda (<i>gap year</i>).
5.	Kurikulum Boleh Ubah	<p>Program yang mempunyai struktur kurikulum bukan lazim yang bersifat organik dan boleh lentur yang ditentukan dari masa ke semasa seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kurikulum berkonsepkan “<i>jukebox</i>”; ● Kurikulum yang membolehkan pelajar mengawal dan menentukan mod pembelajaran mereka sepenuhnya dan pengajar berfungsi sebagai penasihat atau pemudah cara;

Bil.	Tema	Kriteria
		<ul style="list-style-type: none"> ● Kurikulum dengan bidang major ditentukan oleh pelajar pada akhir pengajian (<i>undeclared/undecided major</i>); ● Kurikulum yang boleh diperibadikan (<i>personalised</i>) atau disesuaikan (<i>customised</i>) mengikut keperluan atau kehendak pelajar.
6.	Kolaborasi dengan Pemegang Kepentingan	<p>Program berasaskan kerjasama industri/pemegang berkepentingan</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Program dengan Mod Industri (2U2i atau 3U1i) yang menggabungkan pembelajaran di universiti selama dua atau tiga tahun dengan pembelajaran di industri atau di lokasi pemegang berkepentingan; ● Program dengan komponen dengan kerjasama industri/pemegang berkepentingan sekurang-kurangnya satu semester melalui pembelajaran berasaskan kerja (WBL – <i>Work Based Learning</i>).
7.	Kolaborasi dengan IPT Lain	<p>Program berbentuk hibrid dan program kerjasama seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Program-program dwi ijazah (<i>double degree</i>), ijazah bersama (<i>joint degree</i>) dan dual ijazah (<i>dual degree</i>); ● Program dwi major (<i>double major</i>) dan program dengan modul major-minor di dalam bidang generik yang berlainan; ● Program berbentuk global merentasi sempadan negara yang berkonsepkan pendidikan transnasional (TNE – <i>Transnational Education</i>); ● Penyeliaan bersama (<i>joint supervision</i>) untuk pengajian mod penyelidikan.
8.	Kaedah Penyampaian Transformatif	<p>Program yang melaksanakan kaedah penyampaian berpusatkan pelajar yang selari dengan pendekatan pembelajaran masa kini dalam kebanyakan kursus, seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kaedah penyampaian yang berpandukan kepada Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs); ● Kaedah penyampaian di dalam kategori pembelajaran sesama rakan (<i>peeragogy</i>), pembelajaran tentuan sendiri (<i>heutagogy</i>) dan

Bil.	Tema	Kriteria
		<p>pembelajaran dalam talian menggunakan aplikasi teknologi pendidikan (<i>cybergogy</i>);</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kaedah penyampaian yang interaktif dan bercirikan penyertaan pelajar sepenuhnya, seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pembelajaran Berasaskan Masalah yang Berorientasikan Projek (POPBL – <i>Project Oriented Problem-based Learning</i>); ○ Penggunaan pendekatan seperti program kejuruteraan bersepadu (IEP – <i>Integrated Engineering Programme</i>), program kejuruteraan antara bidang (<i>Interdisciplinary Engineering Programme</i>), program inovasi dan reka bentuk memusat (iDCP – <i>Innovation and Design Centric Programme</i>) dan kaedah CDIO (<i>Conceive, Design, Implement, Operate</i>); ● Program yang melibatkan pembelajaran secara kolaboratif atau dengan sangkutan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ○ Pembelajaran berasaskan kerja (WBL – <i>Work Based Learning</i>); ○ Pembelajaran berasaskan pengalaman (<i>experiential learning</i>); ○ Pembelajaran guna tangan (<i>hands-on learning</i>); ○ Pembelajaran berasaskan pertanyaan (<i>inquiry-based learning</i>); ○ Pembelajaran dalam situasi tertentu (<i>situated learning</i>); ○ Pembelajaran khidmat (<i>service learning</i>); dan ○ pembelajaran dengan bahan penambat (<i>anchored learning</i>)
9.	Pentaksiran Alternatif	<p>Program yang mengamalkan kaedah pentaksiran alternatif yang ketara dalam kebanyakan kursus, seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kaedah pentaksiran sahih/autentik; ● Kaedah pentaksiran yang selari dengan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs); dan ● Kaedah bukan peperiksaan yang dominan di dalam setiap kursus; ● Kaedah yang sesuai dengan taksonomi hasil pembelajaran yang ditetapkan bagi memastikan

Bil.	Tema	Kriteria
		penjajaran konstruktif dengan kesahan (<i>validity</i>) dan keandalan (<i>reliability</i>) yang tinggi.

Untuk itu, semua Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu merujuk kepada kriteria dan indikator Pendidikan 4.0 ini semasa membangunkan dan menyemak program pengajiannya.

1.8 KERANGKA PENAWARAN PROGRAM HIBRID

Selaras dengan perkembangan pendidikan masa kini yang menyediakan ruang kepada perkembangan ilmu melalui program pengajian berbentuk hibrid serta bagi menyokong elemen *transdisciplinary* yang dinyatakan di dalam Pendidikan Tinggi 4.0, MQA telah membangunkan Kerangka Penawaran Program Hibrid.

Lazimnya pelaksanaan program pengajian berbentuk hibrid dilaksanakan melalui struktur Dwimajor, Major-Minor dan Dwijazah. Namun bagi menyediakan ruang perkembangan ilmu melalui program hibrid, program tersebut boleh ditawarkan dengan menggabungkan lebih daripada dua bidang tanpa sebarang komponen dominan oleh mana-mana bidang sekurang-kurangnya 50%.

Kerangka Penawaran Program Hibrid berikut merangkumi tiga (3) proses utama iaitu reka bentuk kurikulum, penetapan *National Education Code* (NEC) dan penilaian program:

A. Reka Bentuk Kurikulum

Perkara	Kriteria
Body of Knowledge - Maksimum tiga (3) bidang	Pengecualian terhadap pemakaian standard program boleh dipertimbangkan PPT perlu mengemukakan justifikasi yang kukuh berkenaan keperluan hibrid bagi tujuan pengecualian.
Penamaan	Nama baharu yang menggambarkan bidang yang digabungkan.
National Education Code (NEC)	Seperti di Perkara B: Penetapan <i>National Education Code</i> (NEC).
Kredit Bergraduat	Kredit bergraduat minimum berdasarkan tahap pengajian.
Tempoh	Tempoh diselaraskan dengan kredit bergraduat dan ketetapan berkaitan beban

	pembelajaran pelajar dalam satu semester dan satu tahun pengajian.
Tahap	Boleh ditawarkan pada tahap Sarjana Muda dan ke atas.
Kelayakan Masuk	Mematuhi kelayakan masuk minimum bagi tahap pengajian. Keperluan mata pelajaran tertentu ditetapkan berdasarkan komponen kurikulum hidrid yang dibangunkan.

B. Penetapan *National Education Code* (NEC)

Komponen Bidang	Kod Klasifikasi	Contoh
<p>Tiga bidang umum /spesifik digabungkan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> Tiada bidang yang melebihi 50% daripada komponen teras Tiada bidang kurang daripada 25% daripada komponen teras 	Ketiga-tiga kod bidang umum/spesifik NEC disenaraikan.	<ol style="list-style-type: none"> Program menggabungkan tiga bidang spesifik [dari satu bidang umum] secara sama rata: <ol style="list-style-type: none"> Sains Politik (313) Jurnalisme (321) Pengurusan (345) Ini dinyatakan sebagai 313,321 dan 345. Program menggabungkan tiga bidang spesifik [dari dua bidang umum]: <ol style="list-style-type: none"> 40% Sejarah (225) 30% Pengajian Budaya (312) 30% Jurnalisme (321) Ini dinyatakan sebagai 225,312 dan 321. Program menggabungkan dua bidang umum dan satu bidang spesifik: <ol style="list-style-type: none"> 40% Sains Fizikal (440) 30% Pengurusan Perniagaan (340) 30% Bahasa (222) Ini dinyatakan sebagai 440,340 dan 222.
Program pengajian umum yang mana pelajar dibimbing berorientasikan pelbagai bidang atas pilihan pelajar	Kod bidang umum NEC yang berkaitan	Program yang berbentuk <i>personal skills</i> yang mana pelajar dibimbing berorientasikan amalan bidang

		<p>tertentu berdasarkan pilihan pelajar.</p> <p>Ini diklasifikasikan sebagai 090.</p>
--	--	---

C. Penilaian Program

- | | | |
|------|--------------------|--|
| i. | Ahli Panel Penilai | Bagi program hibrid tiga (3) bidang, pemilihan Ahli Panel Penilai adalah berdasarkan bidang-bidang yang digabungkan dengan keutamaan kepada pakar daripada bidang umum yang dominan. |
| ii. | Badan Profesional | Penawaran program hibrid perlu tertakluk kepada keperluan dan kelulusan badan profesional yang berkaitan. |
| iii. | Caj Penilaian | Caj tambahan akan dikenakan berdasarkan tambahan pakar bidang yang dilantik. |

Sumber: Pekeliling MQA Bertarikh 14 November 2018 (MQA. 100-1/7/2 Jld.2 (11) : Surat Makluman MQA Bil.8/2018- Kerangka Penawaran Program Hibrid)

1.9 MATLAMAT PENDIDIKAN

Kod Amalan Audit Institusi (COPIA), Edisi Kedua, 2008 yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), telah menetapkan bahawa setiap institusi pengajian tinggi perlu mewujudkan matlamat pendidikan umum yang selari dengan misi dan wawasan UKM serta dihubungkan dengan Objektif Pendidikan Program (OPP) dan Hasil Pembelajaran Program (HPP) untuk semua program pengajian di UKM.

Mesyuarat Senat Ke-406 pada 17 Disember 2014 telah meluluskan semakan Matlamat Pendidikan yang selari dengan misi dan wawasan UKM serta Bidang Keberhasilan Utama Universiti seperti yang diperincikan di **Jadual 1.2** berserta dengan tiga subdomain. Matlamat Pendidikan ini perlu dipetakan secara langsung kepada OPP melalui tiga subdomainnya dengan menjadikan subdomain tersebut sebagai kerangka kepada pernyataan OPP seperti yang disenaraikan di dalam **Jadual 1.3**.

Jadual 1.2: Matlamat Pendidikan dan Subdomainnya

Matlamat Pendidikan (KRA 1)	Takrif Pernyataan
Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Berkompeten, Berdaya Saing dan Inovatif	Graduan UKM menghayati aspirasi kebangsaan, memiliki nilai etika, ilmu pengetahuan, kompetensi, daya inovasi dan daya saing yang memenuhi keperluan negara dan masyarakat sejagat.
Subdomain 1 (Sub-KRA 1.1) Graduan Beraspirasi Kebangsaan	Graduan UKM memahami dan menghayati aspirasi negara, serta nilai, etika, profesionalisme yang mendasari pembangunan negara bangsa mengikut acuan budaya kebangsaan.
Subdomain 2 (Sub-KRA 1.2) Graduan Berkompeten	Graduan UKM menguasai ilmu terkini, kemahiran praktikal dan kemahiran insaniah tinggi serta sentiasa meningkatkan kompetensi, bersesuaian dengan keperluan negara dan masyarakat sejagat.
Subdomain 3 (Sub-KRA 1.3) Graduan Berdaya Saing dan Inovatif	Graduan UKM mempunyai daya inovasi, ciri dan pemikiran keusahawanan, kemahiran komunikasi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Antarabangsa serta sifat kepimpinan yang menjadi pilihan utama majikan dan pihak berkepentingan.

Jadual 1.3: Pemetaan subdomain Matlamat Pendidikan dengan Kelompok Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (MQA V2)

Subdomain Matlamat Pendidikan	MQF1	MQF2	MQF 3					MQF4	MQF5	
	Ilmu pengetahuan dan pemahaman	Kemahiran kognitif	Kemahiran kefungsiian kerja dengan fokus							
			Kemahiran praktikal	Kemahiran interpersonal	Kemahiran komunikasi	Kemahiran digital	Kemahiran celik angka (<i>numeracy</i>)	Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab	Kemahiran mengurus dan keusahawanan	Etika dan Profesionalisme
i. Graduan Beraspirasi Kebangsaan										✓
ii. Graduan Berkompeten	✓	✓	✓	✓			✓	✓		
iii. Graduan Berdaya Saing dan Inovatif					✓	✓			✓	

1.10 TUJUAN PROGRAM

Tujuan program merupakan pernyataan berkaitan program pengajian yang ditawarkan yang mengandungi maklumat falsafah, hasrat dan kewajaran mengadakan program. **Contoh** tujuan program adalah seperti berikut:

Tujuan program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Arab dan Tamadun Islam adalah untuk melahirkan graduan yang menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam, mampu menjalankan penyelidikan dan mengenal pasti permasalahan yang berkaitan serta menanganinya dengan cekap, seterusnya memberi sumbangan dalam pembangunan negara. Pengalaman pembelajaran pelajar direka bentuk berdasarkan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar, peragogi yang sejajar dengan Hasil Pembelajaran Program. Penyampaian kursus dilaksanakan menerusi kuliah, seminar, projek yang berorientasikan Pembelajaran Berdasarkan Penyelesaian Masalah, *MOOC* dan pembelajaran teradun. Sikap profesional dan kemahiran akan dilatih dalam situasi praktikal melalui projek bersepadu berkumpulan dan latihan industri. Penjajaran konstruktif diguna pakai sebagai teori asas dalam pembelajaran pengajaran. Pentaksiran dan pemarkahan melalui peperiksaan bertulis, laporan projek, pentaksiran sebenar dan pembentangan serta tesis

akhir serta latihan industri. Penilaian adalah meliputi domain kognitif, afektif dan psikomotor dan sejajar dengan Hasil Pembelajaran Program.

1.11 HASIL PEMBELAJARAN

Hasil pembelajaran merupakan pernyataan tentang perkara yang pelajar perlu tahu, faham dan boleh lakukan setelah selesai satu tempoh pengajian.

Hasil pembelajaran yang mewakili senarai atribut yang seharusnya dicapai oleh pelajar setelah melalui suatu kursus dirujuk sebagai Hasil Pembelajaran Kursus (HPK). Manakala, hasil pembelajaran yang mewakili senarai atribut pelajar yang perlu dicapai apabila menamatkan suatu program dirujuk sebagai Hasil Pembelajaran Program (HPP).

HPP perlu dibangunkan dengan merujuk secara langsung kepada lima (5) kelompok Hasil Pembelajaran MQF iaitu:

1. Ilmu pengetahuan dan pemahaman;
2. Kemahiran kognitif;
3. Kemahiran kefungsian kerja dengan fokus;
 - a. Kemahiran praktikal
 - b. Kemahiran interpersonal
 - c. Kemahiran komunikasi
 - d. Kemahiran digital
 - e. Kemahiran celik angka (*numeracy*)
 - f. Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab
4. Kemahiran mengurus dan keusahawanan;
5. Etika dan profesionalisme;

Satu pernyataan HPP tidak boleh menggabungkan dua atau lebih kemahiran untuk mengelakkan kesukaran atau kekeliruan dalam penetapan tahap taksonomi, kaedah pembelajaran dan komponen penilaian kursus-kursus yang menyokong pencapaian HPP tersebut.

Secara umumnya, HPP adalah berbeza dari Matlamat Pendidikan UKM dan objektif pendidikan program (OPP) seperti diperincikan di dalam **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4: Perbezaan di antara Hasil Pembelajaran Program, Matlamat Pendidikan dan Objektif pendidikan program (OPP)

Perkara	Matlamat Pendidikan	Objektif Pendidikan Program (OPP)	Hasil Pembelajaran Program (HPP)
Atribut	Pernyataan yang luas dan umum tentang matlamat pengajaran (apa yang mahu disampaikan oleh pensyarah).	1. Pernyataan spesifik berhubung matlamat pengajaran, meliputi apa yang pensyarah telah rancangkan semasa	1. Meliputi aspek pelajar (memberi nilai tambah kepada kompetensi pelajar) 2. Merupakan kompetensi yang perlu dimiliki oleh

		proses pengajaran dan pembelajaran.	pelajar sebaik sahaja bergraduat
		2. Merupakan kompetensi yang perlu dimiliki oleh pelajar 5 tahun selepas bergraduat	
Contoh Pernyataan	Ciri-ciri graduan yang akan dihasilkan: i. Berdaya Saing dan Inovatif	Graduan yang berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah secara global	Graduan berkebolehan menjelaskan prinsip undang-undang secara kritis dalam pelbagai situasi

Panduan Pembangunan Hasil Pembelajaran

Suatu hasil pembelajaran yang baik perlu memfokuskan dan merujuk kepada perspektif pelajar di mana pelajar boleh menunjukkan pencapaian di dalam sesuatu kursus. Oleh itu, dalam penulisan dan pembangunan hasil pembelajaran perlu lebih memfokuskan kepada kompetensi pelajar yang boleh diukur pada akhir sesi pembelajaran.

Hasil pembelajaran yang baik perlu mempunyai ciri-ciri berikut (SMART-O):

i. Spesifik (*Specific*)

- Hasil pembelajaran perlu digubal mengikut tahap taksonomi (kognitif, psikomotor & afektif) yang bersesuaian dan mempunyai hubungan dengan standard yang dirujuk dan kelompok MQF.
- Hasil pembelajaran hanya dipetakan dengan satu domain taksonomi tertentu sahaja, dengan memilih tahap tertinggi untuk domain taksonomi berkenaan.

ii. Boleh ukur (*Measureable*)

- Hasil pembelajaran perlu boleh diukur melalui kaedah penilaian yang telah dikenal pasti dan digubal menggunakan kata kerja tindakan (*action verb*).

iii. Boleh capai (*Achievable/Attainable*)

- Hasil pembelajaran perlu mengambil kira tahap keupayaan pelajar dan boleh dicapai oleh pelajar biasa dan pencapaiannya boleh ditunjukkan oleh pelajar.

iv. Relevan (*Relevant*)

- Hasil pembelajaran perlu relevan dengan kurikulum, matlamat pendidikan dan OPP serta boleh ditunjukkan secara objektif melalui pemetaan.

v. Mempunyai had masa (*Time-bound*)

- Hasil pembelajaran perlu boleh diukur dan dicapai dalam tempoh jangka masa pembelajaran yang ditetapkan, iaitu dalam semester berkenaan.

vi. **Boleh tunjuk (*Observable*)**

- Hasil pembelajaran perlu boleh diperhatikan dan ditunjukkan pencapaiannya melalui kaedah pentaksiran yang sesuai.

Penggubalan HPK perlu merujuk kepada HPP dan pemetaan yang jelas dan objektif perlu diwujudkan di antara HPP dan HPK. Bilangan HPK perlu sesuai dengan kredit kursus tersebut. Jumlah HPK yang disyorkan bagi setiap kursus adalah di antara 3-5³ pernyataan kecuali kursus bernilai satu kredit boleh mempunyai 2-3 pernyataan. Setiap pernyataan ini mesti meliputi ciri-ciri kompetensi pelajar yang boleh diukur mengikut prinsip SMART-O.

Semasa membangunkan hasil pembelajaran, pernyataan hasil pembelajaran perlu dimulakan dengan kata kerja tindakan yang boleh diukur. Kata kerja seperti “**memahami**”, “**mempelajari**”, “**mengetahui**” dan “**mengkaji**” perlu **dielakkan** dalam pernyataan hasil pembelajaran kerana ia sukar ditunjukkan oleh pelajar bagi membuktikan pencapaian kompetensi yang disasarkan di dalam hasil pembelajaran berkaitan. Contoh kata kerja tindakan mengikut domain taksonomi adalah di dalam **Jadual 1.5** hingga **Jadual 1.7**.

³ Nilai ini adalah untuk bilangan pernyataan HPP mengikut 5 Domain Hasil Pembelajaran MQF. [Bilangan HPP bagi program tahap 7 dan 8 MQF adalah seperti yang dinyatakan di dalam Standard Program Sarjana dan Kedoktoran, MQA](#). Sekiranya program pengajian membangunkan HPP berdasarkan kepada standard program badan profesional yang mempunyai bilangan yang berlainan, bilangan maksimum HPP boleh dikira mengikut perkadaran.

Jadual 1.5: Contoh kata kerja tindakan domain kognitif

Domain Kognitif: "Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya ..."	
Ingat (C1)	Berkebolehan untuk: mengatur, mengumpul, menentukan, menerangkan, memeriksa, mengenal pasti, menyenaraikan, mengingat, menamakan, mengaitkan, memetik, mengulangi, menghasilkan semua, merekodkan, menunjukkan, menyatakan.
Faham (C2)	Berkebolehan untuk: mengaitkan, menjelaskan, mengklasifikasikan, membezakan, membincangkan, menganggarkan, menyatakan, melanjutkan, mengenal pasti, menunjukkan, mentafsir, mengesan, meramalkan, menegaskan, memilih.
Aplikasi (C3)	Berkebolehan untuk: mengira, menukar, memilih, melengkapkan, membina, menunjukkan, menghasilkan penemuan, mengambil, meneliti, menggambarkan, mentafsir, mengubah suai, mengamalkan, melakarkan, menguji, menyelesaikan, mengiktiklak, mengaitkan, mengaplikasi.
Analisis (C4)	Berkebolehan untuk: menganalisis, menilai, menyusun, mengira, mengkategorikan, mengklasifikasikan, membandingkan, menyambung, membezakan, mengkritik, membahaskan, membahagikan, menguji, menyimpulkan, meneliti, menyiasat, mempersoalkan, mengasingkan.
Nilai kewajaran (C5)	Berkebolehan untuk: menilai, memberi hujah, melampirkan, memilih, membandingkan, meyakinkan, mengkritik, menyokong, membela, menghakimi, mengukur, meramal, mengesyorkan, menyemak, memberikan skor, membuat pertimbangan, membuat kesimpulan, menilai kewajaran.
Cipta (C6)	Berkebolehan untuk: berhujah, menyusun, mengumpul, mengarang, membina, mencipta, mereka bentuk, membangun, menubuhkan, membentuk, menghasilkan, mengintegrasikan, mengurus, merancang, menyediakan, mencadangkan, mengaitkan, menulis semula, membuat kesimpulan.

Penetapan aras domain kognitif sesuatu hasil pembelajaran perlu dibaca bersama dimensi pengetahuan yang terdiri daripada fakta, konsep, prosedur dan metakognitif seperti yang dipetakan di **Jadual 1.8**. Dimensi pengetahuan ini juga boleh mewakili rubrik domain pengetahuan di dalam domain hasil pembelajaran MQF.

Jadual 1.6: Contoh kata kerja tindakan domain psikomotor

Domain Psikomotor: "Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya ..."	
Persepsi (P1)	Berkebolehan untuk: memilih, menerangkan, mengesan, mengenal pasti, membezakan, mengecam, menghubungkan kait, menyisihkan.
Set (P2)	Berkebolehan untuk: memulakan, mempamerkan, menghuraikan, memindahkan, meneruskan, memberi tindak balas, menyatakan, menunjukkan.
Respons Berpandu (P3)	Berkebolehan untuk: menyalin, menjejaki, mengikuti, memberi respons, menghasilkan semula, memberikan tindak balas.

Mekanisme (P4) **Berkebolehan untuk:** mencantumkan, menentu ukur, membina, merungkai, mempamerkan, memasang, memanipulasi, membaiki, mengorganisasikan, melakarkan, mencampurkan, mengukur.

Respons Ketara Kompleks (P5) **Berkebolehan untuk:** mencantumkan, membina, mempamerkan, mengukur, memanipulasi, menganjurkan, melakar, merungkai, mengenakan, membaiki.

Adaptasi (P6) **Berkebolehan untuk:** mengadaptasi, mengubahsuai, menukar, mengatur semula, mengorganisasikan semula, menyemak, mempelbagaikan

Lakuan Tulen (P7) **Berupaya/Berkebolehan untuk:** menyasarkan, mereka bentuk, mencipta, membangunkan, mengarang, mencantumkan, membina.

Jadual 1.7: Contoh kata kerja tindakan domain afektif

Domain Afektif: "Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya ..."	
Terima Fenomena (A1)	Berkebolehan untuk: mengikut, memegang, menamakan, menggunakan, menjawab.
Beri maklum balas (A2)	Berkebolehan untuk: membantu, menjawab, mematuhi, membincangkan, menolong, melaksanakan, mengamalkan, membentangkan, menulis, melaporkan, memilih, mendeklamasikan.
Nilai (A3)	Berkebolehan untuk: menerangkan, menunjukkan cara, membezakan, mewajarkan, melaporkan, memilih.
Organisasi (A4)	Berkebolehan untuk: mengatur, menyatu padu, mengorganisasi, menghubungkan kait, membuat sintesis, menghuraikan, membandingkan.
Hayati Nilai (A5)	Berkebolehan untuk: membezakan, mempamerkan, mempengaruhi, memupuk, membudayakan, menyemak, menyelesaikan, mengesahkan, mencadangkan.

Dimensi proses kognitif ini mewakili keselajaran peningkatan kerumitan domain kognitif iaitu daripada tahap paling rendah dalam kemahiran berfikir kepada tahap paling tinggi kemahiran berfikir.

Jadual 1.8 : Pemetaan di antara Dimensi Proses Kognitif dan Dimensi Pengetahuan

		Dimensi Pengetahuan			
		Faktual (K1) <i>Elemen-elemen asas yang perlu diketahui oleh pelajar supaya dapat mengenali bidang berkaitan masalah yang ingin diselesaikan.</i>	Konseptual (K2) <i>Hubung kait di antara elemen-elemen asas di dalam struktur yang lebih besar yang membolehkan berfungsi diantara satu sama lain.</i>	Prosedural (K3) <i>Tatacara melakukan sesuatu penyiasatan dan kriteria yang menggabungkan kemahiran, algoritma, teknik dan kaedah.</i>	Metakognitif (K4) <i>Gabungan pengetahuan kognisi umum dan kesedaran serta pengetahuan kognisi individu.</i>
Dimensi Proses Kognitif	Cipta (C6) <i>Meletakkan satu unsur bersama-sama untuk membentuk satu keseluruhan yang koheren dan diiktiraf sebagai paten atau struktur baharu</i>	Jana <i>Log/catatan aktiviti harian</i>	Himpun <i>Sekumpulan pakar</i>	Reka bentuk <i>Aliran kerja yang cekap</i>	Cipta <i>Portfolio pembelajaran inovatif</i>
	Nilai Kewajaran (C5) <i>Membuat keputusan berdasarkan kriteria dan standard</i>	Periksa <i>konsisten antara sumber</i>	Tentu <i>Kerelevanan hasil</i>	Buat keputusan <i>Keberkesanan terhadap contoh kaedah</i>	Refleks <i>Terhadap pencapaian individu</i>
	Analisis (C4) <i>Memecahkan bahan ke pada bahagian tertentu dan menentukan bagaimana setiap bahagian berkaitan antara satu dengan yang lain dan kepada struktur atau tujuan</i>	Pilih <i>Senarai aktiviti yang paling lengkap</i>	Beza <i>Budaya tinggi dan rendah</i>	Integrasi <i>Pematuhan kepada perundangan atau arahan</i>	Rungkai <i>Pandangan yang berat sebelah</i>
	Aplikasi (C3) <i>Menjalankan atau menggunakan prosedur di dalam situasi yang diberikan</i>	Beri maklum balas <i>Bertanyakan soalan dengan kerap</i>	Beri pandangan <i>Nasihat kepada orang baharu</i>	Jalankan <i>Ujian PH ke atas sampel air</i>	Guna <i>Teknik yang sepadan dengan kekuatan individu</i>
	Faham (C2) <i>Membina maksud daripada arahan dalam bentuk pertuturan, penulisan dan komunikasi grafik</i>	Rumus <i>Ciri-ciri produk baharu</i>	Kelaskan <i>Kepekatan mengikut tahap keracunan</i>	Jelaskan <i>Arahan pemasangan</i>	Ramal <i>Tidak boleh bertindak balas dengan kejutan budaya</i>
	Ingat (C1) <i>Mendapatkan semula pengetahuan daripada memori jangka panjang</i>	Senarai <i>Warna primeri atau skunder</i>	Kenal <i>Gejala keletihan</i>	Ingat semula <i>Bagaimana untuk melakukan CPR</i>	Kenal pasti <i>Strategi untuk mendapatkan maklumat</i>

Jadual 1.9 : Panduan Penentuan Aras Domain Mengikut Tahap Kelayakan

Program Pengajian	Tahap Kelayakan MQF	Purata Aras Domain Taksonomi ⁴
Asasi	-	C2-C3
Sarjana muda	6	C4
Sarjana/Diploma Pascasiswazah	7	C4-C5
Kedoktoran	8	C5-C6

Bagi memastikan kompetensi pelajar adalah mencapai tahap pengajian yang ditetapkan oleh MQF, KPT telah menetapkan, semua program pengajian perlu mencapai purata aras domain

⁴ Keperluan tahap purata untuk domain psikomotor dan afektif adalah merujuk kepada standard program yang berkaitan.

taksonomi berdasarkan tahap pengajian seperti di **dalam Jadual 1.9**. Contoh penulisan HPK yang memenuhi dan tidak memenuhi kriteria pembangunan hasil pembelajaran masing-masing boleh dilihat di dalam **Jadual 1.10** dan **Jadual 1.11**.

Jadual 1.10: Contoh pernyataan hasil pembelajaran kursus.

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Penerangan
	Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:	
Cth	Menganalisis keperluan kitar hayat dalam reka bentuk produk menggunakan perisian moden. Aras taksonomi:P4 Kaedah Pengajaran: Kuliah, Makmal Reka Bentuk , Perbincangan Dalam Kumpulan Kaedah Penilaian: Laporan Projek	<ul style="list-style-type: none"> • Pernyataan HPK: Pernyataan jelas menunjukkan kompetensi pelajar yang boleh diukur. • Taksonomi: HPK sesuai dengan satu tahap taksonomi utama yang dicadangkan. • Kaedah Pengajaran untuk memastikan pelajar mencapai HPK adalah bersesuaian. • Kaedah penilaian untuk memastikan pencapaian HPK dan tahap taksonomi adalah bersesuaian.

Selaras dengan amalan penjajaran konstruktif (*constructive alignment*), indikator-indikator tertentu dibangunkan untuk menyokong setiap HPK dan ditaksir melalui kaedah pentaksiran yang sepadan dengan domain taksonomi dan tahap taksonomi yang telah dikenal pasti untuk HPK berkenaan. Penjajaran di antara HPK dan kaedah pentaksiran⁵ tersebut boleh dilakukan dengan membangunkan pelan pentaksiran kursus seperti di **Jadual 1.12**.

Jadual 1.11: Contoh pernyataan hasil pembelajaran kursus yang tidak sesuai

Bil.	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Justifikasi
	Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:	
Cth. 1	Mengetahui keperluan kitar hayat dalam reka bentuk produk menggunakan perisian moden. Aras taksonomi: P1 Kaedah Pengajaran: Kuliah, Makmal Reka Bentuk , Perbincangan Dalam Kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> • Pernyataan HPK: Pernyataan tidak menunjukkan kompetensi pelajar yang boleh diukur. • Taksonomi: Tahap kompetensi juga terlalu rendah.

⁵ Untuk HPK domain psikomotor dan afektif, kaedah pentaksiran yang menggunakan peperiksaan bertulis (kaedah pentaksiran lazim yang tertakluk kepada kekangan masa dan sumber rujukan) perlu kurang daripada 50% daripada kaedah pentaksiran yang bukan berasaskan peperiksaan bertulis.

	Kaedah Penilaian: Peperiksaan Bertulis, Laporan Projek	
Cth. 2	Menganalisis keperluan kitar hayat dalam reka bentuk produk menggunakan perisian moden. Aras taksonomi: C2 Kaedah Pengajaran: Kuliah, Makmal Reka Bentuk, Perbincangan Dalam Kumpulan Kaedah Penilaian: Peperiksaan Bertulis, Laporan Projek	<ul style="list-style-type: none"> • Taksonomi: HPK tidak sesuai dengan tahap taksonomi yang dicadangkan.
Cth. 3	Menganalisis keperluan kitar hayat dalam reka bentuk produk menggunakan perisian moden. Aras taksonomi: C4 Kaedah Pengajaran: Kuliah Kaedah Penilaian: Peperiksaan Bertulis	<ul style="list-style-type: none"> • Kaedah pembelajaran tidak menyokong kompetensi yang diinginkan. • Penilaian boleh diragukan kerana tidak jelas sama ada pelajar berupaya untuk mengaplikasikan dan membuat analisis menggunakan perisian moden yang telah dikenal pasti. Ia boleh disalah tafsir sebagai HPK dalam Domain Psikomotor menyebabkan kaedah pentaksiran yang dipilih ialah demonstrasi penggunaan perisian, bukan tugas berbentuk projek yang memperincikan analisis yang dibuat.

Di dalam pelan pentaksiran kursus ini, setiap kaedah pentaksiran diberikan peruntukan markah tertentu dan peruntukan markah ini boleh dijumlahkan bagi setiap HPK yang mewakili pemberat untuk HPK tersebut. Bagi memberi keluwesan semasa pelaksanaan apabila markah sebenar pencapaian pelajar diperolehi, setiap kaedah peruntukan markah ini boleh diberikan variasi sebanyak $\pm 5\%$. Sebagai contoh, komponen pentaksiran 20% bagi Laporan Kerja Lapangan di dalam Jadual 1.12 boleh mengambil julat 15-25% semasa proses penyelarasan gred HPK dan gred kursus. Walau bagaimanapun, keluwesan penggunaan julat ini adalah tertakluk kepada julat 30-70% untuk komponen peperiksaan bagi kursus yang mempunyai komponen peperiksaan bagi pentaksiran sumatifnya, seperti yang disyaratkan di dalam Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2020 dan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Siswazah).


Jadual 1.12: Contoh Pelan Pentaksiran Kursus

PPPJ3624: Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:		Tahap Taksonomi	Indikator	HPP/MQF**	Pemboleh (1) / Penentu (2)*	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran (%)			
							Laporan Kerja Lapangan	Laporan Refleksi & Pembentangan Projek	Ujian Pertengahan Semester	Peperiksaan Akhir Semester
1.	Meneliti konsep dan falsafah ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.	C4	<ul style="list-style-type: none"> Menghuraikan konsep. Membincangkan falsafah. 	2	2	Kuliah	-	20	-	-
2.	Mengklasifikasi dan menginterpretasi peringkat perkembangan ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.	C4	<ul style="list-style-type: none"> Membahaskan peringkat perkembangan ilmu. Membandingkan peringkat perkembangan ilmu. 	2	2	Kuliah	-	-	-	40
3.	Menghubung kait isu sains dan teknologi dalam tamadun Islam dengan isu kontemporari secara holistik dan kronologi.	C3	<ul style="list-style-type: none"> Membentangkan kajian kes. 	5	2	Pembelajaran Berasaskan Kes	-	-	20	-
4.	Merungkai fenomena alam dengan menggunakan peralatan saintifik.	P4	<ul style="list-style-type: none"> Menjalankan cerapan astronomi. 	5	2	Kerja Lapangan	20	-	-	-
JUMLAH							20	20	20	40

*Diisi oleh fakulti/Institut **Kursus di Pusat Citra/CESMED perlu dipetakan kepada kelompok MQF

1.12 KREDIT DAN JAM PEMBELAJARAN PELAJAR

Pengiraan Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time, SLT*) atau jam nosional perlu mengambil kira jumlah jam yang digunakan bagi sesi pembelajaran secara bersemuka atau pembelajaran terpandu dan jumlah jam penilaian serta jumlah jam untuk pembelajaran sendiri, termasuk persediaan menghadapi pentaksiran, serta jam pentaksiran (lihat **Rajah 1.2**). Panduan pengiraan jam nosional yang sistematik di UKM boleh dirujuk di Garis Panduan Pembangunan Jam Kredit UKM.



Rajah 1.2: Konsep Pengiraan Jumlah Jam Pembelajaran Pelajar

Bilangan jam pembelajaran untuk setiap kategori perlu dijumlahkan untuk pengiraan kredit kursus dan program. Berdasarkan perkadaran satu (1) kredit bersamaan 40 jam nosional, jumlah kredit boleh dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Kredit} = \frac{\text{Jam Sesi Bersemuka} + \text{Jam Pembelajaran Kendiri} + \text{Jam Pentaksiran}}{40}$$

Contoh-contoh aktiviti bagi pembelajaran bersemuka atau terpandu, pembelajaran sendiri dan kaedah penilaian boleh dirujuk di **Jadual 1.13**.

Jumlah jam nosional yang dicadangkan melalui formula di atas hanyalah sebagai panduan dan ia bergantung kepada disiplin/kursus atau jenis aktiviti yang dilaksanakan. Pertimbangan pengiraan jumlah jam nosional perlu mengambil kira keperluan atau syarat disiplin/kursus. **Jadual 1.14** menunjukkan cadangan peruntukan jam pembelajaran sendiri berdasarkan masa sesi bersemuka bagi pelbagai aktiviti pembelajaran.

Jadual 1.13: Contoh Aktiviti Pembelajaran Mengikut Kaedah Pembelajaran

(aktiviti pembelajaran bergantung kepada program/kursus/bidang pengajian)

Sesi bersemuka atau terpandu	Pembelajaran sendiri	Kaedah pentaksiran
A. Kuliah	i. Tugas	1. Peperiksaan
B. Tutoran	ii. Penulisan laporan	2. Pembentangan
C. Pembentangan	iii. Forum atau perbincangan dalam talian	cadangan projek
D. Perbincangan	iv. Kuiz dalam talian	3. OSCE (<i>Objective Structured Clinical Examination</i>)
E. Makmal	v. Pembentangan dalam talian	4. Ujian Makmal
F. Lawatan Aktiviti	vi. Kuliah dalam talian	
G. Lawatan Industri		
H. Lawatan Komuniti		
I. Kerja lapangan		
J. Kutipan data		

Jadual 1.14: Cadangan peruntukan jam pembelajaran sendiri berdasarkan masa sesi bersemuka bagi pelbagai aktiviti pembelajaran

Aktiviti Pembelajaran ⁶	Jam Sesi Bersemuka ⁸	Jam Pembelajaran Kendiri
Kuliah	1	1 – 2
Tutoran	1	1
Amali dan praktikum	3	3
Kerja studio	2	2
Pembelajaran berasaskan masalah (PBL)	2	4
Perbincangan kumpulan kecil	1 – 2	1
Pembentangan	1	3 – 4
Pentaksiran sumatif	3	3
Peperiksaan bertulis	1	3 – 5
Tugas bertulis sebanyak 2000 perkataan		10 – 12
Projek ilmiah sarjana muda 6 – 10 kredit		240 – 400
Latihan industri ⁷ 4 – 12 kredit		160 – 480

⁶ Definisi aktiviti pembelajaran juga boleh membawa maksud pelaksanaan yang dilakukan secara atas talian termasuk pembelajaran menggunakan MOOC dan pembelajaran teradun. Untuk mod pembelajaran ini, jam sesi bersemuka boleh diwakili oleh jam interaksi berkesan.

⁷ Jumlah jam pembelajaran untuk latihan industri dikira berdasarkan bilangan jam pembelajaran berkesan (*effective learning*) bagi satu hari (4 jam sehari) didarab dengan bilangan hari bagi satu minggu (5 hari) dan bilangan minggu latihan industri (Contoh: 4 jam x 5 hari x 2 minggu = 40 jam)

Untuk tujuan perancangan dan kelulusan kurikulum, jumlah jam nosional boleh dikumpulkan mengikut HPK yang dibangunkan daripada rancangan mengajar mingguan berdasarkan bilangan jam bersemuka, perkadaran jam pembelajaran sendiri dan jam pentaksiran yang sesuai mengikut **Jadual 1.14**. Oleh kerana jam nosional ini mewakili ukuran kuantitatif bagi usaha atau beban pembelajaran, jumlah jam nosional untuk HPK tertentu tidak semestinya berkadaran dengan pemberat pentaksiran bagi HPK tersebut. Sekiranya kredit yang dikira melalui jumlah jam nosional ini tidak menghasilkan nombor bulat, contohnya 3.1 kredit, nilai kredit tersebut boleh dibulatkan dengan mengurangkan sedikit jam nosional bagi mana-mana HPK yang sesuai supaya ia dapat menghasilkan nilai kredit berbentuk nombor bulat. Walau bagaimanapun, semasa pelaksanaan, jumlah jam nosional untuk satu-satu HPK ini boleh dibenarkan mempunyai variasi sebanyak $\pm 5\%$ daripada nilai yang diluluskan dengan justifikasi tertentu tertakluk kepada variasi kepada jumlah kredit keseluruhan sebanyak ± 0.1 kredit.

1.13 PELAKSANAAN PEMBELAJARAN BERASASKAN KERJA⁸

Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kerja (*Work Based Learning – WBL*) membolehkan program menyampaikan kursus kepada pelajar dalam bentuk teori ketika pelajar sedang mendapatkan pembelajaran dalam dan dari tempat kerja.

Penyampaian kursus ini boleh dibuat secara dalam talian seperti MOOC (*Massive Open Online Courses*) dan melalui sistem iFolio. Kursus-kursus yang disampaikan semasa WBL adalah kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang major yang membolehkan pelajar menggunakan kemahiran yang ingin dicapai oleh kursus tersebut melalui aktiviti amali di industri dan/atau yang berkaitan dengan pembangunan profesional.

Untuk menjayakan proses ini, kerjasama rasmi di antara universiti dan industri perlu diwujudkan melalui Memorandum Persefahaman atau Memorandum Perjanjian bagi memastikan pembelajaran pelajar lebih terstruktur dan selari dengan teori yang disampaikan oleh pensyarah Universiti dan amali yang disampaikan oleh pihak Industri.

Antara perkara yang perlu diberi perhatian semasa melaksanakan WBL adalah:

- i. Hasil pembelajaran kursus;
- ii. Jadual pembelajaran WBL yang dipersetujui oleh pihak universiti dan industri;
- iii. Penyeliaan oleh universiti dan industri;
- iv. Lantikan jurulatih dalam kalangan kakitangan industri;
- v. Pentaksiran dan jam pentaksiran untuk teori dan amali;
- vi. Latihan dan penilaian penyelia/pelatih industri;
- vii. Peruntukan sumber manusia, kewangan dan fizikal; dan
- viii. Khidmat sokongan pelajar seperti dokumen rujukan, kaunseling dan khidmat sokongan akademik untuk menyokong dan menjayakan pembelajaran secara WBL.

⁸ Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja, MQA (2016)

1.14 PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN

UKM mengamalkan proses penambahbaikan kualiti berterusan bagi setiap program akademik yang ditawarkan melalui Kitaran Jaminan Kualiti Program Pengajian. Pemantauan dan kajian semula program distrukturkan untuk kitaran satu semester, satu sesi dan satu kitaran penuh sehingga kajian semula kurikulum dijalankan. Kitaran sistem pemantauan ini ditunjukkan dalam **Rajah 1.3**.

Bagi memastikan kekinian dan pengiktirafan berterusan program pengajian (status aktif) beberapa perkara ini perlu dilakukan:

- disemak sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun; dan
- masih dalam tempoh akreditasi tiga-lima (3-5) tahun seperti yang diluluskan Senat; dan
- mematuhi semua dasar dan peraturan yang diluluskan Senat; dan
- mematuhi dasar dan standard jaminan kualiti yang dikeluarkan oleh KPM dan MQA, tertakluk kepada perakuan Senat.

Sekiranya perkara di atas tidak dipatuhi, program pengajian boleh dijumudkan. Semakan menyeluruh program pengajian yang telah dijumudkan perlu dilakukan sekiranya program pengajian tersebut perlu diaktifkan semula.

Aspek yang ditekankan dalam pelaksanaan proses penambahbaikan kualiti berterusan yang diamalkan di UKM memenuhi kehendak Garis Panduan Pembangunan Program Akademik yang dikeluarkan oleh KPT.


Di samping itu, penambahbaikan juga perlu dibuat bagi menyokong inisiatif kerajaan seperti yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Di antaranya ialah saranan KPM agar semua kurikulum menerapkan kaedah penyampaian yang disenaraikan di dalam Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High Impact Educational Practices, HIEPs*). HIEPs merupakan strategi, kaedah dan reka bentuk pengajaran serta teknik pembelajaran yang terbukti amat bermanfaat dalam memastikan keterlibatan pelajar dan pembelajaran berkesan bagi pelajar pelbagai latar belakang. Senarai kaedah HIEPs adalah seperti berikut:

1. Seminar tahun satu (STS);
2. Penyelidikan empirikal (PEM);
3. Projek/tugasan kolaboratif (PTK);
4. Pembelajaran berasaskan khidmat/komuniti (PKK);
5. Pembelajaran global dan kepelbagaian (PGK);
6. Penulisan Intensif dan Saintifik (PIS);
7. Tugas rentas disiplin/multidisiplin (TMD);
8. Sangkutan/latihan industri (SLI);
9. Kursus/projek "*capstone*" (KPC).


Berkaitan dengan perkara ini, Mesyuarat Senat ke-412 pada 31 Julai 2015 telah bersetuju untuk setiap program melaksanakan sekurang-kurangnya 50% daripada amalan HIEPs di atas. Contoh mekanisme pelaksanaan HIEPs adalah seperti Rajah 1.4.

Di samping itu, pendekatan yang boleh diambil adalah seperti berikut:

- i. Memperkenalkan program akademik Sarjana Muda berbentuk 2U2i atau 3U1i yang melibatkan pembelajaran selama dua atau tiga tahun di dalam kampus dan selebihnya di luar kampus atau pembelajaran di industri (Garis Panduan Pembangunan Kurikulum 2U2i, 3U1i dan 3-Laluan);
- ii. Meningkatkan libat sama industri dan komuniti untuk menyokong pembangunan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang;
- iii. Melengkapkan kursus umum atau Pendidikan Citra dengan mengambil kira kursus merentas kurikulum yang generik. Kursus yang serupa tetapi pada tahap penguasaan yang lebih mendalam dimulakan untuk program akademik pendidikan pascasiswazah; dan
- iv. Menambah baik kursus keusahawanan dengan menambah komponen praktikal dalam kursus keusahawanan asas, dan memperkenalkan minor keusahawanan dalam program akademik.



Rajah 1.3: Kitaran Jaminan Kualiti Program Pengajian



Rajah 1.4: Mekanisma Pelaksanaan HIEP

1.15 PENGKATALOGAN KOD KURSUS

Mesyuarat Senat Ke-114 pada 21 Januari 1980 telah meluluskan panduan kod kursus dengan empat aksara huruf diikuti dengan empat angka dengan makna tertentu untuk setiap huruf dan angka. Penjelasan ini diberikan dalam **Jadual 1.15** dan **Jadual 1.16** untuk contoh dua kursus.

Jadual 1.15: Contoh Kod Kursus dan Tafsiran Setiap Kod — EPPM3323 Pemasaran Perkhidmatan

Contoh kod kursus	Kedudukan Kod	Tafsiran Kod
E	Huruf Pertama	Gabungan dua huruf mewakili Fakulti/Institut/Pusat Akademik
P	Huruf Kedua	
P	Huruf Ketiga	Gabungan dua huruf mewakili program.
M	Huruf Keempat	
3	Angka Pertama	Tahun Pengajian ⁹
3	Angka Kedua	Taraf/Bidang kursus
2	Angka Ketiga	Semester ¹⁰
3	Angka Keempat	Digit terakhir kredit. ¹¹

⁹ Angka 5-9 boleh digunakan untuk mewakili kursus-kursus yang ditawarkan bagi program pascasiswazah

¹⁰ Ganjil mewakili Semester 1; genap mewakili Semester 2; dan angka 0 dan 9 diperuntukkan untuk Semester Intersesi bagi kursus-kursus yang dibenarkan contohnya Latihan Industri dan kursus-kursus diperingkat sarjana.

¹¹ Sekiranya bilangan kredit melebihi sembilan dan terdapat kursus lain yang sama enam kod yang pertama, kursus yang kedua hendaklah menggunakan angka ketiga yang berbeza.

**Jadual 1.16: Contoh penulisan kod kursus dengan 12 kredit dan tafsiran setiap kod —
TTTTM3179: Latihan Industri dan Pengurusan**

Contoh kod kursus	Kedudukan Kod	Tafsiran Kod
T	Huruf Pertama	Gabungan dua huruf mewakili Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat.
T	Huruf Kedua	
T	Huruf Ketiga	Gabungan dua huruf mewakili program yang ditetapkan oleh Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat.
M	Huruf Keempat	
3	Angka Pertama	Kursus ditawarkan kepada pelajar Tahun 3.
1	Angka Kedua	Taraf/Bidang kursus berkaitan di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat contohnya 1 untuk kursus wajib bagi bidang Sains Komputer.
7	Angka Ketiga	Fakulti mentakrifkan angka 7 sebagai kursus di semester 3 dengan 12 kredit.
9	Angka Keempat	Fakulti mentakrifkan angka 9 sebagai kursus dengan kredit berjumlah 9 atau melebihi 9.

BAB 2 PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BERBENTUK KERJASAMA

Bab ini akan menjelaskan secara terperinci peraturan, proses dan prosedur serta keperluan penyediaan dokumen untuk tujuan permohonan program pengajian berbentuk kerjasama.

Secara umumnya program kerjasama boleh dilaksanakan melibatkan kerjasama dengan IPT dalam atau luar negara.

Untuk tujuan penjaminan kualiti, Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu memastikan program yang terlibat merupakan program pengajian yang telah mendapat akreditasi penuh dan dipantau secara bersesuaian jika ditawarkan di luar negara. Fakulti/Institut/Pusat Akademik juga perlu memastikan program akademik dan IPT luar negara yang bekerjasama perlu mendapat akreditasi daripada badan berkuasa/badan jaminan kualiti negara berkenaan.

Selain daripada itu, Fakulti/Institut/Pusat Akademik juga perlu memastikan penawaran program kerjasama ini perlu merujuk kepada keperluan MQA, standard program dan Dasar Jaminan Kualiti KPT-MQA (rujuk Perkara 5 – 8, Dasar Umum, Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi [2009-2017] Edisi Kedua) dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam (Edisi Ke-2) 2018, KPT.

Bagi program franchais UA dengan IPTS dalam negara, fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu mematuhi Garis Panduan Program Kerjasama UA/IPTS di Dalam Negara.


2.1 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BERBENTUK KERJASAMA

Semua program kerjasama sama ada dengan IPT dari dalam negara atau luar negara perlu mendapat kelulusan daripada KPT setelah diluluskan oleh Senat sebelum program berkenaan mula ditawarkan. Berikut adalah proses dan prosedur permohonan program pengajian berbentuk kerjasama (sila rujuk Rajah 2.1: Carta Alir Proses Permohonan Program Pengajian Berbentuk Kerjasama)

- i. Fakulti/Institut/Pusat Akademik/Program menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum (JKPK).
- ii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik/Program melaksanakan perbincangan dengan IPT bekerjasama untuk mendapatkan persetujuan melibatkan pengurusan, pelaksanaan, pra-syarat program, jumlah kredit, kesetaraan kursus untuk tujuan pemindahan kredit sama ada tanpa atau bersama gred, kontrak pembelajaran, jaminan kualiti akademik, pengijazahan pelajar dan pengurusan risiko.
- iii. JKPK menyediakan kertas permohonan Mesyuarat Saringan Awal (MSA) untuk kelulusan bagi program kerjasama Tahap 6 (program Sarjana Muda), (rujuk Perkara 3.1, Bab 3 dokumen garis panduan ini).

- iv. JKPK mengemukakan kertas cadangan program kerjasama (rujuk Standard Program daripada MQA atau Badan Profesional semasa membangunkan struktur program pengajian) menggunakan format kertas permohonan program baharu seperti di Bab 3 garis panduan ini, serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian program. JKPK digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti & Strategi) fakulti atau Ketua Jaminan Kualiti (KJK) institut/pusat akademik dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan.
- v. Cadangan program pengajian kerjasama yang telah lengkap dibawa ke mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
- vi. Selepas cadangan program kerjasama tersebut dipersetujui oleh mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum UKM (PENGAJARAN-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya enam (6) bulan untuk semakan dan kelulusan sebelum program tersebut boleh ditawarkan.
- vii. PENGAJARAN-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (keperluan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian UKM dan dokumen sokongan yang meliputi minit mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik dan laporan JKPK). Sekiranya tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan memulangkan semula kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dilengkapkan.
- viii. Jika dokumen lengkap, PENGAJARAN-UKM melantik ahli panel penilai untuk membentuk Panel Penilai (sekurang-kurangnya dua orang penilai daripada kalangan pakar bidang dalam dan/atau luar UKM yang akan dilantik untuk satu kertas cadangan program pengajian kerjasama).
- ix. Panel Penilai menyemak dan menilai dokumen yang dihantar sama ada memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Penulisan Program Akademik. Sekiranya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, Panel Penilai memaklumkan kepada PENGAJARAN-UKM keperluan yang perlu dibuat penambahbaikan. Proses ini berulang sehingga kriteria tersebut dipenuhi dan Panel Penilai mengemukakan laporan untuk diserahkan kepada PENGAJARAN-UKM.
- x. Kualiti-UKM mengeluarkan Perakuan Akreditasi Sementara bagi program kerjasama setelah mengesahkan pembetulan dan penambahbaikan yang dibuat ke atas dokumen berdasarkan laporan kecukupan dokumen dan laporan Panel Penilai.

- xi. Fakulti/Institut/Pusat Akademik mengemukakan dokumen program yang ditambah baik beserta dengan Perakuan Akreditasi Sementara Panel Penilai kepada Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) untuk memperakukan cadangan program kerjasama tersebut kepada Senat.
- xii. JPPA mempertimbangkan dan memperakukan cadangan program kerjasama berdasarkan kepada Perakuan Akreditasi Sementara. Jika tidak diperakukan, Urus Setia JPPA akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh PENGAJARAN UKM.
- xiii. Setelah diperakukan oleh JPPA, cadangan program kerjasama tersebut dikemukakan kepada Senat untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, , Urus Setia Senat akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh PENGAJARAN UKM sebelum dibawa semula ke JPPA dan Senat.
- xiv. Apabila cadangan diluluskan oleh Senat, Urus Setia Senat akan mengemukakan cadangan program kerjasama tersebut kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk kelulusan peruntukan dalaman dari segi sumber manusia dan kewangan.
- xv. Fakulti/Institut/Pusat Akademik melengkapkan borang permohonan program kerjasama mengikut keperluan KPT dan menyerahkan kepada Urus Setia Senat untuk untuk kelulusan penawaran di peringkat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT).
- xvi. PENGAJARAN-UKM akan menguruskan pendaftaran program ke dalam sistem “UKM-QR” untuk rekod dan pemantauan serta mengeluarkan surat pemakluman Akreditasi Sementara kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik.



2.1 BORANG PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BERBENTUK KERJASAMA

Untuk tujuan permohonan program kerjasama, Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu menyediakan kertas permohonan program kerjasama mengikut keperluan JKPT berdasarkan kategori kerjasama seperti berikut:

- i. Format Kertas Kerja Permohonan Program Kerjasama UA/PPT Dalam dan Luar Negara
- ii. Format Kertas Kerja Permohonan Program Kerjasama UA dengan IPTS Dalam Negara

I. FORMAT KERTAS KERJA PERMOHONAN PROGRAM KERJASAMA DENGAN UA/PPT DALAM DAN LUAR NEGARA

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	NAMA UNIVERSITI	Nama UA:
2.	BUTIRAN UNIVERSITI LUAR NEGARA YANG DICADANGKAN	Nama: Taraf Institusi (Awam/Swasta): Alamat: Nama program (Bahasa Inggeris): Nama badan akreditasi/badan berautoriti: Ranking Antarabangsa:
3.	BUTIRAN PROGRAM YANG DICADANGKAN	Nama (Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris): NEC: Entiti akademik yang memohon: Mod penawaran program: Tahap pengajian: Tempoh pengajian: Kredit bergraduasi: Lokasi penawaran program: Sesi penawaran: Unjuran pelajar: Syarat kemasukan:
4.	MODEL KERJASAMA	Nyatakan bentuk kerjasama
5.	JUSTIFIKASI MENGADAKAN KERJASAMA	Justifikasi perlu menyokong visi, misi dan bidang tujahan UA
6.	TERMA PERJANJIAN	Terma rujukan – sila lampirkan perjanjian (MoA) Model kewangan:

7.	IMPAK KERJASAMA	<p>Enrolmen pelajar:</p> <p>Yuran pengajian (Warganegara dan Bukan Warganegara):</p> <p>Sumber manusia:</p> <p>Kebolehpasaran graduan:</p> <p>Kepentingan negara:</p> <p>Lain-lain:</p>
8.	KAEDAH PELAKSANAAN PROGRAM	<p>Syarat pemastautin:</p> <p>Struktur kurikulum:</p> <p>Peratus pindah kredit:</p> <p>Penawaran (serentak/berturutan):</p> <p>Tesis/Viva (bilangan tesis dan panel):</p>
9.	PENGANUGERAHAN	<p>Pemilikan dan akauntabiliti:</p> <p>Bilangan skrol:</p>
10.	TARIKH CADANGAN MULA PELAKSANAAN	<p>Nyatakan semester dan sesi pengajian program akademik akan dimulakan</p>
11.	KELULUSAN	<p>Kelulusan asal program oleh JKPT:</p> <p>Senat:</p> <p>LPU/LGU:</p>

**FORMAT KERTAS KERJA PERMOHONAN PROGRAM KERJASAMA UNIVERSITI AWAM (UA) DENGAN
INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS) DALAM NEGARA**

*(Format ini dan Lampiran A hendaklah dilengkapkan oleh UA bagi setiap program kerjasama dengan
setiap IPTS)*

Bahagian I : Maklumat UA

1. Nama Universiti : _____

2. Rakan Kerjasama : _____

3. Ringkasan Program Kerjasama:

4. Sistem kawalan kualiti ke atas :

i. Pengambilan Pelajar :

ii. Pengambilan Tenaga Pengajar IPTS :

iii. Kurikulum Program Kerjasama :

iv. Pengendalian Penilaian Akademik :

Bahagian II : Maklumat IPTS

1. Nama Institusi : _____

2. Tahun didaftar : _____ ditubuhkan _____

3. Alamat Institusi :

4. Hak milik Institusi :

a) Nama dan Alamat Syarikat

b) Jenis modal :

i) Modal yang dibenar : _____

ii) Modal berbayar : _____

c) Ekuiti dan Peratusan

Ekuiti	Peratus
Ekuiti Bumiputra	
Ekuiti Bukan Bumiputra	
Ekuiti Asing	

5. Pemegang-pemegang Saham :

Pemegang Saham	Warganegara	Peratus	Nilai Saham

6. Pengerusi dan Keahlian Lembaga Pengarah Syarikat :

Nama	Warganegara	Profesyen

7. Maklumat Ketua Eksekutif :

Nama	
No. Kad Pengenalan	

Warganegara	
Kelulusan Akademik & Profesional	
Pengalaman dalam bidang pendidikan	

8. Unjuran pelajar (*Sila nyatakan perancangan pengambilan, enrolmen dan keluaran pelajar mengikut tahun – seperti di Lampiran B*)

9. Tenaga Pengajar (*Sila senaraikan nama, kelayakan dan taraf jawatan tenaga pengajar – seperti di Lampiran C*)

LAMPIRAN A

PROGRAM KERJASAMA UA-IPTS

UA:

Nama IPTS yang menjalankan Program Kerjasama	Nama Program (Peringkat dan Bidang)	Model Kerjasama	Tarikh Lulus LPU	Tempoh Perjanjian (MOU/MOA)	Yuran Pengajian (Setahun)	Tahun dimulakan di UA	Enrolmen Pelajar Tahun Pertama		Syarat Masuk (dengan ringkas)	Bilangan Tenaga Pengajar
							Bumi-putra	Bukan Bumi		

Nota: Tahun Pertama adalah berdasarkan tahun pertama kemasukan pelajar

LAMPIRAN B

UNJURAN PENGAMBILAN, ENROLMEN DAN KELUARAN PELAJAR BAGI PROGRAM KERJASAMA UA-IPTS

IPTS:

Bil.	Nama Program	Tahun Pertama			Tahun Kedua			Tahun Ketiga			Tahun Keempat			Tahun Kelima		
		I	E	O	I	E	O	I	E	O	I	E	O	I	E	O

*Nota: Unjuran bagi Tahun Pertama adalah berdasarkan tahun pertama kemasukan pelajar.

I – Intake; E – Enrolmen; O - Output

LAMPIRAN C

MAKLUMAT TENAGA PENGAJAR BAGI PROGRAM KERJASAMA UA-IPTS

IPTS:

Bil.	Nama	Kelayakan Akademik	Taraf Jawatan (Tetap/Kontrak/Sambilan)	Warganegara	Tahun Mula Berkhidmat

BAB 3 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN

Bab ini bertujuan memperjelaskan proses dan prosedur permohonan program pengajian baharu dan menyediakan templat bagi membantu Fakulti/Institut/Pusat Akademik menyediakan kertas cadangan program baharu mengikut mod kerja kursus (program Sarjana Muda, program Sarjana Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran) dan mod penyelidikan (pascasiswazah). Bagi memastikan program pengajian baharu yang dipohon menepati kriteria jaminan kualiti yang ditetapkan, kertas cadangan permohonan yang dibangunkan oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik akan digunakan semasa penilaian Akreditasi Sementara oleh panel penilai yang dilantik.

3.1 PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN MELALUI MESYUARAT SARINGAN AWAL (MSA)

Dalam usaha untuk memperkukuh semua dasar dan hala tuju pendidikan tinggi serta bagi menjayakan semua inisiatif yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi), Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) melalui Lonjakan 6: Pemantapan Tadbir Urus telah merasionalisasikan peranan JKPT dan Mesyuarat Saringan Awal (MSA). Rasionalisasi peranan JKPT dan MSA ini telah dilaksanakan dengan mengambil kira proses penurunan kuasa secara berperingkat mengikut tahap kesediaan dan keupayaan universiti yang berbeza agar pelaksanaan autonomi dapat dijalankan secara berkesan.

Dengan mengambil kira pelaksanaan PPPM (PT) 2015-2025 proses permohonan semua program pengajian perlu melalui MSA **kecuali program** yang melibatkan peringkat:

- i) Sijil dan Diploma Pascasiswazah (Tahap 7 MQF);
- ii) Sijil dan Diploma Siswazah (Tahap 6 MQF);
- iii) Diploma Lanjutan (Tahap 5 MQF);
- iv) Diploma Eksekutif (Tahap 4 MQF);
- v) Sarjana (Tahap 7 MQF);
- vi) Kedoktoran (Tahap 8 MQF); dan
- vii) Program Francais serta Pesisir

Tempoh sah laku kelulusan MSA adalah dua (2) tahun daripada tarikh surat kelulusan. Kegagalan mengemukakan kertas cadangan penuh program untuk pertimbangan JKPT dalam tempoh tersebut menyebabkan kelulusan MSA terbatal dan fakulti/pusat akademik perlu mengemukakan semula permohonan ke MSA sekiranya ingin meneruskan cadangan penawaran program tersebut.

Selepas cadangan penawaran program akademik baharu mendapat perakuan JKPT dan kelulusan Menteri, fakulti/pusat akademik hendaklah menawarkan program berkenaan mulai semester/sesi penawaran yang diluluskan atau tidak melebihi dua (2) tahun daripada

tarikh kelulusan Menteri. Seterusnya fakulti/pusat akademik hendaklah memulakan proses mendapatkan Akreditasi Penuh (FA) setahun sebelum kohort pertama pelajar bergraduasi.

Untuk tujuan permohonan MSA, Fakulti/Pusat Akademik perlu mematuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh KPT seperti berikut:

- (a) Bidang**
Permohonan program pengajian hendaklah selari dengan bidang tujahan seperti mana yang dinyatakan dalam Perintah Pengerahan Universiti dan bidang tujahan/nic Universiti;
- (b) Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs)**
Program pengajian baharu peringkat Sarjana Muda perlu mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) daripada sembilan (9) elemen Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs). Salah satu elemen HIEPs hendaklah berkenaan pembelajaran berasaskan perkhidmatan dan komuniti (*service learning/community based learning - CBL*).
- (c) Libat Sama Industri**
Program pengajian baharu yang dicadangkan perlulah ada libat sama dengan pihak industri. Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu mendapatkan laporan kajian pasaran secara komprehensif daripada pihak industri sama ada industri tempatan atau antarabangsa terhadap program yang ingin dilaksanakan;
- (d) Keperluan Penawaran**
Mengambil kira keperluan guna tenaga (swasta dan awam), pertindanan program sedia ada, kebolehpasaran graduan bagi fakulti yang ingin menawarkan program baharu termasuk peratus kebolehpasaran graduan keseluruhan Universiti serta dasar pendidikan tinggi negara;
- (e) Implikasi**
Pelaksanaan program pengajian baharu hendaklah mengambil kira implikasi kewangan, perjawatan dan kemudahan fizikal secara terperinci tanpa melibatkan keperluan tambahan berbangkit pada masa hadapan. Kos jangka panjang dan pulangan (*Return of Investment – ROI*) kepada negara hendaklah diperincikan di dalam kertas cadangan;
- (f) Penjumudan, Pembekuan dan Pelupusan Program Pengajian yang dikenal pasti**
Program pengajian sedia ada yang tidak lagi relevan kepada negara dan industri, tidak berdaya maju serta tidak mendapat sambutan perlu dijumudkan, dibekukan dan seterusnya dihapuskan (rujuk Bab 6 untuk maklumat lanjut berkaitan proses jumud, beku dan hapus program pengajian).

Permohonan program Sarjana Muda yang telah berjaya melalui saringan ketat dengan perakuan MSA dan telah mendapat kelulusan Akreditasi Sementara daripada Senat UKM seterusnya perlu dimaklumkan kepada JKPT. Bagi program yang mendapat pengecualian MSA, Universiti masih perlu memaklumkan permohonan tersebut kepada JKPT.

Proses dan prosedur permohonan MSA adalah seperti:

- i. Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum (JKPK) mengemukakan cadangan program pengajian baharu mengikut keperluan MSA seperti yang diperincikan di **Perkara 3.1** serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian program. JKPK digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti & Strategi) fakulti dan Ketua Jaminan Kualiti (KJK) pusat akademik dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan.
- ii. Cadangan program pengajian baharu yang telah lengkap dibawa ke mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
- iii. Selepas cadangan program baharu tersebut dipersetujui oleh mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (PENGAJARAN-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format *Microsoft Word* atau media yang sesuai.
- iv. PENGAJARAN-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen dan dokumen sokongan yang meliputi petikan minit mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik, laporan kajian pasaran, dan Rol. Sekiranya tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan memulangkan semula kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik, untuk dilengkapi. Dokumen yang telah lengkap akan diserahkan oleh PENGAJARAN-UKM kepada Urus Setia MSA, KPT. Penghantaran dokumen permohonan program baharu mestilah selewat-lewatnya tiga puluh hari (30) sebelum MSA dijalankan.

3.1.1 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN KELULUSAN MSA UNTUK PROGRAM PENGAJIAN BAHARU

Untuk tujuan penyediaan dokumen MSA, Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu menyediakan Kertas Cadangan Permohonan Saringan Awal seperti berikut:

KERTAS CADANGAN PERMOHONAN SARINGAN AWAL BAGI PROGRAM AKADEMIK BAHARU

Bil.	Perkara	Keterangan
1.	UNIVERSITI AWAM	Nyatakan nama universiti.
2.	TUJUAN	Nyatakan dengan ringkas tujuan kertas cadangan.
3.	VISI, MISI & MATLAMAT PENDIDIKAN UNIVERSITI	Nyatakan visi, misi dan matlamat pendidikan universiti.
4.	BIDANG TUJAHAN UNIVERSITI	Nyatakan bidang tujuhan universiti.
5.	ENTITI AKADEMIK YANG MEMOHON	5.1 Nyatakan nama penuh entiti akademik yang memohon program akademik baharu. 5.2 Nyatakan program akademik sedia ada di entiti akademik yang memohon program akademik baharu. 5.3 Nyatakan secara ringkas sejarah penubuhan dari segi tarikh penubuhan, bilangan program akademik dan bilangan pelajar terkini yang berdaftar.
6.	LOKASI PENAWARAN	Nyatakan lokasi program akademik akan dijalankan.
7.	PROGRAM AKADEMIK YANG DIPOHON	Nyatakan nama program akademik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Contoh: <i>Sarjana Muda Undang-Undang</i> <i>Bachelor of Law</i>
8.	TAHAP KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MQF)	Nyatakan tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) program akademik baharu yang dipohon. Contoh: Sarjana Muda: Tahap 6
9.	NATIONAL EDUCATION CODE (NEC)	Nyatakan kod bidang program akademik tersebut berdasarkan manual NEC.

Bil.	Perkara	Keterangan									
10.	PENGIKTIRAFAN BADAN PROFESIONAL	Nyatakan sama ada program akademik perlu diiktiraf oleh mana-mana badan profesional. Contoh: Lembaga Kelayakan Profesyen Undang-Undang (<i>Legal Profession Qualifying Board</i>).									
11.	INSTITUSI/ORGANISASI KERJASAMA	Sekiranya ia melibatkan penawaran bersama institusi/organisasi lain, nyatakan nama institusi/organisasi dan nama program yang berkaitan di institusi/organisasi berkenaan. Sila lampirkan <i>Letter of Intent (LoI)</i> / <i>Memorandum of Understanding (MoU)</i> / <i>Memorandum of Agreement (MoA)</i>									
12.	SESI PENGAJIAN PROGRAM AKADEMIK DIMULAKAN	Nyatakan semester dan sesi pengajian program akademik akan dimulakan. Contoh: Semester 1 Sesi 2019/2020 (Oktober 2020).									
13.	MOD PENAWARAN	Nyatakan mod penawaran sama ada kerja kursus, penyelidikan, campuran dan mod industri.									
14.	KREDIT BERGRADUAT	Nyatakan jumlah kredit bergraduat program akademik tersebut.									
15.	KAEDAH DAN TEMPOH PENGAJIAN	<p>15.1 Nyatakan kaedah pengajian sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.</p> <p>15.2 Nyatakan tempoh minimum dan maksimum pengajian. Contoh:</p> <table border="1" data-bbox="715 1391 1442 1659"> <thead> <tr> <th data-bbox="715 1391 927 1480">Kaedah Pengajian</th> <th data-bbox="927 1391 1155 1480">Tempoh Minimum</th> <th data-bbox="1155 1391 1442 1480">Tempoh Maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="715 1480 927 1570">Sepenuh Masa</td> <td data-bbox="927 1480 1155 1570">4 tahun (8 semester)</td> <td data-bbox="1155 1480 1442 1570">6 tahun (12 semester)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="715 1570 927 1659">Separuh Masa</td> <td data-bbox="927 1570 1155 1659">6 tahun (12 semester)</td> <td data-bbox="1155 1570 1442 1659">8 tahun (16 semester)</td> </tr> </tbody> </table> <p>15.3 Nyatakan dengan jelas sekiranya terdapat gabungan semester panjang dan semester pendek</p>	Kaedah Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum	Sepenuh Masa	4 tahun (8 semester)	6 tahun (12 semester)	Separuh Masa	6 tahun (12 semester)	8 tahun (16 semester)
Kaedah Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum									
Sepenuh Masa	4 tahun (8 semester)	6 tahun (12 semester)									
Separuh Masa	6 tahun (12 semester)	8 tahun (16 semester)									

Bil.	Perkara	Keterangan
16.	KAEDAH PENYAMPAIAN PROGRAM	<p>16.1 Nyatakan kaedah penyampaian sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Konvensional ii. Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (<i>Open and Distance Learning, ODL</i>) <p>16.2 Nyatakan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Yang Transformatif berasaskan penyampaian abad ke-21 menerusi ruang pembelajaran yang futuristik serta penggunaan teknologi digital terkini bagi mewujudkan pembelajaran imersif berdasarkan pengalaman.</p>
17.	JUSTIFIKASI MENGADAKAN PROGRAM AKADEMIK	<p>Nyatakan justifikasi yang merangkumi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> 17.1 Unjuran statistik keperluan pekerjaan di sektor awam dan swasta bagi tempoh lima (5) tahun. 17.2 Jenis pekerjaan yang berkaitan dan jumlah keperluan industri. Hasil dapatan <i>Labour Force Survey (LFS)</i> boleh digunakan sebagai sumber rujukan. 17.3 Peratus Kebolehpasaran Graduan (<i>Graduate Employability</i>) bagi entiti akademik dan universiti yang ingin menawarkan program akademik baharu. 17.4 Faktor perkembangan dan perubahan teknologi. 17.5 Justifikasi-justifikasi lain yang berkaitan.
18.	KELESTARIAN PROGRAM	<p>Nyatakan kelestarian program dengan memfokuskan kepada isu sejauh manakah program dijangka bertahan di pasaran.</p>
19.	OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM	<p>Nyatakan Objektif Pendidikan Program (OPP).</p>

Bil.	Perkara	Keterangan																												
20.	HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM	20.1 Nyatakan keupayaan keterampilan kompetensi khusus (<i>specific competencies</i>) yang akan ditunjukkan oleh pelajar di akhir program, seperti domain yang dinyatakan dalam MQF dan standard program (jika berkaitan). 20.2 Tunjukkan matriks Hasil Pembelajaran Program (HPP) lawan Objektif Pendidikan Program (OPP).																												
21.	STRUKTUR KURIKULUM	Lampirkan struktur kurikulum dan plan pengajian.																												
22.	UNJURAN PELAJAR	Nyatakan unjuran, enrolmen dan keluaran pelajar dalam tempoh lima (5) tahun. <table border="1" data-bbox="762 790 1339 987" style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th data-bbox="762 790 938 842">Tahun</th> <th data-bbox="938 790 1011 842"></th> <th data-bbox="1011 790 1085 842"></th> <th data-bbox="1085 790 1158 842"></th> <th data-bbox="1158 790 1232 842"></th> <th data-bbox="1232 790 1305 842"></th> <th data-bbox="1305 790 1339 842"></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="762 842 938 893">Unjuran</td> <td data-bbox="938 842 1011 893"></td> <td data-bbox="1011 842 1085 893"></td> <td data-bbox="1085 842 1158 893"></td> <td data-bbox="1158 842 1232 893"></td> <td data-bbox="1232 842 1305 893"></td> <td data-bbox="1305 842 1339 893"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="762 893 938 945">Enrolmen</td> <td data-bbox="938 893 1011 945"></td> <td data-bbox="1011 893 1085 945"></td> <td data-bbox="1085 893 1158 945"></td> <td data-bbox="1158 893 1232 945"></td> <td data-bbox="1232 893 1305 945"></td> <td data-bbox="1305 893 1339 945"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="762 945 938 987">Keluaran</td> <td data-bbox="938 945 1011 987"></td> <td data-bbox="1011 945 1085 987"></td> <td data-bbox="1085 945 1158 987"></td> <td data-bbox="1158 945 1232 987"></td> <td data-bbox="1232 945 1305 987"></td> <td data-bbox="1305 945 1339 987"></td> </tr> </tbody> </table>	Tahun							Unjuran							Enrolmen							Keluaran						
Tahun																														
Unjuran																														
Enrolmen																														
Keluaran																														
23.	SYARAT KEMASUKAN	23.1 Nyatakan syarat am, khusus dan syarat khas kemasukan/program 23.2 Nyatakan keperluan kelayakan asas termasuk Band MUET. 23.3 Nyatakan keperluan dan kemahiran prasyarat serta syarat/kelayakan lain jika diperlukan. 23.4 Nyatakan keperluan pelajar untuk mengambil apa-apa kursus khas bagi mereka yang tidak memenuhi kriteria kemasukan, syarat am dan khusus mengikut kelulusan Senat. 23.5 Nyatakan kategori OKU yang diterima masuk ke program ini.																												
24.	PERBANDINGAN PROGRAM AKADEMIK YANG DIPOHON DENGAN UNIVERSITI LAIN DALAM NEGARA/ PERTINDIHAN PROGRAM	24.1 Nyatakan program yang sama atau hampir sama di universiti lain (awam dan swasta) dalam negara/pertindihan program. 24.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang dipohon dengan program universiti yang lain dalam negara yang dibandingkan. Rujuk Garis Panduan Kriteria																												

Bil.	Perkara	Keterangan
		Universiti Program Pengajian untuk Penandaarasan Kurikulum (2020).
25.	PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM AKADEMIK DI UNIVERSITI LUAR NEGARA	<p>25.1 Nyatakan program yang sama atau hampir sama yang ditawarkan oleh universiti lain di luar negara.</p> <p>25.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang dipohon dengan program universiti yang lain di luar negara yang dibandingkan. Rujuk Garis Panduan Kriteria Universiti Program Pengajian untuk Penandaarasan Kurikulum (2020).</p>
26.	IMPLIKASI PERJAWATAN/ FIZIKAL DAN KEWANGAN	<p>26.1 Nyatakan keperluan perjawatan sama ada memadai dengan perjawatan sedia ada atau penambahan baharu.</p> <p>26.2 Nyatakan keperluan fizikal/infrastruktur sama ada memadai dengan keperluan fizikal/infrastruktur sedia ada atau penambahan baharu. Nyatakan implikasi kewangan yang berkaitan.</p> <p>26.3 Nyatakan sama ada implikasi yang dinyatakan menggunakan peruntukan dalaman universiti atau memerlukan peruntukan tambahan daripada pihak kementerian.</p>
27.	PENJUMUDAN/PEMBEKUAN /PELUPUSAN PROGRAM	Nyatakan program sedia ada yang telah/akan dijumudkan/dibekukan/dilupuskan.

Bil.	Perkara	Keterangan												
28.	KOS PELAKSANAAN PROGRAM	<p>Nyatakan kos pelaksanaan program:</p> <p>28.1 Kadar yuran per semester bagi setiap pelajar.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil. Semester</th> <th>Pelajar Tempatan</th> <th>Pelajar Antarabangsa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td>Jumlah Yuran</td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table> <p>28.2 <i>Break even point</i> dalam Ringgit Malaysia (RM) dan bilangan pelajar.</p>	Bil. Semester	Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa							Jumlah Yuran		
Bil. Semester	Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa												
Jumlah Yuran														
29.	TARIKH KERTAS CADANGAN DILULUSKAN	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Kelulusan</th> <th>Tarikh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pra Senat/Pihak Berkuasa Universiti/Senat</td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>	Kelulusan	Tarikh	Pra Senat/Pihak Berkuasa Universiti/Senat									
Kelulusan	Tarikh													
Pra Senat/Pihak Berkuasa Universiti/Senat														

MAKLUMAT PEGAWAI PENYEDIA DOKUMEN UNTUK DIHUBUNGI:

MAKLUMAT	URUS SETIA UA	ENTITI AKADEMIK YANG MEMOHON
Nama	Nama Pegawai Pentadbiran	Nama Dekan/Pengarah
Jawatan	Jawatan Pegawai Pentadbiran	Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat Pengajian/Pusat/Institut
No. Tel. Pejabat		
No. Tel. Bimbit		
E-Mel		

Nota: Pihak UA hendaklah menghantar dua (2) salinan dokumen berserta satu (1) cakera padat yang mengandungi kertas cadangan dalam format *Microsoft Word*, saiz *font* 12 dan jenis *font* Arial.

**SENARAI SEMAK KERTAS CADANGAN PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU
UNTUK MESYUARAT SARINGAN AWAL (MSA)**

Bil.	Perkara/Butiran	Tandakan (✓)	
		UA	BPPA JPT
1.	Kertas cadangan (<i>softcopy</i>) (format <i>Microsoft Word</i>)		
2.	Dua (2) salinan kertas cadangan (<i>hardcopy</i>)		
3.	Lampiran: Perincian dokumen sokongan kertas cadangan		
4.	Surat iringan yang ditandatangani oleh TNC/RA		

PENGAKUAN DAN PENGESAHAN PEGAWAI PENYEDIA

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
(Nama/Cop)

.....
(Tandatangan dan Tarikh)

UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA MSA

Borang diisi dengan lengkap:

Ya

Tidak

Disemak oleh Pegawai BPPA:

.....
(Nama/Cop)

.....
(Tandatangan dan Tarikh)


3

Dengan mengambil kira keperluan untuk mengadakan proses yang setara dengan Akreditasi Sementara mengikut Seksyen 45 Akta MQA 2007, prosedur pengurusan program pengajian baharu adalah seperti berikut (Proses dan Prosedur untuk Permohonan Program Pengajian Baharu adalah seperti di **Rajah 3.1**):

- i. Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum (JKPK) mengemukakan cadangan program pengajian baharu (rujuk Standard Program daripada MQA atau Badan Profesional semasa membangunkan struktur program pengajian) serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian program. JKPK digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti & Strategi) fakulti atau Ketua Jaminan Kualiti (KJK) institut/pusat akademik dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan.
- ii. Cadangan program pengajian baharu yang telah lengkap dibawa ke mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
- iii. Selepas cadangan program baharu tersebut dipersetujui oleh mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (PENGAJARAN-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format *Microsoft Word*. Penghantaran dokumen permohonan program baharu yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum program tersebut boleh ditawarkan.
- iv. PENGAJARAN-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (keperluan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian Versi 4 (Pindaan 2020) dan dokumen sokongan yang meliputi petikan minit mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik dan laporan JKPK. Sekiranya tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan memulangkan semula kepada fakulti/institut/pusat akademik untuk dilengkapi.
- v. Jika dokumen lengkap, PENGAJARAN-UKM melantik ahli panel penilai untuk membentuk Panel Penilai (sekurang-kurangnya dua orang penilai daripada kalangan pakar bidang dalam dan/atau luar UKM yang akan dilantik untuk satu kertas cadangan program pengajian baharu).
- vi. Panel Penilai menyemak dan menilai dokumen yang dihantar sama ada memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian. Sekiranya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, Panel Penilai memaklumkan kepada

PENGAJARAN-UKM keperluan yang perlu dibuat penambahbaikan. Proses ini berulang sehingga kriteria tersebut dipenuhi dan Panel Penilai mengemukakan laporan untuk diserahkan kepada PENGAJARAN-UKM.

- vii. Kualiti-UKM mengeluarkan Perakuan Akreditasi Sementara setelah mengesahkan pembedaan dan penambahbaikan yang dibuat ke atas dokumen berdasarkan laporan kecukupan dokumen dan laporan Panel Penilai.
- viii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik mengemukakan dokumen program yang ditambah baik berserta dengan Perakuan Akreditasi Sementara oleh Kualiti-UKM kepada Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) untuk memperakukan cadangan program baharu tersebut kepada Senat.
- ix. JPPA mempertimbangkan dan memperakukan cadangan program baharu berdasarkan kepada Perakuan Akreditasi Sementara. Jika tidak diperakukan, Urus Setia JPPA akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula ke PENGAJARAN-UKM.
- x. Setelah diperakukan oleh JPPA, cadangan program baharu tersebut dikemukakan kepada Senat untuk perakuan. Jika tidak diperakukan, Urus Setia Senat akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula ke PENGAJARAN-UKM sebelum dibawa ke JPPA dan Senat.
- xi. Apabila cadangan diperakukan oleh Senat, cadangan program baharu tersebut akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk kelulusan.
- xii. Urus Setia Senat akan menyerahkan kertas cadangan permohonan program baharu (rujuk **Lampiran 3.1.1**) kepada Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) untuk kelulusan.
- xiii. PENGAJARAN-UKM akan menguruskan pendaftaran program ke dalam Sistem "UKM-QR" untuk rekod dan pemantauan.



Rajah 3.1: Proses dan Prosedur untuk Permohonan Program Pengajian Baharu

LAMPIRAN 3.1.1

**SENARAI SEMAK KERTAS CADANGAN PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU
UNTUK MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT)**

Bil.	Perkara/Butiran	Tandakan	
		UA	BPPA JPT
1.	Kertas cadangan (<i>softcopy</i>) (format <i>Microsoft Word</i>)		
2.	Dua (2) salinan kertas cadangan (<i>hardcopy</i>)		
3.	Lampiran: Perincian dokumen sokongan kertas cadangan		
4.	Satu (1) salinan digital dokumen MQA-01		
5.	Surat iringan yang ditandatangani oleh TNC/RA		

PENGAKUAN DAN PENGESAHAN PEGAWAI PENYEDIA

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
(Nama/Cop)

.....
(Tandatangan dan Tarikh)

UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA JKPT

Borang diisi dengan lengkap : Ya Tidak

Disemak oleh Pegawai BPPA :

.....
(Nama/Cop)

.....
(Tandatangan dan Tarikh)

3.1.1 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU: KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN

Untuk tujuan penyediaan dokumen bagi Akreditasi Sementara, program baharu mod kerja kursus, Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu melengkapkan tiga bahagian utama dokumen seperti berikut:

- (a) Ringkasan Eksekutif;
- (b) Kertas Cadangan Program Baharu;
- (c) Kriteria Tambahan untuk Akreditasi Sementara.

A. RINGKASAN EKSEKUTIF

Sila sediakan Ringkasan Eksekutif seperti format berikut:

RINGKASAN EKSEKUTIF CADANGAN PROGRAM PENGAJIAN

RINGKASAN EKSEKUTIF		
1.	FAKULTI/INSTITUT/PUSAT AKADEMIK YANG MEMOHON	
2.	ALAMAT PROGRAM DIJALANKAN Sama ada: <ul style="list-style-type: none"> • Kampus Bangi • Kampus Cheras • Kampus Kuala Lumpur • Pusat Penyelidikan/ Pusat Kecemerlangan/ Makmal Alami* • Pusat Pembelajaran (untuk program PKP dan jarak jauh)* *Sila sertakan sijil Audit Premis.	
3.	BIDANG TUJAHAN FAKULTI/INSTITUT	
4.	TUJUAN	
5.	PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON	
6.	BIDANG PENYELIDIKAN PROGRAM DAN KOD NEC	
7.	PERINGKAT DAN MOD PENAWARAN	Peringkat: Mod Penawaran: Jumlah Kredit Bergraduati:

8.	KAEDAH DAN TEMPOH PENGAJIAN	<p>i. Nyatakan kaedah pengajian sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.</p> <p>ii. Nyatakan tempoh minimum dan maksimum pengajian.</p> <table border="1" data-bbox="807 365 1433 607"> <thead> <tr> <th data-bbox="807 365 1018 465">Kaedah Pengajian</th> <th data-bbox="1018 365 1225 465">Tempoh Minimum</th> <th data-bbox="1225 365 1433 465">Tempoh Maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="807 465 1018 539">Sepenuh Masa</td> <td data-bbox="1018 465 1225 539"></td> <td data-bbox="1225 465 1433 539"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="807 539 1018 607">Separuh Masa</td> <td data-bbox="1018 539 1225 607"></td> <td data-bbox="1225 539 1433 607"></td> </tr> </tbody> </table> <p>iii. Nyatakan dengan jelas sekiranya terdapat gabungan semester panjang dan semester pendek.</p>	Kaedah Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum	Sepenuh Masa			Separuh Masa																	
Kaedah Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum																								
Sepenuh Masa																										
Separuh Masa																										
9.	SESI PENGAJIAN PROGRAM AKADEMIK DIMULAKAN																									
10.	KAEDAH PENYAMPAIAN PROGRAM																									
11.	JUSTIFIKASI MENGADAKAN PROGRAM																									
12.	OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM																									
13.	HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM																									
14.	ANALISIS KEPERLUAN																									
15.	STRUKTUR KURIKULUM																									
16.	SILIBUS																									
17.	ETIKA DAN KEMANUSIAAN																									
18.	UNJURAN PELAJAR	<table border="1" data-bbox="807 1559 1433 1899"> <thead> <tr> <th data-bbox="807 1559 963 1630">Tahun</th> <th data-bbox="963 1559 1058 1630">20__</th> <th data-bbox="1058 1559 1152 1630">20__</th> <th data-bbox="1152 1559 1246 1630">20__</th> <th data-bbox="1246 1559 1340 1630">20__</th> <th data-bbox="1340 1559 1433 1630">20__</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="807 1630 963 1749">Pengambilan</td> <td data-bbox="963 1630 1058 1749"></td> <td data-bbox="1058 1630 1152 1749"></td> <td data-bbox="1152 1630 1246 1749"></td> <td data-bbox="1246 1630 1340 1749"></td> <td data-bbox="1340 1630 1433 1749"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="807 1749 963 1821">Enrolmen</td> <td data-bbox="963 1749 1058 1821"></td> <td data-bbox="1058 1749 1152 1821"></td> <td data-bbox="1152 1749 1246 1821"></td> <td data-bbox="1246 1749 1340 1821"></td> <td data-bbox="1340 1749 1433 1821"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="807 1821 963 1899">Keluaran</td> <td data-bbox="963 1821 1058 1899"></td> <td data-bbox="1058 1821 1152 1899"></td> <td data-bbox="1152 1821 1246 1899"></td> <td data-bbox="1246 1821 1340 1899"></td> <td data-bbox="1340 1821 1433 1899"></td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	20__	20__	20__	20__	20__	Pengambilan						Enrolmen						Keluaran					
Tahun	20__	20__	20__	20__	20__																					
Pengambilan																										
Enrolmen																										
Keluaran																										
19.	SYARAT KEMASUKAN																									

20.	IMPLIKASI KAKITANGAN, FIZIKAL DAN KEWANGAN	(a) Implikasi Kakitangan; (b) Implikasi Fizikal; (c) Implikasi Kewangan.
21.	PERTINDIHAN PROGRAM YANG DIPOHON DENGAN IPT LAIN	
22.	PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM PENGAJIAN DI IPT LUAR NEGARA	
23.	PENJUMUDAN/PEMBEKUAN/PELUPUSAN PROGRAM (Sekiranya berkaitan)	
24.	KOS PELAKSANAAN PROGRAM	
25.	KEAHLIAN DAN ULASAN JAWATANKUASA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PROGRAM ATAU LEMBAGA PENGAJIAN TERHADAP PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON	(a) Keahlian Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian; (b) Ulasan Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian.
26.	TARIKH PROGRAM DILULUSKAN	(a) Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian; (b) Mesyuarat Fakulti/Institut; (c) JPPA; (d) Senat; (e) Lembaga Pengarah Universiti.
27.	KESIMPULAN/SYOR	

B. KERTAS CADANGAN PROGRAM BAHARU

1. FAKULTI/INSTITUT YANG MEMOHON

Nyatakan Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang memohon program.

2. ALAMAT PROGRAM DIJALANKAN

- i. Nyatakan alamat aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan seperti:
 - a) Kampus Bangi; dan/atau
 - b) Kampus Cheras; dan/atau
 - c) Kampus Kuala Lumpur; dan/atau
 - d) Pusat Penyelidikan/Pusat Kecemerlangan/Makmal Alami; dan/atau
 - e) Pusat Pembelajaran.

- ii. Sila sertakan salinan sijil Audit Premis bagi program yang turut ditawarkan di luar Kampus Bangi, Kampus Kuala Lumpur atau Kampus Cheras.

3. BIDANG TUJAHAN FAKULTI/INSTITUT

Nyatakan bidang tujuhan

4. TUJUAN

Nyatakan tujuan kertas cadangan disediakan.

5. PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON

- i. Nyatakan nama program dan nama ijazah yang akan dianugerahkan di dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- ii. Nyatakan singkatan program di dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- iii. Nyatakan jumlah kredit bergraduasi program pengajian.
- iv. Nyatakan sama ada ijazah perlu diiktiraf oleh mana-mana badan profesional.
- v. Sekiranya ia melibatkan penawaran bersama institusi lain, nyatakan nama institusi dan nama program yang berkaitan di institusi berkenaan.

6. BIDANG PENYELIDIKAN PROGRAM¹² DAN KOD NEC

- i. Senaraikan Bidang Penyelidikan yang disangkutkan dengan program di dalam 5(i) mengikut kod bidang NEC (*National Education Code*) yang mengandungi 3-digit;
- ii. Untuk setiap bidang penyelidikan di dalam (i), senaraikan Pengkhususan Penyelidikan bagi program di dalam perkara 5(i).

7. PERINGKAT DAN MOD PENAWARAN

- i. Nyatakan peringkat pengajian, sama ada Diploma, Sarjana Muda, Sarjana atau Kedoktoran dan tahap MQF bagi program akademik yang dipohon. Contoh: Sarjana Muda, Tahap MQF 6.
- ii. Nyatakan jumlah kredit bergraduasi.
- iii. Nyatakan mod penawaran sama ada kerja kursus atau mod campuran.

8. KAEDAH DAN TEMPOH PENGAJIAN

- i. Nyatakan kaedah pengajian bagi program pengajian sama ada:
 - a. Sepenuh Masa; dan/atau
 - b. Separuh Masa.

¹² Bagi program sarjana muda, bidang penyelidikan juga boleh dirujuk sebagai bidang program pengajian untuk program tersebut.

- ii. Nyatakan tempoh minimum dan maksimum pengajian.

Contoh :

Kaedah Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum
Sepenuh Masa	4 tahun (8 semester)	6 tahun (12 semester)
Separuh Masa	6 tahun (12 semester)	8 tahun (16 semester)

- iii. Nyatakan dengan jelas sekiranya terdapat gabungan semester panjang dan semester pendek.

9. SESI PENGAJIAN PROGRAM AKADEMIK DIMULAKAN

Nyatakan tahun dan sesi program akan dimulakan. Contoh: Semester 1 Sesi 2020/2021 (Oktober 2020).

10. KAEDAH PENYAMPAIAN PROGRAM

- i. Nyatakan kaedah penyampaian yang meliputi kuliah, tutorial, amali, sesi pembelajaran berpusatkan pelajar, sesi pembelajaran atas talian, dan lain-lain mengikut peratus jam pembelajaran sama ada konvensional, jarak jauh atau dalam/atas talian atau lain-lain.
- ii. Analisis kurikulum berdasarkan kepada 10 unsur dalam Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) seperti di **Lampiran 10.1** (program Sarjana Muda sahaja).
- iii. Analisis kurikulum berdasarkan kepada kriteria Pendidikan 4.0 UKM seperti di **Lampiran 10.2** (program prasiswazah sahaja).

11. JUSTIFIKASI MENGADAKAN PROGRAM

- i. Justifikasi yang dikemukakan boleh merangkumi rasional berikut:
 - ii. Keperluan tenaga manusia negara. Peluang pekerjaan di sektor awam dan swasta mengikut permintaan dalam pasaran semasa dan prospek jangka panjang. Analisis di bahagian ini perlu membincangkan:
 - a) unjuran statistik tenaga manusia bagi tempoh 5 tahun;
 - b) jenis pekerjaan yang berkaitan dengan jumlah keperluan industri;
 - c) bidang-bidang perkhidmatan yang memerlukan graduan-graduan program akademik ini; dan
 - d) keperluan pasaran; dan
 - e) Peratus kebolehpasaran graduan.
 - iii. Rancangan lima tahun semasa dan dokumen penting kerajaan seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) 2015-2025, Pelan Induk Perindustrian (IMP), Rancangan Malaysia, dasar-dasar Kerajaan dan lain-lain.

- iv. Permintaan semasa terhadap program akademik termasuk permohonan daripada agensi/industri berkenaan atau arahan dari Kementerian yang berkaitan. Sertakan Kajian Hala Tuju (rujuk kajian yang dijalankan oleh KPT, jika berkaitan).
- v. Perkembangan dan perubahan teknologi.
- vi. Nyatakan kelestarian program dengan memfokus kepada isu sejauh manakah program dijangka bertahan di pasaran.
- vii. Jika program dijalankan bersama institusi lain, nyatakan keperluan kerjasama dan justifikasi pemilihan institusi berkenaan.
- viii. Justifikasi-justifikasi lain.

12. OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM

- i. Nyatakan Objektif Pendidikan Program (OPP).
- ii. Nyatakan kesesuaian Objektif Pendidikan Program (OPP) di dalam (i) dengan visi, misi dan matlamat Universiti serta aspirasi negara dan kepentingan global.

13. HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

- i. Nyatakan tahap kompetensi yang akan ditunjukkan oleh pelajar pada akhir program, seperti penguasaan pengetahuan dan pemahaman dalam pelbagai bidang termasuk ICT, kemahiran kognitif, daya intelek, dari segi menyelesaikan masalah, membuat keputusan secara kreatif, ketrampilan, praktikal, kebolehan berkomunikasi, kemahiran interersonal, kemahiran digital, kemahiran celik angka (*numeracy*), berfikir secara kritikal, sikap dan akhlak sebagai warganegara yang bertanggungjawab serta berupaya meningkatkan kebolehan diri. Untuk program profesional seperti Kejuruteraan, Perubatan, Seni Bina, Undang-undang, Perakaunan dan sebagainya, **hasil pembelajaran program** adalah seperti yang disyaratkan oleh badan profesional masing-masing.
- ii. Tunjukkan kaitan antara keupayaan pada akhir program (hasil pembelajaran program) dengan keupayaan yang akan diperolehi dalam alam pekerjaan (objektif program) dan Matlamat Pendidikan. **Pastikan hasil pembelajaran program digubal mengikut tahap kelayakan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia, iaitu Tahap MQF 6 untuk Ijazah Sarjana Muda, Tahap MQF 7 untuk Ijazah Sarjana dan Diploma Pascasiswazah serta Tahap MQF 8 untuk Ijazah Kedoktoran.** Bagi menyokong perkara ini, sediakan **Jadual Matriks** seperti di lampiran berikut:
 - (a) **Lampiran 13.1:** Contoh Pemetaan antara Objektif pendidikan program dengan Matlamat Pendidikan; dan
 - (a) **Lampiran 13.2:** Contoh Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program dengan Objektif Program; dan
 - (b) **Lampiran 13.3:** Contoh pemetaan Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan lima (5) Kelompok Hasil Pembelajaran MQF; atau

- iii. Matrik **kursus melawan hasil pembelajaran program** dan **Kursus lawan Domain/Aras Taksonomi** perlu seimbang dan tidak ada hasil pembelajaran program yang tertinggal atau tidak diberi penekanan. Sebagai panduan, setiap kursus perlu menyokong sekurang-kurangnya tiga hasil pembelajaran program.

Taksonomi hendaklah merangkumi domain berikut :

- (a) Domain Kognitif (6 skala);
- (b) Domain Psikomotor (7 Skala);
- (c) Domain Afektif (5 skala).

Untuk menyokong perkara di atas, sila sediakan matriks dan graf seperti di lampiran berikut:

- (a) **Lampiran 13.4:** Matriks Kursus dan Hasil Pembelajaran Program;
- (b) **Lampiran 13.5:** Matriks Tahap Taksonomi Kursus ;
- (c) **Lampiran 13.6:** Taburan Jumlah Kursus Baharu yang ditawarkan mengikut Aras Taksonomi (bagi Program Sarjana Muda sahaja);

14. ANALISIS KEPERLUAN

Analisis keperluan perlu mengandungi item di bawah:

- i. Nyatakan bagaimana program yang dipohon relevan dengan Bidang Keutamaan Ekonomi Negara (NKEA) seperti di bawah:
 - a) Minyak, Gas dan Tenaga;
 - b) Minyak Sawit dan Getah;
 - c) Pemborongan dan Peruncitan;
 - d) Perkhidmatan Kewangan;
 - e) Pelancongan;
 - f) Elektronik dan Elektrik;
 - g) Perkhidmatan Perniagaan;
 - h) Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur;
 - i) Pendidikan;
 - j) Pertanian; atau
 - k) Penjagaan Kesihatan.
- ii. Huraikan dengan terperinci bagaimana program yang dipohon telah mengambil kira kesesuaian penawarannya dengan keadaan ekonomi masa kini.
- iii. Nyatakan bagaimana program yang dipohon relevan dengan bidang tujahan Fakulti/Institut/Pusat Akademik.
- iv. Nyatakan hasil kajian pasaran guna tenaga yang dijalankan oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik terhadap program yang dipohon. Format laporan kajian pasaran adalah seperti **Lampiran 14.1**. Fakulti/Institut/Pusat Akademik dibenarkan untuk menambah perincian laporan kajian pasaran mengikut keperluan, namun elemen utama yang dinyatakan di dalam format yang diberikan perlu dikekalkan.

- v. Lampirkan borang soal selidik kajian pasaran yang dibangunkan oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik bersama laporan kajian pasaran. Contoh borang soal selidik adalah seperti di **Lampiran 14.2**. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh menggunakan format instrumen kajian yang berbeza namun ianya perlu merangkumi maklumat seperti dilampirkan di mana penekanan perlu diberi kepada isu kebolehpasaran graduan. Nyatakan kebolehpasaran pelajar di peringkat Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang memohon.
- vi. Nyatakan keperluan program bagi membantu pencapaian visi, misi, bidang tujahan dan matlamat program.
- vii. Rumuskan ulasan oleh pakar-pakar di luar universiti dan/atau pihak industri terhadap kesesuaian program. Ulasan ini dihasilkan melalui mesyuarat Jawatankuasa Pengajian yang dianggotai oleh pakar bidang dan pihak berkepentingan termasuk industri (rujuk item 25).
- xii. Nyatakan kelestarian program dengan memfokus kepada isu sejauh manakah program dijangka bertahan di pasaran.
- xiii. Jika berkaitan, nyatakan kajian/keperluan penjumudan program sedia ada seperti saranan JPT (surat JPT(A)1000/013/013/02 Jld. 11 (25) bertarikh 13 Mei 2013).
- xiv. Nyatakan keperluan-keperluan lain yang mewajarkan penawaran program yang dipohon, termasuk (jika ada/berkaitan):
 - (a) Ulasan Penilai/Pemeriksa Luar;
 - (b) Dapatan Kaji Selidik Tamat Pengajian (*Exit Survey*) bagi program yang hampir sama dengan program yang dipohon;
 - (c) Dapatan Kaji Selidik Alumni bagi program yang hampir sama dengan program yang diperlukan;
 - (d) Kajian hala tuju;
 - (e) Arahan Kementerian;
 - (f) Dokumen sokongan lain.

15. STRUKTUR KURIKULUM

15.1 Program Prasiswazah

- i. Nyatakan agihan peratusan kredit berdasarkan keperluan yang ditetapkan mengikut nomenklatur dan struktur program pengajian. Rujuk contoh yang di **Lampiran 15.1**.
- ii. Nyatakan struktur kurikulum berdasarkan agihan jam kredit dalam bentuk jadual seperti di **Lampiran 15.2**. Agihan kredit mengikut semester (12 – 20 kredit) dan tertakluk kepada Senat. Bagi program yang ditawarkan secara

modular, pemetaan yang jelas bagi menunjukkan klasifikasi/peratusan/julat modul perlu diwujudkan.

- iii. Sertakan justifikasi bagi setiap modul yang diwujudkan (sekiranya berkaitan).
- iv. Senaraikan kursus bagi satu kohort pengajian dan petakan kursus mengikut kursus penentu dan pemboleh bagi setiap semester (rujuk **Lampiran 15.3**).
- v. Nyatakan sinopsis kursus dan lampirkan senarai buku teks/rujukan (rujuk **Lampiran 15.4**).
- vi. Nyatakan kandungan dan struktur program:
 - Huraikan bidang-bidang ilmu teras yang penting untuk memahami konsep, prinsip dan kaedah bagi pembelajaran program tersebut;
 - Huraikan prinsip yang dijadikan panduan dalam mereka bentuk kurikulum program;
 - Latihan Industri (sekurang-kurangnya 3 bulan atau tempoh yang ditetapkan oleh mana-mana badan profesional yang mempunyai kuasa menganugerahkan akreditasi – rujuk Dasar Latihan Industri IPT 2010).
- vii. Nyatakan bagaimana unsur-unsur di dalam Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) diterapkan di dalam kurikulum ini.
 - Setiap program perlu menerapkan dan mengamalkan sekurang-kurangnya 50% unsur-unsur HIEPs di dalam kurikulumnya.
- viii. Sertakan pengiktirafan/ulasan badan profesional berkaitan (untuk program profesional).

15.2 Program Pascasiswazah

- i. Nyatakan jumlah jam kredit program. Pastikan jumlah kredit minimum adalah mengikut MQF. Pecahan kursus teras dan elektif adalah seperti saranan Standard Bidang yang berkaitan dikeluarkan oleh MQA (jika ada). Struktur kurikulum perlu merangkumi kursus Kaedah Penyelidikan atau kursus-kursus lain yang diwajibkan untuk program pascasiswazah dari semasa ke semasa. Projek atau disertasi adalah juga satu keperluan. Jangka masa maksimum pengajian perlu dinyatakan dengan jelas. Untuk mod campuran, nisbah kerja kursus dan penyelidikan boleh merangkumi 50:50 atau 40:60 atau 30:70.
- ii. Nyatakan struktur kurikulum berdasarkan agihan jam kredit dalam bentuk jadual seperti di **Lampiran 15.2**. Bagi program yang ditawarkan secara modular, pemetaan yang jelas bagi menunjukkan klasifikasi/peratusan/julat modul perlu diwujudkan.
- iii. Sertakan justifikasi bagi setiap modul yang diwujudkan (sekiranya berkaitan).

- iv. Nyatakan sinopsis kursus dan lampirkan senarai buku teks/rujukan (rujuk **Lampiran 15.4**).
- v. Nyatakan kandungan dan struktur program:
 - a. Huraikan bidang-bidang ilmu teras yang penting untuk memahami konsep, prinsip dan kaedah bagi pembelajaran program tersebut;
 - b. Huraikan prinsip yang dijadikan panduan dalam mereka bentuk kurikulum program;
- vi. Nyatakan penilaian/pemarkahan program dan pengurusan peperiksaan:
 - a. Huraikan kekerapan dan kaedah penilaian termasuk kriteria lulus/gagal dan penganugerahan ijazah;
 - b. Huraikan mekanisme dinamik untuk meningkatkan kualiti program dari segi struktur, fungsi, strategi dan aktiviti program.
- vii. Sertakan pengiktirafan/ulasan badan profesional berkaitan (untuk program profesional).
- viii. Nyatakan kriteria penerbitan yang menjadi syarat pengijazahan, jika ada.

16. SILIBUS

- i. Objektif dan Hasil Pembelajaran Kursus ditulis berteraskan Hasil Pembelajaran Program dan Domain Kemahiran Insaniah serta aras taksonomi yang dipersetujui.
- ii. Sinopsis ditulis dengan ayat yang lengkap untuk menggambarkan objektif kursus.
- iii. Kandungan menggambarkan objektif kursus, hasil pembelajaran kursus dan tahap taksonomi yang diperlukan.
- iv. Jumlah kredit yang dikira mengikut Jumlah Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time*) atau Jam Nosional (*Notional Hours*)¹³.
- v. Sekurang-kurangnya 20% kursus (boleh dikira mengikut kredit atau jumlah kursus) mengandungi kandungan keterlibatan pihak industri/komuniti dan kursus yang terpilih ini perlu menyelitkan 2-3 sesi pengkuliahan yang dijalankan dengan rakan industri/komuniti¹⁴.
- vi. Kaedah Penilaian mengikut format penaksiran.
- vii. Rujukan terkini (lima tahun ke belakang) dan mengikut gaya UKM.

¹³ Untuk program profesional, kredit kursus boleh ditentukan mengikut keperluan akreditasi badan profesional.

¹⁴ Diluluskan oleh Senat UKM Ke-409 pada 18 Mac 2015.

Untuk perkara 15(i-vi):

- Format maklumat untuk setiap kursus perlu disediakan seperti di **Lampiran 15.4** untuk contoh maklumat Kursus. Maklumat kursus ini mengandungi dua bahagian seperti berikut:
 - a. Komponen yang perlu kelulusan Senat UKM iaitu kod kursus, nama kursus, kredit, sinopsis, pra-keperluan, keperluan kursus untuk menduduki peperiksaan dan hasil pembelajaran kursus; dan
 - b. Komponen yang kandungannya boleh diluluskan di peringkat Fakulti/Institut/Pusat Akademik seperti senarai rujukan¹⁵, rancangan mengajar dan pelan pentaksiran kursus.

17. ETIKA DAN KEMANUSIAAN

Huraikan bagaimana aspek-aspek etika dan kemanusiaan dimasukkan ke dalam kurikulum untuk membantu membangunkan individu yang seimbang, peka kepada masyarakat, mahir berkomunikasi dan mampu membuat keputusan.

18. UNJURAN PELAJAR

Nyatakan unjuran pelajar dari segi bilangan pengambilan, enrolmen dan keluaran (graduan) untuk tempoh lima tahun.

19. SYARAT KEMASUKAN

- i. Nyatakan keperluan kelayakan asas termasuk Band MUET;
- ii. Nyatakan keperluan dan kemahiran prasyarat serta syarat/kelayakan lain jika diperlukan;
- iii. Nyatakan syarat am, khusus dan khas Fakulti/Institut/Program Pengajian;
- iv. Nyatakan keperluan pelajar untuk mengambil apa-apa kursus khas bagi mereka yang tidak memenuhi kriteria kemasukan, syarat am dan khusus mengikut kelulusan Senat.

20. IMPLIKASI KAKITANGAN, FIZIKAL DAN KEWANGAN¹⁶

- i. Implikasi Kakitangan:
 - Carta organisasi Fakulti/Institut/Pusat Akademik;
 - Senaraikan tenaga pengajar sedia ada untuk program pengajian yang dipohon beserta kelayakan, kepakaran dan kemahiran serta kesepadanan

¹⁵ Senarai rujukan perlulah mengandungi bahan bacaan yang diterbitkan dalam masa 5 tahun daripada tarikh kertas cadangan ini dipohon untuk kelulusan. Sekiranya bahan tersebut ingin dikekalkan, ia perlu dikemas kini dengan edisi dan tahun penerbitan terbaharu. Walau bagaimanapun, penyenaian bahan bacaan melebihi lima tahun masih dibenarkan sekiranya ia merupakan rujukan bersifat klasik dan/atau diperlukan untuk penjelasan teori atau konsep untuk kursus tersebut.

¹⁶ Implikasi kakitangan, fizikal dan kewangan perlu berpadanan dengan pilihan lokasi pengajaran dan pembelajaran yang dinyatakan dalam Perkara (ii).

kelayakan dan kepakaran dengan bidang pengajian. Nyatakan bilangan tambahan tenaga pengajar yang diperlukan bagi tempoh lima tahun;

- Nyatakan jumlah kakitangan sokongan sedia (termasuk jawatan dan penempatan) dan unjuran – rujuk **Lampiran 20.1**.

ii. Implikasi Fizikal:

- Kemudahan-kemudahan fizikal, makmal, peralatan dan pusat sumber di Fakulti/ Institut/Pusat Akademik yang sedia ada dan tambahan yang diperlukan bagi tempoh lima tahun – rujuk **Lampiran 20.2**.

iii. Implikasi Kewangan:

- Keperluan peruntukan pembangunan program;
- Keperluan peruntukan mengurus (termasuk emolumen kakitangan) bagi tempoh lima (5) tahun;
- Nyatakan sama ada terdapat kemudahan lain yang menyokong kepada keberkesanan program.

21. PERTINDIHAN PROGRAM YANG DIPOHON DENGAN IPT LAIN

- Nyatakan IPT dan program pengajian yang berkaitan (jika berkaitan).
- Nyatakan kelainan dan kekuatan program yang dipohon berbanding dengan IPT lain (jika berkaitan).

22. PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM PENGAJIAN DI UNIVERSITI LUAR NEGARA

- Berikan contoh program yang ditawarkan oleh universiti di luar negara (jika berkaitan).
- Nyatakan perbandingan dari segi persamaan/perbezaan dan kekuatannya (jika berkaitan). Rujuk Garis Panduan Kriteria Universiti Program Pengajian untuk Penandaarasan Kurikulum (2020).

23. PENJUMUDAN/PEMBEKUAN/PELUPUSAN PROGRAM PENGAJIAN

Nyatakan program sedia ada yang telah/akan dijumudkan/dibekukan/dilupuskan (jika berkaitan).

24. KOS PELAKSANAAN PROGRAM

Nyatakan kos pelaksanaan program:

- i. Kadar yuran per semester bagi setiap pelajar
- ii. *Break even point* dalam Ringgit Malaysia (RM) dan bilangan pelajar

25. KEAHLIAN DAN ULASAN JAWATANKUASA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PROGAM ATAU LEMBAGA PENGAJIAN TERHADAP PROGRAM YANG DIPOHON

Senaraikan keahlian Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/Program atau Lembaga Pengajian dan sertakan ulasan dan minit mesyuarat. Rujuk Garis Panduan Pelantikan Penilai Luar dan Penasihat Luar (Pindaan 2020).

26. TARIKH PROGRAM DILULUSKAN

Nyatakan tarikh program diluluskan oleh pihak-pihak berikut:

- (a) Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/Program atau Lembaga Pengajian;
- (b) Mesyuarat Fakulti/Institut;
- (c) Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA);
- (d) Senat;
- (e) Lembaga Pengarah Universiti.

27. KESIMPULAN/SYOR

Nyatakan kesimpulan/syor ke atas cadangan program.

C. KRITERIA TAMBAHAN UNTUK AKREDITASI SEMENTARA

Bahagian ini meliputi maklumat dan kriteria yang menerangkan secara spesifik tentang program yang akan ditawarkan. Ia diadaptasi daripada standard-standard terpilih yang disenaraikan di dalam Kod Amalan Akreditasi Program yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Ia juga disesuaikan untuk tujuan penilaian dalaman yang terfokus kepada keperluan semasa peringkat reka bentuk suatu program dan peringkat awal pelaksanaan program, antaranya kepada reka bentuk dan penyampaian kurikulum, penilaian pelajar, pemilihan dan khidmat sokongan pelajar, serta pentadbiran dan pengurusan program.

Justeru, Kertas Cadangan ini perlu melampirkan laporan mengikut format berikut bagi Fakulti/Institut/Pusat Akademik menyatakan sejauh mana kriteria di bawah dipatuhi dan diamalkan. Berikut adalah keperluan reka bentuk dan penyampaian program untuk program Prasiswazah dan Program Sarjana (Mod Kerja Kursus dan Mod Campuran).

1. Reka Bentuk dan Penyampaian Program

1.1 Pernyataan Objektif Pendidikan Program dan Hasil Pembelajaran

- 1.1.1 Program ini mestilah selaras serta menyokong, visi, misi dan matlamat PPT;
- 1.1.2 Program ini mestilah dipertimbangkan hanya selepas penilaian keperluan telah menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk program yang ditawarkan;
- 1.1.3 Program mesti menyatakan tujuan pendidikan programnya, hasil pembelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran, dan pentaksiran, serta memastikan penjajaran konstruktif dilaksanakan di antara semua perkara tersebut;
- 1.1.4 Hasil pembelajaran program mesti setara dengan diskriptor tahap KKM dan lima domain hasil pembelajaran KKM:
 - i. Pengetahuan dan pemahaman;
 - ii. Kemahiran kognitif;
 - iii. Kemahiran fungsional (Kemahiran Praktikal; Kemahiran Numerasi; Kemahiran Interpersonal dan komunikasi; Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab);
 - iv. Kemahiran Personal dan Keusahawanan;
 - v. Etika dan Profesionalisme.

- 1.1.5 Berdasarkan hasil pembelajaran yang dinyatakan, program ini mesti dapat menunjukkan pilihan kerjaya dan pilihan yang ada untuk pelajar melanjutkan pengajian selepas menamatkan program.

1.2 Pembangunan Program: Proses, Kandungan, Struktur dan Kaedah Pengajaran-Pembelajaran

- 1.2.1 Program mesti mempunyai autonomi yang mencukupi untuk mereka bentuk kurikulum dan menggunakan sumber yang diperuntukkan yang diperlukan untuk pelaksanaannya. (Jika berkenaan, peruntukan di atas juga mesti meliputi program kerjasama dan program yang dijalankan secara kerjasama dengan atau daripada, PPT lain mengikut dasar kebangsaan).
- 1.2.2 Program mesti mempunyai proses yang sesuai untuk membangunkan kurikulum yang membawa kepada kelulusan oleh pihak berkuasa akademik tertinggi di PPT.
- 1.2.3 Program mesti berunding dengan pemegang berkepentingan dalam pembangunan kurikulum termasuk pakar pendidikan yang sesuai.
- 1.2.4 Kurikulum mesti memenuhi keperluan disiplin pengajian, dengan mengambil kira standard program yang sesuai, keperluan profesional dan industri serta amalan yang baik dalam bidang pengajian.
- 1.2.5 Satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai yang berkaitan dengan objektif pendidikan program dan hasil pembelajaran mesti diwujudkan.
- 1.2.6 Aktiviti kokurikulum mesti diadakan untuk memperkayakan pengalaman pelajar, dan memupuk perkembangan serta tanggungjawab peribadi.

1.3 Penyampaian Program

- 1.3.1 Program mesti mengambil tanggungjawab untuk memastikan penyampaian hasil pembelajaran program yang berkesan.
- 1.3.2 Pelajar mesti diberikan taklimat tentang maklumat terkini berkaitan (antara lain) objektif, struktur, rangka, jadual, nilai kredit, hasil pembelajaran, dan kaedah pentaksiran program pada permulaan pengajian mereka.
- 1.3.3 Program ini mesti mempunyai penyelaras sepenuh masa yang sesuai dan satu kumpulan kakitangan akademik (contohnya, jawatankuasa

program) yang mempunyai kuasa yang memadai untuk mewujudkan penyampaian program yang berkesan.

- 1.3.4 Program mesti menyediakan pelajar dengan persekitaran pembelajaran yang kondusif.
- 1.3.5 Program mesti menggalakkan inovasi dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian.
- 1.3.6 Program mesti mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan untuk meningkatkan penyampaian hasil program.

2. Penilaian Pembelajaran Pelajar

2.1 Hubungan di antara Penilaian dan Hasil Pembelajaran

- 2.1.1 Prinsip, kaedah dan amalan pentaksiran mestilah sejajar dengan hasil pembelajaran program, selaras dengan tahap yang ditakrifkan dalam MQF.
- 2.1.2 Penjajaran di antara pentaksiran dan hasil pembelajaran dalam program mestilah secara sistematik dan sentiasa disemak untuk memastikan keberkesanannya.

2.2 Kaedah Pentaksiran

- 2.2.1 Terdapat pelbagai kaedah dan alat yang sesuai untuk menilai hasil pembelajaran dan kompetensi.
- 2.2.2 Mekanisme untuk memastikan, dan menyemak secara berkala, kesahan, kebolehpercayaan, integriti, keterkinian dan keadilan kaedah pentaksiran mesti diwujudkan.
- 2.2.3 Kekerapan, kaedah, dan kriteria pentaksiran pelajar termasuk sistem penggredan dan dasar rayuan mesti didokumentasikan dan disampaikan kepada pelajar semasa permulaan program.
- 2.2.4 Perubahan kepada kaedah pentaksiran pelajar mestilah mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan dan dimaklumkan kepada pelajar sebelum pelaksanaannya.

2.3 Pengurusan Pentaksiran Pelajar

- 2.3.1 Program dan kakitangan akademiknya mesti mempunyai tahap autonomi yang mencukupi dalam pengurusan pentaksiran pelajar. (Standard ini mungkin tidak terpakai untuk program tertentu.)

- 2.3.2 Terdapat mekanisme tertentu untuk memastikan keselamatan dokumen dan rekod penilaian.
- 2.3.3 Keputusan pentaksiran mesti dimaklumkan kepada pelajar sebelum bermulanya semester baharu untuk memudahkan keputusan perkembangan.
- 2.3.4 Program mesti mempunyai garis panduan dan mekanisme yang sesuai untuk pelajar merayu keputusan kursus mereka.
- 2.3.5 Program mesti menyemak secara berkala pengurusan pentaksiran pelajar dan mengambil tindakan berdasarkan hasil semakan (Untuk tahap 6 MQF dan ke atas, semakan ini mesti melibatkan pemeriksa luar).

3. Pemilihan Pelajar dan Perkhidmatan Sokongan

3.1 Pemilihan pelajar

- 3.1.1 Program ini mesti mempunyai kriteria dan proses yang jelas untuk pemilihan pelajar (termasuk pelajar pindahan) dan ini mesti selaras dengan keperluan yang berkaitan.
- 3.1.2 Kriteria dan proses pemilihan pelajar mestilah telus dan objektif.
- 3.1.3 Enrolmen pelajar mestilah bersesuaian dengan kapasiti jabatan bagi memastikan keberkesanan penyampaian program.
- 3.1.4 Fakulti/Institut/Pusat Akademik seharusnya mempunyai polisi yang jelas dan jika berkenaan, mekanisme yang bersesuaian untuk proses rayuan pemilihan pelajar.
- 3.1.5 Program mesti menawarkan sokongan pembangunan dan pemulihan yang sesuai untuk membantu pelajar, termasuk untuk pelajar pindahan yang memerlukan.

3.2 Artikulasi dan Pemindahan

- 3.2.1 Program mesti mempunyai dasar dan mekanisme yang jelas untuk membantu mobiliti pelajar, termasuk pemindahan pelajar sama ada di dalam atau antara institusi mahupun institusi di luar negara.
- 3.2.2 Program mesti memastikan bahawa pelajar pindahan yang akan diterima masuk berkebolehan untuk mengikuti program dengan jayanya.
- 3.2.3

3.3 Perkhidmatan Sokongan Pelajar

- 3.3.1 Pelajar mestilah mempunyai akses kepada khidmat sokongan yang sesuai dan mencukupi seperti kemudahan fizikal, sosial, kewangan, rekreasi, dalam talian, serta khidmat kaunseling akademik dan bukan-akademik serta perkhidmatan kemudahan kesihatan.
- 3.3.2 Terdapat unit pentadbiran khas yang berperanan penting di PPT yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan perkhidmatan sokongan pelajar dan dikendalikan oleh individu yang berpengalaman.
- 3.3.3 Program induksi yang berkesan perlu disediakan untuk pelajar baharu khususnya pelajar yang datang dari jauh, pelajar antarabangsa serta pelajar berkeperluan khas.
- 3.3.4 Khidmat kaunseling akademik, bukan akademik dan kerjaya perlu disediakan oleh kakitangan yang layak dan mencukupi.
- 3.3.5 Perlu ada mekanisme yang secara aktif mengenal pasti dan membantu pelajar yang memerlukan bantuan kerohanian, psikologi, sosial dan akademik.
- 3.3.6 Fakulti/Institut/Pusat Akademik mesti mempunyai proses dan prosedur yang jelas dan berdokumen dalam mengendalikan kes-kes disiplin pelajar.
- 3.3.7 Perlu ada mekanisme yang efektif untuk pelajar menyuarakan perasaan tidak puas hati mereka berkaitan isu akademik dan bukan akademik.
- 3.3.8 Khidmat sokongan pelajar perlu sentiasa dinilai untuk memastikan kecukupan, keberkesanan dan keselamatannya.

3.4 Perwakilan Pelajar dan Penglibatan

- 3.4.1 Penyebaran dasar dan proses bagi penglibatan pelajar terutamanya dalam bidang yang berkaitan dengan minat dan kebajikan pelajar.
- 3.4.2 Perwakilan pelajar dan organisasi yang memadai perlu wujud di peringkat jabatan dan institusi.
- 3.4.3 Pelajar perlu dipermudahkan untuk membina jaringan dengan pihak luar yang berkepentingan serta melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti untuk memperolehi kemahiran pentadbiran, keusahawanan dan kepimpinan sebagai persediaan bekerja.

- 3.4.4 Aktiviti pelajar dan organisasi perlu dipermudahkan bagi mengalakkan pembinaan karakter, memupuk rasa kepunyaan, tanggungjawab dan kewarganegaraan.

3.5 Alumni

- 3.5.1 Program perlu memupuk jaringan yang aktif dengan alumni bagi memajukan, menilai dan menambahbaik program secara berterusan.

4. Staf Akademik

4.1 Pengambilan dan Pengurusan

- 4.1.1 Program perlu mempunyai pelan yang jelas mengenai keperluan sumber manusia yang selari dengan dasar institusi dan keperluan program
- 4.1.2 Program perlu mempunyai dasar dan dokumentasi pengambilan kakitangan akademik yang jelas di mana kriteria pengambilan terutamanya adalah berdasarkan kepada merit akademik dan/atau pengalaman yang berkaitan.
- 4.1.3 Nisbah kakitangan-pelajar dalam program adalah bersesuaian dengan kaedah pengajaran-pembelajaran dan mematuhi standard program disiplin tersebut.
- 4.1.4 Program mesti mempunyai kakitangan akademik yang mencukupi dan berkelayakan untuk menjalankan program. Nisbah kakitangan akademik sepenuh masa - separuh masa ialah 60:40.
- i. Sediakan ringkasan mengenai setiap kakitangan akademik yang terlibat dalam mengendalikan program dalam Jadual 5.

No.	Nama dan jawatan staf akademik	Status pelantikan (sepenuh masa, sambilan,	Kewarga-negaraan	Kursus yang diajar dalam program ini	Kursus yang diajar dalam program lain	Kelayakan akademik		Bidang tumpuan penyelidikan	Pengalaman kerja lampau <i>Past work Experience</i>		
						Kelayakan, Bidang Pengkhususan, Tahun Penganugerahan	Nama Institusi Penganugerah dan negara		Jawatan	Majikan	Tahun berkhidmat (Mula dan Akhir)
1.											
2.											
3.											
4.											

- 4.1.5 Dasar jabatan mestilah menunjukkan agihan tanggungjawab yang sama rata dalam kalangan kakitangan akademik.
- 4.1.6 Dasar pengambilan kakitangan akademik untuk program tertentu hendaklah dipelbagaikan dari segi pengalaman, pendekatan dan latar belakang.
- 4.1.7 Dasar - dasar dan prosedur untuk pengiktirafan melalui kenaikan pangkat, kenaikan gaji atau ganjaran hendaklah jelas, telus dan berdasarkan merit.
- 4.1.8 Program mesti mempunyai jaringan kebangsaan dan antarabangsa untuk meningkatkan pengalaman dalam hal akademik, profesional dan pengamal bidang bagi meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dalam program ini.

4.2 Perkhidmatan dan Pembangunan

- 4.2.1 Program mesti mempunyai dasar untuk menangani perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan, pembangunan dan penilaian kakitangan akademik.
- 4.2.2 Program mesti memberi peluang kepada staf akademik untuk memberi tumpuan kepada kepakaran masing-masing.
- 4.2.3 Program mestilah mempunyai dasar yang jelas berhubung konflik kepentingan dan kelakuan profesional termasuk prosedur mengendalikan masalah disiplin dalam kalangan staf akademik.
- 4.2.4 Program mesti mempunyai mekanisme dan proses untuk penilaian pelajar terhadap staf akademik bagi tujuan penambahbaikan kualiti.
- 4.2.5 Fakulti/Institut/Pusat Akademik mesti mempunyai mekanisme dan proses untuk penilaian pelajar terhadap staf akademik bagi tujuan penambahbaikan kualiti.
- 4.2.6 Fakulti/Institut/Pusat Akademik mesti memberi peluang kepada staf akademik untuk mengambil bahagian dalam aktiviti profesional, akademik dan lain-lain yang berkaitan, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk mendapatkan kelayakan profesional bagi meningkatkan pengalaman pengajaran-pembelajaran.
- 4.2.7 Program mesti menggalakkan dan membantu staf akademik untuk memainkan peranan aktif dalam aktiviti komuniti dan industri.

4.3 Pengurusan Program

- 4.3.1 Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu menjelaskan struktur dan fungsinya, dan hubungan antara mereka, dan ini perlu disampaikan kepada semua pihak yang terlibat berdasarkan kepada prinsip tanggungjawab, akauntabiliti dan ketelusan.

- 4.3.2 Program perlu mempunyai polisi, prosedur dan mekanisme untuk sentiasa menilai dan pengemaskinian struktur, fungsi, strategi dan aktiviti teras untuk memastikan peningkatan kualiti yang berterusan.
- 4.3.3 Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu mempunyai sistem jawatankuasa yang ditubuhkan secara rasmi untuk bertanggungjawab dalam perundingan dalaman dan luaran, maklum balas, analisis keperluan pasaran dan unjuran pekerjaan bagi program.
- 4.3.4 Fakulti/Institut/Pusat Akademik mesti melibatkan penyertaan dan perundingan melibatkan staf akademik, pelajar dan pihak berkepentingan luar.

4.4 Kepimpinan Program

- 4.4.1 Kriteria untuk pelantikan dan tanggungjawab pemimpin program ini hendaklah dinyatakan dengan jelas.
- 4.4.2 Kepimpinan program perlu dipegang oleh mereka yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai, dan dengan kuasa yang mencukupi bagi reka bentuk kurikulum, penyampaian dan semakan program.
- 4.4.3 Mesti ada mekanisme dan proses untuk membolehkan komunikasi antara program dan kepimpinan Universiti mengenai perkara-perkara seperti pengambilan kakitangan dan latihan, kemasukan pelajar, peruntukan sumber dan proses membuat keputusan.

**LAMPIRAN KERTAS CADANGAN
PROGRAM PENGAJIAN BAHARU
(KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN)**

Lampiran 10.1: Penerapan amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs).

Bil.	Unsur HIEPs	Penerapan (✓)	Catatan
1	Seminar Tahun Satu (STS)		
2	Penyelidikan Empirikal (PEM)		
3	Projek/Tugasan Kolaboratif (PTK)		
4	Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (PKK)		
5	Pembelajaran Global Dan Kepelbagaian (PGK)		
6	Penulisan Akademik Intensif (PAI)		
7	Tugasan Rentas Disiplin/Multidisiplin (TMD)		
8	Sangkutan/Latihan Industri (SLI)		
9	Kursus/Projek "Capstone" (KPC)		

**Lampiran 10.2: Borang Analisis Program Berdasarkan Indikator Kriteria Pendidikan 4.0
UKM dan Contoh Jawapan**

Bil	Tema Kriteria Pendidikan 4.0	Indikator	Analisis Program	
			Mengikut Indikator (✓) / (✗)	Mengikut Tema (✓) / (✗)
1.	Tujuan dan Objektif Pendidikan Program	a. Salah satu atau lebih dalam komponen 'Tujuan Program' sama ada falsafah, hasrat dan kewajarannya menyokong keperluan Revolusi Perindustrian Ke-4; dan	✓	✗
		b. Sekurang-kurangnya 50% Objektif Pendidikan Program perlu menyokong keperluan Revolusi Perindustrian Ke-4.	✗	
2.	Kemahiran Graduan Masa Hadapan	HPP dan HPK perlu meliputi minimum 50% set kemahiran atau kompetensi masa hadapan yang disenaraikan;	✓	✓
3.	Pengiktirafan kepada Pembelajaran Sepanjang Hayat	a. Sekurang-kurangnya 10% daripada pelajar yang diambil mempunyai sijil APEL (A); atau	✗	✓
		b. Sekurang-kurangnya 10% pelajar mendapat pemindahan kredit melalui APEL (C); Dan	✓	
		c. Program mempunyai program gandingan Sijil Profesional yang menggunakan kursus-kursus sedia ada dalam program.	✓	
4.	Kurikulum Luwes	Sekurang-kurangnya 20% daripada kredit minimum program adalah kursus elektif atau kursus-kursus dalam modul pelbagai laluan (minimum tiga laluan). Kursus ini perlu diambil dalam bentuk rentas fakulti atau melalui program mobilit dengan program dalam atau luar negara;	✗	✗
5.	Kurikulum Boleh Ubah	Sekurang-kurangnya 50% daripada struktur kurikulum adalah bersifat organik dan boleh lentur.	✗	✗
6.	Kolaborasi dengan	a. Program 2U2i - 50%-50%, 2 tahun universiti, 2 tahun industri; atau	✗	✓

	Pemegang Kepentingan	b. Program 3U1i – 75%-25%, 3 tahun universiti, 1 tahun industri; atau	x	
		c. Untuk program lain, minimum 20% kursus adalah kursus kolaborasi interaktif dengan industri	✓	
7.	Kolaborasi dengan IPT Lain.	Mana-mana program yang mematuhi struktur kurikulum seperti yang disenaraikan.	✓	✓
8.	Kaedah Penyampaian Transformatif	Sekurang-kurangnya 20% kredit program melaksanakan penyampaian kaedah pengajaran dan pembelajaran secara transformatif secara dominan dalam kursus tersebut.	✓	✓
9.	Pentaksiran Alternatif	Program mengaplikasikan kaedah pentaksiran yang sesuai dengan tahap taksonomi hasil pembelajaran dengan menggunakan kaedah berikut dengan ketetapan seperti berikut: a. Komponen pentaksiran alternatif perlu sekurang-kurangnya 60%; dan	✓	✓
		b. Kaedah pentaksiran sahih/autentik – 30%; - Pentaksiran yang adil, menyeluruh dan pencapaian sebenar dan	✓	
		c. Kaedah berdasarkan kriteria (HIEP) – 40%; dan	✓	
		d. Kaedah kreatif lain dalam kursus-kursus yang ditawarkan – 20%;	✓	

Tahap pelaksanaan Pendidikan 4.0 UKM

Tier 1: Memenuhi 1-3 kriteria/tema;	
Tier 2: Memenuhi 4-6 kriteria/tema;	✓
Tier 3: Memenuhi 7-9 kriteria/tema;	

Lampiran 13.1: Contoh Pemetaan antara Objektif Pendidikan Program dengan Matlamat Pendidikan

Objektif Pendidikan Program (OPP)	Matlamat Pendidikan (MP)	MP 1: Graduan beraspirasi kebangsaan	MP 2: Graduan berkompeten	MP 3: Graduan berdaya saing dan inovatif
OPP 1:				
OPP 2:				
OPP 3:				
OPP 4:				

Lampiran 13.2: Contoh Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program dengan Objektif Pendidikan Program

Objektif Pendidikan Program (OPP)	OPP1:	OPP2:	OPP3:	OPP4:
Hasil Pembelajaran Program (HPP)				
HPP 1:				
HPP 2:				
HPP 3:				
HPP 4:				
HPP 5:				
HPP 6:				
HPP 7:				
HPP 8:				

Lampiran 13.3 Contoh pemetaan Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan lima (5) Kelompok Hasil Pembelajaran MQF

Domain Hasil Pembelajaran MQF Hasil Pembelajaran Program		MQF 1	MQF 2	MQF 3 Kemahiran kefungsiian kerja dengan fokus						MQF4	MQF5
		Ilmu pengetahuan dan pemahaman	Kemahiran kognitif	Kemahiran praktikal	Kemahiran interpersonal	Kemahiran komunikasi	Kemahiran digital	Kemahiran celik angka (<i>numeracy</i>)	Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab	Kemahiran mengurus dan keusahawanan	Etika dan profesionalisme
1	Berkebolehan mengaplikasikan ilmu untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang berkenaan.										
2	Berkebolehan untuk mengenal pasti peluang penyelidikan dalam bidang berkenaan dan mengaplikasikan kaedah saintifik untuk mencapai hasil penyelidikan yang berwibawa.										
3	Berkebolehan membangun dan mengekalkan rangkaian kerjasama dengan penyelia, rakan-rakan penyelidik dalam bidang berkenaan dan komuniti penyelidik institusi lain dari seluruh dunia.										
4	Berkebolehan menunjukkan pemahaman yang luas dan kesedaran yang mendalam terhadap isu-isu yang berkaitan bidang berkenaan contohnya harta										

<div style="text-align: center;"> <p>Domain Hasil Pembelajaran MQF</p> <p>Hasil Pembelajaran Program</p> </div>		MQF 1	MQF 2	MQF 3						MQF4	MQF5
		Ilmu pengetahuan dan pemahaman	Kemahiran kognitif	Kemahiran kefungsiian kerja dengan fokus						Kemahiran mengurus dan keusahawanan	Etika dan profesionalisme
				Kemahiran praktikal	Kemahiran interpersonal	Kemahiran komunikasi	Kemahiran digital	Kemahiran celik angka (<i>numeracy</i>)	Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab		
	intelekt, hak cipta, etika penyelidikan, pengalaman yang salah dan kehendak Akta Perlindungan Data.										
5	Berkebolehan mempelajari dan memperoleh ilmu dalam bidang berkenaan contohnya secara sendiri, kreatif, inovatif serta terurus.										
6	Berkebolehan mendemonstrasikan dan memahami kaedah menganalisis secara kritikal dan dapat menilai penemuan sesuatu penyelidikan bidang berkenaan.										
7	Berkebolehan mengurus projek yang berkesan melalui penetapan dan pencapaian objektif penyelidikan dalam bidang berkenaan.										
8	Berkebolehan untuk mengenal pasti dan melakukan penyelidikan dalam bidang berkenaan yang boleh dieksploitasi untuk harta intelektual dan pengkomersilan.										

Lampiran 13.4 Matriks Kursus dan Hasil Pembelajaran Program (HPP)

Hasil Pembelajaran Program mengikut Domain Hasil Pembelajaran MQF

HPP1	
HPP2	
HPP3	
HPP4	
HPP5	
HPP6	
HPP7	
HPP8	

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Hasil Pembelajaran Program (HPP) ¹⁷								Kaedah Penyampaian	Kaedah Penilaian
				HPP1	HPP2	HPP3	HPP4	HPP5	HPP6	HPP7	HPP8		
KURSUS UNIVERSITI													
JUMLAH													
KURSUS TERAS													
JUMLAH													
KURSUS ELEKTIF													
JUMLAH													
JUMLAH KESELURUHAN													

¹⁷ Tandakan ruang HPP dengan 1=Kursus Pemboleh atau 2=Kursus Penentu

Lampiran 13.5 Matriks Tahap Taksonomi Kursus

Kod Tahap Taksonomi:

Domain Kognitif:

- C1 Ingat (*Remembering*)
- C2 Faham (*Understanding*)
- C3 Aplikasi (*Applying*)
- C4 Analisis (*Analysing*)
- C5 Nilai Kewajaran (*Evaluating*)
- C6 Cipta (*Creating*)

Domain Psikomotor:

- P1 Persepsi (*Perception*)
- P2 Set (*Set*)
- P3 Respons Berpandu (*Guided Response*)
- P4 Mekanisme (*Mechanism*)
- P5 Respons ketara kompleks (*Complex Overt Response*)
- P6 Adaptasi (*Adaptation*)
- P7 Lakuan Tulen (*Origination*)

Domain Afektif:

- A1 Terima Fenomena (*Receiving Phenomena*)
- A2 Beri maklum balas (*Responding to Phenomena*)
- A3 Nilai (*Valuing*)
- A4 Organisasi (*Organising Values*)
- A5 Hayati Nilai (*Internalising Values*)

MATRIKS KURSUS MENGIKUT ARAS TAKSONOMI




Bil.	Kod Kursus	Nama kursus	Kredit	Domain Kognitif						Domain Psikomotor							Domain Afektif					
				C1	C2	C3	C4	C5	C6	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	A1	A2	A3	A4	A5	
KURSUS UNIVERSITI																						
JUMLAH																						
KURSUS TERAS																						
JUMLAH																						
KURSUS ELEKTIF																						
JUMLAH																						
JUMLAH KESELURUHAN																						

*Sebagai panduan, tahap purata untuk program Sarjana muda ialah C4, P4 dan A3, dan untuk program Sarjana ialah C5, P5 dan A4.

** Penentuan aras bidang/program juga tertakluk kepada keperluan badan akreditasi, badan profesional dan standard program yang dipohon.

Lampiran 13.6 Taburan Jumlah Kursus Baharu yang Ditawarkan Mengikut Aras Taksonomi

* Contoh yang diberi adalah untuk program Sarjana Muda.



Lampiran 14.1 Contoh Format Laporan Kajian Pasaran Mengenai Program Yang Akan Ditawarkan

LAPORAN KAJIAN PASARAN PROGRAM PENGAJIAN

NAMA PROGRAM PENGAJIAN *(nyatakan)*

PENGENALAN

Objektif Kajian *(senaraikan)*

Soalan Kajian *(senaraikan mengikut objektif)*

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah Pemilihan Sampel *(nyatakan)*

Saiz Sampel dan Saiz Populasi *(nyatakan)*

Kadar Respon *(lakukan pengiraan seperti formula yang diberikan)*

i.
$$\text{Kadar Respon (30\%)} = \frac{N \text{ Sampel}}{N \text{ Populasi}} \times 100$$

Profil Sampel Berbanding Profil Populasi *(isikan jadual yang disediakan)*

Bil.	Ciri Responden	Lokasi (contoh: Lembah Kelang)	Sampel		Populasi	
			Jumlah (N)	Peratus (%)	Jumlah (N)	Peratus (%)
1.	Organisasi/Industri Milik Tempatan					
2.	Organisasi/Industri Milik Asing					

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN *(huraikan mengikut objektif dan secara keseluruhan)*

KESIMPULAN KAJIAN

LAMPIRAN

Lampiran A: Borang Soal Selidik

Lampiran 14.2: Contoh Soalan Kajian Pasaran Mengenai Program Yang Akan Ditawarkan

BAHAGIAN I : KANDUNGAN PROGRAM DAN KESESUAIAN DENGAN KEPERLUAN ORGANISASI

[Sila tandakan (/) di mana yang sesuai]

Nyatakan jenis organisasi / industri anda:

- i. Organisasi / industri milik tempatan
- ii. Organisasi / industri milik asing

a. Pengisian Konsep Teori

1. Adakah program yang dicadangkan memenuhi asas-asas teori dalam bidang berkenaan?

Memenuhi sepenuhnya

Memenuhi sebahagian

Tidak memenuhi langsung

2. Adakah pemakaian konsep teori sesuai dalam keadaan semasa?

Ya

Tidak

3. Adakah subjek-subjek yang ditawarkan ini menyumbang kepada kekuatan program?

Ya

Tidak

4. Adakah kursus yang dicadangkan ini meliputi semua mata pelajaran / subjek yang difikirkan perlu?

Ya

Tidak

Jika tidak, sila nyatakan subjek yang perlu ditambahkan.

- a. _____
- b. _____
- c. _____
- d. _____

5. Adakah kursus yang dicadangkan meliputi subjek yang difikirkan tidak perlu?

Ya

Tidak

Jika tidak, sila nyatakan subjek yang perlu dikeluarkan.

- a. _____
- b. _____
- c. _____
- d. _____

6. Adakah anda berpendapat program yang dicadangkan ini memenuhi aspek berikut :

	Memenuhi keperluan	Memenuhi sebahagian keperluan	Gagal memenuhi keperluan
a. Teori asas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Ulasan (jika ada)	_____		
b. Konsep semasa	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Ulasan (jika ada)	_____		
c. Perundangan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Ulasan (jika ada)	_____		

d. Penggunaan ICT

Ulasan (jika ada)

e. Penggunaan Kaedah Kuantitatif

Ulasan (jika ada)

f. Hubungkait dengan Pasaran / Industri

Ulasan (jika ada)

7. Adakah anda berpendapat program yang dicadangkan ini mencukupi dari segi:

a. Jangkamasa pengajian

 Ya Tidak

Jika tidak, nyatakan jangkamasa pengajian yang sesuai. Sila jelaskan.

b. Tempoh latihan praktikal

 Ya Tidak

Jika tidak, nyatakan tempoh latihan praktikal yang sesuai. Sila jelaskan.

b. Pencapaian Visi, Misi, Bidang Tujahan, Tujuan Dan Objektif Program

a. Adakah anda berpendapat program yang dicadangkan ini mencapai keperluan berikut:

		Mencapai keperluan	Mencapai sebahagian keperluan	Gagal mencapai keperluan
a.	Visi UKM	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Ulasan (jika ada)	<hr/>		
		<hr/>		
b.	Misi UKM	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Ulasan (jika ada)	<hr/>		
		<hr/>		
c.	Bidang Tujahan Program	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Ulasan (jika ada)	<hr/>		
		<hr/>		
d.	Tujuan Program	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Ulasan (jika ada)	<hr/>		
		<hr/>		
e.	Objektif Program	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
	Ulasan (jika ada)	<hr/>		
		<hr/>		

BAHAGIAN II : PELUANG KERJAYA

a. Adakah graduan program ini sesuai bekerja di organisasi anda?
Jika ya, nyatakan dalam bidang apa?

- | | | |
|--------|------|---------------------------|
| Contoh | i. | Kewangan |
| | ii. | Pengurusan personel |
| | iii. | Kesihatan |
| | iv. | Lain-lain (sila nyatakan) |

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

b. Apakah jawatan yang sesuai di organisasi anda bagi graduan program ini?

- | | | |
|--------|------|----------------------|
| Contoh | i. | Eksekutif Pemasaran |
| | ii. | Setiausaha Syarikat |
| | iii. | Eksekutif Pengurusan |

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

c. Berapa banyak jawatan yang sesuai diisi dalam organisasi anda oleh graduan program ini?

- 1 – 3 jawatan
- 4 – 6 jawatan
- 7 – 9 jawatan
- Lain-lain.Sila nyatakan : _____

d. Apakah pendapatan yang sesuai ditawarkan kepada graduan ini?

- Kurang dari RM 1,000.00
- RM 1,001.00 – 1,500.00
- RM 1,501.00 – 2,000.00
- RM 2,001.00 – 2,500.00
- Lain-lain.Sila nyatakan : _____

- e. Adakah program ini sesuai untuk dilanjutkan ke peringkat yang lebih tinggi?

Ya

Tidak

Jika ya, sila nyatakan peringkat-peringkat pengajiannya.

Peringkat Ijazah

Peringkat Sarjana

Peringkat Kedoktoran

BAHAGIAN III : LAIN-LAIN

1. Penajaan

- a. Adakah organisasi anda mempunyai penajaan pengajar dalam bidang ini?

Ya

Tidak

- b. Adakah anda akan menggalakkan kakitangan anda untuk mengikuti program ini?

Ya

Tidak

Jika tidak, sila nyatakan alasannya.

2. Kesesuaian Program

- a. Pada pendapat anda, adakah program ini dapat menghasilkan graduan yang diingini?


Ya

Tidak

Jika ya, sila nyatakan alasannya.

Jika tidak, sila nyatakan alasannya.

Lampiran 15.1 Contoh Peratusan Komposisi Kurikulum Program Pengajian



*Nota: Untuk keperluan di UKM, rujuk Pusat Citra UKM untuk penetapan peratusan kursus Wajib Universiti.

Lampiran 15.2 Struktur Kurikulum

Tahun	Komponen	Semester 1			Semester 2			Semester 3		
		Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit
1	Kursus Wajib Universiti (Kursus Wajib Citra)									
	Kursus Teras	Teras Fakulti								
		Teras Program								
		Tesis/disertasi/kertas projek ilmiah								
	Kursus Elektif	Elektif Fakulti								
		Elektif Program								
		Elektif Citra								
Jumlah Jam Kredit		-			-			-		

Tahun	Komponen	Semester 1			Semester 2			Semester 3		
		Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit
2	Kursus Wajib Universiti (Kursus Wajib Citra)									
	Kursus Teras	Teras Fakulti								
		Teras Program								
		Tesis/disertasi/kertas projek ilmiah								
	Kursus Elektif	Elektif Fakulti								
		Elektif Program								
		Elektif Citra								
Jumlah Jam Kredit		-			-			-		

Tahun	Komponen	Semester 1			Semester 2			Semester 3		
		Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit
3	Kursus Wajib Universiti (Kursus Wajib Citra)									
	Kursus Teras	Teras Fakulti								
		Teras Program								
		Tesis/disertasi/kertas projek ilmiah								
	Kursus Elektif	Elektif Fakulti								
		Elektif Program								
		Elektif Citra								
Jumlah Jam Kredit		-			-			-		

Tahun	Komponen	Semester 1			Semester 2			Semester 3		
		Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit
4	Kursus Wajib Universiti (Kursus Wajib Citra)									
	Kursus Teras	Teras Fakulti								
		Teras Program								
		Tesis/disertasi/kertas projek ilmiah								
	Kursus Elektif	Elektif Fakulti								
		Elektif Program								
		Elektif Citra								
Jumlah Jam Kredit		-			-			-		

Jumlah Kredit Keseluruhan

Nota: Agihan kredit setiap semester lazim ialah 12-20 kredit manakala semester pendek ialah maksimum 6 kredit.

Lampiran 15.3 Contoh Matriks Kurikulum

Kod	Kursus	Hubungan HPP dengan Kursus								Kredit
		1	2	3	4	5	6	7	8	
PPPY1114	Maharat al-Qiraah	1	1			1				4
PPPY1224	Metodologi Dakwah		1	1	1					4
PPPY1254	Pengantar Qiraat dan Hafazan	1	1			1				4
PPPM1054	Kajian Budaya Etnik	1		1		1				4
ZZZT1114	Kursus Universiti 1			1			1	1		4
PPPM1024	Manusia dalam Al Quran	1		1	1					4
PPPM1044	Gerakan Misionari Kristian	1			1			1		4
PPPM1234	Kepimpinan Pengurusan Islam					1		1	1	4
PPPM2014	Ilmu Pidato dan Debat		1			1		1		4
ZZYY1212	Ko-kurikulum			1	1	1				2
PPPY2134	Maharat al-Kitabah	1				1	1			4
PPPY2164	Fiqh Ibadat dan Munakahat	1		1			1			4
PPPY2194	Akhlak dan Tasawuf	1			1		1			4
PPPY2264	Sejarah dan Tamadun Islam	1			1		1			4
ZZZT 2113	Kursus Universiti 2			1				1	1	3
PPPY2284	Kaedah Penyelidikan	1	1				1			4
PPPY2184	Akidah Islam	2		2	2					4
PPPM2024	Fiqh Muamalat dan Jinayat	2		2			2			4
PPPM3024	Kajian Teks Dakwah	1			1	1				4
ZZYY2213	Kursus Universiti 3					1		1	1	3
PPPM2316	Latihan Praktikal (12 minggu)		1	1	1					6
PPPM2084	Komunikasi Dakwah	2		2		2				4
PPPM2054	Penerbitan Dakwah Media Cetak		2			2			2	4
PPPM3324	Penerbitan Dakwah Media Elektronik	2	2						2	4
PPPM3136	Projek Khidmat Masyarakat			2	2		2		2	6
PPPM3102	Projek Ilmiah I		2				2	2		2
PPPJ3624	Sains, Teknologi dalam Tamadun Islam		2			2	2			4
PPPM3344	Etika Komunikasi			2		2	2			4
PPPM3264	Keusahawanan dalam Islam					2		2	2	4
PPPM3106	Projek Ilmiah 2		2		2	2	2	2		6
Jumlah Kredit										120

Penunjuk:

Tiada hubungan	
1	Kursus Pemboleh (<i>Enabling</i>) ¹⁸
2	Kursus Penentu (<i>Determinant</i>) ¹⁹

¹⁸ Semua kursus teras program yang diwajibkan pada tahun terakhir tidak boleh ditetapkan sebagai Kursus pemboleh

¹⁹ Kursus yang ditawarkan pada Tahun 1 tidak boleh ditetapkan sebagai Kursus Penentu.

Lampiran 15.4 Proforma Kursus

1. **Kod Kursus** : **PPPJ3624**
2. **Nama Kursus** : **Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam
*Science and Technology in the Islamic Civilisation***
3. **Kredit** : **4**
4. **Taraf Kursus** : **Wajib/Elektif**

5. **Sinopsis:**

Kursus ini bertujuan meneliti pertumbuhan dan perkembangan sains dan teknologi dalam sejarah dan tamadun Islam. Perbincangan selanjutnya meliputi sorotan mengenai pandangan Islam terhadap aspek sains dan teknologi berasaskan al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para intelektual Muslim sezaman, faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan sains dan teknologi dalam sejarah Islam, sumbangan peradaban Islam terhadap sains dan teknologi, faktor-faktor kemerosotan sains dan teknologi dalam kalangan orang Islam, serta masa depan sains dan teknologi di dunia Islam. Beberapa buah karya sains dan teknologi dalam tamadun Islam turut disoroti.

The purpose of this course is to examine in detail the growth and development of science and technology in Islamic history and civilisation. Further discussion covers highlights concerning Islamic views on aspects of science and technology based on al-Quran, al-Sunnah and opinions of contemporaneous Muslim intellectuals, factors which lead to the development of science and technology in Islamic history, contributions of the Islamic civilisation to science and technology, factors which lead to the decline of science and technology among Muslims, as well as the future of science and technology in the Muslim world. Some major works on science and technology of the Islamic civilisation are also highlighted.

6. **Pra-Keperluan:**

Tiada.

7. **Keperluan Kursus²⁰ untuk Menduduki Peperiksaan**

(Rujuk Peraturan-peraturan UKM (Pengajian Sarjana Muda) 2020).

Pelajar perlu memenuhi 70%²¹ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliah tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

²⁰ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliah dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik.

²¹ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

8. Rujukan:

King, D. 2014. *In Synchrony with the Heavens: Studies in Astronomical Timekeeping and Instrumentation in Medieval Islamic Civilization*. Boston: Brill.

Ahmed, Shabeer. 2016. *Development of Science and Technology in Islamic History*. T.Tpt. Maktabal Islamia Publication.

Kalin, Ibrahim. 2014. *The Oxford Encyclopedia of Philosophy, Science and Technology in Islam*. Oxford: Oxford University Press.

Lyons, J. 2015. *The house of wisdom: How the Arabs Transformed the Western Civilization?*. USA: Bloomsbury Publishing.

Ibn Khaldun, Abdul-Rahman bin Muhamad.T.th. al-Muqaddind Beirut: Mu'assasat al-Alami li al-Tiba'ah.

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk :
At the end of the course, student should be able to :

- HPK1 :** Meneliti konsep dan falsafah ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.
Study concepts and philosophy of science and technology in Islamic civilisation.
- HPK2 :** Mengklasifikasi dan menginterpretasi peringkat perkembangan ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.
Classify and interpret the growth level of science and technology in the Islamic civilisation.
- HPK3 :** Menilai isu-isu sains dan teknologi dalam tamadun Islam secara holistik dan kronologi.
Evaluate the issues of science and technology in the Islamic civilisation holistically and chronology.
- HPK4 :** Menghasilkan dan membentangkan cadangan artikel untuk jurnal berasaskan sumber berautoriti.
Produce and present an article proposal for a journal based on authoritative sources.

10. Pelan Pentaksiran:

PPPJ3624: Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:		Tahap Taksonomi	HPP*/HPD**	Pemboleh (1) / Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran (%) ²²			Jumlah Jam Pembelajaran Pelajar, SLT ²³ (Jam)
						Pembentangan	Ujian (Pertengahan Semester)	Peperiksaan (Akhir Semester)	
1.	Meneliti konsep dan falsafah ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.	C3	HPP2	2	Kuliah		20		40
2.	Mengklasifikasi dan menginterpretasi peringkat perkembangan ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.	C4	HPP2	2	Kuliah			40	50
3.	Menilai isu sains dan teknologi dalam tamadun Islam secara holistik dan kronologi.	C4	HPP5	2	Pembelajaran Berasaskan Kes	20			40
4.	Menghasilkan dan membentangkan cadangan artikel untuk jurnal berasaskan sumber berautoriti.	C6	HPP5	2	Diskusi Kumpulan	20			30
JUMLAH MARKAH						40	20	40	
JAM PEMBELAJARAN									160

*Diisi oleh fakulti/Institut **Kursus di Pusat Citra/CESMED perlu dipetakan kepada Hasil Pembelajaran Domain MQF (HPD)

²² Had terima untuk peruntukan markah pentaksiran ialah $\pm 5\%$ kecuali sekiranya terdapat percanggahan dengan peruntukan markah yang ditetapkan di dalam Peraturan UKM (Pengajian Sarjana Muda), Peraturan UKM (Pengajian Siswazah) atau yang setara dengannya.

²³ Jumlah "jam pembelajaran pelajar" (SLT) adalah anggaran untuk tujuan perancangan penyampaian mengikut HPK dan pensyarah perlu mengembangkan jumlah ini mengikut tajuk kuliah mingguan selama satu semester yang ditawarkan. Had terima untuk masa pembelajaran pelajar yang dibangunkan mengikut tajuk atau minggu ialah ± 0.1 kredit.

Lampiran 20.1 Staf Akademik dan Staf Sokongan

A. Maklumat ringkas berkenaan setiap staf akademik yang terlibat mengendalikan program:

Jadual 1 Ringkasan maklumat staf akademik yang terlibat dalam program

	Nama dan jawatan staf akademik	Status lantikan (sepenuh masa, separuh masa, kontrak, dll.)	Kewarganegaraan	Modul diajar dalam program	Modul diajar dalam program lain	Kelayakan Akademik		Pengalaman Kerja		
						Kelayakan, Lapangan Pengkhususan, Tahun Pengijazahan	Nama institusi dan negara yang menganugerah	Jawatan yang dipegang	Majikan	Tahun perkhidmatan (mula dan akhir)
1.										
2.										
3.										

Sertakan biodata setiap staf akademik yang mengajar program ini, dengan perkara berikut:

- | | |
|---|----------------------------------|
| i. Nama Penuh | vi. Persidangan dan Latihan |
| ii. Kelulusan Akademik | vii. Penyelidikan dan Penerbitan |
| iii. Keahlian Profesional Semasa | viii. Perundingan |
| iv. Tanggungjawab Pengajaran dan Pentadbiran Semasa | ix. Khidmat Masyarakat |
| v. Pengalaman Kerja | x. Maklumat lain yang berkaitan |

B. Maklumat ringkas berkenaan setiap staf sokongan yang terlibat mengendalikan program:

Jadual 2 Ringkasan maklumat staf sokongan yang terlibat dalam program

	Nama	Jawatan	Kelayakan	Penempatan
1.				
2.				
3.				

Lampiran 20.2 Senarai Kemudahan Fizikal

	Kemudahan	Semasa			Unjuran Penambahan			
		Bil.	Kapasiti	Lokasi	Tahun 1		Tahun 2	
					Bil.	Kapasiti	Bil.	Kapasiti
1	Dewan Kuliah							
2	Bilik Tutorial							
3	Bilik Perbincangan							
4	Kemudahan Klinikal							
5	Makmal dan Bengkel							
	- Makmal penyelidikan							
	- Makmal Komputer							
	- Makmal Sains							
	- Makmal Bahasa							
	- Bengkel Kejuruteraan							
	- Bengkel Pemprosesan							
	- Bengkel Pembuatan							
	- Studio							
	- Lain-lain							
6	Perpustakaan dan Pusat Sumber							
7	Ruang Sosial Pelajar							
8	Kemudahan-kemudahan lain							

3.1.2 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU: MOD PENYELIDIKAN (PASCASISWAZAH)

Bab ini memperjelaskan garis panduan penulisan dokumen cadangan program baharu mengikut mod penyelidikan (Program Sarjana dan Kedoktoran) dan juga digunakan untuk penilaian Akreditasi Sementara program berkenaan oleh panel penilai yang dilantik bagi memastikan program menepati kriteria jaminan kualiti yang ditetapkan.

A. Ringkasan Eksekutif

Sila sediakan Ringkasan Eksekutif seperti format berikut:

RINGKASAN EKSEKUTIF CADANGAN PROGRAM PENGAJIAN

RINGKASAN EKSEKUTIF		
1.	FAKULTI /INSTITUT YANG MEMOHON	
2.	ALAMAT PROGRAM DIJALANKAN <i>Sama ada:</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Kampus Bangi</i> • <i>Pusat Pembelajaran</i> • <i>Kampus Cheras</i> • <i>Kampus Kuala Lumpur</i> • <i>Pusat Penyelidikan/Pusat Kecemerlangan/Makmal Alami</i> 	
3.	BIDANG TUJAHAN FAKULTI/INSTITUT	
4.	TUJUAN	
5.	PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON	Bahasa Melayu: Bahasa Inggeris: Singkatan nama program (BM & BI):
6.	BIDANG PENYELIDIKAN PROGRAM DAN KOD NEC <i>Senaraikan Bidang Penyelidikan yang didaftarkan untuk program ijazah di atas berdasarkan kod bidang NEC 3-digit)</i>	
7.	PERINGKAT DAN MOD PENAWARAN	Peringkat: Mod Penawaran:

		Jumlah Kredit Bergraduat:																								
8.	KAEDAH DAN TEMPOH PENGAJIAN																									
9.	SESI PENGAJIAN PROGRAM AKADEMIK DIMULAKAN																									
10.	KAEDAH PENYAMPAIAN	<p>Kaedah penyampaian bagi program pengajian sama ada :</p> <p>a. Konvensional</p> <p>b. Eksekutif;dan/atau</p> <p>c. Dalam Talian;dan/atau</p> <p>d. Modular;dan atau</p> <p>e. PhD Industri.</p>																								
11.	JUSTIFIKASI MENGADAKAN PROGRAM AKADEMIK																									
12.	OBJEKTIF PROGRAM																									
13.	HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM																									
14.	ANALISIS KEPERLUAN																									
15.	STRUKTUR PROGRAM																									
16.	ETIKA DAN KEMANUSIAAN																									
17.	UNJURAN PELAJAR	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th>20__</th> <th>20__</th> <th>20__</th> <th>20__</th> <th>20__</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengambilan</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Enrolmen</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Keluaran</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table>	Tahun	20__	20__	20__	20__	20__	Pengambilan						Enrolmen						Keluaran					
Tahun	20__	20__	20__	20__	20__																					
Pengambilan																										
Enrolmen																										
Keluaran																										
18.	SYARAT-SYARAT KEMASUKAN																									
19.	IMPLIKASI KAKITANGAN, FIZIKAL DAN KEWANGAN	<p>(a) Implikasi Kakitangan;</p> <p>(b) Implikasi Fizikal;</p> <p>(c) Implikasi Kewangan.</p>																								

20.	PERTINDIHAN PROGRAM YANG DIPOHON DENGAN IPT LAIN	
21.	PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM PENGAJIAN DI IPT LUAR NEGARA	Rujuk Garis Panduan Kriteria Universiti Program Pengajian untuk Penandaarasan Kurikulum (2020).
22.	PENJUMUDAN/PEMBEKUAN/PELUPUSAN PROGRAM (Sekiranya berkaitan)	
23.	KOS PELAKSANAAN PROGRAM	
24.	KEAHLIAN DAN ULASAN JAWATANKUASA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PROGRAM ATAU LEMBAGA PENGAJIAN TERHADAP PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON	<p>(a) Keahlian Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian;</p> <p>(b) Ulasan Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian.</p> <p>(c) Rujuk Garis Panduan Lantikan Penilai Luar dan Penasihat Luar (Pindaan 2020).</p>
25.	TARIKH PROGRAM DILULUSKAN	<p>(a) Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian;</p> <p>(b) Mesyuarat Fakulti/Institut;</p> <p>(c) JPPA;</p> <p>(d) Senat;</p> <p>(e) Lembaga Pengarah Universiti.</p>
26.	KESIMPULAN/SYOR	

B. Kertas Cadangan Program Baharu

1. FAKULTI/INSTITUT/PUSAT AKADEMIK YANG MEMOHON

Nyatakan PTj yang memohon program.

2. ALAMAT PROGRAM DIJALANKAN

i. Nyatakan alamat aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan seperti:

- a) Kampus Bangi; dan/atau
- b) Kampus Cheras; dan/atau
- c) Kampus Kuala Lumpur; dan/atau
- d) Pusat Penyelidikan/Pusat Kecemerlangan/Makmal Alami; dan/atau
- e) Pusat Pembelajaran.

- ii. Sila sertakan salinan sijil Audit Premis bagi program yang turut ditawarkan di luar Kampus Bangi/Kampus Kuala Lumpur/Kampus Cheras.

3. BIDANG TUJAHAN FAKULTI/INSTITUT/PUSAT AKADEMIK

Nyatakan bidang tujuhan PTj yang memohon program.

4. TUJUAN

Nyatakan tujuan kertas cadangan ini disediakan.

5. PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON

- i. Nyatakan nama program dan nama ijazah yang akan dianugerahkan di dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Nyatakan singkatan program di dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Nyatakan sama ada ijazah perlu diiktiraf oleh mana-mana badan profesional.

Sekiranya melibatkan penawaran bersama institusi lain, nyatakan nama institusi dan nama program yang berkaitan di institusi berkenaan.

6. BIDANG PENYELIDIKAN PROGRAM DAN KOD NEC

- i. Senaraikan Bidang Penyelidikan yang disangkutkan dengan program di dalam 5(i) mengikut kod bidang NEC (*National Education Code*) yang mengandungi 3-digit;
- ii. Untuk setiap Bidang Penyelidikan di dalam (i), senaraikan Pengkhususan Penyelidikan bagi program di dalam perkara 5(i).

7. PERINGKAT DAN MOD PENAWARAN

Nyatakan peringkat pengajian, sama ada Sarjana atau Kedoktoran dan tahap MQF bagi program akademik yang dipohon. Contoh: Sarjana, MQF Tahap 7.

8. KAEDAH DAN TEMPOH PENGAJIAN

- i. Nyatakan dengan jelas kaedah pengajian dan kaedah penyampaian bagi program pengajian serta jangkamasanya dalam semester dan tahun. Kaedah pengajian bagi program pengajian sama ada:

- a. Sepenuh Masa; dan/atau
- b. Separuh Masa.

- ii. Nyatakan tempoh minimum dan maksimum pengajian :
Contoh :

Kaedah Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum
Sepenuh Masa	4 tahun (8 semester)	6 tahun (12 semester)
Separuh Masa	6 tahun (12 semester)	8 tahun (16 semester)

- iii. Nyatakan dengan jelas sekiranya terdapat gabungan semester panjang dan semester pendek.

9. SESI PENGAJIAN PROGRAM AKADEMIK DIMULAKAN

Nyatakan semester dan sesi pengajian program akademik akan dimulakan. Contoh: Semester 1 Sesi 2020/2021 (Oktober 2020).

10. KAEDAH PENYAMPAIAN

Kaedah penyampaian bagi program pengajian sama ada :

- a. Konvensional
- b. Eksekutif; dan/atau
- c. Dalam Talian; dan/atau
- d. Modular; dan/atau
- e. PhD Industri.

11. JUSTIFIKASI MENGADAKAN PROGRAM

Justifikasi yang dikemukakan boleh merangkumi rasional berikut:

- i. Perkembangan dan perubahan teknologi.
- ii. Justifikasi lain.

12. OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM

- i. Nyatakan Objektif Pendidikan Program.
- ii. Nyatakan kesesuaian (i) dan (ii) dengan visi, misi dan matlamat Universiti serta aspirasi negara dan kepentingan global.

13. HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

- i. Nyatakan tahap kompetensi yang akan ditunjukkan oleh pelajar pada akhir program, seperti yang dinyatakan di dalam MQF, Standard Program dan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran (MQA, 2015). Untuk program profesional seperti Kejuruteraan, Perubatan, Seni Bina, Undang-undang, Perakaunan dan sebagainya, **Hasil Pembelajaran Program** adalah seperti yang disyaratkan oleh Badan Profesional masing-masing.

Tunjukkan kaitan antara keupayaan pada akhir program (hasil pembelajaran program) dengan keupayaan yang akan diperolehi dalam alam pekerjaan (objektif pendidikan program) dan Matlamat Pendidikan. **Pastikan Hasil Pembelajaran Program digubal mengikut tahap kelayakan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia, iaitu Aras 7 untuk Ijazah Sarjana dan Aras 8 untuk Ijazah Kedoktoran.** Bagi menyokong perkara ini, sediakan **Jadual Matriks** seperti di lampiran berikut:

- (a) **Lampiran 13.1:** Contoh Pemetaan antara **Objektif Pendidikan Program** dengan **Matlamat Pendidikan**;

- (b) **Lampiran 13.2:** Contoh Pemetaan antara **Hasil Pembelajaran Program** dengan **Objektif Pendidikan Program**;
- (c) **Lampiran 13.3:** Contoh Pemetaan antara **Hasil Pembelajaran Program** (HPP) dan **kelompok Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia**.

Untuk program penyelidikan yang mempunyai kursus, sediakan matrik Kursus melawan **Hasil Pembelajaran Program** seperti di **Lampiran 13.4**, dengan tiga **Hasil Pembelajaran Program** diperlukan bagi setiap kursus.

14. ANALISIS KEPERLUAN

Analisis keperluan perlu mengandungi item di bawah:

- i. Nyatakan bagaimana program akademik yang dipohon relevan dengan bidang tujahan IPT.
- ii. Dokumen sokongan lain.

15. STRUKTUR PROGRAM

- i. Berikan sinopsis program yang ditawarkan.

Untuk program yang mempunyai kursus, nyatakan sinopsis kursus dan lampirkan senarai buku teks/rujukan (rujuk **Lampiran 15.1**).

Nyatakan kandungan dan struktur program:

- Huraikan bidang-bidang ilmu teras yang penting untuk memahami konsep, prinsip, dan kaedah bagi pembelajaran program tersebut;
- Huraikan prinsip yang dijadikan panduan dalam mereka bentuk kurikulum program.

Nyatakan penilaian/pemarkahan program dan pengurusan peperiksaan.

- Huraikan kekerapan dan kaedah penilaian termasuk kriteria lulus/gagal dan penganugerahan ijazah.
- Huraikan mekanisme dinamik untuk meningkatkan kualiti program dari segi struktur, fungsi, strategi dan aktiviti program.

Untuk program yang mempunyai kursus, jadualkan perincian kursus dan aras kod yang bersesuaian yang merangkumi kursus universiti, teras dan elektif. Sila rujuk **Lampiran 15.2** untuk format struktur kurikulum.

Nyatakan kriteria penerbitan yang menjadi syarat pengijazahan.

16. ETIKA DAN KEMANUSIAAN

Huraikan bagaimana aspek-aspek etika dan kemanusiaan dimasukkan ke dalam kurikulum untuk membantu membangunkan individu yang seimbang, peka masyarakat, mahir berkomunikasi dan mampu membuat keputusan.

17. UNJURAN PELAJAR

Nyatakan unjuran pelajar dari segi bilangan pengambilan, enrolmen dan keluaran (graduan) untuk tempoh lima tahun.

18. SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

- i. Nyatakan keperluan kelayakan asas
- ii. Nyatakan keperluan dan kemahiran prasyarat serta syarat/kelayakan lain jika diperlukan.
- iii. Nyatakan syarat khas Fakulti/Institut/Program.
- iv. Jelaskan sama ada terdapat kursus khas bagi mereka yang terpilih tetapi tidak memenuhi kriteria kemasukan.
- v. Sebarang syarat lain mengikut mengikut Kelulusan Senat/Syarat Am dan Khusus.

19. IMPLIKASI KAKITANGAN, FIZIKAL DAN KEWANGAN²⁴

i. Implikasi Kakitangan :

- Organisasi Fakulti/Institut/Pusat Akademik.
- Senaraikan tenaga akademik yang terlibat dengan program pengajian.
- Nyatakan jumlah tenaga pengajar sedia ada untuk program pengajian yang dipohon beserta kelayakan, kepakaran dan kemahiran serta kesepadanan kelayakan dan kepakaran dengan bidang pengajian (lampirkan nama). Nyatakan bilangan tambahan tenaga pengajar yang diperlukan bagi tempoh lima (5) tahun .
- Nyatakan jumlah kakitangan sokongan sedia ada dan unjuran – rujuk **Lampiran 19.1**.

ii. Implikasi Fizikal:

- Kemudahan fizikal/makmal/peralatan dan lain-lain yang sedia ada dan tambahan yang diperlukan bagi tempoh lima tahun – rujuk **Lampiran 19.2**.

²⁴Implikasi kakitangan, fizikal dan kewangan perlu berpadanan dengan pilihan lokasi pengajaran dan pembelajaran yang dinyatakan dalam Perkara 2.

iii. Implikasi Kewangan:

- Keperluan peruntukan pembangunan program;
- Keperluan peruntukan mengurus (termasuk emolumen kakitangan) bagi tempoh lima tahun;
- Nyatakan sama ada terdapat kemudahan lain yang menyokong kepada keberkesanan program.

20. PERTINDIHAN PROGRAM YANG DIPOHON DENGAN IPTA LAIN

- i. Nyatakan IPTA dan program pengajian yang berkaitan.

Nyatakan kelainan dan kekuatan program yang dipohon berbanding dengan IPTA lain.

21. PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM PENGAJIAN DI UNIVERSITI LUAR NEGARA

- i. Berikan contoh program yang ditawarkan oleh universiti di luar negara.
- ii. Nyatakan perbandingan dari segi persamaan/perbezaan dan kekuatannya.
- iii. Rujuk Garis Panduan Kriteria Universiti Program Pengajian untuk Penandaarasan Kurikulum (2020).

22. KEAHLIAN DAN ULASAN JAWATANKUASA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PROGAM ATAU LEMBAGA PENGAJIAN TERHADAP PROGRAM YANG DIPOHON

Senaraikan keahlian Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/Program atau Lembaga Pengajian dan sertakan ulasan dan minit mesyuarat.

23. TARIKH PROGRAM DILULUSKAN

Nyatakan tarikh program diluluskan oleh pihak-pihak berikut:

- (a) Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/Program atau Lembaga Pengajian;
- (b) Mesyuarat Fakulti/Institut;
- (c) JPPA;
- (d) Senat;
- (e) Lembaga Pengarah Universiti.

24. KESIMPULAN/SYOR

Nyatakan kesimpulan/syor ke atas cadangan program.

C. Kriteria Tambahan untuk Akreditasi Sementara

Bahagian ini meliputi maklumat dan kriteria yang menerangkan secara spesifik tentang program yang akan ditawarkan. Ia diadaptasi daripada standard-standard terpilih yang disenaraikan di dalam Kod Amalan Akreditasi Program dan Standard Program untuk Ijazah Sarjana dan Kedoktoran secara Penyelidikan yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia. Ia juga disesuaikan untuk tujuan penilaian dalaman yang terfokus kepada keperluan semasa peringkat reka bentuk suatu program dan peringkat awal pelaksanaan program, antaranya kepada reka bentuk dan penyampaian kurikulum, penilaian pelajar, pemilihan dan khidmat sokongan pelajar, serta pentadbiran dan pengurusan program.

Justeru, Kertas Cadangan ini perlu melampirkan laporan mengikut format berikut bagi Fakulti/Institut menyatakan sejauh mana kriteria di bawah dipatuhi dan diamalkan.

1.0 Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum

1.1 Reka Bentuk Program dan Kaedah Pengajaran-Pembelajaran

- 1.1.1 Proses untuk membangunkan struktur program, semakan dan penilaian yang melibatkan staf akademik mesti ditakrifkan.
- 1.1.2 Program hanya diambil kira setelah mengenalpasti sumber untuk menyokong program.
- 1.1.3 Program seharusnya berupaya meningkatkan pemikiran kritikal, kemampuan menyelesaikan masalah, membuat keputusan, dan kemahiran pemikiran analitis, di samping menggalakkan pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka serta bersedia untuk pembelajaran sepanjang hayat.
- 1.1.4 Terdapat kepelbagaian dalam aktiviti akademik yang membantu pencapaian hasil pembelajaran dan memastikan pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka.

1.2 Kandungan dan Struktur Kurikulum

- 1.2.1 Pelajar diberi pendedahan kepada konsep, prinsip dan kaedah penyelidikan yang menyokong hasil program. Ini termasuklah untuk mengelakkan salah laku penyelidikan seperti plagiat dan lain-lain.
- 1.2.2 Program dinilai secara berkala agar sentiasa setanding dengan perkembangan saintifik, teknologi dan pengetahuan, di samping memenuhi keperluan masyarakat.
- 1.2.3 Fakulti dan jabatan mesti membangunkan mekanisme untuk capaian maklumat masa nyata (*real-time*) dan mengenal pasti bidang

berkepentingan terkini melalui penggunaan teknologi terkini dan jaringan global.

1.3 Pengurusan Program

- 1.3.1 Pelajar mesti dibekalkan dengan maklumat bertulis terkini mengenai tujuan, rangka, hasil pembelajaran dan kaedah penilaian program.
- 1.3.2 Pengurusan akademik program dijalankan, termasuk yang berkaitan dengan pembangunan kurikulum, pengurusan program dan maklum balas pelajar adalah jelas.
- 1.3.3 Jawatan, tanggungjawab dan bidang kuasa pegawai-pegawai akademik utama termasuk penyelararas yang bertanggungjawab untuk merancang, melaksana, memantau dan menambahbaik program menggunakan sumber yang secukupnya melalui prosedur yang telah dibangunkan dinyatakan.
- 1.3.4 Proses penyemakan dan penilaian program dijalankan dan keputusan penilaian digunapakai untuk menjamin kualiti program mencapai aras 7 bagi program sarjana dan aras 8 bagi program kedoktoran. Penilaian perlu melibatkan penilai luar program.
- 1.3.5 Fakulti dan Jabatan menyediakan persekitaran pembelajaran yang dapat menyemai budaya penyelidikan.

1.4 Hubungan dengan Pihak Berkepentingan Luar

- 1.4.1 Pihak berkepentingan yang dirujuk dalam proses pemantauan dan penyemakan program adalah dikenal pasti serta bentuk penglibatan pihak berkepentingan dijelaskan.

2.0 Pentaksiran Pelajar

2.1 Hubungan Pentaksiran dan Pembelajaran

- 2.1.1 Prinsip, kaedah dan amalan pentaksiran diselarikan dengan hasil pembelajaran dan kandungan program melalui kaedah pentaksiran iaitu pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif.
- 2.1.2 Penilaian pelajar mesti selaras dengan Tahap Kelayakan dan lapan domain Hasil Pembelajaran MQF.
- 2.1.3 Jabatan mesti memantau pentaksiran pelajar untuk mengurangkan lebihan bebanan kurikulum dan menggalakkan pembelajaran bersepadu.

- 2.1.4 Fakulti dan Jabatan mesti memastikan sikap-sikap yang wajar dipupuk dan ditaksir, contohnya menghormati kepelbagaian sosio-budaya, sensitif terhadap hak orang lain, keberkesanan kos, kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat. Untuk memastikan sikap tersebut diterap dan dinilai, pelajar diperlukan untuk mematuhi garis panduan etika pentaksiran.

2.2 Kaedah Pentaksiran

- 2.2.1 Kaedah pentaksiran pelajar mesti dijelaskan dari segi jangka masa, kepelbagaian, pemberatan, kriteria, dan liputannya dan bagaimana penilaian ini didokumenkan dan disampaikan kepada pelajar.
- 2.2.2 Proses dan prosedur mesti didokumenkan dan boleh dicapai oleh pelajar.
- 2.2.3 Fakulti dan Jabatan mesti memastikan kebolehpercayaan, kesahan dan kesesuaian kaedah pentaksiran, melalui pembentukan Jawatankuasa Pemeriksa Tesis/Disertasi mengikut keperluan program dan juga peraturan yang telah dibangunkan.
- 2.2.4 Kaedah pentaksiran mesti disemak semula secara berkala dengan mengambil kira maklum balas daripada pihak berkepentingan dalaman.

2.3 Pengurusan Pentaksiran Pelajar

- 2.3.1 Autoriti yang bertanggungjawab terhadap dasar pentaksiran dan terma-terma rujukan dinyatakan dengan jelas.
- 2.3.2 Fakulti dan Jabatan bertanggungjawab terhadap dasar pentaksiran dan terma-terma rujukan. Perlu ada jawatankuasa dan proses bagi:
- (a) pengesahan dan pemurnian bagi pentaksiran sumatif;
 - (b) penandaarasan standard akademik bagi proses pentaksiran .
- 2.3.3 Fakulti dan jabatan perlu ada autoriti yang bertanggungjawab untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan proses pentaksiran pelajar dan rekod akademik diselenggara.
- 2.3.4 Prestasi dan keputusan pentaksiran sumatif dan formatif mesti diberikan kepada pelajar melalui mekanisme yang bersesuaian
- 2.3.5 Fakulti dan jabatan mesti memberikan maklum balas kepada pelajar tentang prestasi akademik untuk memastikan mereka mempunyai masa yang cukup, bagi mengambil tindakan pembetulan.

- 2.3.6 Prestasi pentaksiran dan segala keputusannya disampaikan kepada pelajar.
- 2.3.7 Fakulti dan jabatan mesti membangunkan mekanisma bagi rayuan terhadap keputusan peperiksaan lisan.
- 2.3.8 Fakulti dan jabatan perlu mempunyai mekanisma untuk menyemak dan melaksanakan kaedah-kaedah baharu bagi pentaksiran.

3.0 Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar di Fakulti dan Institut

3.1 Staf Pentadbiran dan Pengurusan

- 3.1.1 Struktur staf pentadbiran yang menyokong program adalah jelas.
- 3.1.2 Bilangan yang diperlukan dan yang sedia ada, kategori jawatan dan kelayakan minimum staf bukan akademik untuk program ini dikenal pasti – lihat **Jadual 1**.

Jadual 1 Staf bukan akademik untuk program

	Kategori Jawatan	Bilangan Semasa	Bilangan Diperlukan	Kelayakan Minimum
1.				
2.				
3.				
4.				

- 3.1.3 Nama, kelayakan akademik, tanggungjawab semasa dan maklumat lain yang berkenaan bagi setiap staf yang membantu dalam program ini disenaraikan.
- 3.1.4 Proses dan tatacara pengurusan disiplin staf adalah jelas.

**LAMPIRAN KERTAS CADANGAN
PROGRAM PENGAJIAN BAHARU
(MOD PENYELIDIKAN)**

Lampiran 13.1 Contoh Pemetaan antara Objektif Pendidikan Program dengan Matlamat Pendidikan

Objektif Pendidikan Program (OPP)	Matlamat Pendidikan (MP)	MP 1: Graduan beraspirasi kebangsaan	MP 2: Graduan berkompeten	MP 3: Graduan berdaya saing dan inovatif
OPP 1:				
OPP 2:				
OPP 3:				
OPP 4:				

Lampiran 13.2 Contoh Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program dengan Objektif Pendidikan Program

Objektif Pendidikan Program (OPP)	HPP 1:	HPP 2:	HPP 3:	HPP 4:	HPP 5:	HPP 6:	HPP 7:	HPP 8:
HPP 1:								
HPP 2:								
HPP 3:								
HPP 4:								
HPP 5:								
HPP 6:								
HPP 7:								
HPP 8:								

Lampiran 13.3 Contoh Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program (Aras 7) dan kelompok Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)

Hasil Pembelajaran Program		Kelompok Hasil Pembelajaran MQF		MQF 1	MQF 2	MQF 3 Kemahiran kefungsiian kerja dengan fokus						MQF4	MQF5
		Ilmu pengetahuan dan pemahaman	Kemahiran kognitif	Kemahiran praktikal	Kemahiran interpersonal	Kemahiran komunikasi	Kemahiran digital	Kemahiran celik angka (<i>numeracy</i>)	Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab	Kemahiran mengurus dan keusahawanan	Etika dan profesionalisme		
1	Berkebolehan menunjukkan kepakaran dalam bidang berkenaan.												
2	Berkebolehan mengaplikasi kemahiran praktikal dalam bidang berkenaan.												
3	Berkebolehan mengaitkan idea terhadap isu masyarakat dalam bidang berkenaan.												
4	Berkebolehan menjalankan penyelidikan dengan penyeliaan minimum dan patuh kepada perundangan, etika dan kod amalan profesional.												
5	Berkebolehan menunjukkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan kerjasama berkesan di kalangan rakan dan pihak berkepentingan.												

Kelompok Hasil Pembelajaran MQF		MQF 1	MQF 2	MQF 3						MQF4	MQF5
				Kemahiran kefungsiian kerja dengan fokus							
Hasil Pembelajaran Program		Ilmu pengetahuan dan pemahaman	Kemahiran kognitif	Kemahiran praktikal	Kemahiran interpersonal	Kemahiran komunikasi	Kemahiran digital	Kemahiran celik angka (<i>numeracy</i>)	Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab	Kemahiran mengurus dan keusahawanan	Etika dan profesionalisme
6	Berkebolehan menghasilkan penyelesaian kepada permasalahan menggunakan kemahiran saintifik dan pemikiran kritikal.										
7	Berkebolehan mengurus maklumat untuk pembelajaran sepanjang hayat.										

Lampiran 13.4 Matriks Kursus dan Hasil Pembelajaran Program (HPP)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Hasil Pembelajaran Program									Kaedah Penyampaian	Kaedah Penilaian
				HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6	HPP 7	HPP 8	HPP 9		
KURSUS PRA-SYARAT														
JUMLAH KESELURUHAN														

Lampiran 15.1 Proforma Kursus

1. **Kod Kursus** : TTTU6124
2. **Nama Kursus** : **Pengurusan Proses Bisnes**
Business Process Management
3. **Kredit** : 4
4. **Taraf Kursus** : **Wajib Program**
5. **Sinopsis:**

Pengurusan Proses Bisnes ialah satu konsep, kaedah, dan alatan bagi membantu organisasi mendefinisi, melaksana, menilai, dan memperbaiki proses. Pelbagai model proses BPM diperkenalkan bagi membolehkan pemilihan model proses yang terbaik dipilih bersesuaian dengan keadaan dan berdasarkan pengenalpastian kelemahan setiap model bisnes dan seterusnya mencadangkan pembaikan yang sesuai. BPM membantu organisasi menjadi lebih efisien dengan mengkoordinasi aktiviti dan mengintegrasikan aplikasi kepada proses. Kursus ini melihat keperluan organisasi awam dan swasta dalam inisiatif BPM. Beberapa kajian kes perlu dilalui oleh pelajar bagi memberi kemahiran bagaimana mengaplikasikan BPM.

Business Process Management (BPM) is a concept, method, and tool in supporting organisations to define, implement, evaluate, and improve their business process. Many BPM's business models introduced will allow selections of the best BPM process model for organisations to use; based on their conditions and identifications of business models' weaknesses and eventually to come up with new recommendations to improve it. The main objective of BPM is improving organisational efficiency through activities coordination and application integration into process. This course overlook the requirement of public and private organisations within the BPM initiative. To improve students' skills in using the BPM, some case studies will be used throughout this course.

6. **Pra-Keperluan:**

Tiada

7. **Keperluan Kursus²⁵ untuk Menduduki Peperiksaan**
(Rujuk Peraturan UKM Pengajian Siswazah pindaan 2015)

Pelajar perlu memenuhi 70%²⁶ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliah tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

²⁵ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliah dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik.

²⁶ 80% untuk FPER dan FKAB.

8. Rujukan:

Marlon Dumas, Marcello La Rosa, Jan Mendling and Hajo Reijers, 2018. *Fundamentals of Business, Process Management*. Springer.

Nathaniel Palmer, Swenson Keith and Reddy Surendra, 2015. *BPM Everywhere: Internet of Things, Process of Everything*. Future Strategies Inc.

Jakob Freund and Bernd Rucker, 2014. *Real-Life BPMN: Using BPMN 2.0 to Analyze, Improve, and Automate Processes in Your Company*. Createspace Independent Pub.

Jim Sinur, James J. Odell, Peter Fingar and Thomas H. Davenport, 2013. *Business Process Management: The Next Wave*. Meghan Kiffer Press.

Mathias Weske, 2012. *Business Process Management: Concepts, Languages, Architectures*. Springer.

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:

At the end of the course, student should be able to :

- HPK 1** Menilai amalan terbaik dan kaedah pengurusan proses bisnes.
Evaluate business process management best practices and methodologies.

- HPK 2** Mempamerkan teknik pemodelan yang sesuai sebagai kaedah mengumpul keperluan bisnes melalui penggunaan peralatan perisian yang terkini.
Display appropriate modelling techniques as means of gathering business requirements through the use of current process modelling software tool.

- HPK 3** Menghuraikan strategi penambahbaikan proses bisnes dari segi keberkesanan berdasarkan kelemahan yang telah dikenalpasti
Describe business process improvement strategies in term of effectiveness based on the identified weakness

10. Pelan Pentaksiran:

TTTU6124: Pengurusan Proses Bisnes Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:		Tahap Taksonomi	Indikator	HPP*/HPD**	Pemboleh (1) / Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran (%) ²⁷		Jumlah Jam Pembelajaran Pelajar, SLT ²⁸ (Jam)
							Projek	Penilaian Bertulis Akhir	
1.	Menilai amalan terbaik dan kaedah pengurusan proses bisnes.	C5	<ul style="list-style-type: none"> Laporan Penilaian 	1	1	Kuliah, Tutoran		40	60
2.	Mempamerkan teknik pemodelan yang sesuai sebagai kaedah mengumpul keperluan bisnes melalui penggunaan peralatan perisian yang terkini.	P5	<ul style="list-style-type: none"> Pemodelan Proses Bisnes 	2	1	Kuliah, Makmal	30		55
3.	Menghuraikan strategi penambahbaikan proses bisnes dari segi keberkesanan berdasarkan kelemahan yang telah dikenal pasti.	A4	<ul style="list-style-type: none"> Strategi Penambahbaikan Proses Bisnes 	3	1	Kuliah, Tutoran	30		45
JUMLAH/ TOTAL							60	40	
JAM PEMBELAJARAN									160

*Diisi oleh fakulti/Institut **Kursus di Pusat Citra/CESMED perlu dipetakan kepada Hasil Pembelajaran Domain MQF (HPD)

²⁷ Had terima untuk peruntukan markah pentaksiran ialah $\pm 5\%$ kecuali sekiranya terdapat percanggahan dengan peruntukan markah yang ditetapkan di dalam Peraturan UKM (Pengajian Sarjana Muda), Peraturan UKM (Pengajian Siswazah) atau yang setara dengannya.

²⁸ Jumlah "jam pembelajaran pelajar" (SLT) adalah anggaran untuk tujuan perancangan penyampaian mengikut HPK dan pensyarah perlu mengembangkan jumlah ini mengikut tajuk kuliah mingguan selama satu semester yang ditawarkan. Had terima untuk masa pembelajaran pelajar yang dibangunkan mengikut tajuk atau minggu ialah ± 0.1 kredit.

Lampiran 15.2 Struktur Kurikulum

Tahun	Komponen	Semester 1			Semester 2			Semester 3		
		Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit
1	Kursus Prasyarat									
	Tesis/disertasi/kertas projek ilmiah									
	Jumlah Jam Kredit		-			-			-	

Tahun	Komponen	Semester 1			Semester 2			Semester 3		
		Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit
2	Kursus Prasyarat									
	Tesis/disertasi/kertas projek ilmiah									
	Jumlah Jam Kredit		-			-			-	

Tahun	Komponen	Semester 1			Semester 2			Semester 3		
		Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit	Kod	Kursus	Jam Kredit
3	Kursus Prasyarat									
	Tesis/disertasi/kertas projek ilmiah									
	Jumlah Jam Kredit		-			-			-	

Jumlah Kredit Keseluruhan

Lampiran 20.1 Staf Akademik dan Staf Sokongan

a. Maklumat ringkas berkenaan setiap staf akademik yang terlibat mengendalikan program:

Jadual 1 Ringkasan maklumat staf akademik yang terlibat dalam program

	Nama dan jawatan staf akademik	Status lantikan (sepenuh masa, separuh masa, kontrak, dll.)	Kewarganegaraan	Modul diajar dalam program	Modul diajar dalam program lain	Kelayakan Akademik		Pengalaman Kerja		
						Kelayakan, Lapangan Pengkhususan, Tahun Pengijazahan	Nama institusi dan negara yang menganugerah	Jawatan yang dipegang	Majikan	Tahun perkhidmatan (mula dan akhir)
1.										
2.										
3.										

Sertakan biodata setiap staf akademik yang mengajar program ini, dengan perkara berikut:

- i. Nama Penuh
- ii. Kelulusan Akademik
- iii. Keahlian Profesional Semasa
- iv. Tanggungjawab Pengajaran dan Pentadbiran Semasa
- v. Pengalaman Kerja
- vi. Persidangan dan Latihan
- vii. Penyelidikan dan Penerbitan
- viii. Perundingan
- ix. Khidmat Masyarakat
- x. Maklumat lain yang berkaitan

b. Maklumat ringkas berkenaan setiap staf sokongan yang terlibat mengendalikan program:

Jadual 2 : Ringkasan maklumat staf sokongan yang terlibat dalam program

	Nama	Jawatan	Kelayakan	Penempatan
1.				
2.				
3.				

Lampiran 19.2 Senarai Kemudahan Fizikal

	Kemudahan	Semasa			Unjuran Penambahan			
		Bil.	Kapasiti	Lokasi	Tahun 1		Tahun 2	
					Bil.	Kapasiti	Bil.	Kapasiti
1	Dewan Kuliah							
2	Bilik Tutorial							
3	Bilik Perbincangan							
4	Kemudahan Klinikal							
5	Makmal dan Bengkel							
	- Makmal penyelidikan							
	- Makmal Komputer							
	- Makmal Sains							
	- Makmal Bahasa							
	- Bengkel Kejuruteraan							
	- Bengkel Pemprosesan							
	- Bengkel Pembuatan							
	- Studio							
	- Lain-lain							
6	Perpustakaan dan Pusat Sumber							
7	Ruang Sosial Pelajar							
8	Kemudahan-kemudahan lain							

BAB 4 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN PROGRAM

Bab ini memperjelaskan garis panduan penulisan dokumen semakan program untuk semua mod pengajian. Program pengajian perlu disemak sekurang-kurangnya sekali dalam masa lima (5) tahun atau mengikut kelulusan Senat berdasarkan laporan Akreditasi Penuh atau laporan Audit Pemantauan Program. Biasanya semakan dilaksanakan selepas audit dan penilaian program pengajian dijalankan.

Semakan semula program boleh menyebabkan perubahan pada kurikulum sedia ada di Fakulti/Institut/Pusat Akademik. Lazimnya, perubahan kurikulum boleh melibatkan komponen berikut:

- (a) Tujuan program dan objektif pendidikan program;
- (b) Hasil pembelajaran program;
- (c) Penamaan program;
- (d) Tempoh pengajian;
- (e) Struktur kurikulum;
- (f) Bilangan kredit;
- (g) Hasil pembelajaran kursus; dan
- (h) Kandungan kursus.

Semakan kurikulum perlu dibentangkan di dalam JPPA dan Senat serta mendapat kelulusan JKPT. Untuk tujuan penilaian, perkara berikut perlu diambil kira:

- (a) Perubahan tujuan program dan objektif pendidikan program;
- (b) Perubahan hasil pembelajaran program;
- (c) Perubahan nama program;
- (d) Perubahan tempoh pengajian; dan
- (e) Perubahan kredit.

Selain daripada perkara di atas, perubahan yang membawa kepada implikasi keperluan sumber perlu juga melalui proses penilaian, kelulusan Senat dan kelulusan JKPT. Rujuk **Lampiran 4.1** untuk senarai kategori perubahan maklumat dan tindakan oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang telah digariskan oleh KPT.

LAMPIRAN 4.1: KATEGORI PERUBAHAN MAKLUMAT DAN TINDAKAN UA

PERUBAHAN	UA BUKAN BERSTATUS SWA	UA BERSTATUS SWA
<p>i. Perubahan yang memerlukan pindaan maklumat pada</p> <p>a) Pindaan editorial pada penamaan program. (Contoh: Sarjana Sains (Kimia) kepada Sarjana Sains Kimia).</p> <p>b) Pindaan editorial pada National Education code (NEC). (Contoh: NEC 340 kepada NEC342).</p> <p>c) Perubahan kredit bergraduat. (Contoh: Program Diploma 93 kredit kepada 90 kredit ATAU program Sarjana Muda 126 kredit kepada 120 kredit).</p> <p>d) Perubahan tempoh pengajian. (Contoh: Tempoh pengajian 2 ½ tahun kepada 2 tahun ATAU bilangan minggu pembelajaran dalam 1 semester daripada 14 minggu kepada 17 minggu ATAU perubahan bilangan semester panjang dan pendek atau bilangan minggu pengajian per semester).</p> <p>e) Perubahan/Penambahan kaedah pengajian. (Contoh: Sepenuh masa atau separuh masa).</p>	<p>Daftar Kelayakan Malaysia (MQR)</p> <p>Memohon kelulusan KPT dengan mengemukakan KC Semakan Kurikulum seperti LAMPIRAN3.2.</p> <p>Memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.</p> <p>Memaklumkan kelulusan perubahan ini kepada BPKP dan badan penaja yang berkaitan.</p>	
<p>ii. Perubahan bersifat STRUKTURAL pada reka bentuk program (kurikulum) yang tidak membawa kepada pertukaran bidang pengajian lain (tidak membawa kepada penukaran NEC). Peratusan perubahan kurikulum yang diambil kira adalah secara KUMULATIF berdasarkan kurikulum asal seperti yang diluluskan</p>		
<p>a) Perubahan/Penambahan kepada kaedah <i>Work-Based Learning (WBL)</i>. (Contoh: Kaedah WBL yang dibangunkan berdasarkan Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja (GGP:WBL) atau Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i).</p>	<p>Memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan bersama maklumat perubahan untuk proses penilaian semula. Caj penilaian akan dikenakan berdasarkan keperluan.</p> <p>Memohon kelulusan KPT dengan mengemukakan KC Semakan Kurikulum seperti di Lampiran 3.2.</p>	<p>Memohon kelulusan KPT dengan mengemukakan KC Semakan Kurikulum di Lampiran 3.2.</p> <p>Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.</p>

PERUBAHAN	UA BUKAN BERSTATUS SWA	UA BERSTATUS SWA
	Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.	
iii. Perubahan bersifat STRUKTURAL pada reka bentuk program (kurikulum) yang tidak membawa kepada pertukaran bidang pengajian lain (tidak membawa kepada penukaran NEC). Peratusan perubahan kurikulum yang diambil kira adalah secara KUMULATIF berdasarkan kurikulum asal seperti yang diluluskan.		
<p>a) Penamaan program disebabkan pindaan pada <i>Body of Knowledge (BOK)</i> atau mengikut trend penamaan semasa.</p> <p>b) Perubahan pada Objektif Pendidikan Program (<i>Programme Educational Objectives, PEO</i>) atau Hasil Pembelajaran Program (<i>Programme Learning Outcomes, PLO</i>).</p> <p>c) Perubahan kandungan kurikulum bersifat struktural melebihi 30% daripada kurikulum asal komponen teras, major, minor atau pengkhususan yang melibatkan pengguguran, penambahan atau penggantian kursus atau perubahan major <i>Course Learning Outcomes (CLO)</i> yang bukan editorial atau gabungan kedua-duanya. (Contoh: Perubahan kurikulum program Diploma 90 kredit yang melibatkan pertukaran lima (5) kursus sebanyak 15 kredit. Dalam pada itu, perubahan major CLO dibuat ke atas lima (5) kursus lain sebanyak 15 kredit. Secara keseluruhan, perubahan struktural melibatkan 30 kredit iaitu 33.3% daripada komponen kurikulum).</p>	<p>Memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan bersama maklumat perubahan untuk proses penilaian semula. Caj penilaian akan dikenakan berdasarkan keperluan.</p> <p>Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.</p>	<p>Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.</p>

PERUBAHAN	UA BUKAN BERSTATUS SWA	UA BERSTATUS SWA
iv. Perubahan/penambahan kaedah penyampaian program daripada Konvensional kepada <i>Open and Distance Learning (ODL)</i> ATAU perubahan/penambahan mod penawaran program daripada mod campuran atau mod kerja kursus kepada mod penyelidikan bagi program pascasiswazah.		
a) Perubahan/penambahan kaedah penyampaian program daripada Konvensional kepada <i>Open and Distance Learning (ODL)</i> .	Mengemukakan permohonan baharu kepada MQA. Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.	Senat universiti perlu mengakredit program baharu. Seterusnya mengemukakan maklumat program kepada maklumat program kepada MQA berserta surat kelulusan mengendalikan program daripada KPT untuk disenaraikan dalam Senarai Akreditasi Sementara atau didaftarkan dalam MQR.
b) Perubahan/penambahan mod penawaran program daripada mod campuran atau mod kerja kursus kepada mod penyelidikan bagi program pascasiswazah.	Mengemukakan permohonan baharu kepada MQA. Memohon kelulusan KPT dengan mengemukakan KC Permohonan Program Akademik Baharu seperti di Lampiran 2.1 . Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.	Senat universiti perlu mengakredit program baharu. Memohon kelulusan KPT dengan mengemukakan KC Permohonan Program Akademik Baharu seperti di Lampiran 2.1 . Seterusnya mengemukakan maklumat program kepada MQA berserta surat kelulusan mengendalikan program daripada KPTM (PT) untuk disenaraikan dalam Senarai Akreditasi Sementara atau didaftarkan dalam MQR.
v. Perubahan selain daripada Kategori I, ii, iii, iv dan v.		
a) Perubahan bagi memenuhi keperluan standard program.	Tidak perlu memaklumkan kepada MQA. PPT perlu menyimpan rekod dan bukti-bukti pengesahan untuk semakan semasa penilaian audit pematuhan.	
b) Penyelarasan kandungan kursus dengan penggantian topik selaras dengan perkembangan ilmu semasa.	Perubahan pada item g), h) dan i) perlu memohon kelulusan KPT dengan mengemukakan surat justifikasi permohonan.	
c) Penambahan komponen pembelajaran teradun (<i>blended learning</i>) dalam pengendalian program.		
d) Perubahan kaedah atau komposisi penilaian formatif dan sumatif.		

PERUBAHAN	UA BUKAN BERSTATUS SWA	UA BERSTATUS SWA
e) Perubahan sinopsis kursus. f) Pengemaskinian bahan rujukan. g) Perubahan Sesi Pengajian Tinggi bagi pengambilan kohort pertama program baharu. h) Perubahan Sesi Pengajian yang terlibat dengan perubahan maklumat/semakan kurikulum. i) Perubahan Maklumat Status Program <ul style="list-style-type: none"> - Penjumudan - Pembekuan - Penawaran semula program 		
j) Pelupusan Program Akademik	Mengemukakan surat penghentian program dan menyerahkan sijil perakuan akreditasi kepada MQA.	Memohon pengesahan KPT dengan mengemukakan surat justifikasi permohonan.
k) Perubahan lokasi penawaran program	PPT perlu memohon kelulusan KPT.	Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.


4.1 PROSES DAN PROSEDUR UNTUK SEMAKAN PROGRAM/KURIKULUM PENGAJIAN

Dengan mengambil kira keperluan untuk mengadakan proses semakan program pengajian kerja kursus seperti yang digariskan di dalam Arahan Kerja Pemantauan dan Semakan Program Pengajian Kerja Kursus (UKM/PJK/PPPS/P01/AK03) dan Arahan Kerja Pemantauan dan Semakan Program Siswazah Penyelidikan (UKM/PJK/PPPS/P01/AK04) Sistem Pengurusan Kualiti Pengurusan Pengajian Prasiswazah dan Siswazah (SPKPPPS), prosedur pengurusan semakan program pengajian adalah seperti berikut (Proses dan Prosedur untuk semakan Program Pengajian adalah seperti di **Rajah 3.1**):

- 1) Pengerusi Pusat/Ketua Program/Ketua Jabatan mengadakan perbincangan bersama tenaga pengajar untuk mengemukakan cadangan semakan program pengajian (permohonan mengikut Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian kursus.
- 2) Pengerusi Pusat/Ketua Program/Ketua Jabatan digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi) atau Ketua Jaminan Kualiti (KJK) fakulti/institut dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan.
- 3) Cadangan semakan program pengajian yang telah lengkap dibawa ke Mesyuarat Fakulti/Institut/pusat akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
- 4) Selepas cadangan semakan program tersebut dipersetujui oleh Mesyuarat Fakulti, dokumen tersebut dihantar ke PENGAJARAN-UKM dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format *Microsoft Word* atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen semakan program yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum program tersebut boleh ditawarkan.
- 5) PENGAJARAN-UKM akan menyemak dan menilai kecukupan dokumen (berpandukan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM, dan dokumen sokongan yang meliputi petikan minit Mesyuarat Fakulti). Sekiranya tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan memulangkan semula kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dilengkapkan.
- 6) Sekiranya perubahan melibatkan perkara-perkara yang memerlukan kelulusan JKPT, PENGAJARAN-UKM akan mengemukakan dokumen kepada Jawatankuasa

Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) untuk memperakukan cadangan semakan program tersebut kepada Senat serta JKPT.

- 7) PENGAJARAN-UKM mengeluarkan Perakuan Penilaian Semakan Program setelah mengesahkan pembedulan dan penambahbaikan yang dibuat ke atas dokumen.
- 8) Fakulti/Institut/Pusat Akademik mengemukakan dokumen yang telah ditambah baik berserta dengan Perakuan Penilaian Semakan Program kepada Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) untuk memperakukan cadangan semakan program pengajian tersebut kepada Senat.
- 9) JPPA bertindak sebagai pihak yang bertanggungjawab memperakukan cadangan semakan program. Jika tidak diperakukan, Urus Setia JPPA akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh PENGAJARAN-UKM.
- 10) Setelah diperakukan oleh JPPA, cadangan semakan program tersebut dikemukakan kepada Senat untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, Urus Setia Senat akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh PENGAJARAN-UKM.
- 11) Apabila cadangan diluluskan oleh Senat, cadangan semakan program pengajian tersebut perlu diserahkan kepada pihak JKPT untuk tujuan kelulusan penawaran di peringkat kementerian. Program pengajian dengan perubahan setelah semakan hanya boleh ditawarkan setelah mendapat kelulusan JKPT.



4.2 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN PROGRAM/KURIKULUM PENGAJIAN: MOD KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN

Untuk tujuan penyediaan dokumen bagi tujuan semakan program kerja kursus dan mod campuran, Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu melengkapkan dua (2) bahagian utama dokumen seperti berikut:

- A. Ringkasan Eksekutif;
- B. Kertas Cadangan Semakan Program;

A. Ringkasan Eksekutif

Sila sediakan Ringkasan Eksekutif seperti berikut:

RINGKASAN EKSEKUTIF SEMAKAN PROGRAM PENGAJIAN

RINGKASAN EKSEKUTIF		
1.	FAKULTI/INSTITUT/PUSAT AKADEMIK YANG MEMOHON	
2.	TUJUAN	Nyatakan dengan ringkas tujuan kertas cadangan.
3.	VISI, MISI DAN MATLAMAT PROGRAM DAN KAITAN DENGAN VISI, MISI DAN MATLAMAT PENDIDIKAN UNIVERSITI	
4.	BIDANG TUJAHAN FAKULTI/INSTITUT	
5.	ENTITI AKADEMIK YANG MEMOHON	5.1 Nyatakan program akademik sedia ada di fakulti/institut/pusat akademik (PTj) yang memohon. 5.2 Nyatakan secara ringkas sejarah penubuhan PTj dari segi tarikh penubuhan, bilangan program akademik dan bilangan pelajar terkini yang mendaftar.

<p>6.</p>	<p>ALAMAT PROGRAM DIJALANKAN (LOKASI PENAWARAN)</p> <p>Sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kampus Bangi • Kampus Cheras • Kampus Kuala Lumpur • Pusat Penyelidikan/Pusat Kecemerlangan/Makmal Alami • Pusat Pembelajaran 	
<p>7.</p>	<p>PROGRAM PENGAJIAN YANG DISEMAK</p>	<p>Nyatakan nama program akademik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris</p> <p>Contoh : Sarjana Muda Undang – undang dengan Kepujian</p> <p><i>Bachelor of Law with Honours</i></p>
<p>8.</p>	<p>TAHAP KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA (MQF)</p>	<p>Nyatakan Tahap MQF program yang disemak.</p> <p>Contoh : Sarjana Muda Tahap 6</p>
<p>9.</p>	<p>KOD PENDIDIKAN KEBANGSAAN NATIONAL EDUCATION CODE (NEC)</p>	<p>Nyatakan kod bidang program akademik tersebut berdasarkan manual NEC.</p>
<p>10.</p>	<p>PENGIKTIRAFAN BADAN PROFESIONAL</p>	<p>Nyatakan sama ada program akademik perlu diiktiraf oleh mana-mana badan profesional.</p> <p>Contoh : Lembaga Kelayakan Profesyen Undang-undang (<i>Legal Profession Qualifying Board</i>).</p>
<p>11.</p>	<p>INSTITUSI/ORGANISASI KERJASAMA</p>	<p>Sekiranya ia melibatkan penawaran bersama institusi/organisasi lain, nyatakan nama institusi/organisasi dan nama program yang berkaitan di institusi/organisasi berkenaan. Sila lampirkan Lol/MoU/MoA.</p>
<p>12.</p>	<p>SESI PENGAJIAN KURIKULUM YANG DISEMAK SEMULA BERKUAT KUASA</p>	<p>Nyatakan semester dan sesi pengajian program akademik yang disemak akan dimulakan. Contoh : Semester 1 Sesi 2020/2021 (Oktober 2020).</p>
<p>13.</p>	<p>MOD PENAWARAN</p>	<p>Nyatakan mod penawaran sama ada kerja kursus, penyelidikan atau mod campuran.</p>
<p>14.</p>	<p>KREDIT BERGRADUAT</p>	<p>Nyatakan jumlah kredit bergraduat program akademik tersebut.</p>

<p>15.</p>	<p>KAEDAH DAN TEMPOH PENGAJIAN</p>	<p>15.1 Nyatakan kaedah pengajian sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.</p> <p>15.2 Nyatakan tempoh minimum dan maksimum pengajian.</p> <p>Contoh :</p> <table border="1" data-bbox="788 465 1399 678"> <thead> <tr> <th>Kaedah Pengajian</th> <th>Tempoh Minimum</th> <th>Tempoh Maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sepenuh Masa</td> <td>4 tahun (8 semester)</td> <td>6 tahun (12 semester)</td> </tr> <tr> <td>Separuh Masa</td> <td>6 tahun (12 semester)</td> <td>8 tahun (16 semester)</td> </tr> </tbody> </table> <p>15.3 Nyatakan dengan jelas sekiranya terdapat gabungan semester panjang dan semester pendek.</p>	Kaedah Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum	Sepenuh Masa	4 tahun (8 semester)	6 tahun (12 semester)	Separuh Masa	6 tahun (12 semester)	8 tahun (16 semester)
Kaedah Pengajian	Tempoh Minimum	Tempoh Maksimum									
Sepenuh Masa	4 tahun (8 semester)	6 tahun (12 semester)									
Separuh Masa	6 tahun (12 semester)	8 tahun (16 semester)									
<p>16.</p>	<p>KAEDAH PENYAMPAIAN PROGRAM</p>	<p>16.1 Nyatakan kaedah penyampaian sama ada :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Konvensional ii. Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (<i>Open and Distance Learning, ODL</i>) <p>16.2 Nyatakan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) Yang Transformatif berasaskan penyampaian abad ke-21 menerusi ruang pembelajaran yang futuristik serta penggunaan teknologi digital terkini bagi mewujudkan pembelajaran imersif berdasarkan pengalaman.</p>									

<p>17.</p>	<p>JUSTIFIKASI SEMAKAN KURIKULUM</p>	<p>Nyatakan justifikasi yang merangkumi rasional berikut (mana yang berkaitan) :</p> <p>17.1 Unjuran statistik keperluan pekerjaan di sektor awam dan swasta bagi tempoh 5 tahun.</p> <p>17.2 Jenis pekerjaan yang berkaitan dan jumlah keperluan industri. Hasil dapatan <i>Labor Force Survey (LFS)</i> boleh digunakan sebagai sumber rujukan.</p> <p>17.3 Peratus Kebolehpasaran Graduan (<i>Graduate Employability</i>) bagi program sedia ada.</p> <p>17.4 Faktor perkembangan dan perubahan teknologi.</p> <p>17.5 Perubahan standard program.</p> <p>17.6 Kajian pasaran.</p> <p>17.7 Laporan Penilai/Pemeriksa Luar.</p> <p>17.8 Laporan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (<i>Continual Quality Improvement, CQI</i>).</p> <p>17.9 Analisis Dapatan Pemegang Taruh</p> <p>17.10 Penandaarasan</p> <p>17.11 Keperluan semasa dalam bidang</p> <p>17.12 Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (<i>High Impact Educational Practices, HIEPs</i>)</p> <p>17.13 Konsolidasi atau Segregasi</p> <p>17.14 Justifikasi-justifikasi lain yang berkaitan</p>
<p>18.</p>	<p>KELESTARIAN PROGRAM</p>	<p>Nyatakan kelestarian program dengan memfokuskan kepada isu sejauh manakah program ini dijangka bertahan di pasaran.</p>
<p>19.</p>	<p>OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM</p>	<p>Nyatakan Objektif Pendidikan Program (OPP).</p>

<p>20.</p>	<p>HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM</p>	<p>20.1 Nyatakan keupayaan keterampilan kompetensi khusus (<i>specific competencies</i>) yang akan ditunjukkan oleh pelajar di akhir program, seperti domain yang dinyatakan dalam MQF dan Standard Program (jika berkaitan).</p> <p>20.2 Tunjukkan Hasil Pembelajaran Program (HPP) lawan Objektif Pendidikan Program (OPP).</p> <p>20.3 Tunjukkan matriks Kursus lawan Hasil Pembelajaran Program (HPP).</p> <p>*Rujuk dan perincikan di Bahagian B.</p>																														
<p>21.</p>	<p>KOMPONEN/MAKLUMAT YANG DIUBAH DAN STRUKTUR KURIKULUM BAHARU</p>	<p>21.1 Nyatakan perubahan komponen/maklumat program.</p> <table border="1" data-bbox="788 790 1401 981"> <thead> <tr> <th>Komponen/ Maklumat</th> <th>Sedia Ada</th> <th>Baharu</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table> <p>21.2 Lampirkan struktur kurikulum dan pelan pengajian terkini.</p> <p>**Rujuk dan perincikan di Bahagian B.</p>	Komponen/ Maklumat	Sedia Ada	Baharu																											
Komponen/ Maklumat	Sedia Ada	Baharu																														
<p>22.</p>	<p>SILIBUS</p>	<p>Menyenaraikan semua kursus yang terlibat dalam program. Maklumat terperinci dalam Bahagian B.</p>																														
<p>23.</p>	<p>UNJURAN DAN ANALISIS KEMAJUAN PELAJAR</p>	<p>Nyatakan unjuran, enrolmen, keluaran dan keciciran pelajar dalam tempoh lima (5) tahun.</p> <table border="1" data-bbox="788 1384 1401 1599"> <thead> <tr> <th>Tahun</th> <th> </th> <th> </th> <th> </th> <th> </th> <th> </th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Unjuran</td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td>Enrolmen</td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td>Keluaran</td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> <tr> <td>Keciciran</td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> <td> </td> </tr> </tbody> </table>	Tahun						Unjuran						Enrolmen						Keluaran						Keciciran					
Tahun																																
Unjuran																																
Enrolmen																																
Keluaran																																
Keciciran																																

<p>24.</p>	<p>SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM</p>	<p>24.1 Nyatakan syarat am, khusus dan syarat khas kemasukan ke program.</p> <p>24.2 Nyatakan keperluan kelayakan asas termasuk band MUET.</p> <p>24.3 Nyatakan keperluan dan kemahiran prasyarat serta syarat/kelayakan lain jika diperlukan.</p> <p>24.4 Nyatakan keperluan pelajar untuk mengambil apa-apa kursus khas bagi mereka yang tidak memenuhi kriteria kemasukan, syarat am dan khusus mengikut kelulusan Senat.</p> <p>24.5 Nyatakan kategori OKU yang diterima masuk ke program ini.</p>
<p>25.</p>	<p>PERBANDINGAN PROGRAM AKADEMIK YANG DIPOHON DENGAN UNIVERSITI LAIN DALAM NEGARA/PERTINDIHAN PROGRAM</p>	<p>25.1 Nyatakan program yang sama atau hampir sama di universiti lain (awam dan swasta) dalam negara/pertindihan program.</p> <p>25.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang disemak dengan program yang lain dalam negara yang dibandingkan.</p>
<p>26.</p>	<p>PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM AKADEMIK DI UNIVERSITI LUAR NEGARA</p>	<p>26.1 Nyatakan program yang sama atau hampir sama yang ditawarkan oleh universiti lain di luar negara.</p> <p>26.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang disemak dengan program universiti yang lain di luar negara yang dibandingkan.</p>
<p>27.</p>	<p>IMPLIKASI PERJAWATAN, FIZIKAL DAN KEWANGAN, SERTA CADANGAN MENANGANI</p>	<p>27.1 Nyatakan keperluan perjawatan sama ada memadai dengan perjawatan sedia ada atau penambahan baharu.</p> <p>27.2 Nyatakan keperluan fizikal/infrastruktur sama ada memadai dengan keperluan fizikal/infrastruktur sedia ada atau penambahan baharu.</p> <p>27.3 Nyatakan implikasi kewangan yang berkaitan.</p> <p>27.4 Nyatakan sama ada implikasi yang dinyatakan menggunakan peruntukan dalaman fakulti/institut/UKM atau memerlukan peruntukan tambahan daripada pihak kementerian.</p>

28.	PENJUMUDAN/PEMBEKUAN/ PELUPUSAN PROGRAM	Nyatakan program sedia ada yang telah/akan dijumudkan/dibekukan/dilupuskan.																
29.	MAKLUMAT PROGRAM DISEMAK KELULUSAN AKADEMIK ASAL YANG	<table border="1" data-bbox="788 495 1401 658"> <thead> <tr> <th data-bbox="788 495 1094 521">Kelulusan</th> <th data-bbox="1094 495 1401 521">Tarikh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="788 521 1094 573">Kelulusan asal program oleh Senat</td> <td data-bbox="1094 521 1401 573"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="788 573 1094 627">Kelulusan asal program oleh JKPT</td> <td data-bbox="1094 573 1401 627"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="788 627 1094 658">Sesi program asal ditawarkan</td> <td data-bbox="1094 627 1401 658"></td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="788 712 1401 779">Nyatakan nombor rujukan/kod QR akreditasi dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).</p>	Kelulusan	Tarikh	Kelulusan asal program oleh Senat		Kelulusan asal program oleh JKPT		Sesi program asal ditawarkan									
Kelulusan	Tarikh																	
Kelulusan asal program oleh Senat																		
Kelulusan asal program oleh JKPT																		
Sesi program asal ditawarkan																		
30.	KEAHLIAN DAN ULASAN JAWATANKUASA PENASIHAT FAKULTI/ INSTITUT/PROGRAM ATAU LEMBAGA PENGAJIAN TERHADAP PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON	<p data-bbox="788 819 1401 920">i. Keahlian JawatanKuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian;</p> <p data-bbox="788 943 1401 1055">ii. Ulasan JawatanKuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian.</p>																
31.	TARIKH SEMAKAN PROGRAM DILULUSKAN	<table border="1" data-bbox="788 1144 1401 1442"> <thead> <tr> <th data-bbox="788 1144 1182 1171">Kelulusan</th> <th data-bbox="1182 1144 1401 1171">Tarikh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="788 1171 1182 1225">Tarikh Semakan Kurikulum Terdahulu oleh JKPT</td> <td data-bbox="1182 1171 1401 1225"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="788 1225 1182 1256">Akreditasi Penuh/MQA</td> <td data-bbox="1182 1225 1401 1256"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="788 1256 1182 1332">*Jawatan Kuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian;</td> <td data-bbox="1182 1256 1401 1332"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="788 1332 1182 1364">*Mesyuarat Fakulti/Institut;</td> <td data-bbox="1182 1332 1401 1364"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="788 1364 1182 1395">*JPPA</td> <td data-bbox="1182 1364 1401 1395"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="788 1395 1182 1426">*Senat</td> <td data-bbox="1182 1395 1401 1426"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="788 1426 1182 1442">* JKPT</td> <td data-bbox="1182 1426 1401 1442"></td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="788 1458 1007 1485"><i>*untuk semakan semasa</i></p>	Kelulusan	Tarikh	Tarikh Semakan Kurikulum Terdahulu oleh JKPT		Akreditasi Penuh/MQA		*Jawatan Kuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian;		*Mesyuarat Fakulti/Institut;		*JPPA		*Senat		* JKPT	
Kelulusan	Tarikh																	
Tarikh Semakan Kurikulum Terdahulu oleh JKPT																		
Akreditasi Penuh/MQA																		
*Jawatan Kuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian;																		
*Mesyuarat Fakulti/Institut;																		
*JPPA																		
*Senat																		
* JKPT																		
32.	KESIMPULAN/SYOR																	

B. Kertas Cadangan Semakan Program/Kurikulum

1. FAKULTI/INSTITUT/PUSAT AKADEMIK YANG MEMOHON

- i. Nyatakan kompetensi khusus yang akan ditunjukkan oleh pelajar pada akhir program seperti penguasaan pengetahuan dan pemahaman dalam pelbagai bidang termasuk ICT, daya intelek, kemahiran kognitif, dari segi menyelesaikan masalah, membuat keputusan secara kreatif, keterampilan, praktikal, kebolehan berkomunikasi, kemahiran interpersonal, kemahiran digital, kemahiran celik angka (*numeracy*) berfikir secara kritikal, sikap dan akhlak sebagai warganegara yang bertanggungjawab serta kompetensi meningkatkan kebolehan diri. Untuk program profesional seperti Kejuruteraan, Perubatan, Seni Bina, Undang-undang, Perakaunan dan sebagainya, **hasil pembelajaran program** adalah seperti yang disyaratkan oleh Badan Profesional masing-masing.
- ii. Tunjukkan kaitan antara kompetensi pada akhir program (hasil pembelajaran program) dengan kompetensi yang akan diperolehi dalam alam pekerjaan (objektif program) dan Matlamat Pendidikan. Untuk 11 (ii) sediakan jadual matriks seperti di lampiran berikut:
 - a) **Lampiran 11.1:** Contoh Pemetaan antara Objektif Pendidikan Program (OPP) dengan Matlamat Pendidikan; dan
 - b) **Lampiran 11.2:** Contoh Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan Objektif Pendidikan Program (HPP); dan
 - c) **Lampiran 11.3:** Pemetaan Hasil Pembelajaran Program dan kelompok Hasil Pembelajaran MQF.

20. UNJURAN DAN ANALISIS KEMAJUAN PELAJAR

Nyatakan analisis kemajuan pelajar yang merangkumi:

- a) unjuran pelajar
- b) enrolmen
- c) kadar lulus (keluaran); dan
- d) keciciran.

untuk tempoh lima (5) tahun.

21. SYARAT KEMASUKAN KE PROGRAM

- 21.1 Nyatakan syarat am, khusus dan syarat khas kemasukan ke program.
- 21.2 Nyatakan keperluan kelayakan asas termasuk Band MUET.
- 21.3 Nyatakan keperluan dan kemahiran prasyarat serta syarat/kelayakan lain jika diperlukan.
- 21.4 Nyatakan keperluan pelajar untuk mengambil apa-apa kursus khas bagi mereka yang tidak memenuhi kriteria kemasukan, syarat am dan khusus mengikut kelulusan Senat.
- 21.5 Nyatakan kategori OKU yang diterima masuk ke program ini.

22. PERBANDINGAN PROGRAM AKADEMIK YANG DISEMAK DENGAN PROGRAM YANG DITAWARKAN OLEH UNIVERSITI LAIN DALAM NEGARA/PERTINDIHAN PROGRAM

- 22.1 Nyatakan program yang sama atau hampir sama di universiti lain (awam dan swasta) dalam negara/pertindihan program.
- 22.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang disemak dengan program yang lain dalam negara yang dibandingkan.

23. PERBANDINGAN PROGRAM AKADEMIK YANG DISEMAK DENGAN PROGRAM YANG DITAWARKAN OLEH UNIVERSITI LUAR NEGARA

- 23.1 Nyatakan program yang sama atau hampir sama yang ditawarkan oleh universiti di luar negara.
- 23.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang disemak dengan program yang lain di luar negara yang dibandingkan.

24. IMPLIKASI PERJAWATAN, FIZIKAL DAN KEWANGAN, SERTA CADANGAN MENANGANI IMPLIKASI SUMBER³⁹

- 24.1 Nyatakan keperluan perjawatan sama ada memadai dengan perjawatan sedia ada atau penambahan baharu.

- 24.2 Nyatakan keperluan fizikal/infrastruktur sama ada memadai dengan keperluan fizikal/infrastruktur sedia ada atau penambahan baharu.
- 24.3 Nyatakan implikasi kewangan yang berkaitan.
- 24.4 Nyatakan sama ada implikasi yang dinyatakan menggunakan peruntukan dalaman Fakulti/Institut/UKM atau memerlukan peruntukan tambahan daripada pihak kementerian.

25. PENJUMUDAN/PEMBEKUAN/PELUPUSAN PROGRAM

Nyatakan program sedia ada yang telah/akan dijumlahkan/dibekukan/dilupuskan.

26. MAKLUMAT KELULUSAN ASAL PROGRAM AKADEMIK

i. Nyatakan maklumat kelulusan asal program ini

Kelulusan	Tarikh
Kelulusan asal program oleh Senat	
Kelulusan asal program oleh JKPT	
Sesi program asal ditawarkan	

ii. Nyatakan nombor rujukan/kod QR akreditasi dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR).

27. KEAHLIAN DAN ULASAN JAWATANKUASA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PROGAM ATAU LEMBAGA PENGAJIAN TERHADAP PROGRAM YANG DIPOHON

Senaraikan keahlian Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/Program atau Lembaga Pengajian dan sertakan ulasan dan minit mesyuarat.

28. TARIKH SEMAKAN PROGRAM DILULUSKAN

Nyatakan tarikh program diluluskan oleh pihak-pihak berikut:

Kelulusan	Tarikh
Tarikh Semakan Kurikulum Terdahulu oleh JKPT	
Akreditasi Penuh/MQA	
*Jawatan Kuasa Penasihat Fakulti/Institut/ Program atau Lembaga Pengajian	

*Mesyuarat Fakulti/Institut	
*JPPA	
*Senat	
*Lembaga Pengarah Universiti.	
*JKPT	

**untuk semakan semasa*

29. KESIMPULAN/SYOR

Nyatakan kesimpulan/syor ke atas cadangan semakan program ini.

LAMPIRAN KERTAS CADANGAN SEMAKAN PROGRAM MOD PENYELIDIKAN

Lampiran 11.1 Pemetaan antara Objektif Pendidikan Program dengan Matlamat Pendidikan

Objektif pendidikan program (OPP)	Matlamat Pendidikan (MP)	MP 1: Graduan beraspirasi kebangsaan	MP 2: Graduan berkompeteren	MP 3: Graduan berdaya saing dan inovatif
OPP 1:				
OPP 2:				
OPP 3:				
OPP 4:				

Lampiran 11.2 Pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program dengan Objektif Program

Objektif pendidikan program (OPP)	OPP1:	OPP2:	OPP3:	OPP4:
HPP 1:				
HPP 2:				
HPP 3:				
HPP 4:				
HPP 5:				
HPP 6:				
HPP 7:				
HPP 8:				

Lampiran 11.3 Pemetaan Hasil Pembelajaran Program (HPP) dengan merujuk kepada lima kelompok Hasil Pembelajaran MQF

Domain Hasil Pembelajaran MQF Hasil Pembelajaran Program		MQF 1	MQF 2	MQF 3 Kemahiran kefungsiian kerja dengan fokus						MQF4	MQF5
		Ilmu pengetahuan dan pemahaman	Kemahiran kognitif	Kemahiran praktikal	Kemahiran interpersonal	Kemahiran komunikasi	Kemahiran digital	Kemahiran celik angka (<i>numeracy</i>)	Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab	Kemahiran mengurus dan keusahawanan	Etika dan profesionalisme
1	Menunjukkan kepakaran dalam bidang berkenaan;										
2	Mengaplikasi kemahiran praktikal dalam bidang berkenaan;										
3	Mengaitkan idea terhadap isu masyarakat dalam bidang berkenaan;										
4	Menjalankan penyelidikan dengan penyeliaan minimum dan patuh kepada perundangan, etika dan kod amalan profesional;										
5	Menunjukkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan kerjasama berkesan di kalangan penyelidik dan pihak berkepentingan;										
6	Menghasilkan penyelesaian kepada permasalahan menggunakan kemahiran saintifik dan pemikiran kritikal; dan										

Domain Hasil Pembelajaran MQF		MQF 1	MQF 2	MQF 3						MQF4	MQF5
				Kemahiran kefungsian kerja dengan fokus							
Hasil Pembelajaran Program		Ilmu pengetahuan dan pemahaman	Kemahiran kognitif	Kemahiran praktikal	Kemahiran interpersonal	Kemahiran komunikasi	Kemahiran digital	Kemahiran celik angka (<i>numeracy</i>)	Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab	Kemahiran mengurus dan keusahawanan	Etika dan profesionalisme
7	Mengurus maklumat untuk pembelajaran sepanjang hayat.										

Lampiran 11.4 Matriks hubungan Hasil Pembelajaran Kelayakan Pascasiswazah dan Hasil Pembelajaran Program (HPP)

(contoh: Aras 7 bagi Ijazah Sarjana)

Hasil Pembelajaran Program (HPP)		HPP 1	HPP 2	HPP 3	HPP 4	HPP 5	HPP 6
		Perincian Tahap Kelayakan Aras 7 ⁴⁰					
1	Menunjukkan kepakaran dalam bidang berkenaan;						
2	Mengaplikasi kemahiran praktikal dalam bidang berkenaan;						
3	Mengaitkan idea terhadap isu masyarakat dalam bidang berkenaan;						
4	Menjalankan penyelidikan dengan penyeliaan minimum dan patuh kepada perundangan, etika dan kod amalan profesional;						
5	Menunjukkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan kerjasama berkesan di kalangan penyelidik dan pihak berkepentingan;						
6	Menghasilkan penyelesaian kepada permasalahan menggunakan kemahiran saintifik dan pemikiran kritikal; dan						
7	Mengurus maklumat untuk pembelajaran sepanjang hayat.						

⁴⁰ Rujuk Standard 1.2 Hasil Pembelajaran, Bidang 1, Standard Ijazah Sarjana dan Kedoktoran, MQA

BAB 5 PENYEDIAAN DOKUMEN KURSUS BAHARU DAN SEMAKAN KURSUS

Selaras dengan keperluan program pengajian yang perlu mengikuti perkembangan semasa dan memperkenalkan perubahan di mana perlu, program boleh mencadangkan pengenalan kursus baharu dan perubahan terhadap kursus-kursus sedia ada seperti yang di jelaskan di dalam **Jadual 5.1** melalui proses penambahbaikan berterusan. Justeru, bab ini adalah berkaitan cadangan untuk menyediakan dokumen permohonan kursus baharu dan semakan kursus bagi program pengajian sedia ada.

Jadual 5.1 : Kategori perubahan kursus

Bil.	Komponen Kurikulum	Kategori Perubahan	
		Perubahan Major	Perubahan Minor*
1.	Penamaan Kursus	Nama asal kursus tidak lagi menggambarkan sinopsis dan hasil pembelajaran kursus yang berubah setelah semakan. Kursus ini dianggap sebagai kursus baharu dan perlu melalui proses penawaran kursus baharu.	Pembetulan nama dari segi tatabahasa contohnya, pembetulan nama kursus 'Rekabentuk...' kepada 'Reka Bentuk' atau nama kursus dalam Bahasa Inggeris ' <i>Mathematic for...</i> ' kepada ' <i>Mathematics for...</i> '
2.	Kredit	Sebarang perubahan kredit dianggap sebagai kursus baharu kerana melibatkan perubahan digit terakhir kod kursus.	Tidak berkenaan.
3.	Hasil Pembelajaran Kursus	Penambahan, pengurangan atau perubahan pernyataan yang melebihi 50%.	Penambahbaikan atau pemurnian dari segi tatabahasa.
4.	Kaedah penyampaian dan kaedah pentaksiran	Perubahan signifikan kepada Pelan Pentaksiran Kursus contohnya, perubahan daripada penyampaian dan/atau pentaksiran menggunakan kaedah lazim	Perubahan yang melibatkan penggantian kaedah yang ditetapkan kepada kaedah alternatif tanpa melibatkan perubahan peruntukan markah dan SLT yang signifikan.

		kepada berpendekatan WBL atau menggunakan MOOC secara keseluruhan.	
--	--	--	--


Nota: Untuk perubahan minor, kelulusan perubahan adalah di peringkat Fakulti/Institut/Pusat Akademik.

5.1 PROSES DAN PROSEDUR PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK CADANGAN KURSUS BAHARU (KURSUS TERAS)

Proses dan prosedur untuk penyediaan cadangan kursus baharu bagi Kursus Teras adalah seperti berikut (rujuk **Rajah 5.1: Prosedur Permohonan Kursus Baharu (Kursus Teras)**):

- i. Fakulti/Institut/Pusat Akademik mengadakan perbincangan bersama tenaga pengajar untuk mengemukakan cadangan penawaran kursus baharu (permohonan mengikut Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian kursus.
- ii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi) atau Ketua Jaminan Kualiti (KJK) fakulti/institut/pusat akademik dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan.
- iii. Cadangan penawaran kursus baharu pengajian yang telah lengkap dibawa ke mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
- iv. Selepas cadangan kursus baharu tersebut dipersetujui oleh Mesyuarat Fakulti/ Institut/Pusat Akademik, dokumen tersebut dihantar kepada PENGAJARAN-UKM dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format *Microsoft Word* atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan kursus baharu yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.
- v. PENGAJARAN-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) dan memastikan kursus yang dipohon memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik, KPT.

- vi. PENGAJARAN-UKM menilai dan memperakukan cadangan kursus baharu dengan mengeluarkan Perakuan Cadangan Kursus Baharu. Jika tidak diperakukan, PENGAJARAN-UKM mengembalikan laporan tersebut untuk disemak semula dan ditambah baik oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik.
- vii. Setelah diperakukan oleh PENGAJARAN-UKM, cadangan penawaran kursus baharu tersebut dikemukakan kepada JPPA berserta dengan Perakuan Cadangan Kursus Baharu untuk perakuan. Jika tidak diperakukan, Urus Setia JPPA akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh PENGAJARAN-UKM.
- viii. Setelah diperakukan oleh JPPA, cadangan penawaran kursus baharu (kursus teras) tersebut dikemukakan kepada Senat untuk kelulusan. Sekiranya tidak diluluskan, Urus Setia Senat akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh PENGAJARAN-UKM sebelum dibawa semula ke JPPA dan Senat.
- ix. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh menawarkan kursus baharu kepada pelajar setelah mendapat kelulusan Senat.




Rajah 5.1: Prosedur Permohonan Kursus Baharu (Kursus Teras)

5.2 PROSES DAN PROSEDUR PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK CADANGAN KURSUS BAHARU (KURSUS ELEKTIF)

Proses dan prosedur untuk penyediaan cadangan kursus baharu bagi Kursus Elektif adalah seperti berikut (rujuk Rajah 5.2: Prosedur Permohonan Kursus Baharu (Kursus Elektif)):

- i. Fakulti/Institut/Pusat Akademik mengadakan perbincangan bersama tenaga pengajar untuk mengemukakan kursus baharu (permohonan mengikut Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian kursus.
- ii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi) atau Ketua Jaminan Kualiti (KJK) fakulti/institut dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan.
- iii. Cadangan kursus baharu yang telah lengkap dibawa ke mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
- iv. Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu membuat permohonan kepada Pusat Citra UKM sekiranya kursus yang dibangunkan akan ditawarkan sebagai kursus Citra atau Kursus Elektif Bebas.
- v. Selepas cadangan kursus baharu tersebut dipersetujui oleh Mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Citra UKM, dokumen tersebut dihantar kepada PENGAJARAN-UKM untuk semakan kecukupan dan penjaminan kualiti dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format *Microsoft Word* atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan kursus baharu yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.
- vi. PENGAJARAN-UKM akan menilai dan memperakukan cadangan penawaran kursus baharu (kursus elektif) dengan mengeluarkan perakuan cadangan penawaran kursus baharu. Jika tidak diperakukan, PENGAJARAN-UKM akan mengembalikan dokumen cadangan penawaran kursus baharu tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk disemak semula dan ditambahbaik oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik.
- vii. Setelah diperakukan oleh PENGAJARAN-UKM, cadangan penawaran kursus baharu tersebut dikemukakan kepada JPPA berserta perakuan cadangan penawaran kursus baharu dan petikan minit mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, Urus Setia JPPA akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik.

- viii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh menawarkan kursus baharu kepada pelajar setelah mendapat kelulusan JPPA.



Rajah 5.2: Prosedur Permohonan Kursus Baharu (Kursus Elektif/Elektif Bebas)

5.3 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN KURSUS BAHARU:

Untuk tujuan penyediaan dokumen bagi permohonan kursus baharu, Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu melengkapkan dokumen seperti berikut:

1.	KOD KURSUS	
2.	NAMA KURSUS	
3.	TARAF KURSUS	Wajib/elektif
4.	PENYELARAS KURSUS	
5.	JUSTIFIKASI PENAWARAN KURSUS	
6.	SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	
7.	NILAI KREDIT	
8.	OBJEKTIF KURSUS	Objektif kursus adalah pernyataan yang harus dipelajari oleh pelajar untuk mencapai matlamat program.
9.	HASIL PEMBELAJARAN KURSUS	
10.	PROFORMA KURSUS	Proforma kursus menunjukkan Pra Syarat, Bahan Rujukan, Matriks HPK kepada HPP, Kaedah Penyampaian dan Pentaksiran Kursus, Rancangan Kandungan Kursus dan Jumlah Waktu dan Jumlah Waktu Pembelajaran Pelajar Bagi Setiap HPK serta Kaedah dan Pemberat Penilaian (sila rujuk Lampiran 11. 1: Contoh Proforma Kursus).
11.	KEMAHIRAN BOLEH PINDAH (JIKA BERKAITAN)	Kemahiran dan bagaimana ia dibentuk dan dinilai, projek dan pengalaman amali dan latihan sambil kerja (<i>internship</i>).
12.	NAMA PROGRAM (Jika berkaitan)	
13.	HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM YANG DISOKONG OLEH KURSUS (Jika berkaitan)	
14.	MAKLUMAT TAMBAHAN	Contoh : Sekiranya ada melakukan kajian keperluan kursus.

Lampiran 11.1 Proforma Kursus

1. **Kod Kursus** : **PPPJ3624**
2. **Nama Kursus** : **Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam**
Science and Technology in the Islamic Civilisation
3. **Kredit** : **4**
4. **Taraf Kursus** : **Wajib/Elektif**
5. **Sinopsis:**

Kursus ini bertujuan meneliti pertumbuhan dan perkembangan sains dan teknologi dalam sejarah dan tamadun Islam. Perbincangan selanjutnya meliputi sorotan mengenai pandangan Islam terhadap aspek sains dan teknologi berasaskan al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para intelektual Muslim sezaman, faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan sains dan teknologi dalam sejarah Islam, sumbangan peradaban Islam terhadap sains dan teknologi, faktor-faktor kemerosotan sains dan teknologi dalam kalangan orang Islam, serta masa depan sains dan teknologi di dunia Islam. Beberapa buah karya sains dan teknologi dalam tamadun Islam turut disoroti.

The purpose of this course is to examine in detail the growth and development of science and technology in Islamic history and civilisation. Further discussion covers highlights concerning Islamic views on aspects of science and technology based on al-Quran, al-Sunnah and opinions of contemporaneous Muslim intellectuals, factors which lead to the development of science and technology in Islamic history, contributions of the Islamic civilisation to science and technology, factors which lead to the decline of science and technology among Muslims, as well as the future of science and technology in the Muslim world. Some major works on science and technology of the Islamic civilisation are also highlighted.

6. **Pra-Keperluan:**

Tiada.

7. **Keperluan Kursus⁴¹ untuk Menduduki Peperiksaan**
(Rujuk Peraturan-peraturan UKM (Pengajian Sarjana Muda) 2020).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁴² keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan

⁴¹ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliahan dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik.

⁴² 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliah tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

8. Rujukan:

King, D. 2014. *In Synchrony with the Heavens: Studies in Astronomical Timekeeping and Instrumentation in Medieval Islamic Civilization*. Boston: Brill.

Ahmed, Shabeer. 2016. *Development of Science and Technology in Islamic History*. T.Tpt. Maktabal Islamia Publication.

Kalin, Ibrahim. 2014. *The Oxford Encyclopedia of Philosophy, Science and Technology in Islam*. Oxford: Oxford University Press.

Lyons, J. 2015. *The house of wisdom: How the Arabs Transformed the Western Civilization?*. USA: Bloomsbury Publishing.

Ibn Khaldun, Abdul-Rahman bin Muhamad.T.th. al-Muqaddind Beirut: Mu'assasat al-Alami li al-Tiba'ah.

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:
At the end of the course, student should be able to:

HPK1 : Meneliti konsep dan falsafah ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam;
Ability to study concepts and philosophy of science and technology in Islamic civilisation;

HPK2 : Mengklasifikasi dan menginterpretasi peringkat perkembangan ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam;
Ability to classify and interpret the growth level of science and technology in the Islamic civilisation;

HPK3 : Menilai isu-isu sains dan teknologi dalam tamadun Islam secara holistik dan kronologi;
Ability to evaluate the issues of science and technology in the Islamic civilisation holistically and chronology;

HPK4 : Menghasilkan dan membentangkan cadangan artikel untuk jurnal berasaskan sumber berautoriti.
Ability to produce and present an article proposal for a journal based on authoritative sources.

10. Pelan Pentaksiran:

PPPJ3624: Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:		Tahap Taksonomi	HPP*/HPD**	Pemboleh (1) / Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran (%) ⁴³			Jumlah Jam Pembelajaran Pelajar, SLT ⁴⁴ (Jam)
						Pembentangan	Ujian (Pertengahan Semester)	Peperiksaan (Akhir Semester)	
1.	Meneliti konsep dan falsafah ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.	C3	HPP2	2	Kuliah		20		40
2.	Mengklasifikasi dan menginterpretasi peringkat perkembangan ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.	C4	HPP2	2	Kuliah			40	50
3.	Menilai isu sains dan teknologi dalam tamadun Islam secara holistik dan kronologi.	C4	HPP5	2	Pembelajaran Berasaskan Kes	20			40
4.	Menghasilkan dan membentangkan cadangan artikel untuk jurnal berasaskan sumber berautoriti.	C6	HPP5	2	Diskusi Kumpulan	20			30
JUMLAH MARKAH						40	20	40	
JAM PEMBELAJARAN									160

*Diisi oleh fakulti/Institut **Kursus di Pusat Citra/CESMED perlu dipetakan kepada Hasil Pembelajaran Domain MQF (HPD)

⁴³ Had terima untuk peruntukan markah pentaksiran ialah $\pm 5\%$ kecuali sekiranya terdapat percanggahan dengan peruntukan markah yang ditetapkan di dalam Peraturan UKM (Pengajian Sarjana Muda), Peraturan UKM (Pengajian Siswazah) atau yang setara dengannya.

⁴⁴ Jumlah "jam pembelajaran pelajar" (SLT) adalah anggaran untuk tujuan perancangan penyampaian mengikut HPK dan pensyarah perlu mengembangkan jumlah ini mengikut tajuk kuliah mingguan selama satu semester yang ditawarkan. Had terima untuk masa pembelajaran pelajar yang dibangunkan mengikut tajuk atau minggu ialah ± 0.1 kredit.

5.3 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN KURSUS

Selaras dengan keperluan program pengajian yang perlu mengikuti perkembangan semasa dan memperkenalkan perubahan di mana perlu, sesuatu kursus boleh menjalankan semakan untuk mengenal pasti sebarang keperluan untuk perubahan kepada kod kursus, nama kursus, kredit kursus dan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) serta Hasil Pembelajaran Program (HPP) yang berkaitan.


5.4 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS (KURSUS WAJIB)

Proses dan prosedur untuk semakan kursus bagi Kursus Teras adalah seperti berikut (rujuk Rajah 5.3: Prosedur Permohonan Kursus Baharu (Kursus Wajib)):

- i. Fakulti/Institut/Pusat Akademik mengadakan perbincangan bersama tenaga pengajar untuk mengemukakan permohonan semakan kursus (permohonan mengikut Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian kursus.
- ii. Fakulti/ Institut/Pusat Akademik digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi) atau Ketua Jaminan Kualiti (KJK) Fakulti/Institut/Pusat Akademik masing-masing dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan.
- iii. Dokumen semakan kursus yang telah lengkap dibawa ke mesyuarat Fakulti/ Institut/Pusat Akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
- iv. Selepas cadangan semakan kursus tersebut dipersetujui oleh mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik, dokumen tersebut dihantar kepada PENGAJARAN-UKM dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format *Microsoft Word* atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen semakan kursus yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut/pusat akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.
- v. PENGAJARAN-UKM bertanggungjawab menyemak kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM). Jika dokumen yang disemak tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan mengembalikan laporan tersebut untuk disemak semula dan ditambah baik oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik.
- vi. PENGAJARAN-UKM seterusnya akan menilai dan memastikan kursus tersebut memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik. Jika tidak memenuhi keperluan tersebut, PENGAJARAN-UKM

mengembalikan dokumen semakan kursus tersebut untuk ditambah baik oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik.

- vii. Semua kursus wajib perlu mendapat kelulusan JPPA dan Senat selepas diperakukan oleh PENGAJARAN-UKM. Jika tidak diluluskan, Urus Setia JPPA/Senat akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik berkenaan untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh PENGAJARAN-UKM sebelum dibawa semula ke JPPA dan Senat.
- viii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh menawarkan kursus kepada pelajar setelah mendapat kelulusan Senat.




Rajah 5.3 Prosedur Semakan Kursus (Kursus Wajib)

5.5 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS (KURSUS ELEKTIF)

Proses dan prosedur untuk semakan kursus bagi Kursus Elektif adalah seperti berikut (rujuk Rajah 5.4: Prosedur Permohonan Kursus Baharu (Kursus Elektif)):

- i. Fakulti/Institut/Pusat Akademik mengadakan perbincangan bersama tenaga pengajar untuk mengemukakan semakan kursus (permohonan mengikut Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) serta menyemak kelestarian, kerelevanan, isu, cabaran dan penilaian kursus.
- ii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi) atau Ketua Jaminan Kualiti (KJK) Fakulti/Institut/Pusat Akademik dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan.
- iii. Dokumen cadangan semakan kursus yang telah lengkap dibawa ke mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain.
- iv. Selepas cadangan semakan kursus tersebut dipersetujui oleh mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik, dokumen tersebut dihantar kepada PENGAJARAN-UKM untuk semakan kecukupan dan penjaminan kualiti dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format *Microsoft Word* atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen semakan kursus yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.
- v. PENGAJARAN-UKM bertanggungjawab menyemak kecukupan dokumen (berdasarkan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) dan menilai serta memastikan kursus tersebut memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA dan Standard Program. Jika tidak memenuhi keperluan tersebut, PENGAJARAN-UKM mengembalikan dokumen semakan kursus tersebut untuk ditambah baik oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik.
- vi. Setelah mendapat perakuan daripada PENGAJARAN-UKM, semakan kursus tersebut akan dibawa ke JPPA untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, Urus Setia JPPA akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh PENGAJARAN-UKM sebelum dibawa semula ke JPPA.
- vii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh menawarkan kursus kepada pelajar setelah mendapat kelulusan JPPA.



Rajah 5.4 Prosedur Semakan Kursus (Kursus Elektif)

5.6 PENYEDIAAN DOKUMEN PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS

Untuk tujuan penyediaan dokumen bagi permohonan semakan kursus, Fakulti dan Institut perlu melengkapkan dokumen seperti berikut:

RINGKASAN EKSEKUTIF DOKUMEN SEMAKAN KURSUS

FAKULTI YANG MEMOHON			
PROGRAM PENGAJIAN			
TAHUN KURSUS DIMULAKAN			
BILANGAN SEMAKAN			
PERATUS PERUBAHAN SEMAKAN (Lampirkan pengiraan perubahan HPK sekiranya berkaitan)			
BIL.	PERKARA	ASAL	BAHARU (sekiranya ada perubahan)
1.	KOD KURSUS		
2.	NAMA KURSUS		
3.	TARAF KURSUS		
4.	SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN		
5.	NILAI KREDIT		
6.	JUSTIFIKASI SEMAKAN KURSUS (Jelaskan mengapa semakan perlu dilakukan)		
7.	OBJEKTIF KURSUS		
8.	HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) (Senaraikan HPK bagi kursus yang disemak)		
9.	NAMA PROGRAM (Jika berkaitan)		
10.	HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (HPP) YANG DISOKONG OLEH KURSUS (Jika berkaitan)		
11.	PERUBAHAN PADA PROFORMA KURSUS (Nyatakan perubahan di	<ul style="list-style-type: none"> i. Pra Syarat ii. Matriks Pemetaan HPK kepada HPP iii. Kaedah Penyampaian iv. Rancangan Kandungan Kursus 	

	mana berkenaan pada perkara berikut)	v. Jumlah Waktu Pembelajaran Pelajar Bagi Setiap Tajuk vi. Komponen Penilaian dan Pemberat
--	--------------------------------------	---

Lampiran A Proforma Kursus

1. **Kod Kursus** : **PPPJ3624**
2. **Nama Kursus** : **Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam**
Science and Technology in the Islamic Civilisation
3. **Kredit** : **4**
4. **Taraf Kursus** : **Jabatan (Elektif)**
5. **Sinopsis:**

Kursus ini bertujuan meneliti pertumbuhan dan perkembangan sains dan teknologi dalam sejarah dan tamadun Islam. Perbincangan selanjutnya meliputi sorotan mengenai pandangan Islam terhadap aspek sains dan teknologi berasaskan al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para intelektual Muslim sezaman, faktor-faktor yang membawa kepada perkembangan sains dan teknologi dalam sejarah Islam, sumbangan peradaban Islam terhadap sains dan teknologi, faktor-faktor kemerosotan sains dan teknologi dalam kalangan orang Islam, serta masa depan sains dan teknologi di dunia Islam. Beberapa buah karya sains dan teknologi dalam tamadun Islam turut disoroti.

The purpose of this course is to examine in detail the growth and development of science and technology in Islamic history and civilisation. Further discussion covers highlights concerning Islamic views on aspects of science and technology based on al-Quran, al-Sunnah and opinions of contemporaneous Muslim intellectuals, factors which lead to the development of science and technology in Islamic history, contributions of the Islamic civilisation to science and technology, factors which lead to the decline of science and technology among Muslims, as well as the future of science and technology in the Muslim world. Some major works on science and technology of the Islamic civilisation are also highlighted.

6. **Pra-Keperluan:**

Tiada.

7. **Keperluan Kursus⁴⁵ untuk Menduduki Peperiksaan**
(Rujuk Peraturan-peraturan UKM (Pengajian Sarjana Muda) 2020).

Pelajar perlu memenuhi 70%⁴⁶ keperluan kursus yang merujuk kepada keperluan kehadiran kuliah, ujian atau/dan penghantaran tugas pentaksiran semasa minggu pengkuliah tidak termasuk pentaksiran/peperiksaan akhir.

⁴⁵ Keperluan Kursus boleh meliputi bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliah dan peratusan kehadiran (sekiranya ia dikira dalam penilaian kursus). Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik.

⁴⁶ 80% untuk FKAB dan 100% untuk FPER.

8. Rujukan:

King, D. 2014. *In Synchrony with the Heavens: Studies in Astronomical Timekeeping and Instrumentation in Medieval Islamic Civilization*. Boston: Brill.

Ahmed, Shabeer. 2016. *Development of Science and Technology in Islamic History*. T.Tpt. Maktabal Islamia Publication.

Kalin, Ibrahim. 2014. *The Oxford Encyclopedia of Philosophy, Science and Technology in Islam*. Oxford: Oxford University Press

Lyons, J. 2015. *The house of wisdom: How the Arabs Transformed the Western Civilization?*. USA: Bloomsbury Publishing.

Ibn Khaldun, Abdul-Rahman bin Muhamad.T.th. al-Muqaddind Beirut: Mu'assasat al-Alami li al-Tiba'ah.

9. Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:

Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:

HPK1 : Meneliti konsep dan falsafah ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam;
Ability to study concepts and philosophy of science and technology in Islamic civilisation;

HPK2 : Mengklasifikasi dan menginterpretasi peringkat perkembangan ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam;
Ability to classify and interpret the growth level of science and technology in the Islamic civilisation;

HPK3 : Menilai isu-isu sains dan teknologi dalam tamadun Islam secara holistik dan kronologi;
Ability to evaluate the issues of science and technology in the Islamic civilisation holistically and chronology;

HPK4 : Menghasilkan dan membentangkan cadangan artikel untuk jurnal berasaskan sumber berautoriti.
Ability to produce and present an article proposal for a journal based on authoritative sources.

10. Pelan Pentaksiran:

PPPJ3624: Sains dan Teknologi dalam Tamadun Islam Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:		Tahap Taksonomi	HPP*/HPD**	Pemboleh (1) / Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran (%) ⁴⁷			Jumlah Jam Pembelajaran Pelajar, SLT ⁴⁸ (Jam)
						Pembentangan	Ujian (Pertengahan Semester)	Peperiksaan (Akhir Semester)	
1.	Meneliti konsep dan falsafah ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.	C3	HPP2	2	Kuliah		20		40
2.	Mengklasifikasi dan menginterpretasi peringkat perkembangan ilmu sains dan teknologi dalam tamadun Islam.	C4	HPP2	2	Kuliah			40	50
3.	Menilai isu sains dan teknologi dalam tamadun Islam secara holistik dan kronologi.	C4	HPP5	2	Pembelajaran Berasaskan Kes	20			40
4.	Menghasilkan dan membentangkan cadangan artikel untuk jurnal berasaskan sumber berautoriti.	C6	HPP5	2	Diskusi Kumpulan	20			30
JUMLAH MARKAH						40	20	40	
JAM PEMBELAJARAN									160

*Diisi oleh fakulti/Institut **Kursus di Pusat Citra/CESMED perlu dipetakan kepada Hasil Pembelajaran Domain MQF (HPD)

⁴⁷ Had terima untuk peruntukan markah pentaksiran ialah $\pm 5\%$ kecuali sekiranya terdapat percanggahan dengan peruntukan markah yang ditetapkan di dalam Peraturan UKM (Pengajian Sarjana Muda), Peraturan UKM (Pengajian Siswazah) atau yang setara dengannya.

⁴⁸ Jumlah "jam pembelajaran pelajar" (SLT) adalah anggaran untuk tujuan perancangan penyampaian mengikut HPK dan pensyarah perlu mengembangkan jumlah ini mengikut tajuk kuliah mingguan selama satu semester yang ditawarkan. Had terima untuk masa pembelajaran pelajar yang dibangunkan mengikut tajuk atau minggu ialah ± 0.1 kredit.

BAB 6 PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN KURSUS ELEKTIF BEBAS

Selaras dengan hasrat Universiti untuk memastikan kurikulum menjadi luwes dan terkini, kursus-kursus berbentuk elektif bebas boleh diperkenalkan bagi membolehkan pensyarah yang memiliki kepakaran tertentu menawarkan kursus berbentuk projek, penyelesaian masalah atau tugas yang boleh menggantikan ruang kursus elektif dan berkredit. Justeru, bab ini dibangunkan untuk membantu fakulti/institut/pusat akademik menyediakan kertas cadangan bagi penawaran kursus elektif bebas. Bab ini juga memperincikan keperluan yang mesti dinyatakan oleh pelajar semasa membuat permohonan tugas/projek bagi kursus elektif bebas.

6.1 KERTAS CADANGAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF BEBAS

Kertas cadangan penawaran kursus elektif bebas perlu dilengkapkan oleh fakulti/institut/pusat akademik dan dihantar kepada PENGAJARAN-UKM untuk kelulusan sebelum ditawarkan kepada pelajar. Maklumat yang perlu dinyatakan di dalam kertas cadangan penawaran kursus adalah seperti berikut:

1. KREDIT:

- i. Bilangan kredit ditentukan daripada bilangan jam pembelajaran yang dipersetujui semasa rundingan di antara pensyarah dan pelajar, contoh: 1 kredit sekiranya jumlah jam pembelajaran mencapai 40 jam pembelajaran.
- ii. Pengiraan kredit dan jam pembelajaran perlu mengambil kira panduan pengiraan jam pembelajaran yang berpendekatan tugas, iaitu sejam pembelajaran bersamaan 170-200 perkataan di dalam tugas. Ia boleh meliputi komponen berikut:
 - Kertas cadangan projek – 1,500-2,000 perkataan (7-10 jam pembelajaran);
 - Perbincangan bersemuka – sesi sejam perbincangan dengan 1-2 jam pembelajaran sendiri selama beberapa sesi pertemuan;
 - Lawatan tapak – bilangan jam pembelajaran adalah mengikut masa berkesan yang digunakan di tapak serta jam untuk persediaan dan analisis data;
 - Laporan projek atau kes – sejam pembelajaran bersamaan penghasilan 170-200 perkataan;
 - Pembentangan atau peperiksaan bertulis – sejam masa pembentangan atau peperiksaan dengan 3-4 jam pembelajaran sendiri.

2. NAMA KURSUS:

Tajuk khas dalam bidang program/domain Citra Rentas Ilmu dalam Bahasa Melayu;

3. JUSTIFIKASI MENGADAKAN KURSUS

Nyatakan dengan jelas justifikasi mengadakan kursus elektif bebas yang dicadangkan.

4. SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN

Nyatakan dengan jelas semester dan tahun kursus ditawarkan.

5. HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) DAN PEMETAAN KEPADA HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (HPP)/ HASIL PEMBELAJARAN DOMAIN (HPD)

Hasil pembelajaran kursus (HPK) perlu ditentukan oleh pihak yang mereka bentuk atau mengendalikan program dan dipetakan kepada Hasil pembelajaran program (HPP) atau Hasil pembelajaran domain (HPD) bagi kursus yang disangkutkan kepada Domain Modul Citra. HPK ini perlu menyokong HPP/HPD yang sesuai, seperti yang berkaitan dengan kemahiran dan kebertanggungjawaban sosial, pengurusan maklumat, pembelajaran sepanjang hayat dan penyelesaian masalah, kemahiran kognitif, kemahiran praktikal, kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi, kemahiran digital dan kemahiran celik angka (*numeracy*). Setiap HPK perlu menyenaraikan indikator penilaian yang sesuai.

- i. Rujuk Lampiran 1: Pemetaan HPK kepada HPP/HPD di Templat Kertas Cadangan Kursus Elektif Bebas.

6. SINOPSIS KURSUS

Nyatakan gambaran umum kursus yang dicadangkan.

7. KERANGKA PENILAIAN

Pensyarah perlu menyediakan kerangka penilaian yang akan mengandungi tugas yang memerlukan pentaksiran berterusan dan pentaksiran sumatif yang akan menentukan markah keseluruhan dan gred pelajar.

**TEMPLAT KERTAS CADANGAN KURSUS ELEKTIF BEBAS
(MOD KERJA KURSUS DAN CAMPURAN BERKREDIT)**

Kertas cadangan ini perlu dikemukakan oleh fakulti/institut/pusat akademik yang menawarkan kursus. Had kredit yang dibenarkan untuk kursus elektif bebas ialah sehingga 5% daripada kandungan kurikulum keseluruhan seperti ditetapkan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) dan Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum, Agensi Kelayakan Malaysia.

BIL.	ITEM	PERINCIAN KURSUS YANG DICADANGKAN
1.	KOD KURSUS⁴⁹	
2.	NAMA KURSUS	
3.	JUSTIFIKASI MENGADAKAN KURSUS	
4.	SEMESTER DAN TAHUN DITAWARKAN	
5.	HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK) DAN PEMETAAN KEPADA HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (HPP)/ HASIL PEMBELAJARAN DOMAIN (HPD)	Rujuk Lampiran 1
6.	SINOPSIS KURSUS	
7.	KERANGKA PENILAIAN	

⁴⁹ Rujuk Bab 1 untuk penetapan Kod Kursus

Lampiran 1 : Pemetaan HPK kepada HPP/HPD

Bil	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	Taksonomi	HPP/ HPD 1	HPP/ HPD 2	HPP/ HPD 3	HPP/ HPD 4	HPP/ HPD 5	HPP/ HPD 6	HPP/ HPD 7	HPP/ HPD 8	Pengajara n	Penilaian
1.												
2.												
3.												
4.												

Nota: Pemetaan HPK kepada HPP jika kursus ditawarkan oleh Fakulti/Institut atau Pemetaan HPK kepada HPD jika kursus ditawarkan oleh Pusat Citra UKM.

HPP/HPD 1 :

HPP/HPD 2 :

HPP/HPD 3 :

HPP/HPD 4 :

HPP/HPD 5 :

HPP/HPD 6 :

HPP/HPD 7 :

HPP/HPD 8 :

6.2 KERTAS CADANGAN TUGASAN/PROJEK KURSUS ELEKTIF BEBAS

Pelajar yang ingin mengambil kursus elektif bebas boleh membuat permohonan dengan mengemukakan kertas cadangan tugas/projek yang telah diperakukan oleh pensyarah yang mengajar dan menyelia pelajar kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang menawarkan kursus tersebut. Pihak Fakulti/Institut/Pusat Akademik akan mempertimbangkan permohonan pelajar dengan mengambil kira kesesuaian dan *kerelevanan* tugas/projek yang dicadangkan dengan kursus elektif bebas yang ditawarkan. Maklumat yang perlu dinyatakan di dalam kertas cadangan tugas/kursus oleh pelajar adalah seperti berikut:

1. TAJUK TUGASAN/PROJEK

Nyatakan dengan jelas tajuk tugas/projek yang dicadangkan.

2. HASIL PEMBELAJARAN TUGASAN (HPT) DAN PEMETAAN KEPADA HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK)

Hasil Pembelajaran Tugas/Projek (HPT) perlu dinyatakan dengan jelas dan dipetakan dengan Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) bagi kursus elektif bebas yang dipohon.

- Rujuk **Lampiran 1**: Pemetaan HPT kepada HPK di Templat Kertas Cadangan Tugas/Projek Kursus Elektif Bebas.

3. KREDIT DAN JUMLAH JAM PEMBELAJARAN

- i. Bilangan kredit ditentukan daripada bilangan jam pembelajaran yang dipersetujui semasa rundingan di antara pensyarah dan pelajar, contoh: 1 kredit sekiranya jumlah jam pembelajaran mencapai 40 jam pembelajaran.
- ii. Pengiraan kredit dan jam pembelajaran perlu mengambil kira panduan pengiraan jam pembelajaran yang berpendekatan tugas, iaitu sejam pembelajaran bersamaan 170-200 perkataan di dalam tugas. Ia boleh meliputi komponen berikut:
 - Kertas cadangan projek – 1,500-2,000 perkataan (7-10 jam pembelajaran);
 - Perbincangan bersemuka – sesi sejam perbincangan dengan 1-2 jam pembelajaran sendiri selama beberapa sesi pertemuan;
 - Lawatan tapak – bilangan jam pembelajaran adalah mengikut masa berkesan yang digunakan di tapak serta jam untuk persediaan dan analisis data;
 - Laporan projek atau kes – sejam pembelajaran bersamaan penghasilan 170-200 perkataan;
 - Pembentangan atau peperiksaan bertulis – sejam masa pembentangan atau peperiksaan dengan 3-4 jam pembelajaran sendiri.

4. SINOPSIS TUGASAN/PROJEK

Nyatakan gambaran umum tugas/projek yang dicadangkan.

5. RANCANGAN PEMBELAJARAN TUGASAN/ PROJEK

- i. Nyatakan dengan jelas rangka kerja aktiviti pembelajaran untuk dilaksanakan.
- ii. Pengiraan Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time-SLT*) perlu dinyatakan dengan jelas berdasarkan topik pembelajaran dan aktiviti pembelajaran yang telah dipersetujui di antara pelajar dan pensyarah.
 - Rujuk **Lampiran 2**: Rancangan Pembelajaran di Templat Kertas Cadangan Tugas/Projek Kursus Elektif Bebas.

6. KOMPONEN PENTAKSIRAN TUGASAN/PROJEK

Komponen pentaksiran tugas/projek yang akan menentukan markah keseluruhan dan gred pelajar perlu dinyatakan dengan jelas. Komponen pentaksiran ini diperolehi berdasarkan persetujuan yang telah dicapai oleh pelajar dan pensyarah.

**TEMPLAT KERTAS CADANGAN TUGASAN/PROJEK KURSUS ELEKTIF BEBAS
(MOD KERJA KURSUS DAN CAMPURAN BERKREDIT)**

Kertas cadangan ini perlu dikemukakan oleh pelajar dan diluluskan oleh pihak berkuasa program, iaitu Pengarah PCU/Timbangan Pengarah PCU (untuk sangkutan kepada domain Modul Citra), Dekan/Pengarah/Timbangan Dekan/Timbangan Pengarah atau Ketua Jabatan atau Ketua/Penyelaras Program di Fakulti/Institut. Had kredit yang dibenarkan untuk Kursus Elektif Bebas ialah sehingga 5% daripada kandungan kurikulum keseluruhan seperti ditetapkan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) dan Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum, Agensi Kelayakan Malaysia.

BIL.	ITEM	PERINCIAN TUGASAN/PROJEK YANG DICADANGKAN
1.	TAJUK TUGASAN/PROJEK	
2.	HASIL PEMBELAJARAN TUGASAN (HPT) DAN PEMETAAN KEPADA HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (HPK)	Rujuk lampiran 1
3.	KREDIT DAN JUMLAH JAM PEMBELAJARAN	
4.	SINOPSIS TUGASAN/PROJEK	
5.	RANCANGAN PEMBELAJARAN TUGASAN/ PROJEK	Rujuk lampiran 2
6.	KOMPONEN PENTAKSIRAN TUGASAN/PROJEK	

PERAKUAN	
DISEDIAKAN OLEH:	DIPERAKUKAN OLEH:
<p>Nama:</p> <p>No. Matriks:</p> <p>Tarikh:</p> <p><i>(Sekiranya tugas/projek melibatkan sekumpulan pelajar untuk pensyarah yang sama:</i></p> <p style="padding-left: 40px;"><i>(a) hanya satu (1) kertas cadangan tugas/projek sahaja perlu dihantar.</i></p> <p style="padding-left: 40px;"><i>(b) Senarai pelajar yang terlibat perlu dinyatakan seperti di Lampiran 3)</i></p>	<p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Cop Rasmi:</p>
KELULUSAN	
<p><i>(Dilengkapkan oleh Pengarah PCU/Timbangan Pengarah PCU atau Dekan/Pengarah/Timbangan Dekan/Timbangan Pengarah atau Ketua Jabatan atau Ketua/Penyelaras Program di Fakulti/Institut)</i></p>	
<p>STATUS KELULUSAN:</p> <p><input type="checkbox"/> Diluluskan</p> <p><input type="checkbox"/> Tidak Diluluskan</p>	
<p>Catatan :</p> <hr/> <hr/> <hr/>	
<p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Cop Rasmi:</p>	

Lampiran 1: Pemetaan HPT kepada HPK

Bil	Hasil Pembelajaran Tugas (HPT)	HPK 1	HPK 2	HPK 3	HPK 4	HPK 5

HPK 1 :

HPK 2 :

HPK 3 :

HPK 4 :

HPK 5 :

Lampiran 2: Rancangan Pembelajaran

Bil.	Topik	Aktiviti 1	Aktiviti 2	Aktiviti 3	Aktiviti 4	Aktiviti 5	Aktiviti 6	Aktiviti 7	Belajar Kendiri	Jumlah Jam Belajar
1.										
2.										
3.										
4.										
5.										
Jumlah Jam Pembelajaran per semester										
Jumlah Jam Pembelajaran yang diperlukan										
Jumlah Kredit										

BAB 7 PENJUMUDAN, PEMBEKUAN DAN PELUPUSAN PROGRAM PENGAJIAN

Bab ini akan menyediakan kaedah yang sistematik bagi Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk mencadangkan penjumudan dan penutupan program pengajian untuk pertimbangan Senat.

7.1 ISTILAH “JUMUD”, “BEKU” DAN “LUPUS”

Senat Ke-439 Tarikh: 16 November 2017 telah meluluskan istilah “jumud”, “beku” dan “lupus” yang telah diselaraskan dengan istilah yang dibincangkan semasa Taklimat Berkenaan Proses Baharu Permohonan Penawaran Program Akademik Melalui JKPT dan Mesyuarat Saringan Awal Mulai Tahun 2017 anjuran KPM pada 8 Februari 2017. Istilah ini adalah terpakai untuk semua tahap dan jenis program pengajian yang ditawarkan di UKM.

- a) **Jumud** bermaksud **status program pengajian yang tidak menerima pengambilan kohort pelajar baharu tetapi masih mempunyai kohort yang sedang dalam pengajian**. Tempoh penjumudan bermula apabila tiada pengambilan baharu untuk program itu dan tamat apabila kohort terakhir tamat pengajian. Setelah masa penjumudan tamat, program pengajian tersebut boleh dibekukan selama maksimum dua (2) tahun atau dilupuskan terus;
- b) **Beku** bermaksud **status program pengajian yang tidak ditawarkan untuk sesuatu tempoh tertentu selepas penjumudannya. Tempoh maksimum program boleh dibekukan ialah dua (2) tahun**. Selepas tempoh tersebut, program tersebut boleh dibuka semula untuk penawaran atau dilupuskan terus. Walau bagaimanapun, selepas dua tahun, sekiranya program tersebut masih mempunyai pelajar tercicir, tempoh pembekuannya boleh dilanjutkan sehingga pelajar tersebut menamatkan pengajiannya; dan
- c) **Lupus** bermaksud **status program pengajian yang tidak akan ditawarkan lagi dan akan dimansuhkan terus** daripada senarai di dalam sistem UKM-QR atau di dalam senarai program yang diluluskan oleh JKPT di KPM. Daftar Kelayakan Malaysia (MQR) akan merekodkan tarikh tamat penawaran program dan sijil akreditasi program akan dipulangkan kepada MQA.

Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu merujuk Kriteria Penjumudan, Pembekuan dan Pelupusan Program Pengajian di UKM seperti di Jadual 6.1 semasa membuat keputusan untuk menjumudkan, membekukan dan/atau melupuskan program pengajian.

Jadual 7.1 Kriteria dan Penunjuk Penjumudan Program Akademik

No.	Kriteria	Penunjuk	Penerangan
1.	Program pengajian yang mempunyai bidang pengkhususan	Program pengajian mesti mempunyai komposisi kursus dalam bidang pengkhususan sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah kredit keseluruhan (tidak termasuk projek ilmiah) seperti yang ditetapkan oleh MQF.	Sekumpulan program pengajian di dalam Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang mempunyai kursus-kursus teras yang sepunya dan mempunyai komposisi kursus bidang pengkhususan yang kurang daripada 20% perlu digabungkan menggunakan nama bidang yang lebih umum.
2.	Unjuran pengambilan pelajar	Unjuran keperluan sumber manusia berdasarkan laporan kaji selidik atau maklum balas pemegang kepentingan yang berkaitan dengan bidang pengajian.	Program pengajian yang mempunyai unjuran keperluan oleh pemegang kepentingan yang rendah selama tiga (3) tahun berturut-turut boleh disarankan untuk dijumudkan.
3.	Populariti program pengajian	Nisbah bilangan permohonan pilihan pertama dengan bilangan tempat pengajian yang ditawarkan (pengecualian kepada program pascasiswazah).	Nilai yang kurang daripada satu mewakili program tidak popular. Program yang mempunyai nilai kurang satu selama tiga tahun berturut-turut boleh dijumudkan.
4.	Nisbah penawaran berbanding permohonan (NPP) dan peratus prajaya	Nisbah bilangan pelajar yang ditawarkan dengan bilangan pelajar yang mendaftar.	Nilai yang kurang daripada 0.8 mewakili NPP rendah dan melebihi satu mewakili popular. Program pengajian yang mempunyai nilai NPP kurang 0.8 selama tiga tahun berturut-turut boleh dijumudkan.

No.	Kriteria	Penunjuk	Penerangan
5.	Bilangan Pengambilan Pelajar	Bilangan pengambilan berbanding unjuran atau kapasiti sebenar program yang dikira berdasarkan nisbah pensyarah-pelajar dan keperluan sumber pembelajaran (pengecualian kepada program bersifat strategik dan mempunyai kepentingan negara)	Bilangan pengambilan pelajar yang rendah adalah kurang 80% daripada unjuran atau kapasiti sebenar program. Bilangan pensyarah yang menyokong program dikira mengikut formula kesetaraan sepenuh masa (FTE). Program yang mempunyai nilai yang rendah selama tiga tahun berturut-turut boleh dijumlahkan.
6.	Kadar kebolehpasaran graduan	Peratus kebolehpasaran graduan yang diambil dalam masa enam bulan selepas tamat pengajian (untuk program prasiswazah sahaja)	Program pengajian yang mempunyai peratusan kebolehpasaran graduan kurang 50% dalam masa enam (6) bulan selepas tamat pengajian selama tiga (3) tahun berturut-turut boleh dijumlahkan.
7.	Gaji Permulaan Pertama (GPP)	Gaji permulaan pertama yang bersamaan atau melebihi jumlah yang ditetapkan oleh pasaran. (untuk program prasiswazah sahaja)	Program pengajian yang mempunyai gaji permulaan pertama kurang daripada yang ditetapkan oleh pasaran selama tiga (3) tahun berturut-turut boleh dijumlahkan.
8.	Unjuran guna tenaga Negara	Program yang menghasilkan graduan yang menyokong unjuran guna tenaga negara atau pengkelan jawatan yang sesuai pada 3-5 tahun akan datang.	Program pengajian yang dijangka menghasilkan graduan yang tidak dapat memenuhi unjuran tenaga negara atau tiada jawatan yang sesuai pada 3-5 tahun akan datang boleh dijumlahkan.

No.	Kriteria	Penunjuk	Penerangan
9.	Keperluan semakan kurikulum major/menyeluruh	Semakan program pengajian yang menyeluruh dan dinamik sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun bagi memastikan program berdaya saing dan memenuhi keperluan pasaran.	Program pengajian yang gagal mengemukakan permohonan semakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun dan/atau tidak menjalankan semakan secara menyeluruh bagi tempoh melebihi tempoh lima (5) tahun boleh dijumlahkan.
10.	Keupayaan Fakulti/ Institut/Pusat Akademik	Kemampuan memenuhi standard jaminan kualiti, keperluan akreditasi dan keperluan sumber serta kelengkapan proses sokongan di Fakulti/Institut/Pusat Akademik bagi memastikan penyampaian program pengajian berkenaan yang berkesan.	Program yang tidak dapat mengekalkan akreditasinya atau mendapat penarafan kurang daripada 3.5 dalam laporan akreditasinya boleh dijumlahkan.

7.2 CADANGAN PENJUMUDAN PROGRAM PENGAJIAN

Fakulti/Institut/Pusat Akademik yang ingin memohon penjumudan program pengajian perlu mengemukakan kertas cadangan kepada urus setia Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) sekurang-kurangnya empat (4) bulan sebelum maklumat penawaran program pengajian dihantar kepada Pusat Pengurusan Akademik UKM untuk tujuan promosi bagi kemasukan pelajar kohort seterusnya. Kertas cadangan tersebut perlu dengan jelas menyatakan maklumat berikut:

1. Nama dan kod program;
2. Tahap kelayakan program pengajian mengikut aras Kerangka Kelayakan Malaysia;
3. Mod pengajian;
4. Sesi mula penjumudan;
5. Justifikasi penjumudan program; dan
6. Jumlah pelajar semua kohort dalam lima tahun mutakhir.

Maklumat penjumudan program pengajian yang telah mendapat kelulusan JPPA akan dikemas kini di dalam sistem Daftar Kelayakan Malaysia (UKM-QR).


Bagi membolehkan program pengajian yang telah dijumudkan diaktifkan dan ditawarkan semula kepada pelajar, Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu menyediakan kertas semakan program pengajian seperti di dalam Bab 4 Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian UKM. Kertas semakan program pengajian perlu dihantar kepada PENGAJARAN-UKM untuk tujuan penentusahan aspek jaminan kualiti sebelum dihantar kepada urus setia JPPA.

Program pengajian yang telah diputuskan untuk dilupuskan tidak boleh dicadangkan untuk diaktifkan semula. Sekiranya terdapat justifikasi yang kuat daripada pihak berkepentingan yang mewajarkan program pengajian tersebut ditawarkan semula, Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu mengemukakan cadangan untuk mengadakan program baharu seperti di dalam Bab 3 dan Bab 4 Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian UKM. Permohonan ini akan diproses mengikut prosedur permohonan program pengajian baharu. Apabila telah diluluskan, program ini akan dirujuk sebagai program pengajian baharu dan kod yang baharu.


7.3 PROSES DAN PROSEDUR PENJUMUDAN, PEMBEKUAN DAN PELUPUSAN PROGRAM PENGAJIAN

Proses dan prosedur untuk cadangan pembekuan program pengajian adalah seperti berikut (rujuk **Rajah 7.1 dan Rajah 7.2**):

- i. Fakulti/Institut/Pusat Akademik menjalankan analisis terhadap program pengajian berasaskan kriteria Jumud, Beku dan Lupus program pengajian.
- ii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik menyediakan kertas cadangan penjumudan program pengajian dan menyerahkan dokumen yang telah dilengkapkan kepada urus setia JPPA sebelum dimajukan untuk kelulusan Senat.
- iii. Urus Setia Senat menyalinkan minit Senat kepada Pusat Pengurusan Akademik (Akademik UKM) dan PENGAJARAN-UKM.
- iv. Akademik UKM akan menukarkan status aktif kepada status jumud bagi program pengajian yang dijumudkan di Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan memberhentikan promosi serta pengambilan pelajar untuk kohort berkenaan.
- v. PENGAJARAN-UKM akan mengemas kini status program di dalam Sistem UKM-QR.
- vi. Sistem UKM-QR akan mengekalkan status Jumud program pengajian sehingga kohort terakhir tamat pengajian. UKM-QR akan menyerahkan emel amaran/peringatan dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tempoh jumud tamat kepada pemunya program. Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu memutuskan sama ada untuk menawarkan program pengajian atau menamatkan program tersebut. Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu membuat semakan program bagi program pengajian yang diputuskan untuk ditawarkan semua.
- vii. Sekiranya Fakulti/Institut/Pusat Akademik tidak membuat sebarang keputusan menjumudkan atau menutup program pengajian, program tersebut akan ditetapkan sebagai beku untuk tempoh dua (2) tahun sebelum ditetapkan sebagai Lupus sekiranya Fakulti/Institut/Pusat Akademik tidak berhasrat atau tidak memutuskan untuk menawarkan semula program tersebut.
- viii. Akademik-UKM akan memaklumkan kepada Senat UKM program-program yang telah ditetapkan sebagai luput dan menyerahkan senarai program tersebut kepada JKPT sebagai pemakluman.
- ix. Kualiti-UKM memaklumkan dan memulangkan status akreditasi program pengajian yang telah dilupuskan kepada MQA.



Rajah 7.1: Carta Alir Proses Penjumudan Program Pengajian



Rajah 7.2: Carta Alir Proses Pembekuan Program Pengajian

SENARAI RUJUKAN

- Agensi Kelayakan Malaysia.(2016). Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja, MQA (2016). Agensi Kelayakan Malaysia.
- Agensi Kelayakan Malaysia.(2015). Kerangka Kelayakan Malaysia.Titik Rujukan dan Persefahaman Bersama Tentang Kelayakan Pengajian Tinggi di Malaysia. Agensi Kelayakan Malaysia.
- Agensi Kelayakan Malaysia.(2008), Kod Amalan Audit Institusi (COPIA), Edisi Kedua, Agensi Kelayakan Malaysia.
- Agensi Kelayakan Malaysia.(2007). Undang-undang Malaysia Akta 679, Akta Agensi Kelayakan Malaysia. Agensi Kelayakan Malaysia.
- Agensi Kelayakan Malaysia. (2019). Garis Panduan Penamaan Program Pendidikan Tinggi Malaysia. Agensi Kelayakan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (2018). Garis Panduan Pembangunan Program Akademik (Edisi Kedua). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Universiti Kebangsaan Malaysia (2017). Dasar Pengajaran dan Pembelajaran (Edisi Kedua). Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.

SENARAI PINDAAN TERHADAP GARIS PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMEN PROGRAM PENGAJIAN [VERSI 3 (PINDAAN 2019): VERSI 4 (PINDAAN 2020)]

Bil.	Versi 3 (Pindaan 2019)	Catatan	Versi 4 (Pindaan 2020)
1.0	Tajuk:		
1.1	Versi 3 (Pindaan 2019)	<u>Dipinda</u>	Versi 4 (Pindaan 2020)
1.2	Edisi Ke-3 2019		Edisi Ke-4 2020
1.3	<p style="text-align: center;">Diterbitkan di Malaysia oleh: PUSAT KUALITI-UKM 43600 UKM Bangi, Selangor D.E Malaysia http://www.ukm.my/ukmq e-mel: pghpjk@ukm.edu.my</p> <p style="text-align: center;">Dicetak di Malaysia oleh PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 43600 UKM Bangi, Selangor D.E Malaysia</p> <p style="text-align: center;">Universiti Kebangsaan Malaysia: Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian: Permohonan Program/Kursus Baharu dan Semakan Program Kursus. Versi 3 (Pindaan 2019)</p>		<p style="text-align: center;">Diterbitkan di Malaysia oleh: PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM PUSAT KUALITI-UKM 43600 UKM Bangi, Selangor D.E Malaysia http://www.aktivukm.my http://www.ukm.my/ukmq e-mel: pghpptp@ukm.edu.my, pghpjk@ukm.edu.my</p> <p style="text-align: center;">Dicetak di Malaysia oleh PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA 43600 UKM Bangi, Selangor D.E Malaysia</p> <p style="text-align: center;">Universiti Kebangsaan Malaysia: Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian: Permohonan Program/Kursus Baharu dan Semakan Program/Kursus. Versi 4 (Pindaan 2020)</p>
2.0	BAB 1 PENGENALAN		
2.1	<p>1.1 LATAR BELAKANG DAN SKOP</p> <p>Garis panduan ini dibangunkan untuk menyelaras keperluan dokumentasi di UKM supaya dapat membantu fakulti/institut/pusat akademik menyediakan dokumen pembangunan atau semakan program pengajian untuk semakan kecukupan Kualiti-UKM, perakuan Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA), kelulusan Senat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) serta perakuan JKPT.</p>	<u>Dipinda</u>	<p>1.1 LATAR BELAKANG DAN SKOP</p> <p>Garis panduan ini dibangunkan untuk menyelaras keperluan dokumentasi di UKM supaya dapat membantu fakulti/institut/pusat akademik menyediakan dokumen pembangunan atau semakan program pengajian untuk semakan kecukupan oleh PENGAJARAN-UKM, perakuan Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA), kelulusan Senat dan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) serta perakuan JKPT.</p>

	<p>Garis panduan ini dibangunkan dengan mengambil kira dasar dan garis panduan sedia ada, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UKM (Pindaan 2017); • Koleksi Dasar Penjaminan Kualiti MQA-KPM • Garis Panduan Pembangunan Program Akademik, KPM (2018), • Kementerian Pendidikan Malaysia; 		<p>Garis panduan ini dibangunkan dengan mengambil kira dasar dan garis panduan sedia ada, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dasar Pengajaran dan Pembelajaran UKM (Pindaan 2017); • Koleksi Dasar Penjaminan Kualiti MQA-KPT • Garis Panduan Pembangunan Program Akademik, KPT (2018), • Kementerian Pengajian Tinggi;
2.2	<p>1.10 HASIL PEMBELAJARAN</p> <p>Bagi memastikan kompetensi pelajar adalah mencapai tahap pengajian yang ditetapkan oleh MQF, KPM telah menetapkan secara purata, semua program pengajian perlu mencapai aras domain taksonomi berdasarkan tahap pengajian seperti di dalam Jadual 1.9.</p>		<p>1.10 HASIL PEMBELAJARAN</p> <p>Bagi memastikan kompetensi pelajar adalah mencapai tahap pengajian yang ditetapkan oleh MQF, KPT telah menetapkan, semua program pengajian perlu mencapai purata aras domain taksonomi berdasarkan tahap pengajian seperti di dalam Jadual 1.9.</p>
3	<p>Bab 2 PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BERBENTUK KERJASAMA</p>		
3.1	<p>2.1 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BERBENTUK KERJASAMA</p> <p>vi. Selepas cadangan program kerjasama tersebut dipersetujui oleh mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Kualiti UKM (Kualiti-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut/pusat akademik perlu diserahkan <u>selewat-lewatnya enam (6) bulan</u> untuk semakan dan kelulusan sebelum program tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>vii. Kualiti-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (keperluan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian UKM dan dokumen sokongan yang meliputi minit mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik dan laporan JKPK). Sekiranya tidak lengkap, Kualiti-UKM akan memulangkan semula kepada fakulti/institut/pusat akademik untuk dilengkapkan.</p>	Dipinda	<p>2.1 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BERBENTUK KERJASAMA</p> <p>vi. Selepas cadangan program kerjasama tersebut dipersetujui oleh mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum UKM (PENGAJARAN-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut/pusat akademik perlu diserahkan <u>selewat-lewatnya enam (6) bulan</u> untuk semakan dan kelulusan sebelum program tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>vii. PENGAJARAN-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (keperluan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian UKM dan dokumen sokongan yang meliputi minit mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik dan laporan JKPK). Sekiranya tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan memulangkan semula kepada fakulti/institut/pusat akademik untuk dilengkapkan.</p>

	<p>viii. Jika dokumen lengkap, Kualiti-UKM melantik ahli panel penilai untuk membentuk Panel Penilai (sekurang-kurangnya dua orang penilai daripada kalangan pakar bidang dalam dan/atau luar UKM yang akan dilantik untuk satu kertas cadangan program pengajian kerjasama).</p> <p>ix. Panel Penilai menyemak dan menilai dokumen yang dihantar sama ada memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Penulisan Program Akademik. Sekiranya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, Panel Penilai memaklumkan kepada Kualiti-UKM keperluan yang perlu dibuat penambahbaikan. Proses ini berulang sehingga kriteria tersebut dipenuhi dan Panel Penilai mengemukakan laporan untuk diserahkan kepada Kualiti-UKM.</p>		<p>viii. Jika dokumen lengkap, PENGAJARAN-UKM melantik ahli panel penilai untuk membentuk Panel Penilai (sekurang-kurangnya dua orang penilai daripada kalangan pakar bidang dalam dan/atau luar UKM yang akan dilantik untuk satu kertas cadangan program pengajian kerjasama).</p> <p>ix. Panel Penilai menyemak dan menilai dokumen yang dihantar sama ada memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Penulisan Program Akademik. Sekiranya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, Panel Penilai memaklumkan kepada PENGAJARAN-UKM keperluan yang perlu dibuat penambahbaikan. Proses ini berulang sehingga kriteria tersebut dipenuhi dan Panel Penilai mengemukakan laporan untuk diserahkan kepada PENGAJARAN-UKM.</p>
4	BAB 3 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN		
4.1	3.1 PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN MELALUI MESYUARAT SARINGAN AWAL (MSA)	<u>Dipinda</u>	3.1 PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN MELALUI MESYUARAT SARINGAN AWAL (MSA)
	<p>iii. Selepas cadangan program baharu tersebut dipersetujui oleh mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Kualiti-UKM (Kualiti-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai.</p> <p>iv. Kualiti-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen dan dokumen sokongan yang meliputi minit mesyuarat fakulti/institut, laporan kajian pasaran, dan Rol). Sekiranya tidak lengkap, Kualiti-UKM akan memulangkan semula kepada fakulti/pusat akademik untuk dilengkapkan. Dokumen yang telah lengkap akan diserahkan oleh Kualiti-UKM kepada Urus Setia MSA, KPM. Penghantaran dokumen permohonan program baharu mestilah <u>selewat-lewatnya dua (2) minggu</u> sebelum MSA dijalankan.</p>		<p>iii. Selepas cadangan program baharu tersebut dipersetujui oleh mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (PENGAJARAN-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format <i>Microsofts Word</i> atau media yang sesuai.</p> <p>iv. PENGAJARAN-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen dan dokumen sokongan yang meliputi minit mesyuarat fakulti/institut, laporan kajian pasaran, dan Rol). Sekiranya tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan memulangkan semula kepada fakulti/pusat akademik untuk dilengkapkan. Dokumen yang telah lengkap akan diserahkan oleh PENGAJARAN-UKM kepada Urus Setia MSA, KPT. Penghantaran dokumen permohonan program baharu mestilah <u>selewat-lewatnya dua (2) minggu</u> sebelum MSA dijalankan.</p>

4.2	<p>3.1.1 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN KELULUSAN MSA UNTUK PROGRAM PENGAJIAN BAHARU</p> <p>24. PERBANDINGAN PROGRAM AKADEMIK YANG DIPOHON DENGAN UNIVERSITI LAIN DALAM NEGARA/ PERTINDIHAN PROGRAM</p> <p>24.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang dipohon dengan program universiti yang lain dalam negara yang dibandingkan.</p> <p>25. PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM AKADEMIK DI UNIVERSITI LUAR NEGARA</p> <p>25.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang dipohon dengan program university yang lain dalam negara yang dibandingkan.</p>	Ditambah	<p>3.1.1 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN KELULUSAN MSA UNTUK PROGRAM PENGAJIAN BAHARU</p> <p>24. PERBANDINGAN PROGRAM AKADEMIK YANG DIPOHON DENGAN UNIVERSITI LAIN DALAM NEGARA/ PERTINDIHAN PROGRAM</p> <p>24.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang dipohon dengan program universiti yang lain dalam negara yang dibandingkan. Rujuk Garis Panduan Kriteria Universiti Program Pengajian untuk Penandaarasan Kurikulum (2020).</p> <p>25. PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM AKADEMIK DI UNIVERSITI LUAR NEGARA</p> <p>25.2 Nyatakan persamaan, perbezaan dan kekuatan program akademik yang dipohon dengan program universiti yang lain di luar negara yang dibandingkan. Rujuk Garis Panduan Kriteria Universiti Program Pengajian untuk Penandaarasan Kurikulum (2020).</p>
4.3	<p>3.2 PROSES DAN PROSEDUR UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU</p> <p>v. Selepas cadangan program baharu tersebut dipersetujui oleh mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Kualiti-UKM (Kualiti-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan program baharu yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut perlu diserahkan <u>selewat-lewatnya tiga (3) bulan</u> sebelum program tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>vi. Kualiti-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (keperluan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian Versi 3 dan dokumen sokongan yang meliputi minit</p>	Dipinda	<p>3.2 PROSES DAN PROSEDUR UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU</p> <p>v. Selepas cadangan program baharu tersebut dipersetujui oleh mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (PENGAJARAN-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format <i>Microsoft Word</i>. Penghantaran dokumen permohonan program baharu yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut perlu diserahkan <u>selewat-lewatnya tiga (3) bulan</u> sebelum program tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>vi. PENGAJARAN-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (keperluan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian Versi 4 (Pindaan 2020) dan dokumen sokongan yang meliputi minit</p>

	<p>mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik dan laporan JKPK). Sekiranya tidak lengkap, Kualiti-UKM akan memulangkan semula kepada fakulti/institut/pusat akademik untuk dilengkapkan.</p> <p>vii. Jika dokumen lengkap, Kualiti-UKM melantik ahli panel penilai untuk membentuk Panel Penilai (sekurang-kurangnya dua orang penilai daripada kalangan pakar bidang dalam dan/atau luar UKM yang akan dilantik untuk satu kertas cadangan program pengajian baharu).</p> <p>viii. Panel Penilai menyemak dan menilai dokumen yang dihantar sama ada memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian. Sekiranya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, Panel Penilai memaklumkan kepada Kualiti-UKM keperluan yang perlu dibuat penambahbaikan. Proses ini berulang sehingga kriteria tersebut dipenuhi dan Panel Penilai mengemukakan laporan untuk diserahkan kepada Kualiti-UKM.</p> <p>ix. Kualiti-UKM mengeluarkan Perakuan Akreditasi Sementara setelah mengesahkan pembedulan dan penambahbaikan yang dibuat ke atas dokumen berdasarkan laporan kecukupan dokumen dan laporan Panel Penilai.</p> <p>x. Kualiti-UKM mengemukakan dokumen program yang ditambah baik berserta dengan Perakuan Akreditasi Sementara Panel Penilai kepada Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) untuk memperakukan cadangan program baharu tersebut kepada Senat.</p>		<p>mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik dan laporan JKPK). Sekiranya tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan memulangkan semula kepada fakulti/institut/pusat akademik untuk dilengkapkan.</p> <p>vii. Jika dokumen lengkap, PENGAJARAN-UKM melantik ahli panel penilai untuk membentuk Panel Penilai (sekurang-kurangnya dua orang penilai daripada kalangan pakar bidang dalam dan/atau luar UKM yang akan dilantik untuk satu kertas cadangan program pengajian baharu).</p> <p>viii. Panel Penilai menyemak dan menilai dokumen yang dihantar sama ada memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian. Sekiranya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, Panel Penilai memaklumkan kepada PENGAJARAN-UKM keperluan yang perlu dibuat penambahbaikan. Proses ini berulang sehingga kriteria tersebut dipenuhi dan Panel Penilai mengemukakan laporan untuk diserahkan kepada PENGAJARAN-UKM.</p> <p>ix. Kualiti-UKM mengeluarkan Perakuan Akreditasi Sementara setelah mengesahkan pembedulan dan penambahbaikan yang dibuat ke atas dokumen berdasarkan laporan kecukupan dokumen dan laporan Panel Penilai.</p> <p>x. Fakulti/Institut/Pusat mengemukakan dokumen program yang ditambah baik berserta dengan Perakuan Akreditasi Sementara oleh Kualiti-UKM kepada Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) untuk memperakukan cadangan program baharu tersebut kepada Senat.</p>
--	--	--	--

4.4	<p>3.2.1 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU: KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN</p> <p>B. KERTAS CADANGAN PROGRAM BAHARU</p> <p>9. SESI PENGAJIAN PROGRAM AKADEMIK DIMULAKAN</p> <p>Nyatakan tahun dan sesi program akan dimulakan. Contoh: Semester I Sesi 2013/2014 *September 2013)</p> <p>22. PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM PENGAJIAN DI IPT LUAR NEGARA</p> <p>ii. Nyatakan perbandingan dari segi persamaan/perbezaan dan kekuatannya (jika berkaitan).</p> <p>25. KEAHLIAN DAN ULASAN JAWATANKUASA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PROGRAM ATAU LEMBAGA PENGAJIAN TERHADAP PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON</p> <p>Senaraikan keahlian Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/Program atau Lembaga Pengajian dan sertakan ulasan dan minit mesyuarat.</p>	<p><u>Ditambah (m/s 84)</u></p>	<p>3.2.1 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU: KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN</p> <p>B. KERTAS CADANGAN PROGRAM BAHARU</p> <p>9. SESI PENGAJIAN PROGRAM AKADEMIK DIMULAKAN</p> <p>Nyatakan tahun dan sesi program akan dimulakan. Contoh: Semester I Sesi 2013/2014 *September 2013)</p> <p>22. PERBANDINGAN DENGAN PROGRAM PENGAJIAN DI IPT LUAR NEGARA</p> <p>ii. Nyatakan perbandingan dari segi persamaan/ perbezaan dan kekuatannya (jika berkaitan). Rujuk Garis Panduan Kriteria Universiti Program Pengajian untuk Penandaarasan Kurikulum (2020).</p> <p>25. KEAHLIAN DAN ULASAN JAWATANKUASA PENASIHAT FAKULTI/INSTITUT/PROGRAM ATAU LEMBAGA PENGAJIAN TERHADAP PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON</p> <p>Senaraikan keahlian Jawatankuasa Penasihat Fakulti/Institut/Program atau Lembaga Pengajian dan sertakan ulasan dan minit mesyuarat. Rujuk garis panduan pelantikan penasihat luar dan dan penilai/pemeriksa luar (Pindaan 2020).</p>
5.	<p>BAB 4 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN PROGRAM</p>		
5.1	<p>Bab ini memperjelaskan garis panduan penulisan dokumen Semakan Program untuk kedua-dua mod kerja kursus dan penyelidikan. Perubahan yang melebihi 30% memerlukan kepada proses penilaian oleh panel penilai yang akan dilantik bagi mengesahkan perubahan tersebut sebelum ia dibawa untuk perakuan JPPA dan kelulusan Senat.</p> <p>Jabatan Pendidikan Tinggi menetapkan bahawa jika perubahan kurikulum melebihi 30% daripada kurikulum asal, ia dikategorikan sebagai perubahan besar dan perlu dibentangkan di dalam JPPA dan Senat. Sekiranya kurang</p>	<p><u>Dipinda</u></p>	<p>Bab ini memperjelaskan garis panduan penulisan dokumen Semakan Program untuk kedua-dua mod kerja kursus dan penyelidikan.</p> <p>Semakan kurikulum perlu dibentangkan di dalam JPPA dan Senat serta mendapat kelulusan JKPT. Untuk tujuan penilaian, perkara berikut perlu diambil kira:</p>

	daripada atau sama dengan 30%, ia dikira sebagai perubahan kecil dan memadai dengan memaklumkan kepada Kualiti-UKM. Untuk tujuan penilaian, hanya perkara berikut boleh membawa kepada perubahan besar dan akan diambil kira:		
5.2	LAMPIRAN 4.1: KATEGORI PERUBAHAN MAKLUMAT DAN TINDAKAN UA Semua - KPM (PT)	<u>Dipinda</u>	LAMPIRAN 4.1: KATEGORI PERUBAHAN MAKLUMAT DAN TINDAKAN UA KPT
5.3	4.1 PROSES DAN PROSEDUR UNTUK SEMAKAN PROGRAM PENGAJIAN 4) Selepas cadangan semakan program tersebut dipersetujui oleh Mesyuarat Fakulti, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Kualiti-UKM (Kualiti-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen semakan program yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut/pusat akademik perlu diserahkan <u>selewat-lewatnya tiga (3) bulan</u> sebelum program tersebut boleh ditawarkan. 5) Kualiti-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM, dan dokumen sokongan yang meliputi minit Mesyuarat Fakulti). Sekiranya tidak lengkap, Kualiti-UKM akan memulangkan semula kepada Fakulti untuk dilengkapi. 6) Jika dokumen lengkap dan semakan program tidak melebihi 30%, Kualiti-UKM akan memperakukan semakan program untuk penawaran. Walau bagaimanapun, sekiranya perubahan melibatkan perkara-perkara yang memerlukan kelulusan JKPT, Kualiti-UKM akan mengemukakan dokumen kepada Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) untuk memperakukan cadangan semakan program tersebut kepada Senat.	<u>Dipinda</u>	4.1 PROSES DAN PROSEDUR UNTUK SEMAKAN PROGRAM PENGAJIAN 4) Selepas cadangan semakan program tersebut dipersetujui oleh Mesyuarat Fakulti, dokumen tersebut dihantar kepada PENGAJARAN-UKM dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format <i>Microsoft Word</i> atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen semakan program yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut/pusat akademik perlu diserahkan <u>selewat-lewatnya tiga (3) bulan</u> sebelum program tersebut boleh ditawarkan. 5) PENGAJARAN-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM, dan dokumen sokongan yang meliputi minit Mesyuarat Fakulti). Sekiranya tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan memulangkan semula kepada Fakulti untuk dilengkapi. 6) Sekiranya perubahan melibatkan perkara-perkara yang memerlukan kelulusan JKPT, PENGAJARAN-UKM akan mengemukakan dokumen kepada Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) untuk memperakukan cadangan semakan program tersebut kepada Senat serta JKPT.

	<p>7) Jika dokumen lengkap dan semakan program melebihi 30%, Kualiti-UKM melantik ahli panel penilai untuk menilai semakan program pengajian.</p> <p>8) Panel Penilai menyemak dan menilai dokumen yang dihantar sama ada memenuhi keperluan COPPA, Standard Program dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik (KPM). Sekiranya tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, Panel Penilai memaklumkan kepada Kualiti-UKM keperluan yang perlu dibuat penambahbaikan. Proses ini berulang sehingga kriteria tersebut dipenuhi dan Panel Penilai mengemukakan laporan untuk diserahkan kepada Kualiti-UKM.</p> <p>11) JPPA bertindak sebagai pihak yang bertanggungjawab memperakukan cadangan semakan program berdasarkan kepada laporan Panel Penilai. Jika tidak diperakukan, JPPA mengembalikan laporan tersebut kepada Kualiti-UKM untuk disemak semula oleh Panel Penilai.</p> <p>12) Setelah diperakukan oleh JPPA, cadangan semakan program tersebut dikemukakan kepada Senat untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, Urus Setia Senat akan mengembalikan cadangan tersebut kepada Kualiti-UKM yang memaklumkan keputusan tersebut kepada JPPA.</p>		<p>7) - DIGUGURKAN -</p> <p>8) - DIGUGURKAN -</p> <p>11) JPPA bertindak sebagai pihak yang bertanggungjawab memperakukan cadangan semakan program. Jika tidak diperakukan, JPPA mengembalikan laporan tersebut kepada Fakulti/Institu/Pusat untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh PENGAJARAN-UKM.</p> <p>12) Setelah diperakukan oleh JPPA, cadangan semakan program tersebut dikemukakan kepada Senat untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, Urus Setia Senat akan mengembalikan cadangan tersebut kepada PENGAJARAN-UKM yang memaklumkan keputusan tersebut kepada JPPA.</p>
<p>5.4</p>	<p>Lampiran 12.2 Struktur Kurikulum – Perbandingan Kursus Sedia Ada dengan Kursus Baharu</p> <p>iv. Kursus Ko-Kurikulum</p> <p>Penawaran kursus ini bertujuan untuk memantapkan lagi hasil pembelajaran kemahiran insaniah. Pelajar dikehendaki memilih sekurang-kurangnya dua (2) kredit daripada kursus ko-kurikulum yang ditawarkan oleh Universiti dan boleh diambil pada mana-mana semester sepanjang tempoh pengajian sebelum bergraduasi dan dikira dalam PNGK.</p>	<p><u>Dipinda</u></p>	<p>Lampiran 12.2 Struktur Kurikulum – Perbandingan Kursus Sedia Ada dengan Kursus Baharu</p> <p>- DIGUGURKAN -</p>

5.5	<p>4.2 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN PROGRAM PENGAJIAN : KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN</p> <p>Pindaan pada butiran :</p> <p>a. Ringkasan Eksekutif. b. Kertas Cadangan Semakan</p>		<p>4.2 PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK SEMAKAN PROGRAM PENGAJIAN : KERJA KURSUS DAN MOD CAMPURAN</p> <p>Pindaan pada butiran :</p> <p>a. Ringkasan Eksekutif. b. Kertas Cadangan Semakan</p> <p>Mengikut Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam Edisi Kedua yang diterbitkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.</p>
6.	<p>BAB 5 PENYEDIAAN DOKUMEN KURSUS BAHARU DAN SEMAKAN KURSUS</p>		
6.1	<p>5.1 PROSES DAN PROSEDUR PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK CADANGAN KURSUS BAHARU (KURSUS TERAS)</p> <p>iv. Selepas cadangan kursus baharu tersebut dipersetujui oleh Mesyuarat Fakulti, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Kualiti-UKM (Kualiti-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan kursus baharu yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut/pusat akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya <u>dua (2) bulan</u> sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>v. Kualiti-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) dan memastikan kursus yang dipohon memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik, KPM.</p> <p>vi. Kualiti-UKM menilai dan memperakukan cadangan kursus baharu dengan mengeluarkan Perakuan Cadangan Kursus Baharu. Jika tidak diperakukan, Kualiti-UKM mengembalikan laporan tersebut untuk disemak semula dan ditambah baik oleh fakulti/institut/pusat akademik.</p>	<p><u>Dipinda</u></p>	<p>5.1 PROSES DAN PROSEDUR PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK CADANGAN KURSUS BAHARU (KURSUS TERAS)</p> <p>iv. Selepas cadangan kursus baharu tersebut dipersetujui oleh Mesyuarat Fakulti, dokumen tersebut dihantar kepada PENGAJARAN-UKM dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format <i>Microsoft Word</i> atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan kursus baharu yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya <u>dua (2) bulan</u> sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>v. PENGAJARAN-UKM menyemak dan menilai kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) dan memastikan kursus yang dipohon memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik, KPT.</p> <p>vi. PENGAJARAN-UKM menilai dan memperakukan cadangan kursus baharu dengan mengeluarkan Perakuan Cadangan Kursus Baharu. Jika tidak diperakukan, PENGAJARAN-UKM mengembalikan laporan tersebut untuk disemak semula dan ditambah baik oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik.</p>

	<p>vii. Setelah diperakukan oleh Kualiti-UKM, cadangan kursus baharu tersebut dikemukakan kepada JPPA berserta dengan Perakuan Cadangan Kursus Baharu untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, Urus Setia JPPA akan mengembalikan cadangan tersebut kepada Kualiti-UKM yang memaklumkan keputusan tersebut kepada kepada fakulti/institut/pusat akademik.</p>		<p>vii. Setelah diperakukan oleh PENGAJARAN-UKM, cadangan kursus baharu tersebut dikemukakan kepada JPPA berserta dengan Perakuan Cadangan Kursus Baharu untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, Urus Setia JPPA akan mengembalikan cadangan tersebut kepada PENGAJARAN-UKM yang memaklumkan keputusan tersebut kepada kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik.</p>
6.2	<p>5.2 PROSES DAN PROSEDUR PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK CADANGAN KURSUS BAHARU (KURSUS ELEKTIF)</p> <p>v. Selepas cadangan kursus baharu tersebut dipersetujui oleh Mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Citra UKM, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Kualiti-UKM untuk semakan kecukupan dan penjaminan kualiti dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan kursus baharu yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya <u>satu (1) atau dua (2) bulan</u> sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>vi. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh menawarkan kursus baharu kepada pelajar setelah mendapat perakuan oleh Kualiti-UKM.</p>	Dipinda	<p>5.2 PROSES DAN PROSEDUR PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK CADANGAN KURSUS BAHARU (KURSUS ELEKTIF)</p> <p>v. Selepas cadangan kursus baharu tersebut dipersetujui oleh Mesyuarat Fakulti/Institut/Pusat Citra UKM, dokumen tersebut dihantar kepada PENGAJARAN-UKM untuk semakan kecukupan dan penjaminan kualiti dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format <i>Microsoft Word</i> atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen permohonan kursus baharu yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya <u>dua (2) bulan</u> sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>vi. Pengajaran-UKM menilai dan memperakukan cadangan kursus baharu dengan mengeluarkan Perakuan Cadangan Kursus Baharu. Jika tidak diperakukan, Pengajaran-UKM akan mengembalikan kertas cadangan tersebut untuk disemak semula dan di tambah baik di Fakulti/Institut/Pusat Akademik.</p> <p>vii. Setelah diperakukan oleh Pengajaran-UKM, cadangan kursus baharu tersebut dikemukakan kepada JPPA berserta Perakuan Cadangan Kursus Baharu dan petikan minit Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, Urus Setia JPPA akan memaklumkan perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan sebelum dibawa semula ke JPPA.</p> <p>viii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh menawarkan kursus baharu kepada pelajar setelah mendapat kelulusan JPPA.</p>

<p>6.3</p>	<p>5.5 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS (KURSUS WAJIB)</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Fakulti/institut/pusat akademik digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti dan Ketua Jaminan Kualiti (KJK) fakulti/institut dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan. iii. Dokumen semakan kursus yang telah lengkap dibawa ke mesyuarat fakulti/ institut/pusat akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain. iv. Selepas cadangan semakan kursus tersebut dipersetujui oleh mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Kualiti-UKM (Kualiti-UKM) dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen semakan kursus yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut/pusat akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya <u>dua (2) bulan</u> sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan. v. Kualiti-UKM bertanggungjawab menyemak kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM). Jika dokumen yang disemak tidak lengkap, Kualiti-UKM akan mengembalikan laporan tersebut untuk disemak semula dan ditambah baik oleh fakulti/institut/pusat akademik. vi. Kualiti-UKM seterusnya akan menilai dan memastikan kursus tersebut memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik. Jika tidak memenuhi keperluan tersebut, Kualiti-UKM mengembalikan dokumen 	<p>Dipinda</p>	<p>5.5 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS (KURSUS WAJIB)</p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Fakulti/ Institut/Pusat Akademik digalakkan untuk mendapatkan pandangan Penolong Dekan (Kualiti dan Strategi) atau Ketua Jaminan Kualiti (KJK) Fakulti/Institut/Pusat Akademik dari segi penjaminan kualiti bagi memastikan pematuhan kepada dasar dan standard berkaitan. iii. Dokumen semakan kursus yang telah lengkap dibawa ke mesyuarat Fakulti/ Institut/Pusat Akademik yang dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah yang bertanggungjawab menyemak penyediaan kemudahan, sumber manusia, kewangan dan lain-lain. iv. Selepas cadangan semakan kursus tersebut dipersetujui oleh mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik, dokumen tersebut dihantar kepada PENGAJARAN-UKM dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format <i>Microsoft Word</i> atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen semakan kursus yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya <u>dua (2) bulan</u> sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan. v. PENGAJARAN-UKM bertanggungjawab menyemak kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM). Jika dokumen yang disemak tidak lengkap, PENGAJARAN-UKM akan mengembalikan laporan tersebut untuk disemak semula dan ditambah baik oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik. vi. PENGAJARAN-UKM seterusnya akan menilai dan memastikan kursus tersebut memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA, Standard Program dan Garis Panduan Pembangunan Program Akademik. Jika tidak memenuhi keperluan tersebut, PENGAJARAN-UKM mengembalikan dokumen semakan kursus tersebut untuk ditambah baik oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik.
------------	--	----------------	--

	<p>semakan kursus tersebut untuk ditambah baik oleh fakulti/institut/pusat akademik.</p> <p>vii. Sekiranya perubahan semakan kursus kurang daripada 30 peratus, Kualiti-UKM akan memperakukan semakan tersebut dan fakulti/institut/pusat akademik boleh terus menawarkan kursus yang telah disemak kepada pelajar.</p> <p>viii. Kursus dengan peratus perubahan melebihi 30 peratus yang telah diperakukan oleh Kualiti-UKM pula akan dihantar kepada Urus setia JPPA untuk kelulusan. Jika tidak diluluskan, Urus Setia JPPA akan mengembalikan cadangan tersebut kepada Kualiti-UKM yang akan memaklumkan keputusan tersebut kepada fakulti/institut/pusat akademik.</p>		<p>vii. Semua kursus wajib perlu mendapat kelulusan JPPA dan Senat selepas diperakukan oleh Pengajaran UKM. Jika tidak diluluskan, Urus Setia JPPA/Senat akan memaklumkan kepada perkara tersebut kepada Fakulti/Institut/Pusat Akademik untuk dibuat penambahbaikan dan semakan semula oleh Pengajaran -UKM sebelum dibawa semula ke JPPA dan Senat.</p> <p>viii. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh menawarkan kursus kepada pelajar setelah mendapat kelulusan Senat. -</p>
6.4	<p>5.6 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS (KURSUS ELEKTIF)</p> <p>iv. Selepas cadangan semakan kursus tersebut dipersetujui oleh mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik, dokumen tersebut dihantar kepada Pusat Kualiti-UKM untuk semakan kecukupan dan penjaminan kualiti dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen semakan kursus yang telah mendapat kelulusan fakulti/institut/pusat akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya <u>satu (1) atau dua (2) bulan</u> sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>v. Kualiti-UKM bertanggungjawab menyemak kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) dan menilai serta memastikan kursus tersebut memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA dan Standard Program. Jika tidak memenuhi keperluan tersebut, Kualiti-UKM mengembalikan dokumen semakan kursus tersebut untuk ditambah baik oleh fakulti/institut/pusat akademik.</p>	Dipinda	<p>5.6 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN SEMAKAN KURSUS (KURSUS ELEKTIF)</p> <p>iv. Selepas cadangan semakan kursus tersebut dipersetujui oleh mesyuarat fakulti/institut/pusat akademik, dokumen tersebut dihantar kepada PENGAJARAN-UKM untuk semakan kecukupan dan penjaminan kualiti dalam bentuk salinan keras sebanyak dua (2) salinan dan salinan lembut dalam format <i>Microsoft Word</i> atau media yang sesuai. Penghantaran dokumen semakan kursus yang telah mendapat kelulusan Fakulti/Institut/Pusat Akademik perlu diserahkan selewat-lewatnya <u>satu (1) atau dua (2) bulan</u> sebelum kursus tersebut boleh ditawarkan.</p> <p>v. PENGAJARAN-UKM bertanggungjawab menyemak kecukupan dokumen (Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian, UKM) dan menilai serta memastikan kursus tersebut memenuhi keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), MQA dan Standard Program. Jika tidak memenuhi keperluan tersebut, PENGAJARAN-UKM mengembalikan dokumen semakan kursus tersebut untuk ditambah baik oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik.</p>

	vi. Fakulti/institut/pusat akademik boleh menawarkan kursus kepada pelajar setelah mendapat perakuan oleh Kualiti-UKM.		vi. Fakulti/Institut/Pusat Akademik boleh menawarkan kursus kepada pelajar setelah mendapat kelulusan JPPA.
7.	BAB 6 PENYEDIAAN KERTAS CADANGAN KURSUS ELEKTIF BEBAS		
7.1	6.1 KERTAS CADANGAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF BEBAS Kertas cadangan penawaran kursus elektif bebas perlu dilengkapkan oleh fakulti/institut/pusat akademik dan dihantar kepada Kualiti-UKM untuk kelulusan sebelum ditawarkan kepada pelajar. Maklumat yang perlu dinyatakan di dalam kertas cadangan penawaran kursus adalah seperti berikut:	<u>Dipinda</u>	6.1 KERTAS CADANGAN PENAWARAN KURSUS ELEKTIF BEBAS Kertas cadangan penawaran kursus elektif bebas perlu dilengkapkan oleh Fakulti/Institut/Pusat Akademik dan dihantar kepada PENGAJARAN-UKM untuk kelulusan sebelum ditawarkan kepada pelajar. Maklumat yang perlu dinyatakan di dalam kertas cadangan penawaran kursus adalah seperti berikut:
8.	BAB 7 PENJUMUDAN, PEMBEKUAN DAN PELUPUSAN PROGRAM PENGAJIAN		
8.1	7.2 CADANGAN JUMUD PROGRAM PENGAJIAN Bagi membolehkan program pengajian yang telah dijumudkan diaktifkan dan ditawarkan semula kepada pelajar, fakulti/institut/pusat akademik perlu menyediakan kertas semakan program pengajian seperti di dalam Bab 4 Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian UKM. Kertas semakan program pengajian perlu dihantar kepada Pusat Kualiti-UKM (Kualiti-UKM) untuk tujuan penentusahan aspek jaminan kualiti sebelum dihantar kepada urus setia JPPA.	<u>Dipinda</u>	7.2 CADANGAN JUMUD PROGRAM PENGAJIAN Bagi membolehkan program pengajian yang telah dijumudkan diaktifkan dan ditawarkan semula kepada pelajar, fakulti/institut/pusat akademik perlu menyediakan kertas semakan program pengajian seperti di dalam Bab 4 Garis Panduan Penyediaan Dokumen Program Pengajian UKM. Kertas semakan program pengajian perlu dihantar kepada PENGAJARAN-UKM untuk tujuan penentusahan aspek jaminan kualiti sebelum dihantar kepada urus setia JPPA.

8.2	<p>7.3 PROSES DAN PROSEDUR PENJUMUDAN, PEMBEKUAN DAN PELUPUSAN PROGRAM PENGAJIAN</p> <p>iii. Urus setia Senat menyalinkan minit Senat kepada Pusat Pengurusan Akademik (Akademik UKM) dan Kualiti-UKM.</p> <p>iv. Akademik UKM akan menukarkan status aktif kepada status jumud bagi program pengajian yang dijumudkan di Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan memberhentikan promosi serta pengambilan pelajar untuk kohort berkenaan.</p> <p>v. Kualiti-UKM akan mengemas kini status program di dalam Sistem UKM-QR.</p>	Dipinda	<p>7.3 PROSES DAN PROSEDUR PENJUMUDAN, PEMBEKUAN DAN PELUPUSAN PROGRAM PENGAJIAN</p> <p>iii. Urus setia Senat menyalinkan minit Senat kepada Pusat Pengurusan Akademik (Akademik UKM) dan PENGAJARAN-UKM.</p> <p>iv. Akademik UKM akan menukarkan status aktif kepada status jumud bagi program pengajian yang dijumudkan di Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dan memberhentikan promosi serta pengambilan pelajar untuk kohort berkenaan.</p> <p>v. PENGAJARAN-UKM akan mengemas kini status program di dalam Sistem UKM-QR.</p>
9.	SENARAI RUJUKAN		
	Universiti Kebangsaan Malaysia (2015). Dasar Pengajaran dan Pembelajaran (Edisi Kedua). Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia		Universiti Kebangsaan Malaysia (2017). Dasar Pengajaran dan Pembelajaran (Edisi Kedua). Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
10.	Semua Rajah/Carta Alir	Dipinda	Semua Rajah/Carta Alir

LAMPIRAN GARIS PANDUAN YANG BERKAITAN

A. GARIS PANDUAN PENERAPAN AMALAN PENDIDIKAN BERIMPAK TINGGI (HIEPs)

Bagi menyokong inisiatif kerajaan seperti yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) di bawah Lonjakan 1 (Inisiatif A1 – Pementapan Kurikulum), KPM menyarankan agar program pengajian menerapkan strategi dan kaedah penyampaian yang disenaraikan di dalam Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High Impact Educational Practices*, HIEPs) di dalam kursus-kursus yang sesuai di dalam kurikulum supaya tahap pembelajaran pelajar dapat ditingkatkan khususnya pelajar prasiswazah.

HIEP merupakan strategi, kaedah dan reka bentuk pengajaran serta teknik pembelajaran yang terbukti amat bermanfaat dalam memastikan keterlibatan pelajar dan pembelajaran berkesan bagi pelajar pelbagai latar belakang. Strategi dan kaedah penyampaian HIEPs dibangunkan berpandukan kepada tujuh amalan di dalam pendidikan prasiswazah iaitu:

1. Menggalakkan interaksi di antara pelajar dengan pengajar;
2. Memupuk kerjasama sesama pelajar;
3. Menggalakkan pembelajaran secara aktif;
4. Dapat memberikan maklum balas segera terhadap keberkesanan pembelajaran;
5. Memberi penekanan kepada ketepatan masa untuk menyiapkan tugas pelajar;
6. Dapat menyampaikan jangkaan hasil pembelajaran yang tinggi kepada pelajar;
7. Menghormati kepelbagaian bakat dan pendekatan atau cara pembelajaran.

Terdapat empat ciri kaedah penyampaian yang menggunakan pendekatan HIEPs seperti berikut:

1. Pengetahuan tentang budaya dan dunia fizikal dan sebenar:
 - Memberi fokus kepada keterlibatan terhadap isu besar, meruncing dan bersifat kontemporari;
2. Kemahiran intelektual dan praktikal:
 - Dipraktikkan merentas kurikulum secara berperingkat dengan projek/kes yang mencabar kelaziman dan standard berasaskan prestasi;
3. Tanggungjawab sendiri dan sosial:
 - Disangkutkan dengan penyertaan aktif di dalam komuniti yang pelbagai dan cabaran dunia sebenar;
4. Pembelajaran bersepadu dan berpendekatan aplikasi atau gunaan:
 - Ditunjukkan melalui aplikasi pengetahuan, kemahiran dan tanggungjawab dalam menyelesaikan masalah kompleks dan di dalam situasi baharu.

Berpandukan prinsip dan ciri-ciri yang disenaraikan di atas, ia boleh mencetuskan minat dan perasaan ingin tahu serta memupuk kemahiran pembelajaran sendiri dan pembelajaran

sepanjang hayat. Ia juga boleh dipadankan dengan kaedah pentaksiran yang autentik serta berpautkan projek, simulasi atau kes sebenar yang boleh menghasilkan suatu kaedah pentaksiran yang sah dan andal untuk HPK berbentuk pemikiran aras tinggi di dalam domain kognitif (tahap C5 dan C6) serta domain afektif aras tinggi (tahap A4 dan A5). Terdapat sembilan kaedah HIEPs yang memenuhi kriteria tersebut, iaitu (Kuh, 2008):

1. Seminar tahun satu (STS);
2. Penyelidikan empirikal (PEM);
3. Projek/tugasan kolaboratif (PTK);
4. Pembelajaran berasaskan khidmat/komuniti (PKK);
5. Pembelajaran global dan kepelbagaian (PGK);
6. Penulisan Intensif (PI);
7. Tugas rentas disiplin/multidisiplin (TMD);
8. Sangkutan/latihan industri (SLI);
9. Kursus/projek “*capstone*” (KPC).

Selain daripada sembilan kaedah di atas, pembelajaran juga boleh dilaksanakan melalui pembentukan satu komuniti pembelajaran. Matlamat utama komuniti pembelajaran ini adalah untuk menggalakkan penyepaduan pembelajaran merentas kursus dan untuk melibatkan pelajar dengan persoalan besar yang melangkaui batas bilik kuliah. Pelajar boleh mengambil dua atau lebih kursus yang saling berkaitan dalam bentuk kelompok dan bekerja dengan beberapa rakan dengan penyeliaan pensyarah. Banyak komuniti pembelajaran meninjau tajuk dan/atau bacaan umum melalui perspektif disiplin yang berbeza seperti dalam bentuk sastera liberal, kursus profesional dan pembelajaran khidmat. Salah satu contoh pembentukan komuniti pembelajaran yang boleh membantu penyampaian kuliah ialah melalui MOOC (*Massive Open Online Courses*) dengan adanya “pelajar tidak mendaftar” yang turut sama berbincang tetapi mereka hanya menyertai komuniti ini untuk mendapatkan pengetahuan dan/atau berinteraksi untuk menyampaikan pandangan mereka tanpa perlu pentaksiran.

Untuk program pengajian Sarjana Muda empat-tahun, mekanisme pelaksanaan amalan HIEP boleh disusun dan disesuaikan kaedah mengikut tahun pengajian dan skop tugas atau komuniti yang terlibat seperti diberikan di dalam **Rajah A.1**. Beberapa teknik HIEPs seperti STS dan PKK sesuai diadakan pada pengajian Tahun 1 dan dalam konteks komuniti di dalam kampus dan ini boleh memecah blok pemikiran mereka yang dibawa daripada zaman persekolahan untuk menyesuaikan mereka dengan tatacara pembelajaran di universiti yang lebih bersifat terpandu dan sendiri. Manakala pengajian Tahun 3 dan Tahun 4 boleh menggunakan projek atau kes berkaitan dengan komuniti luar kampus dan profesion berkaitan bidang atau program melalui kaedah yang lebih bersifat pembelajaran tentuan sendiri (*self-directed learning – heutagogy*) dan pembelajaran sesama rakan (*learning with peers – peeragogy*) dengan panduan, penyeliaan dan mentoring oleh pengajar atau

penyelaras. Jadual A.2 memberikan beberapa bentuk penawaran kursus yang sesuai dengan kaedah HIEPs tertentu, seperti berikut:

1. Diterapkan sebagai salah satu tugas atau projek mini di dalam satu kursus tertentu;
2. Dilaksanakan secara bersepadu melalui tugas yang merentasi beberapa kursus di dalam program yang sama;
3. Ditawarkan dalam bentuk kursus berasingan secara eksklusif tanpa ada apa-apa kaedah pentaksiran lain, seperti projek ilmiah dan latihan industri;
4. Ditawarkan secara pembelajaran khidmat/komuniti melalui dalam kursus-kursus ko-kurikulum sebagai salah satu kursus Citra atau kursus di dalam bidang major (untuk program yang berkaitan).



Rajah A.1: Mekanisma Pelaksanaan HIEPs untuk Program Pengajian Sarjana Muda 4-tahun

Jadual A.1: Perincian Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi

1. Seminar Tahun Satu (STS)

Banyak kurikulum masa kini menerapkan seminar tahun 1 atau program lain yang membentuk kumpulan kecil pelajar yang diseliasa oleh pensyarah secara berkala. Pengalaman tahun 1 yang paling bermakna adalah apabila ada penekanan yang kuat kepada inkuiri kritikal, penulisan kerap, kecelikan maklumat, pembelajaran kolaboratif dan kemahiran lain yang membentuk kompetensi intelek dan praktikal pelajar. Seminar tahun 1 boleh juga melibatkan persoalan yang menerobos bidang (*cutting-edge*) dalam keserjanaan dan penyelidikan pensyarah.

2. Penyelidikan Empirikal (PEM)

Banyak universiti telah mula menyediakan pengalaman penyelidikan kepada pelajar dalam semua disiplin. Walau bagaimanapun, penyelidikan praxiswazah hanya menjadi kebiasaan dalam disiplin sains buat masa ini. Melalui sokongan kuat daripada penyedia dana dan komuniti penyelidikan, pensyarah boleh melaras kursus mereka untuk membolehkan hubungan kait di antara konsep dan persoalan utama dengan penglibatan awal pelajar yang aktif di dalam penyelidikan dan penyiasatan yang sistematik. Matlamatnya adalah untuk melibatkan pelajar dengan persoalan yang banyak diperdebatkan, pemerhatian empirikal, teknologi yang menerobos bidang dan perasaan teruja yang dapat dirasakan dalam usaha mendapatkan jawapan kepada persoalan penting.

3. Projek/Tugasan Kolaboratif (PTK)

Pembelajaran kolaboratif menggabungkan dua matlamat utama: belajar untuk bekerja dan menyelesaikan masalah di dalam syarikat, dan menajamkan kefahaman dengan mendengar secara serius pandangan pihak lain terutamanya daripada yang mempunyai latar belakang dan kehidupan berbeza. Pendekatan boleh meliputi kumpulan belajar di dalam kursus serta tugasan, penulisan, projek dan penyelidikan yang dilakukan secara berkumpulan.

4. Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti (PKK)

Melalui inisiatif ini, pembelajaran melalui pengalaman berasaskan bidang dengan rakan komuniti boleh dijadikan salah satu strategi penyampaian kursus. Ia adalah untuk menyediakan pelajar terhadap pengalaman langsung kepada isu-isu yang diliputi di dalam kurikulum yang dianalisis bagi menyelesaikan masalah di dalam komuniti. Hasrat utama inisiatif ini adalah supaya pelajar dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari di dalam dunia sebenar dan menyampaikan refleksi tentang pengalaman khidmat mereka di dalam kelas. Ia boleh memupuk nilai bahawa mengembalikan sesuatu kepada komuniti adalah suatu hasil yang penting dan bekerja dengan rakan komuniti adalah baik untuk membentuk sifat kewarganegaraan, kerja dan kehidupan.

5. Pembelajaran Global dan Kepelbagaian (PGK)

Banyak universiti masa kini menekankan kursus dan program yang dapat membantu pelajar meninjau budaya, pengalaman hidup dan pandangan serata dunia yang berbeza dengannya. Kajian ini yang banyak tertumpu kepada kepelbagaian atau/dan budaya sedunia membolehkan tinjauan kepada persoalan yang rumit melibatkan ketaksamaan kaum, etnik, jantina atau perjuangan yang berkaitan hak asasi, kebebasan dan kuasa. Kerap kali, kajian antara budaya disangkutkan dengan pembelajaran dengan pengalaman di dalam komuniti dan/atau di luar negara.

6. Penulisan Intensif dan Sainifik (PIS)

Kursus ini menekankan kepada penulisan di pelbagai peringkat pembelajaran dan merentas kurikulum, termasuk projek tahun akhir. Pelajar digalakkan menghasilkan dan menyemak pelbagai bentuk penulisan untuk pembaca yang berbeza latar belakang dan bidang. Keberkesanan penggunaannya secara berulang di dalam kurikulum boleh menyokong pemupukan kemahiran seperti penaakulan kuantitatif, komunikasi lisan, kecelikan maklumat dan inkuiri tentang etika.

7. Tugasan Rentas Disiplin/Multidisplin (TMD)

Kerangka bagi kurikulum teras telah melalui evolusi yang berubah kepada bentuk moden seperti keperluan kepada sebilangan kursus umum atau program pendidikan umum yang tersusun secara menegak meliputi kajian lanjutan bersepadu dan/atau penyertaan di dalam komuniti pembelajaran. Program-program ini selalunya menggabungkan tema yang luas, seperti teknologi dan masyarakat, kebergantungan global serta isu kontemporari dan kelestarian.

8. Sangkutan/Latihan Industri (SLI)

Sangkutan merupakan satu lagi bentuk yang biasa digunakan untuk pembelajaran melalui pengalaman. Ia adalah untuk menyediakan pelajar dengan pengalaman langsung di dalam persekitaran kerja, yang biasanya berkait dengan kerjaya yang diminati. Ia juga bertujuan untuk menyediakan latihan dan peluang penyeliaan daripada golongan profesional di dalam bidang. Jika sangkutan ini diberi kredit, pelajar perlu melengkapkan projek atau kajian untuk penilaian pensyarah.

9. Kursus/Projek "Capstone" (KPC)

Sama ada ia dirujuk sebagai "capstone" atau nama lain, ia mewakili pengalaman kemuncak yang memerlukan pelajar yang bakal menamatkan pengajian untuk melaksanakan satu projek yang menyepadu dan menggunakan seluruh pengetahuan yang dipelajari di dalam pengajiannya. Projek ini boleh berbentuk kertas penyelidikan, persembahan, portfolio kerja terbaik atau pameran hasil seni.

Sumber: Kuh, G.D. 2008. *High-Impact Educational Practices: What They Are, Who Has Access to Them, and Why They Matter*, Association of American Colleges & Universities.

Jadual A.2: Perincian Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi

No.	Kaedah HIEPs	Tugasan dalam kursus	Tugasan rentas beberapa kursus	Kursus bentuk projek eksklusif	Kursus ko-kurikulum
1.	STS: Seminar Tahun Satu	•		•	
2.	PEM: Penyelidikan Empirik	•		•	
3.	PTK: Projek/Tugasan Kolaboratif	•		•	
4.	PKK: Pembelajaran Berasaskan Khidmat/Komuniti	•		•	•
5.	PGK: Pembelajaran Kepelbagaian dan Global	•		•	•
6.	PIS: Penulisan Intensif dan Sainifik	•	•		
7.	TMD: Tugasan Rentas Disiplin/Multidisiplin		•	•	
8.	SLI: Sangkutan/Latihan Industri	•	•	•	
9.	KPC: Kursus/Projek "Capstone"	•		•	

B. GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN KURIKULUM PENGAJIAN SARJANA MUDA BERASASKAN MODUL 3-LALUAN, MODEL 3U1i DAN 2U2i

1.0 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan panduan bagi membantu fakulti membangunkan reka bentuk dan struktur kurikulum untuk penawaran program sarjana muda berasaskan modul 3-laluan, model 3U1i dan 2U2i.

2.0 Skop

Garis panduan ini boleh digunakan untuk semua program sarjana muda yang ditawarkan dalam tempoh empat tahun pengajian. Ia dibangunkan selepas mengambil kira dasar-dasar jaminan kualiti semasa serta keperluan yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan/atau badan profesional yang berkaitan.

3.0 Modul 3- Laluan

3.1 Program pengajian yang ditawarkan mengikut modul 3-laluan menggunakan sebilangan kursus elektif yang dikelompokkan mengikut tiga modul berbeza dengan jumlah kredit kursus sekurang-kurangnya 15 kredit dan ditawarkan pada semester ketujuh. Jumlah kredit minimum bagi keseluruhan program ialah 120 kredit. Setiap modul memfokuskan kepada laluan pendidikan pelajar selepas tamat pengajian. Laluan-laluan tersebut adalah seperti berikut:

i) Laluan 1 - Laluan Pengkhususan Bidang

- Laluan ini menawarkan kursus-kursus yang memfokuskan kepada aspek pengetahuan dan kemahiran lanjutan dalam bidang pengajian major.
- Pelajar yang memilih laluan ini akan mendapat kelebihan apabila melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi dalam bidang pengkhususan yang sama kerana telah didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran lanjutan yang berkaitan dengan bidang pengajian tersebut.
- Hasil yang disasarkan: Pakar Bidang dan Pensyarah

ii) Laluan 2 – Laluan Pembangunan Profesional

- Laluan ini menawarkan kursus-kursus yang boleh menyediakan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan majikan seperti

kemahiran pengurusan, kemahiran interpersonal dan kemahiran teknikal untuk penggunaan peralatan atau perisian tertentu.

- Kursus-kursus ini boleh ditawarkan selari dengan pelaksanaan kursus-kursus jangka pendek melalui pendidikan bukan formal yang membawa kepada penganugerahan sijil kursus.
- Pelajar yang memilih laluan ini dapat menyesuaikan diri di alam pekerjaan dengan lebih baik kerana memiliki kemahiran yang diperlukan untuk pekerjaan tersebut.
- Hasil yang disasarkan: Modal insan untuk pasaran kerja.

iii) Laluan 3 – Laluan Keusahawanan

- Laluan ini menawarkan kursus-kursus yang memfokus kepada kemahiran pengurusan, keusahawanan dan kemahiran yang diperlukan untuk memulakan perniagaan.
- Kursus-kursus ini boleh ditawarkan dengan kerjasama pihak CESMED dan boleh juga mengandungi kursus-kursus elektif sedia ada dalam program berkenaan yang menyokong komponen pengurusan dan keusahawanan.
- Pelajar yang memilih laluan ini dijangka mampu menjalankan perniagaan sendiri serta menghasilkan peluang pekerjaan kepada individu lain.
- Hasil yang disasarkan: Usahawan berlatar belakang bidang pengajian major.

3.2 Penentuan laluan pengajian ditentukan sendiri oleh pelajar berdasarkan minat, kecenderungan dan hala tuju pelajar yang ingin dicapai setelah menamatkan pengajian.

3.3 Modul 3-laluan boleh dimulakan lebih awal, contohnya pada semester keenam, sekiranya program menawarkan beberapa kursus elektif lebih awal atau lebih lewat pada semester kelapan bagi program yang tertakluk kepada keperluan standard program tertentu seperti yang menghadkan jumlah kredit Latihan Industri/Praktikum enam kredit atau kurang dan yang tidak membenarkan Latihan Industri/Praktikum dilaksanakan pada semester terakhir.

- 3.4 Kursus-kursus yang ditawarkan dalam tiga laluan di atas boleh dikongsi dalam beberapa laluan yang berlainan bergantung kepada kesesuaian kursus tersebut.
- 3.5 Modul 3-laluan ini perlu dilengkapi dengan Latihan Industri/Praktikum selama sekurang-kurangnya 24 minggu atau 12 kredit, tertakluk kepada had dan kekangan yang ditetapkan oleh standard program untuk Latihan Industri/Praktikum.
- 3.6 Struktur program yang dicadangkan untuk modul 3-laluan ini adalah seperti di **Lampiran B1**.

4.0 Model 3U1i

- 4.1 Struktur kurikulum ini membolehkan pelajar mengikuti pengajian tiga tahun di Universiti diikuti dengan sangkutan di industri selama setahun melalui pembelajaran berasaskan kerja selama satu semester dan Latihan Industri/Praktikum selama sekurang-kurangnya 24 minggu atau 12 Kredit. Kredit minimum bagi model kurikulum ini ialah 120 kredit.
- 4.2 Untuk sangkutan di Industri selama satu semester, pelajar perlu mendaftar kursus tertentu pada semester ketujuh yang menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan kerja (WBL – *work based learning*) dengan jumlah kredit yang sesuai, contohnya 14 kredit, dan menghabiskan sekurang-kurangnya 18 minggu di industri tidak termasuk minggu pentaksiran dan dibimbing oleh penyelia/pelatih di industri.
- 4.3 Semasa di industri pelajar akan berhubung dengan pensyarah di universiti secara dalam talian atau saluran komunikasi yang sesuai bagi mendapatkan aspek teori tentang kursus yang diikuti dengan nisbah tertentu, contohnya nisbah teori:amali bersamaan 30:70.
- 4.4 Untuk model ini, had kursus Citra dikurangkan kepada 30 kredit sahaja setelah mengambil kira aspek kemahiran generik yang diterapkan melalui pendekatan WBL.
- 4.5 Model ini perlu dilengkapi dengan Latihan Industri/Praktikum selama sekurang-kurangnya 24 minggu atau 12 kredit pada semester kelapan, tertakluk kepada had dan kekangan yang ditetapkan oleh standard program untuk Latihan Industri/Praktikum.
- 4.6 Model ini perlu dilengkapi dengan Projek Ilmiah atau Projek Industri dengan jumlah kredit yang sesuai bagi memastikan pengiktirafan ijazah untuk pelajar

yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat lebih tinggi di institusi lain dalam dan luar negara.

- 4.7 Struktur program yang dicadangkan untuk program 3U1i ini adalah seperti di **Lampiran B2: Cadangan Struktur Program 3U1i** .

5.0 Modul 2U2i

- 5.1 Struktur kurikulum ini membolehkan pelajar mengikuti pengajian dua tahun di Universiti diikuti dengan sangkutan di Industri selama dua tahun melalui pembelajaran berasaskan kerja selama tiga semester dan Latihan Industri/Praktikum selama sekurang-kurangnya 24 minggu atau 12 kredit. Kredit minimum bagi model kurikulum ini ialah 120 kredit.
- 5.2 Untuk sangkutan di Industri selama tiga semester, pelajar perlu mendaftar kursus-kursus tertentu pada semester kelima hingga ketujuh yang menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan kerja (WBL – *work based learning*) dengan jumlah kredit yang sesuai, contohnya 14 kredit, dan menghabiskan sekurang-kurangnya 18 minggu di industri tidak termasuk minggu pentaksiran dan dibimbing oleh penyelia/pelatih di industri.
- 5.3 Semasa di industri pelajar akan berhubung dengan pensyarah di universiti secara dalam talian atau saluran komunikasi yang sesuai bagi untuk mendapatkan aspek teori tentang kursus-kursus yang diikuti dengan nisbah tertentu, contohnya nisbah teori:amali bersamaan 50:50 atau 30:70.
- 5.4 Untuk model ini had kursus Citra dikurangkan kepada 30 kredit sahaja setelah mengambil kira aspek kemahiran generik yang diterapkan melalui pendekatan WBL.
- 5.5 Model ini perlu dilengkapi dengan Latihan Industri/Praktikum selama sekurang-kurangnya 24 minggu atau 12 kredit pada semester kelapan, tertakluk kepada had dan kekangan yang ditetapkan oleh standard program untuk Latihan Industri/Praktikum.
- 5.6 Model ini perlu dilengkapi dengan Projek Ilmiah atau Projek Industri dengan jumlah kredit yang sesuai semasa menjalani sangkutan di industri melalui mekasma WBL bagi memastikan pengiktirafan ijazah untuk pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi di institusi lain dalam dan luar negara.

- 5.7 Struktur program yang dicadangkan untuk program 2U2i ini adalah seperti di **Lampiran B2: Cadangan Struktur Program 2U2i**.

6.0 Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL)⁵⁰

- 6.1 Pendekatan WBL boleh ditawarkan melalui program pengajian 3U1i dan 2U2i.
- 6.2 Pelaksanaan WBL membolehkan program menyampaikan kursus kepada pelajar dalam bentuk teori ketika pelajar sedang mendapatkan pembelajaran dalam dan dari tempat kerja.
- 6.3 Penyampaian kursus ini boleh dibuat secara dalam talian seperti MOOC (*Massive Open Online Courses*) dan melalui Sistem UKMFolio. Adalah digalakkan kursus-kursus yang disampaikan semasa WBL adalah kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang major yang membolehkan pelajar menggunakan kemahiran yang ingin dicapai oleh kursus tersebut melalui aktiviti amali di industri dan/atau yang berkaitan dengan pembangunan profesional.
- 6.4 Untuk menjayakan proses ini, kerjasama rasmi di antara Universiti dan Industri perlu diwujudkan melalui Memorandum Persefahaman atau Memorandum Perjanjian bagi memastikan pembelajaran pelajar lebih terstruktur dan selari dengan teori yang disampaikan oleh pensyarah Universiti dan amali yang disampaikan oleh pihak industri.
- 6.5 Antara perkara yang perlu diberi perhatian semasa melaksanakan WBL adalah:
- a) hasil pembelajaran kursus;
 - b) jadual pembelajaran WBL yang dipersetujui oleh pihak Universiti dan Industri;
 - c) penyeliaan oleh universiti dan industri;
 - d) lantikan jurulatih dalam kalangan kakitangan industri;
 - e) pentaksiran dan jam pentaksiran untuk teori dan amali;
 - f) latihan dan penilaian penyelia/pelatih industri;
 - g) peruntukan sumber manusia, kewangan dan fizikal; dan
 - h) khidmat sokongan pelajar seperti dokumen rujukan, kaunseling dan khidmat sokongan akademik untuk menyokong dan menjayakan WBL.

⁵⁰ Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja, MQA (2016)

Lampiran B1: Cadangan Struktur Program 3-Laluan

Sem 8	Latihan Industri (12 kredit/24 minggu)		Elektif + Projek Ilmiah (15-20 kredit)		Latihan Industri (12 kredit/24 minggu)		Elektif + Projek Ilmiah (15-20 kredit)	
Sem 7	Elektif + Projek Ilmiah (15-20 kredit)		Latihan Industri (12 kredit/24 minggu)		Elektif + Projek Ilmiah (15-20 kredit)		Latihan Industri (12 kredit/24 minggu)	
Sem 6	Major + Projek Ilmiah (15-20 kredit)		Major + Projek Ilmiah (15-20 kredit)		Major + Projek Ilmiah (15-20 kredit)		Major + Projek Ilmiah (15-20 kredit)	
Sem 5	Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)		Major (15-20 kredit)	
Sem 4	Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)		Major (15-20 kredit)		Major (15-20 kredit)	
Sem 3	Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)		Major (15-20 kredit)		Major (15-20 kredit)	
Sem 2	Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)		Citra (15-20 kredit)		Citra (15-20 kredit)	
Sem 1	Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)		Citra (15-20 kredit)		Citra (15-20 kredit)	
	Model 1A Elektif 3-laluan		Model 1B Elektif 3-laluan		Model 1C Elektif 3-laluan		Model 1D Elektif 3-laluan	

Lampiran B2: Cadangan Struktur Program 3U1i dan 2U2i

Sem 8	Latihan Industri (12 kredit/24 minggu)		Latihan Industri (12 kredit/24 minggu)	
Sem 7	WBL ² + Projek Ilmiah (14-20 kredit)		WBL ² + Projek Ilmiah (14-20 kredit)	
Sem 6	Major + Elektif + Projek Ilmiah (15-20 kredit)		WBL ^{1,2} + Projek Ilmiah (14-20 kredit)	
Sem 5	Major + Citra (15-20 kredit)		WBL ¹ (14 kredit)	¹ Agihan Teori:Amali = 50:50; ² Agihan Teori:Amali = 30:70; (Teori disampaikan melalui platform e-pembelajaran)
Sem 4	Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)	
Sem 3	Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)	
Sem 2	Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)	
Sem 1	Major + Citra (15-20 kredit)		Major + Citra (15-20 kredit)	

Model 3U1i

Model 2U2i

C. GARIS PANDUAN PROGRAM SIJIL PROFESIONAL

1.0 Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk menyediakan panduan bagi membantu Pusat Tanggungjawab (PTJ) mereka bentuk dan membangunkan kurikulum untuk penawaran program Sijil Profesional.

2.0 Takrif

Program Sijil Profesional UKM merupakan program pendidikan bukan formal (*non-formal education*) berbentuk pembangunan pengetahuan dan kemahiran setaraf dengan Tahap 4-7 Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang ditawarkan untuk memberikan nilai tambah kepada pengetahuan dan kemahiran ikhtisas dan profesional individu untuk melaksanakan tugas tertentu. Program ini berbeza dengan Sijil Kemahiran Tahap 1-3 MQF yang ditawarkan secara formal oleh institut pendidikan vokasional dan teknikal. Pihak yang menerima pembelajaran melalui program ini dirujuk sebagai 'pelajar'.

3.0 Dasar dan Skop

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi (IPT) yang diberi status swaakreditasi, UKM perlu memastikan proses penjaminan kualiti untuk Sijil Profesional dilaksanakan seperti program-program lain yang ditawarkan di samping mematuhi dasar-dasar dalaman dan luaran yang ditetapkan oleh pihak-pihak berautoriti seperti Senat, KPT dan MQA.

Justeru, garis panduan ini dibangunkan dan dijadikan rujukan kepada PTJ yang ingin menawarkan program Sijil Profesional. Kerangka struktur program Sijil Profesional dibangunkan berasaskan kepada dua kategori seperti berikut:

- a) Program Sijil Profesional yang berasaskan kepada program sedia ada yang telah mendapat kelulusan Senat UKM; dan
- b) Program Sijil Profesional yang berasaskan kepada kurikulum sendiri (*stand-alone*) yang bukan sebahagian daripada program yang sedang ditawarkan.

Program Sijil Profesional UKM tidak tertakluk sepenuhnya kepada keperluan jaminan kualiti yang ditetapkan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dari segi jumlah kredit minimum dan hasil pembelajaran kelayakan yang setara. Kelulusan program ini bersifat *one-off* selama lima tahun dan tidak tertakluk kepada keperluan semakan program serta proses akreditasi.

4.0 Struktur Program

- 4.1 Program Sijil Profesional boleh ditawarkan oleh semua PTJ di UKM, sama ada PTJ Akademik atau PTJ Perkhidmatan.
- 4.2 Struktur program boleh terdiri daripada satu kursus ataupun gabungan daripada beberapa kursus. Sekiranya kursus yang dicadangkan bukan sebahagian daripada kursus dalam program pengajian, maklumat kursus tersebut perlu disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Senat.
- 4.3 Jumlah kredit minimum untuk program ini ialah satu kredit dan jumlah kredit maksimum ialah 19 kredit. Pengesahan perolehan kredit perlu disandarkan kepada kaedah pentaksiran yang sewajarnya bagi setiap pelajar.
- 4.4 Program ini boleh ditawarkan secara sepenuh masa atau separuh masa. Sekiranya ditawarkan secara separuh masa, beban pelajar separuh masa mestilah tidak melebihi 50% daripada beban pelajar sepenuh masa. Di dalam hal ini, beban pelajar dikira berdasarkan jumlah kredit yang diambil pada semester tersebut atau jangka masa program.
- 4.5 Program ini perlu mempunyai hasil pembelajaran yang dipetakan dengan Domain Hasil Pembelajaran MQF dan pemetaan ini ditunjukkan melalui matriks kurikulum. Matriks ini menghubungkan Hasil Pembelajaran Program dengan kursus serta Hasil Pembelajaran Kursus.
- 4.6 Pelaksanaan program ini boleh dibuat serentak dengan minggu pengkuliahkan yang ditetapkan oleh Kalendar Akademik UKM atau mengikut jadual sendiri dengan syarat jumlah kredit per semester atau di dalam jangka masa program itu mematuhi dasar jaminan kualiti sedia ada, tertakluk kepada jangka masa maksimum 17 minggu untuk penawaran sepenuh masa.
- 4.7 Sekiranya program Sijil Profesional mengambil sepenuhnya kursus-kursus daripada satu-satu program akademik, hanya satu program Sijil Profesional dibenarkan untuk program akademik tersebut dan kelayakan masuknya perlu sama dengan kelayakan masuk ke program asal.
- 4.8 Untuk program Sijil Profesional yang dibangunkan dengan kerjasama pihak luar, permohonan perlu disokong dengan Memorandum Persefahaman atau Memorandum Perjanjian dan penganugerah sijil hendaklah daripada PTJ yang memohon.
- 4.9 Program ini tertakluk kepada proses semakan program sekiranya penawaran program ini ingin diteruskan selepas lima tahun. Sekiranya penawarannya diteruskan dan program melepasi proses semakannya, daftar program ini akan

dilanjutkan kepada tarikh baharu di dalam sistem UKM-QR seperti di dalam kelulusan Senat.

5.0 Syarat Kemasukan ke Program Sijil Profesional

- 5.1 Syarat kemasukan ke program Sijil Profesional UKM yang berasaskan kepada program sedia ada adalah tertakluk kepada syarat kemasukan asal program tersebut yang telah diluluskan oleh Senat.
- 5.2 Bagi calon pelajar yang masih menuntut di IPT, syarat berikut perlu dipatuhi sebelum memohon ke program Sijil Profesional:
 - i. mendapatkan kelulusan daripada Dekan di fakulti masing-masing untuk mengikuti program Sijil Profesional di UKM;
 - ii. mendapatkan kelulusan daripada Dekan di fakulti masing-masing untuk menanggung lebih beban pembelajaran bagi semester yang berkaitan apabila mengikuti program Sijil Profesional di UKM.

6.0 Pemindahan Kredit

- 6.1 Pelajar yang mendapat Sijil Profesional bagi program ini boleh dipertimbangkan untuk pemindahan kredit melalui prosedur APEL (C)⁵¹ ke dalam mana-mana program pengajian yang bakal atau sedang diambil di UKM.
- 6.2 Pemindahan kredit mendatar atau menegak daripada program Sijil Profesional kepada mana-mana program selain daripada prosedur APEL (C), adalah tidak dibenarkan.
- 6.3 Untuk program-program yang tertakluk kepada keperluan badan profesional, pemindahan kredit melalui prosedur APEL(C) adalah tertakluk kepada kebenaran badan profesional tersebut.

7.0 Permohonan Program Sijil Profesional UKM

- 7.1 Permohonan kelulusan program Sijil Profesional UKM perlu dilakukan oleh PTJ dengan melengkapkan borang permohonan seperti di **Lampiran B**. Permohonan yang telah lengkap perlu dihantar kepada Pusat Kualiti-UKM untuk pengesahan aspek jaminan kualiti dan kemudiannya kepada urus setia Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA) .

⁵¹ Tertakluk kepada kelulusan MQA terhadap permohonan pelaksanaan APEL (C) di UKM.

- 7.2 Semua program akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat JPPA dan kelulusan tersebut dimaklumkan kepada Senat UKM. Seterusnya, ia akan didaftarkan di dalam Sistem Daftar Kelayakan UKM (UKM-QR) berserta spesifikasi program dan jangka masa sah penawarannya.

8.0 Penganugerahan Sijil Profesional

- 8.1 Pelajar akan dianugerahkan Sijil Profesional oleh PTJ yang menawarkan program setelah melengkapkan keperluan kursus dan mencapai hasil pembelajaran semua kursus di dalam program dengan disahkan oleh kaedah pentaksiran yang cadangkan di dalam Pelan Pentaksiran Kursus dengan pencapaian yang memuaskan.
- 8.2 Bagi pengesahan penyertaan, sijil kehadiran boleh dikeluarkan tetapi pelajar tidak boleh diberi kredit sekiranya pembelajaran tidak disahkan oleh kaedah pentaksiran yang sesuai.
- 8.3 Sijil Profesional perlu ditanda tangan oleh Dekan/Pengarah/Ketua dan pengajar atau penyelaras program.

Lampiran B: Borang permohonan Penawaran Program Sijil Profesional

A. Ringkasan Eksekutif

RINGKASAN EKSEKUTIF CADANGAN PROGRAM SIJIL PROFESIONAL

RINGKASAN EKSEKUTIF		
1.	FAKULTI YANG MEMOHON	
2.	ALAMAT PROGRAM DIJALANKAN Sama ada: <ul style="list-style-type: none"> • Kampus Bangi • Kampus Cheras • Kampus Kuala Lumpur • Pusat Penyelidikan/ Pusat Kecemerlangan/ Makmal Alami* • Pusat Pembelajaran (untuk program PKP dan jarak jauh)* 	
3.	TUJUAN PROGRAM	
4.	PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON	
5.	PENAWARAN PROGRAM Sama ada secara: <ul style="list-style-type: none"> • Program Sijil Profesional menerusi program sedia • Program Sijil Profesional kurikulum sendiri (<i>stand-alone</i>). 	
6.	SESI PENGAJIAN PROGRAM SIJIL PROFESIONAL DIMULAKAN	
7.	HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM	
8.	STRUKTUR KURIKULUM	
9.	SILIBUS	
10.	SYARAT KEMASUKAN	
11.	IMPLIKASI KAKITANGAN, FIZIKAL DAN KEWANGAN	(d) Implikasi Kakitangan; (e) Implikasi Fizikal; (f) Implikasi Kewangan.
12.	TARIKH PROGRAM DILULUSKAN	(f) Mesyuarat Fakulti/Institut; (g) Senat;
13.	KESIMPULAN/SYOR	

B. Kertas Cadangan Program Baharu

1. PUSAT TANGGUNGJAWAB YANG MEMOHON

Nyatakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang memohon program.

2. ALAMAT PROGRAM DIJALANKAN

Nyatakan alamat aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan seperti:

- i. Kampus Bangi; dan/atau
- ii. Kampus Cheras; dan/atau
- iii. Kampus Kuala Lumpur; dan/atau
- iv. Pusat Penyelidikan/Pusat Kecemerlangan/Makmal Alami; dan/atau
- v. Pusat Pembelajaran.

3. TUJUAN PROGRAM

Nyatakan tujuan program diwujudkan. Pernyataan tujuan program perlu mengandungi maklumat falsafah, hasrat dan kewajaran mengadakan program. Pernyataan tujuan program juga perlu menunjukkan ianya menyokong keperluan Revolusi Perindustrian Ke-4.

4. PROGRAM PENGAJIAN YANG DIPOHON

- i. Nyatakan nama program dan nama sijil yang akan dianugerahkan di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
- ii. Nyatakan singkatan program di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
- iii. Sekiranya ia melibatkan penawaran bersama institusi lain, nyatakan nama institusi dan nama program yang berkaitan di institusi berkenaan.

5. PENAWARAN PROGRAM

Nyatakan dengan jelas penawaran program Sijil Profesional sama ada secara:

- i. Sijil Profesional menerusi program sedia (Nyatakan program sedia ada yang berkaitan);
- ii. Sijil Profesional menerusi kurikulum sendiri (*stand-alone*).

6. SESI PENGAJIAN PROGRAM SIJIL PROFESIONAL DIMULAKAN

Nyatakan tahun dan sesi program akan dimulakan. Contoh: Semester 1 Sesi 2019/2020 (Oktober 2020).

7. HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

- 1.0 Nyatakan tahap kompetensi yang akan ditunjukkan oleh pelajar pada akhir program, seperti penguasaan pengetahuan dalam pelbagai bidang termasuk

ICT, daya intelek, dari segi menyelesaikan masalah, membuat keputusan secara kreatif, berketrampilan, praktikal, kebolehan berkomunikasi, berfikir secara kritikal, sikap dan akhlak sebagai warganegara yang bertanggungjawab serta berupaya meningkatkan kebolehan diri.

Tunjukkan kaitan antara keupayaan pada akhir program (Hasil Pembelajaran Program) dengan keupayaan yang akan diperolehi dalam alam pekerjaan (objektif program) dan Matlamat Pendidikan. Bagi menyokong perkara ini, sediakan **Jadual Matriks** seperti di lampiran berikut:

- **Lampiran 7.1:** Matriks hubungan Hasil Pembelajaran Program dengan Matlamat Pendidikan Program (Tahap kelayakan Sijil Profesional adalah sejajar dengan Tahap 7, MQF).

8. STRUKTUR KURIKULUM

- Nyatakan struktur kurikulum berdasarkan agihan jam kredit dalam bentuk jadual seperti di **Lampiran 8.1**. Agihan kredit mengikut semester (maksimum 19 kredit) dengan jangka masa maksimum satu semester biasa atau 17 minggu.
- Nyatakan sinopsis kursus dan lampirkan senarai buku teks/rujukan (rujuk **Lampiran 8.2**).

9. SILIBUS

- Objektif dan Hasil Pembelajaran Kursus ditulis berteraskan Hasil Pembelajaran Program.
- Sinopsis ditulis dengan ayat yang lengkap untuk menggambarkan objektif kursus.
- Kandungan menggambarkan objektif kursus, hasil pembelajaran kursus dan tahap taksonomi yang diperlukan.
- Jumlah kredit yang dikira mengikut jumlah Jam pembelajaran pelajar (*student learning time*) atau jam nosional (*notional hours*).
- Kaedah pentaksiran mengikut format Pelan Pentaksiran Kursus yang ditetapkan.
- Rujukan terkini (lima tahun ke belakang) dan mengikut gaya UKM.

Untuk perkara 15(i-vi):

- Format maklumat untuk setiap kursus perlu disediakan seperti di **Lampiran 8.2** untuk contoh maklumat kursus. Maklumat ini mengandungi dua bahagian:
 - c. Komponen yang perlu kelulusan Senat iaitu kod kursus, nama kursus, kredit, sinopsis, pra-keperluan, keperluan kursus untuk menduduki peperiksaan, hasil pembelajaran kursus dan senarai rujukan⁵²; dan
 - d. Komponen yang kandungannya boleh diluluskan di peringkat PTJ seperti rancangan mengajar dan pelan pentaksiran kursus.

10. SYARAT KEMASUKAN

- i. Nyatakan syarat kemasukan am dan khusus serta sebarang keperluan kelayakan asas termasuk band MUET (jika berkaitan);
- ii. Nyatakan keperluan dan kemahiran prasyarat serta syarat/kelayakan lain jika diperlukan;
- iii. Nyatakan keperluan pelajar untuk mengambil apa-apa kursus khas bagi mereka yang tidak memenuhi kriteria kemasukan di dalam (i).

11. IMPLIKASI KAKITANGAN, FIZIKAL DAN KEWANGAN⁵³

- iv. Implikasi Kakitangan:
 - Carta organisasi PTJ;
 - Senaraikan tenaga pengajar sedia ada untuk program pengajian yang dipohon berserta kelayakan, kepakaran dan kemahiran serta kesepadanan kelayakan dan kepakaran dengan bidang pengajian;
 - Nyatakan jumlah kakitangan sokongan sedia (termasuk jawatan dan penempatan) yang membantu pelaksanaan program ini.
- v. Implikasi Fizikal:
 - Kemudahan-kemudahan fizikal, makmal, peralatan dan pusat sumber di PTJ yang sama atau di dalam UKM yang sedia ada dan akan digunakan untuk program ini.
- vi. Implikasi Kewangan:
 - Keperluan peruntukan pembangunan program;

⁵² Senarai rujukan perlulah mengandungi bahan bacaan yang diterbitkan dalam masa 5 tahun daripada tarikh kertas cadangan ini dipohon untuk kelulusan. Sekiranya bahan tersebut ingin dikekalkan, ia perlu dikemas kini dengan edisi dan tahun penerbitan terbaharu. Walau bagaimanapun, penyenaian bahan bacaan melebihi lima tahun masih dibenarkan sekiranya ia merupakan rujukan bersifat klasik dan/atau diperlukan untuk penjelasan teori atau konsep untuk kursus tersebut.

⁵³ Implikasi kakitangan, fizikal dan kewangan perlu berpadanan dengan pilihan lokasi pengajaran dan pembelajaran yang dinyatakan dalam Perkara 2.

- Keperluan peruntukan mengurus (termasuk emolumen kakitangan) bagi tempoh lima tahun;
- Nyatakan sama ada terdapat kemudahan lain yang menyokong kepada keberkesanan program.

12. TARIKH PROGRAM DILULUSKAN

Nyatakan tarikh program diluluskan oleh pihak-pihak berikut:

- a. Mesyuarat PTJ;
- b. JPPA;
- c. Senat;

13. KESIMPULAN/SYOR

Nyatakan kesimpulan/syor ke atas cadangan program

Lampiran 7.1: Matriks hubungan Hasil Pembelajaran Program dengan Matlamat Pendidikan Program

Hasil Pembelajaran Program (HPP)		MP1	MP2	MP3
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				

Lampiran 8.1 Struktur Kurikulum

Komponen	Semester 1			Semester 2			Semester 3		
	Kod	Kursus	Kredit	Kod	Kursus	Kredit	Kod	Kursus	Kredit
Kursus Kaedah Penyelidikan									
Kursus bidang profesional									
Projek									
Jumlah Kredit	-			-			-		

Lampiran 8.2 Maklumat Kursus

1. **Kod Kursus** :
2. **Nama Kursus** :
3. **Kredit** :
4. **Sinopsis** :
5. **Pra-Keperluan** :
6. **Keperluan Kursus⁵⁴ untuk Menduduki Peperiksaan:**
7. **Rujukan** :
8. **Senarai Hasil Pembelajaran Kursus:**

HPK1 :	
HPK2 :	
HPK3 :	
HPK4 :	

⁵⁴ Keperluan Kursus boleh meliputi peratusan kehadiran, bilangan/peruntukan markah tugas/laporan yang telah dihantar, bilangan/peruntukan markah ujian yang telah diduduki serta komponen pentaksiran lain sepanjang minggu pengkuliah. Pelajar yang dihalang untuk menduduki peperiksaan perlu dikenal pasti selewat-lewatnya dua minggu sebelum peperiksaan bermula dan tertakluk kepada kelulusan Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik.

9. Pelan Pentaksiran:

Kod Kursus: Nama Kursus Pada akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk:	Tahap Taksonomi	HPP*/MQF**	Pemboleh (1) / Penentu (2)	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran (%)				Jam Pembelajaran Pelajar, (SLT) (jam)
1.									
2.									
3.									
4.									

*Diisi oleh PTj

Lampiran 11.1 Staf Akademik dan Staf Sokongan

C. Maklumat ringkas berkenaan setiap staf akademik yang terlibat mengendalikan program:

Jadual 1 Ringkasan maklumat staf akademik yang terlibat dalam program

	Nama dan jawatan staf akademik	Status lantikan (sepenuh masa, separuh masa, kontrak, dll.)	Kewarganegaraan	Modul diajar dalam program	Modul Diajar Dalam Program lain	Kelayakan Akademik		Pengalaman Kerja		
						Kelayakan, Lapangan Pengkhususan, Tahun Pengijazahan	Nama institusi dan negara yang menganugerah	Jawatan yang dipegang	Majikan	Tahun perkhidmatan (mula dan akhir)
1.										
2.										
3.										

Sertakan biodata setiap staf akademik yang mengajar program ini, dengan perkara berikut:

- | | |
|---|----------------------------------|
| i. Nama Penuh | vi. Persidangan dan Latihan |
| ii. Kelulusan Akademik | vii. Penyelidikan dan Penerbitan |
| iii. Keahlian Profesional Semasa | viii. Perundingan |
| iv. Tanggungjawab Pengajaran dan Pentadbiran Semasa | ix. Khidmat Masyarakat |
| v. Pengalaman Kerja | x. Maklumat lain yang berkaitan |

D. Maklumat ringkas berkenaan setiap staf sokongan yang terlibat mengendalikan program:

Jadual 2 Ringkasan maklumat staf sokongan yang terlibat dalam program

	Nama	Jawatan	Kelayakan	Penempatan
1.				
2.				
3.				

Lampiran 11.2 Senarai Kemudahan Fizikal

	Kemudahan	Semasa			Unjuran Penambahan			
		Bil.	Kapasiti	Lokasi	Tahun 1		Tahun 2	
					Bil.	Kapasiti	Bil.	Kapasiti
1	Dewan Kuliah							
2	Bilik Tutorial							
3	Bilik Perbincangan							
4	Kemudahan Klinikal							
5	Makmal dan Bengkel							
	- Makmal penyelidikan							
	- Makmal Komputer							
	- Makmal Sains							
	- Makmal Bahasa							
	- Bengkel Kejuruteraan							
	- Bengkel Pemprosesan							
	- Bengkel Pembuatan							
	- Studio							
	- Lain-lain							
6	Perpustakaan dan Pusat Sumber							
7	Ruang Sosial Pelajar							
8	Kemudahan-kemudahan lain							